

Menelusuri ISU-ISU KONTEMPORARI ZAKAT

Kata Pengantar oleh

Profesor Emeritus Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Abd Majid

EDITOR

Razali Md. Jani
Muhsin Nor Paizin
Luqman Haji Abdullah
Muhammad Ikhlas Rosele



Menelusuri ISU-ISU KONTEMPORARI **ZAKAT**

Kata Pengantar oleh

Profesor Emeritus Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Abd Majid

EDITOR

Razali Md. Jani
Muhsin Nor Paizin
Luqman Haji Abdullah
Muhammad Ikhlas Rosele

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Buku Menelusuri Isu-isu Kontemporari Zakat
Razali Md Jani dan Muhsin Nor Paizin
ISBN 978-967-14685-0-0

Terbitan 2016

Hakcipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini yang boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada Pusat Pungutan Zakat.

Diterbitkan oleh:

Pusat Pungutan Zakat (PPZ)
Wisma PPZ, 68-1-6, Dataran Shamelin,
Jalan 4/91 Taman Shamelin Perkasa,
56100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tel : 03-92895757 Faks : 03-92895760
Emel : kajian@zakat.com.my

Dengan kerjasama:

Jabatan Fiqh & Usul
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya.

Rekaletak dan Dicetak:

REKA CETAK SDN. BHD.
www.rekacetak.com

SENARAI KANDUNGAN

Fiqh Kontemporari Zakat

01	Prinsip <i>Al-Nama'</i> dan Kedudukannya Zakat Semasa: Satu Tinjauan	1
	<i>Muhammad Ikhlas Rosele</i>	
02	Kedudukan Uruf Zakat: Tinjauan Zakat Emas Perhiasan	17
	<i>Ummi Farahin Yasin, Noor Naemah Abd. Rahman & Muhammad Ikhlas Rosele</i>	
03	Instrumen Ijtihad dan Aplikasinya dalam Isu Zakat	33
	<i>Mohamad Zaim Isamail, Mohd Farhan Md. Ariffin & Mohd Anuar Ramli</i>	
04	Analisis Pandangan Fukaha Zakat Petroleum	47
	<i>Muhammad Pisol Mat Isa</i>	
05	Pandangan Al-Qaradawi Fiqh Zakat: Analisis Isu Zakat Pendapatan	59
	<i>Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Hj. Abdullah & Mohd Farhan Md. Ariffin</i>	
06	Sorotan Penentuan Zakat Perbankan Majlis Penasihat Shariah dan Jawatankuasa Shariah Institusi Perbankan Islam di Malaysia	73
	<i>Muhammad Hafiz Bin Badarulzaman & Alias Azhar</i>	
07	Perakaunan Zakat Pertanian di Malaysia: Hasil Kasar atau Hasil Bersih?	97
	<i>Mohd Shukri Hanapi & Zahri Hamat</i>	
08	Amalan Taksiran Zakat Padi Kalangan Usahawan Padi di Kelantan	133
	<i>Mohd Rizal Abu Bakar & Mohd Shukri Hanapi</i>	
09	Mikro Kredit daripada Dana Zakat di Baitulmal Aceh	147
	<i>Nurul Ilyana Muhd Adnan</i>	

10	Kedudukan Asnaf <i>Ar-Riqab</i> dan Cadangan Kaedah Pengaplikasiannya di Negeri Perak	157
	<i>Azman Ab Rahman & Tengku Mansur Tengku Zainal Abidin</i>	
11	Ta'lif <i>Qulub</i> dalam Pemberian Zakat kepada Asnaf Mualaf: Pelaksanaannya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	185
	<i>Afifah Bt Hamdan & Luqman Hj Abdullah</i>	
12	Analisis Emas Sebagai Penanda Aras Nisab Zakat di Malaysia	203
	<i>Azhan Rashid Senawi & Muhammad Pisol Mat Isa</i>	

PENGURUSAN DALAM PENTADBIRAN ZAKAT

13	Perakaunan Zakat Korporat di Malaysia: Dulu, Kini dan Masa Depan	223
	<i>Zahri Hamat & Mohd Shukri Hanapi</i>	
14	Mikro Kredit Daripada Dana Zakat: Satu Sorotan	239
	<i>Nurul Ilyana Muhd Adnan</i>	
15	Analisis Skim Agihan Zakat kepada Mualaf Berdasarkan Maqasid Syari'ah di Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	251
	<i>Azman Ab Rahman & Norlina Ismail</i>	
16	Pensyaratkan Had Kifayah Ibu Bapa atau Penjaga Pelajar di Bawah Asnaf Fakir Miskin: Satu Penilaian	263
	<i>Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Mahadi Mohammad & Daud Ismail</i>	
17	Peranan Usahawan Sosial Berjaya dalam Meningkatkan Dana Zakat di Malaysia: Kesan Pembangunan Ekonomi Ummah	275
	<i>Mohd Adib Abd Muin & Shuhairimi Abdullah</i>	
18	Keberhutangan dalam Kalangan Isi Rumah Muslim dan Peranan Institusi Zakat di Malaysia	289
	<i>Nor Aini Ali, Suhaili Sarif & Nor 'Azzah Kamri</i>	
19	Institusi Pungutan Zakat (IPZ): Menilai Objektif Institusi Muhsin Nor Paizin	311
20	Pembangunan Institusi Zakat di Malaysia	329
	<i>Mohd Rais Alias</i>	

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah SWT yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kaum keluarga, para sahabat, tabiin dan seluruh umat Islam.

Syukur ke hadrat Illahi dengan izin-Nya maka dapatlah PPZ-MAIWP menerbitkan buku Menelusuri Isu-Isu Kontemporari Zakat. Terima kasih saya ucapkan kepada kata pengantar buku ini Dato' Dr Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid, editor Razali Md Jani, Muhsin Nor Paizin, Dr Luqman Haji Abdullah, Muhammad Ikhlas Rosele serta para penyumbang artikel.

Hasrat PPZ-MAIWP selain amil korporat berusaha meningkatkan pemahaman dan pengetahuan masyarakat mengenai zakat. Menerusi terbitan buku ini saya berharap ia dijadikan antara sumber rujukan kajian khususnya zakat.

Moga kerjasama di antara Unit Penyelidikan dan Pembangunan Korporat PPZ dan Jabatan Fiqh & Usul Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya ini dalam menghasilkan penulisan bahan ilmiah seumpama ini akan berterusan.

Allah SWT jualah memberikan ganjaran yang baik untuk kita semua.

Haji Mohd Rais Haji Alias, K.M.W.
Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Pungutan Zakat (PPZ)
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
2016

PRAKATA

Dengan nama Allah SWT yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Segala puji hanya terhadap Allah SWT kerana dengan nikmat-Nya setiap amalan yang baik dapat disempurnakan. Menerusi petunjuk-Nya juga setiap matlamat dapat dicapai. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW ahli keluarga, para sahabat dan tabiin.

Buku Menelusuri Isu-Isu Kontemporari Zakat ini diterbitkan secara bersama beberapa orang akademik, pensyarah, penuntut universiti dan pelaksana yang terbabit secara langsung dalam industri zakat. Antara perbahasananya apakah prinsip dan kedudukan al-nama, penentuan uruf, intrumen ijтиhad, zakat petroleum, analisis isu zakat pendapatan, penentuan zakat perbankan, ta'lif qulub, emas penanda aras nisab zakat, perakaunan zakat korporat, dana zakat untuk mikro kredit dan lain-lain.

Kita menyedari perlunya dicari formula merungkaikan isu-isu zakat yang dihadapi masa kini. Usaha-usaha berterusan berbentuk kajian, kertas hukum, penyelidikan yang dapat memenuhi kehendak kajian zakat. Hasil-hasil dapatan kajian tidak mudah diimplementasi sekiranya kajian dibuat secara tidak menyeluruh dan sempurna. Akibatnya idea dan formula penyelesaian isu sukar dilaksana.

Pelaksanaan sesuatu berkaitan zakat akan beku selagi ia masih berbentuk hukum dan konsep. Ia tidak mudah tanpa adanya usaha menukar dari konsep ke bentuk proses supaya boleh dilaksanakan. Terdapatnya pusat pengajian tinggi dan agensi-agensi yang membuat kajian berkaitan zakat berjaya membantu Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP) melaksanakan sesuatu hasil kajian. Akhirnya hasil kajian ini difatwa dan dilaksanakan.

Masih ada orang yang belum memahami operasi pungutan dan agihan zakat sepenuhnya. Buktinya zakat sering menjadi topik perbahasan masyarakat umat Islam terutama di media massa, media sosial dan lain-lainnya. Kemungkinan juga sikap prihatin masyarakat Islam terhadap zakat semakin meningkat. Pertambahan sikap ingin tahu zakat itu perlu dipupuk dengan memperbanyakkan buku-buku yang membincangkan soal ini dengan lebih mendalam. Walaupun tugas utama PPZ-MAIWP memungut zakat harta namun penerbitan bahan ilmiah berkaitan zakat perlu diperbanyakkan agar melahirkan ramai yang celik zakat.

Semoga buku ini dapat menambahkan kefahaman dan pengetahuan pembaca mengenai sistem kewangan Islam khasnya zakat.

Akhir kata, saya ucapkan terima kasih terutamanya Dato' Dr Mahmood Zuhdi, Dr Luqman Haji Abdullah, Muhammad Ikhlas Rosele dan Muhsin Nor Paizin yang sama-sama menjayakan terbitan buku ini.

Razali Md Jani
Penolong Pengurus Besar
Penyelidikan dan Pembangunan Korporat
Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP)
2016

KATA PENGANTAR

Fiqh kontemporari adalah istilah baru. Idea asas yang mendokong fiqh kontemporari atau fiqh semasa ini adalah perubahan zaman. Sebagaimana maklum, fiqh bermaksud kefahaman atau lebih tepat lagi kefahaman yang mendalam. Dalam istilah klasik kefahaman seperti ini tidak akan diperolehi kecuali melalui ijtihad. Sementara dalam istilah sekarang pula ijtihad itu boleh ditukar dengan istilah baharu iaitu penyelidikan.

Berasaskan konsep diatas, fiqh sekurang-kurangnya terbentuk atas dua nilai. Pertamanya nilai tetap yang mutlak (*absolute*) dan tidak akan berubah. Itulah idealism syariat sepertimana yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah. Keduanya, nilai berubah iaitu aspek manusiawi dari kefahaman itu sendiri seperti darjah kecerdikan dan nilai keintelektual ulama berkenaan dalam persekitaran hidupnya. Maka perubahan hukum berlaku kerana unsur kedua ini disebut sebagai unsur dinamis berbanding dengan unsur pertama tadi yang disifatkan sebagai unsur statik.

Keperluan mengambil kira fiqh kontemporari pada masa kini mudah disebut tetapi tidak mudah dilaksanakan. Ia berhadapan dengan pemasalahan yang banyak termasuk dari segi metode dan dari segi mekanisme. Metode yang dimaksudkan ialah persoalan bagaimana ia hendak dilakukan. Manakala mekanisme pula bermaksud keperluan kepada logistik dan perkakas untuk melaksanakan metode tadi.

Kini salah satu agenda dalam sistem kewangan negara adalah pungutan zakat yang perlu diuruskan pemerintah dan tidak boleh dilakukan orang perseorangan. Ini termasuklah pembayar atau pengeluar zakat itu sendiri. Bagi maksud itu perlunya pemerintah membangunkan mekanisme pungutan zakat yang efisyen. Tanpanya pemerintah boleh

diangap sebagai tidak melaksanakan tanggungjawabnya dengan betul dan boleh dipersalahkan. Apabila pengabaian ini berlaku, secara tidak langsung boleh mendatangkan penyelewengan atau kelemahan urusan segala yang berkaitan dengannya.

Firman Allah SWT dalam surah At-Taubah [9] ayat 103 bermaksud;

“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka...”

Dalam ayat ini Allah memerintahkan kepada Rasulullah SAW supaya memungut zakat itu. Kita tahu Baginda Rasulullah SAW bukan sahaja seorang nabi, tetapi juga Rasul yang membawa sebuah risalah atau misi. Keseluruhan misinya itu terungkap dalam istilah Islam iaitu sebuah ad-den yang bermaksud satu sistem hidup yang komprehensif dan menyeluruh.

Ini terbukti kerana Nabi Muhammad SAW bukan sekadar pembawa agama dalam konsepnya yang sempit iaitu religion. Malahan Baginda bertindak sebagai ketua pemerintah, ketua tentera dan berbagai ketua dalam sebuah negara yang dibangunkannya bersandarkan panduan al-Quran dan al-Sunnah. Ini jelas sebagaimana Baginda menukar nama bandar Yathrib sebagai Bandar Bercahaya (Madinah al-Munawarah).

Berasaskan ayat berkenaan, Rasulullah SAW (mungkin) telah membangunkan mekanisme yang sesuai pada waktu itu, dengan mengutus para sahabat Baginda untuk membuat pungutan dengan cara yang betul. Antara para Sahabah yang pernah dihantar sebagai merinyu (*amil*) zakat berkenaan termasuk Umar Ibn al-Khattab RA yang kemudiannya menjadi Khalifah kedua sesudah Baginda SAW wafat. Memandangkan yang ditugaskan itu Umar RA kita boleh mengagak bahawa urusan berkenaan sangat penting. Umar RA adalah antara para Sahabat paling kanan yang juga paling cekap dalam memahami masalah semasa termasuk pentadbiran negara.

Amalan ini berterusan dengan didokong nilai-nilai profesionalisme yang bertambah canggih dari masa ke masa. Ini termasuk penubuhan Baitulmal atau perbendaharaan negara yang diinisiatifkan Khalifah kedua Umar Ibn al-Khattab RA. Begitulah seterusnya konsep pungutan zakat dilengkapi dengan sokongan nilai profesionalisme yang canggih sehingga kejatuhan kerajaan Uthmaniah dan lahirnya negara-negara bangsa Islam yang dibawah pengaruh tamadun barat mengamalkan dualism dalam pentadbiran iaitu Sekular dan Agama.

Di bawah pengaruh negara bangsa yang sekular, nilai profesional ini semakin menurun sampai kepada peringkat seolah-olah urusan bayaran dan pengurusan itu menjadi sebagai urusan individu antara pemberi dan penerima zakat bertonggakkan nilai agama semata-mata. Maksudnya tidak lagi diurus secara profesional sepertimana yang berlaku pada zaman Rasulullah sampailah kejatuhan kerajaan Islam Othmaniah yang terakhir.

Apa pun juga, semua yang tersebut tadi sudah menjadi sejarah. Ia tidak lagi mempunyai apa-apa harga kecuali sebagai ubur zaman buat menerangi jalan masa hadapan. Bagaimanapun, kesan baik dari kebaikannya dan kesan buruk dari keburukannya tetap menjadi Ma’alim atau batu tanda sepanjang perjalanan kita dalam usaha membangunkan kembali tamadun yang telah runtuh itu. Namun, sepertimana kata orang-orang bijak pandai, semalam sudah berlalu, esok masih dalam cita-cita, realitinya hari ini. Kita tidak perlu lagi bernostalgia dengan semalam, mahupun berkhayal dengan cita-cita hari esok. Apa yang lebih penting bagi kita ialah hari ini, kerana ia bukan sekadar nostalgia atau cita-cita. Ia adalah realiti kita.

Di negara kita kemerdekaan bukanlah lampu aladin yang boleh membereskan semua persoalan. Maka kita sentiasa berfikir dan bertindak kearah masa hadapan yang lebih baik. Di bidang pungutan zakat pembaharuan telah dimulakan Wilayah Persekutuan dengan memperkenalkan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) yang kemudiannya diikuti hampir semua negeri. Inisiatif yang berasaskan kepada idea korporat dan profesionalisme ini telah mencipta kejayaan yang besar dengan mendapat sokongan yang meluas di kalangan masyarakat.

Pungutan yang cukup lumayan berbanding apa dicapai sebelum itu dibawah kaedah tradisional. Kaedah tradisional inilah kita warisi dari zaman kejatuhan Islam yang bermulanya juga dengan kejatuhan cara berfikir dan kelemahan cara bertindak.

Walau bagaimanapun, apa yang kita capai selama ini meskipun secara relatifnya sangat baik namun pada hakikatnya ia masih belum mencapai kesempurnaan. Malah, kita tidak sepatutnya merasa sempurna kerana perasaan seperti itu akan menyebabkan kita berhenti berusaha dan langkah pertama kebelakang menuju kemunduran. Oleh kerana itu kita perlu memastikan roda zaman tidak akan mendahului kita. Sebaliknya kitalah yang perlu mendahuluinya.

Berasaskan hakikat ini kita perlu menerima kepentingan Penyelidikan untuk Pembangunan atau lebih popular dengan sebutan R&D. Ini kerana penyelidikan melahirkan ilmu baru iaitu salah satu syarat utama kepada kemajuan sesuatu kelompok hidup atau sesuatu bangsa atau ummah. Apa yang dikatakan sebagai ilmu baru itu ialah unsur baru yang terhasil daripada menganalisis semula ilmu lama yang sedia ada. Ini bermakna dalam mencipta ilmu baru kesinambungan tetap perlu dipertahankan. Tanpa kesinambungan apa saja ilmu yang baru tercipta tidak akan ada asas yang kukuh untuk berkembang lebih jauh. Malah ia akan merupakan faktor asing dalam budaya ilmu yang ada. Ia tidak akan menjadi faktor pengukuh malah sebaliknya gangguan terhadap tradisi keilmuan yang sedia ada. Inilah yang selalu dikatakan sebagai mengekalkan unsur sedia ada yang baik disamping mencipta unsur baru yang berfaedah.

Salah satu faktor yang sangat penting dalam resipi pembangunan ilmu yang mampu menolak kemajuan yang ada terus kedepan ialah realiti semasa dan setempat. Meskipun ilmu itu sifatnya universal tetapi corak dan warna warninya perlu berbeza mengikut iklim dimana ia cambah dan berkembang. Kalau tidak ia akan kehilangan cita rasa walaupun kadangkala lebih bersifat keperluan mewah atau tahsinat namun kehadirannya perlu dapat dirasakan. Kerana keilmuan sama seperti masakan. Ia sekurang-kurangnya berasaskan bahan, resipi dan teknik hidangan. Bahan asasnya bersifat universal tetapi resipiinya

memerlukan cita rasa tempatan yang semasa. Sementara cara ianya dihidangkan sentiasa melambangkan ketinggian atau kerendahan etika tukang masak (*chef*) berkenaan.

Khusus mengenai pungutan zakat yang bersifat universalnya ialah arahan daripada Allah SWT kepada pemerintah agar memungut bahagian berkenaan yang dinamakan sebagai sadaqah atau zakat. Zakat dikutip daripada harta orang kaya untuk diagihkan kembali kepada orang miskin dalam masyarakat berkenaan. Firman Allah SWT dalam surah at-Taubah (9) ayat 103 bermaksud, “*Aambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat)*”.

Tujuannya untuk membersihkan harta itu sendiri daripada sebarang kekotoran yang mungkin mencemarinya sewaktu proses perolehan dilakukan pemilik berkenaan. Selain itu untuk membersihkan hati pemilik berkenaan daripada perasaan loba, rakus dan kedekut. Agar dengan terhapusnya sifat madzmumah atau tercela itu akan lebih suburlah nilai kebersihan dalam hati sanubari orang kaya berkenaan.

Tujuan lain untuk membersihkan hati orang miskin daripada perasaan dendki terhadap orang kaya. Melalui cara itu mereka akan sentiasa faham bahawa kekayaan dan kemiskinan bukanlah garis pemisah antara dua kelompok hidup perlu diruntuhkan melalui persengketaan. Tetapi sebaliknya, ia akan sentiasa mengalami keruntuhan dengan sendirinya dibawah pengaruh persaudaraan Islam. Semua ini disebut para penyelidik Islam sebagai fungsi sosial kepada kewajipan zakat itu sendiri. Maksud firman Allah SWT dihujung salah satu ayat di atas “*supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk)*”.

Sehubungan itu para ulama dapat melihat garis pemisah yang jelas antara zakat yang perlu dipungut dalam Islam dan ihsan yang perlu digalakkan sepertimana yang terdapat dalam agama-agama langit terdahulu. Meskipun kedua-duanya diistilahkan sebagai sadaqah. Dalam agama langit terdahulu ia sekadar ihsan atau nilai tambah yang boleh meletakkan pemilik harta berkenaan pada kedudukan yang terpuji kerana telah melakukan sesuatu yang lebih daripada apa yang

dia wajib lakukan. Sedangkan dalam Islam ia adalah satu kewajipan yang secara timbal-baliknya merupakan hak orang miskin yang perlu ditunaikan. Dengan kata lain, pemberian ihsan sekadar merupakan sumbangan biasa yang terserah kepada kehendak orang kaya sama ada mahu memberikannya atau pun tidak sementara zakat pula adalah hak orang miskin yang boleh dituntut oleh mereka.

Bagaimana cara zakat itu dipungut tidak bersifat universal. Sebaliknya perlukan kepada kepelbagaiannya yang sesuai dengan cita rasa tempatan. Bak kata orang, lain padang lain belalang. Kembali kepada contoh masakan di atas, ia merupakan menu yang perlu disesuaikan dengan selera siapa yang akan menjamah hidangan itu. Ibarat kata, beras, gandum, daging, ayam, sayur dan sebagainya merupakan bahan asas yang bersifat universal manakala kaedah bagaimana ia dimasak perlu tertakluk kepada keperluan setempat. Kalau masakan itu untuk dimakan orang Arab maka resipiinya perlu banyak menggunakan minyak sapi. Jika masakan itu untuk orang India dan Pakistan maka penggunaan rempah perlu diperbanyak. Manakala untuk orang Cina dan Jepun minyak sapi dan rempah tidak diperlukan langsung. Sementara untuk daerah Nusantara minyak kelapa pula yang diperlukan. Semuanya ini tertakluk atas budaya dan citarasa pemakanan masing-masing. Tentu sekali dalam usaha memungut zakat para pemungutnya sentiasa tertakluk terhadap aturan dan peraturan yang terdapat dalam sesebuah masyarakat berkenaan.

Mengambil contoh dalam penyediaan masakan tadi, meskipun ia menggunakan bahan yang baik dan bermutu tinggi seperti beras basmati, daging lembu kobe, daging kambing dolan dan ikan patin. Ditambah lagi, masakan ini menggunakan minyak sapi (New Zealand), rempah ratus (Samarkan) dan minyak (kelapa laut) namun sekiranya cara hidangannya comot, berselerak maka selera pemakannya akan jatuh menjunam. Meskipun cara masakan itu dipersembahkan dipandang sebagai aspek mewah (*luxury*) namun peranannya juga penting sepertimana aspek-aspek lain juga. Ini kerana antara semua aspek berkenaan perlu bertindak lengkap melengkapi antara satu sama lain.

Di Malaysia, pungutan zakat tertakluk kepada bidang kuasa Negeri. Sebagai sebuah Negara Persekutuan, perlembagaan Malaysia membahagikan kuasa kepada dua bahagian iaitu Kuasa Negeri yang berkait dengan hal ehwal keagamaan dan Kuasa Pusat selain daripada itu. Oleh kerana zakat merupakan salah satu daripada perkara agama maka ia tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Namun kalau diambil kira fungsi sosialnya ia boleh disifatkan sebagai perkara Persekutuan. Bagaimana pun secara tradisinya ia tetap berada di bawah Kuasa Negeri juga. Kedudukannya sama seperti pendidikan agama dalam konsepnya yang luas.

Bagi melaksanakan pungutan tersebut, kerajaan- kerajaan negeri telah mengadakan undang-undang dan peraturan serta kaedah tertentu. Malah juga berbagai cara dan metode pungutan telah diperkenalkan, sama ada secara langsung pihak berwajib atau melalui agen yang dilantik khusus bagi tujuan berkenaan. Bagi mempertingkatkan lagi hasil kutipan berkenaan berbagai-bagai insentif telah ditawarkan kepada agen-agen berkenaan sehingga kalau dilihat dari perspektif tertentu ia boleh disifatkan sebagai suatu perniagaan (*business*) yang melibatkan soal untung rugi.

Dalam simpang-siur mencari kejayaan dan pendapatan yang lebih ini kadang-kadang ada nilai yang terpijak samada secara sedar atau tidak. Sebenarnya terdapat banyak persoalan yang perlu diperincikan sama ada menyentuh nilai asas yang universal bagi urusan pungutan itu sendiri atau nilai-nilai yang lebih bersifat subsidiari. Misalnya kehendak perundangan dan budaya pungutan. Apakah objektif asas pungutan zakat daripada orang kaya untuk diagihkan kepada orang miskin dalam masyarakat berkenaan benar-benar telah diambil kira? Apakah segala peruntukan undang-undang negara dan keperluan budaya pungutan juga telah diambil kira? Malah aspek etika, yang selalu dikatakan sebagai sangat bersifat subsidiari itu juga. Apakah ia turut diambil kira? Semuanya ini adalah perlu memandangkan bahawa zakat tidaklah seperti cukai yang prestasi pungutannya boleh diukur semata-mata berdasarkan kepada jumlah pungutan tetapi sebaliknya suatu ibadat yang prestasinya perlu diukur dengan cara yang lebih komprehensif.

Seperkara lagi, meskipun zakat merupakan perkara negeri berdasarkan kehendak perlumbagaan namun sebuah agensi pusat seperti Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) boleh memajukan lagi bukan sahaja kerja pungutan tetapi juga kerja-kerja pengagihan, pembangunan dan penyelarasian antara negeri yang merupakan pihak berkepentingan paling utama dalam urusan pentadbiran berkennaan. Institusi pungutan zakat yang lebih berpengalaman seperti Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) boleh mengambil daya utama dalam merealisasikan cita-cita yang murni itu.

Prof. Emeritus Dato' Dr Mahmood Zuhdi Haji Abd Majid.
2016

01

PRINSIP *AL-NAMA'*DAN KEDUDUKANNYA ZAKAT SEMASA: SATU TINJAUAN

*Muhammad Ikhlas Rosele**

Abstrak

Artikel ini menjelaskan mengenai prinsip *al-nama'*, konsep *al-nama'*, kedudukannya dalam penentuan zakat semasa. *Al-Nama'* penting dalam penentuan zakat semasa. Ini berikutan perkembangan zaman, perubahan masa turut menimbulkan isu-isu zakat dan harta-harta baharu. Apabila dapat memahami prinsip *al-nama'* maka isu-isu tersebut dapat diselesaikan dan ditentukan hukum zakat terhadap harta-harta semasa.

Kata kunci: *Al-nama'*, zakat, hukum, isu semasa

Pendahuluan

Perbahasan mengenai hukum zakat amat diperlukan pada masa kini. Ini ditambahi pula timbulnya pelbagai persoalan semasa zakat yang memerlukan jawapan dan penjelasan daripada hukum Islam. Selain itu,

* Beliau merupakan calon Doktor Falsafah di Jabatan Fiqh dan Usul. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. emel; ikhlas@um.edu.my

kemajuan sektor ekonomi juga mewujudkan banyak bentuk harta yang berpotensi untuk dikenakan zakat. Walau bagaimanapun harta-harta tersebut perlulah mempunyai asas hukum yang jelas untuk diwajibkan zakat.

Artikel ini menjelaskan salah satu asas penting membahaskan persoalan hukum zakat adalah *al-nama'* atau kesuburan (perkembangan harta). *Al-Nama'* antara elemen penting dalam menetapkan hukum zakat yang digunakan oleh ulama silam. Ia boleh menjadi asas untuk menjelaskan hukum zakat semasa yang wujud hari ini. Maka menjadi keperluan huriaian mengenai konsep *al-nama'*, kedudukannya dalam fiqh zakat serta aplikasinya dalam isu-isu semasa zakat.

Konsep *Al-Nama'*

Al-Nama' dari sudut bahasa bermaksud pertambahan. Apabila kata *al-nama'* disandarkan kepada sesuatu ia memberi erti sesuatu itu subur, banyak dan bertambah. Kata lawan *al-nama'* ialah *al-jamid* bermaksud pegun atau beku seperti sifatnya batu. *Al-Nama'* adalah merupakan kata sifat yang memberi sifat kepada sesuatu. Oleh itu dalam konteks zakat *al-nama'* perlu berlaku pada harta dan menjadi sifatnya.

Dari sudut istilah secara umumnya *al-nama'* tidak ada jauh bezanya dengan pengertian dari sudut bahasa. *Al-Nama'* ialah suatu keadaan di mana harta bertambah, subur dan berkembang. *Al-Nama'* dalam aspek fiqh zakah adalah merangkumi dua keadaan, iaitu;

- i. Perkembangan hakiki, seperti unta dan lembu yang diternak secara bebas melahirkan anak dan berkembang biak.
- ii. Mempunyai potensi untuk berkembang, seperti barang-barang yang disediakan untuk jual beli.

Kedua-dua bentuk perkembangan tersebut memberi kesan pada harta terutamanya dari sudut penentuan zakat. Perlu dijelaskan *al-nama'* mempunyai beberapa bentuk iaitu berkembang dari sudut '*ain*' barang, berkembang dari sudut nilai dan berkembang dari sudut manfaat. Bentuk perkembangan ini dilihat menjadi asas penentuan harta untuk dikenakan zakat.

Contohnya ternakan yang berkembang dari sudut '*ain*', emas, perak dan harta perniagaan yang berkembang dari sudut nilai dan hasil pertanian, galian, harta karun yang berkembang dari sudut manfaat. Secara rumusan awalnya didapati prinsip perkembangan harta atau *al-nama'* memainkan peranan penting dalam penentuan harta zakat. Timbulnya persoalan sejauh manakah kedudukan *al-nama'* dalam fiqh al-zakah. Adakah ia merupakan '*illah*', sebab mahupun hikmah.

Kedudukan *Al-Nama'* Dalam Fiqh Zakat

Apabila diteliti sumber-sumber harta lain yang wajib dikenakan zakat didapati ia telah meraikan unsur kesuburan atau unsur perkembangan harta tersebut. Kesemua harta yang dikenakan zakat pada tabiatnya adalah harta yang subur dan mempunyai potensi untuk berkembang (al-Ba'li, 1991). Contohnya adalah binatang ternak yang dibiarkan (*al-sai'mah*) dikenakan zakat sedangkan yang diternak dalam kandang (*al-ma'lufah*) tidak dikenakan zakat kerana kos penjagaannya tinggi begitu juga binatang yang digunakan untuk melakukan kerja. Sedangkan binatang *al-sa'imah* diternak untuk hasilnya dan pembiakkannya kerana itulah ia merupakan harta yang subur (al-Ba'li, 1991).

Selain itu *al-nama'* juga dianggap menjadi *illah* kewajipan zakat. Ini kerana harta yang berkembang dan ada potensi untuk berkembang merupakan *illah* mewajibkan harta untuk dizakatkan (Zahri Hamat, 2004). Menurut golongan Hanafiyah *al-nama'* merupakan syarat ataupun sebab wajib zakat. Ibn Humam menyatakan *al-nama'* adalah

sebahagian daripada sebab wajib zakat (Ibnu Humam, t.t.). Selain itu, apabila diteliti pandangan golongan Hanafiyyah jelas menyatakan syarat atau asas sesuatu harta itu dizakatkan.

Al-Kasani (2003) ketika menjelaskan firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah ayat ke 43 (وَأَتُوا الزَّكَةَ) bahawa zakat merupakan *al-nama*, mengeluarkan zakat dari kesuburan harta.

Firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah ayat ke 219 (وَسَأَلَنَّكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلِ الْعَفْوُ), al-Sarakhsy (1978) menjelaskan maksud *al-'afw* adalah *al-fadl*, manakala *al-fadl* memberi erti kesuburan dan perkembangan (*al-nama*). Oleh itu, harta yang dibelanjakan atau dizakatkan hendaklah merupakan harta yang subur.

Golongan Malikiyyah walaupun tidak menyatakan *al-nama* sebagai ‘*illah* zakat secara jelas tetapi berdasarkan kenyataan al-Baji (1332H) menerangkan tentang penamaan zakat;

“Ia adalah mengeluarkan sesuatu hak yang wajib pada harta-harta yang boleh subur atau berkembang. Oleh itu tidak wajib (zakat) pada harta yang tidak ada potensi untuk berkembang, oleh kerana itu gugur zakat kepada sesuatu (harta) jika tuannya menghalang daripada ia subur dengan cara paksa. Adapun mengkhususkan pada harta yang subur, dikatakan padanya; dilihat pada kesuburannya dan keluarkan zakat harta kamu, bermaksud dia mengeluarkan (zakat) daripada kesuburannya (harta tersebut)”

Syafi'iyyah dan Hanabilah

Golongan Syafi'iyyah dan Hanabilah *al-nama* tidak disebut secara jelas sebagai syarat wajib zakat, malupun sebagai ‘*illah*. Namun, dalam membahaskan isu-isu zakat prinsip *al-nama* disentuh, sama ada sebagai hikmah kewajipan zakat atau hikmah mengapa terdapat harta-harta yang tidak diwajibkan zakat (Muhammad Na'im, 1999).

Ibn Hajar al-'Asqalani dalam mengiktiraf *al-nama'*, beliau menjelaskan zakat dinamakan sedemikian kerana berkait dengan sifat harta yang subur, seperti perniagaan dan pembuatan (al-'Asqalani, 2001). Begitu juga Ibnu Qudamah yang hanya menganggap *al-nama'* sebagai salah satu sifat yang diiktiraf dalam zakat (al-Maqdisi, 1997).

Namun, fuqaha' tetap mengiktiraf *al-nama'* dalam hukum zakat. Ini kerana wujudnya makna *musytarak* (dikongsi) bagi harta-harta yang telah diwajibkan zakat. Apabila diamati jelas zakat wajib dikeluarkan daripada binatang ternak tertentu, barang perniagaan tertentu, hasil pertanian tertentu, emas dan perak yang tidak dijadikan perhiasan. Ini disebabkan harta zakat tersebut mempunyai sifat-sifat tertentu seperti kesuburan sama ada dalam bentuk hakiki atau ada potensi untuk subur.

Oleh kerana *al-nama'* diiktiraf dalam perbahasan fiqh, maka ia mewujudkan satu kaerah fiqh (*al-qawa'id al-fiqhiyyah*) iaitu “*kullu mal nam fa huwa wi'a'lial-zakah*”. Ini memberi maksud setiap harta yang subur ia dipertanggungjawab untuk dizakatkan. Berasaskan kaerah inilah dapat disimpulkan bahawa zakat diwajibkan pada harta yang subur atau berpotensi untuk subur. Manakala harta yang tidak subur seperti harta untuk keperluan asas tidak diwajibkan zakat (Muhammad Bakr, 1997). Prinsip *al-nama'* dalam fiqh zakat mempunyai asasnya sejak zaman Nabi SAW. Ini berdasarkan hadis Nabi SAW yang mewajibkan zakat bagi harta *al-mustafad* apabila cukup nisab dan melalui haul.

Hadis riwayat al-Tirmidhi , “*Sesiapa yang mendapat perolehan harta, tidak dikenakan zakat atas harta perolehannya sehingga sempurna haulnya di sisi Tuhan*nya.”

Hakikatnya harta *al-mustafad* bererti harta yang subur. *Al-mustafad* sinonim dengan makna harta yang berkembang, bertambah dan subur. Selain itu, persoalan *al-nama'* sebagai 'illah dalam hukum zakat dapat dikaitkan dengan kekayaan. *Al-nama'* dan kekayaan mempunyai hubungan kerana orang yang kaya (*al-ghina*) dalam konteks fiqh zakat

adalah orang yang memiliki nisab harta yang subur. Oleh itu, kekayaan merupakan satu perspektif kesuburan (*al-nama'*). Kekayaan merupakan '*illah* kewajipan zakat (al-Qarafi, 2004)

Hal ini berasaskan hadis Nabi SAW riwayat al-Bukhari dan Muslim,

“Maka ajarkanlah mereka sesungguhnya Allah SWT memfardhukan ke atas mereka sedekah (zakat) pada harta-harta mereka, (zakat itu) diambil daripada yang kaya dari kalangan mereka dan diserahkan kepada orang fakir dari kalangan mereka.”

Berdasar hadis ini zakat diambil daripada orang kaya (iaitu orang yang memiliki nisab). Kekayaan disini adalah '*illah* mengapa zakat diperintahkan untuk dikutip. Dalam erti kata lain, *al-nama'* merupakan '*illah* harta tersebut dikutip kerana kekayaan merupakan sebahagian dari bentuk *al-nama'*. Oleh itu, sukar untuk menafikan *al-nama'* sebagai satu *illah* hukum dalam fiqh zakat.

Al-Nama' Sebagai 'Illah Dalam Fiqh Zakah

Perlu dijelaskan adakah *al-nama'* boleh menjadi '*illah* (yang merupakan salah satu rukun qiyas) hukum zakat. Zakat merupakan ibadah harta sedangkan asasnya ibadah tidak boleh diqiyaskan atau berlaku ijтиhad. Pada asasnya zakat bukan hanya bersifat sebagai ibadah bahkan ia merupakan hak yang wajib ditunaikan untuk kemaslahatan manusia. (kehangan, sosial, ekonomi). Pendekatan ijтиhad boleh diaplikasi dalam menyelesaikan isu-isu zakat (al-Qaradawi, 1994). Ia juga mengandungi hikmah, manfaat dan dapat memberikan kemaslahatan yang sangat besar dan mulia, sama ada terhadap pemberi zakat, penerimanya, harta yang dizakatkan, maupun terhadap masyarakat keseluruhannya (Didin Hafidhuddin, 2002).

Dalam menyelesaikan isu-isu zakat atau menetapkan sesuatu hukum zakat perlulah meraikan kemaslahatan tersebut. Terdapat beberapa isu zakat yang diperbincangkan para intelektual Islam yang meletakkan

maslahah sebagai asas penentuan hukum bagi isu zakat tersebut. Antaranya, memperbanyakkan jenis harta yang wajib dikenakan zakat, meluaskan skop asnaf zakat, membayar zakat dengan menggunakan wang tunai dan sebagainya.

Al-Qaradawi menyatakan dalam perkara ibadat tidak boleh dan tidak mungkin boleh dilakukan ijтиhad. Ini berikutan '*illah* (sebab) hukum ibadat kebanyakannya adalah samar, tambahan pula hukum ibadat perlu dipatuhi secara *ta'abbudi*. Walaupun begitu, zakat mempunyai sifat yang berbeza, ia bukanlah hukum *ta'abbudi* keseluruhannya bahkan ia merangkumi tanggung jawab sosial, kewangan dan sistem ekonomi negara.

Zakat juga satu ibadah yang mendatangkan maslahah secara jelas dalam kehidupan manusia, maka jelas di dalamnya illat-illat yang boleh dijadikan bahan ijтиhad dan qiyas (Yusuf Qardawi, 2011). Kenyataan al-Qaradawi ini didokong aplikasi fiqh zakat oleh ulama-ulama fiqh silam. Contohnya, Imam Malik dan Imam al-Syafi'i yang berpendapat zakat diwajibkan pada semua makanan asasi, boleh disimpan lama dan boleh dikeringkan daripada bijian dan buah-buahan (al-Syafi'i, 2002; al-Qurtubi, 2006).

Manakala Imam Ahmad berpendapat zakat diwajibkan pada semua makanan yang boleh ditimbang, tahan lama, kering dari jenis bijian dan buah-buahan. Tidak kira ianya makanan asasi atau kekacang, atau rempah ratus, atau bijian dan buah-buahan asalkan memenuhi sifat-sifat yang telah disebutkan (al-Maqdisi, 1992). Pada zaman Rasulullah SAW zakat tanaman hanya dikutip daripada gandum, barli, kurma dan kismis (al-Maqdisi, 1992). Ini adalah bukti bahawa ulama fiqh silam telah mengqiyaskan tumbuhan lain kepada empat jenis tumbuhan yang dikutip pada zaman Rasulullah SAW.

Maka itu, penentuan '*illah* hukum boleh berlaku dalam fiqh zakat. Justeru, *al-nama'* boleh dijadikan '*illah* dalam penentuan hukum zakat.

Ini bermakna dalam penentuan hukum zakat semasa prinsip *al-nama'* perlu diambil kira bahkan ia boleh menjadi asas untuk menqiyaskan harta zakat semasa dengan harta zakat yang terdapat di dalam nas syarak.

Kedudukan *Al-Nama'* Dalam Hukum Zakat Semasa

Terdapat beberapa pandangan intelektual semasa menjelaskan kedudukan dan kepentingan *al-nama'* di dalam fiqh zakat. Al-Qaradawi menekankan pentingnya *al-nama'* dalam memantapkan pentadbiran zakat pada masa kini. Beliau menyatakan bahawa setiap harta yang berkembang perlu dikenakan zakat. Kecenderungannya memilih pendapat Imam Abu Hanifah berkenaan persoalan *al-nama'* dalam mewajibkan harta zakat. Antara alasannya adalah keumuman ayat al-Quran dan hadis yang menyentuh persoalan zakat, orang yang kaya perlu menyucikan dirinya dengan mengeluarkan zakat, setiap harta perlu dibersihkan dengan mengeluarkan zakat.

Zakat disyariatkan untuk memenuhi keperluan dan membantu orang yang memerlukan, demi kemaslahatan umum serta demi dakwah Islam yang perlu direalisasikan melalui harta dankekayaan umat Islam. Oleh itu bagi setiap harta yang subur dan berkembang (wujud nilai kekayaan) perlu dikenakan zakat (al-Qaradawi, 2001).

Muhammad al-Ghazali (2005) sepandapat dengan Qaradawi. Beliau menyatakan bahawa '*illah* kewajipan zakat adalah berkembang. Wang diwajibkan zakat kerana sifatnya yang berkembang, tanaman dan buah-buahan juga diwajibkan zakat kerana ia menyuburkan tanah dan pokok-pokok, begitu juga binatang ternak yang berkembang dengan berlalunya zaman. Sedangkan harta-harta untuk memenuhi keperluan asas hidup atau digunakan dalam perkara yang diharuskan syarak tidak diwajibkan zakat kerana ia bukan harta yang berkembang.

Perbahasan *al-nama'* sememangnya diterima dan begitu penting dalam perbahasan fiqh zakat. *Al-Nama'* juga merupakan '*illah* kewajipan zakat yang sewajarnya diaplikasikan hari ini dalam menentukan hukum zakat.

Terdapat beberapa isu zakat semasa yang dapat diaplikasikan prinsip *al-nama'*. Isu-isu tersebut berkaitan dengan zakat syarikat perniagaan, zakat kilang, zakat saham dan zakat pertanian.

Zakat Syarikat Perniagaan

Intelektual semasa berbeza pendapat mengenai kewajipan zakat atas syarikat (syarikat perniagaan). Ini berpunca daripada perbezaan dalam menetapkan kapasiti syarikat sebagai pembayar zakat. Perbahasannya pada persoalan adakah *syakhsiyah i'tibariyyah* diterima dalam Islam dan bolehkah ia mempunyai kapasiti untuk membayar zakat. Pada asasnya perbezaan tersebut boleh dibahagikan kepada tiga golongan, iaitu (al-Khalil, 1462H; al-Ghafili, 2008);

- i. Golongan yang menerima konsep *syakhsiyah i'tibariyyah* dan mengharuskan pembayaran zakatnya.
- ii. Golongan yang tidak menerima konsep *syakhsiyah i'tibariyyah* justeru menafikan kewajibannya menunaikan zakat.
- iii. Golongan yang menerima konsep *syakhsiyah i'tibariyyah* namun menyempitkan ruang dari sudut keharusan membayar zakatnya.

Pendapat golongan pertama mempunyai asas iaitu menerima konsep *syakhsiyah i'tibariyyah* dan mengharuskan pembayaran zakatnya. Antara hujah yang mendokong keharusan pembayaran zakat atas syarikat adalah penerapan konsep zakat *al-khultah*, prinsip rangkuman harta zakat, menggunakan pakai '*illah al-nama'* pada harta syarikat. Pemerintah mempunyai kuasa untuk mengutip zakat daripada syarikat. Adalah jelas bahawa *al-nama'* memberi kesan dalam penentuan zakat bagi syarikat perniagaan.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan syarikat perniagaan adalah satu bentuk perkembangan harta yang tergolong dalam prinsip *al-nama'*. *Al-Nama'* (subur) merupakan salah satu ciri atau syarat harta yang wajib dikeluarkan zakat (al-Qaradawi, 1994). Maka apabila dilihat secara keseluruhannya harta syarikat adalah harta yang layak dikeluarkan zakat kerana prinsipnya sebagai harta yang subur.

Jika diamati zakat dikenakan pada perniagaan perseorangan kerana ia menyuburkan harta. Oleh itu, kewajipan tersebut adalah lebih utama pada syarikat perniagaan kerana aktivitinya mendatangkan keuntungan yang lebih besar berbanding perniagaan persendirian. Dalam erti kata lain aktiviti syarikat adalah memenuhi sifat *al-nama'* dan lebih subur berbanding perniagaan persendirian.

Zakat Kilang

Kilang merupakan satu syarikat yang memproses dan mengeluarkan barang dan kemudiannya di jual dalam pasaran. Dalam perbahasan zakat, barang yang dihasilkan kilang tidak memenuhi syarat zakat perniagaan iaitu barang yang hendak dijual mestilah diperolehi dengan niat bermula melalui transaksi.

Adakah harta kilang dan perkilangan diwajibkan zakat? Harta kilang pada asasnya menepati prinsip *al-nama'* kerana harta yang dihasilkannya mendatangkan keuntungan yang berlipat ganda, bahkan ia lebih memperolehi keuntungan berbanding syarikat perniagaan. Pada asasnya harta kilang boleh dibahagikan kepada empat iaitu;

Pertama; Aset yang digunakan untuk menghasilkan barang; aset tersebut adalah seperti mesin, jentera dan seumpamanya. Aset tersebut tidak diwajibkan zakat kerana ia tergolong dalam kategori harta *al-mustaghallat*. Zakat hanya akan dikenakan pada keuntungan yang diperolehi dari hasil keluarannya sahaja.

Kedua; Aset yang dihasilkan melalui proses pengilangan yang belum dijual. Pada asasnya ia bukanlah harta perniagaan kerana belum dijual. Maka harta tersebut akan dikenakan zakat setelah ia dijual berserta jumlah keuntungan yang diperolehi.

Ketiga; Aset yang digunakan sepanjang operasi, seperti van, lori, meja dan seumpamanya. Aset ini tidak dikenakan zakat kerana ia merupakan keperluan asas sesebuah kilang dan ia bukanlah harta yang subur.

Keempat: Aset sokongan untuk menghasilkan barang seperti minyak, air dan seumpamanya. Aset ini tidak dikenakan zakat kerana ia tergolong dalam pembentukan dan tidak menepati prinsip *al-nama'*.

Zakat Saham

Saham dianggap sebahagian daripada harta dalam syarikat dan harta yang subur merupakan salah satu '*illah* kewajipan zakat. Zakat saham dalam syarikat juga adalah berasaskan konsep khultah yang tidak melihat kepada nisab setiap pemegang saham, akan tetapi cukup merujuk kepada nisab syarikat keseluruhannya (al-Amin, 1993).

Perbahasan zakat saham lebih tertumpu kepada jenis syarikat yang mengeluarkan saham. Syarikat ini biasanya dibahagikan kepada dua iaitu syarikat pengeluaran dan syarikat perniagaan (Khalid Ali al-Musyaiqih, 2001). Dalam menetapkan zakat saham, intelektual membahagikan kepada dua jenis syarikat saham iaitu; syarikat pengeluaran dan syarikat perniagaan. Sekiranya syarikat tersebut adalah syarikat pengeluaran seperti syarikat perhotelan, syarikat pengangkutan laut mahupun darat, syarikat penerbangan dan seumpamanya. Pendapat sebahagian intelektual semasa mengatakan saham dalam syarikat seumpama ini tidak dikenakan zakat. Ini berikutan nilai saham tersebut terletak pada peralatan, perkakasan (aset) dan bangunan. Akan tetapi jika terdapat keuntungan daripada saham tersebut kemudian dirangkumkan

dengan keuntungan daripada pemegang saham lain, zakat harta boleh dikeluarkan dalam keadaan tersebut (al-Sadlan, 1417H).

Syarikat saham yang berbentuk syarikat perniagaan, iaitu syarikat yang membeli satu barang dan kemudian menjualnya. Contoh syarikat ini seperti syarikat perniagaan ekspot dan syarikat perniagaan barang dan peralatan. Syarikat saham dalam bentuk ini diwajibkan zakat. Pendapat ini didokong oleh ‘Abdul Rahman ‘Isa dan diterima oleh Wahbah al-Zuhayli (2004) dan al-Bassam (al-‘Aql, 2006).

Namun begitu al-Qaradawi tidak bersetuju dengan pendapat ini yang berpandangan syarikat perniagaan dan syarikat pengeluaran kedua-duanya wajib mengeluarkan zakat. al-Qaradawi menyebut:

“Membeza-bezakan syarikat pengeluaran dengan syarikat perdagangan , di mana syarikat perdagangan dikenakan zakat dan tidak pada syarikat pengeluaran. Ia merupakan satu tindakan yang tidak ada landasannya yang jelas dari al-Quran, sunnah, ijma’ dan qiyas. Tidak ada asasnya mengambil zakat dari saham-saham yang disuntik (atau ditanam) dalam syarikat perniagaan dan mengecualikan bagi saham yang disuntik dalam syarikat pengeluaran, sedangkan saham yang disuntik pada kedua-dua syarikat tersebut adalah modal yang berkembang (subur) dan sentiasa memberikan keuntungan tahunan bahkan keuntungan pada syarikat pengeluaran kadangkala lebih besar.”

Oleh itu didapati dalam mewajibkan zakat bagi saham dalam syarikat pengeluaran dan syarikat perniagaan elemen *al-nama’* telah diambilkira. Kesuburan harta memainkan peranan penting untuk menjelaskan keadilan dalam kutipan zakat saham. Ini disebabkan tidak wajar mewajibkan zakat semata-mata ke atas syarikat perniagaan dan mengecualikan syarikat pengeluaran yang kadang-kala mempunyai keuntungan yang lebih besar.

Zakat Pertanian

Fokus utama zakat pertanian adalah sumber-sumber pertanian yang diwajibkan zakat. Ulama-ulama fiqh berbeza pendapat dalam menentukan jenis sumber-sumber pertanian yang wajib dikeluarkan zakat. Secara asasnya terdapat 4 perbezaan pendapat mengenai isu ini;

- i. Kewajipan zakat pertanian hanya terbatas kepada empat hasil pertanian sahaja (gandum, barli, kurma dan kismis). Ia merupakan pendapat Ibnu 'Umar dan sebahagian ulama' salaf (al-Maqdisi, 1992).
- ii. Semua yang dikeluarkan daripada bumi bertujuan untuk menyuburkan tanah (memperoleh hasil) wajib untuk dikenakan zakat padanya (al-Qaradawi, 1994). Pendapat ini dikemukakan Imam Abu Hanifah (al-Mirghinani, t.t.; Ibn al-Humam, 2003) yang juga merupakan pendapat Umar Abdul Aziz, Mujahid, al-Nakha'I (Ibn al-Humam, 2003) dan Hammad.
- iii. Mensyaratkan bahawa hasil pertanian yang dikenakan zakat mestilah berbentuk makanan asasi yang boleh disimpan lama. Pendapat ini dikemukakan Imam Malik dan Imam al Syafi'I (al-Syafi'i, 2002; al-Qurtubi, 2006; Ibn al-'Arabi, 2003).
- iv. Hanya hasil pertanian yang boleh disukat, tahan lama dan boleh dikeringkan sahaja akan dikenakan zakat. Pendapat ini didokong Imam Ahmad (al-Maqdisi, 1992).

Pandangan Imam Abu Hanifah relevan pada masa kini kerana sumber kekayaan hasil bumi bukanlah terhad hanya kepada jenis-jenis tanaman tertentu sahaja. Di Malaysia perusahaan tanaman dan hasil pertanian (tebu, nenas, limau) juga berkembang pesat dan sewajarnya hasil tersebut perlu dikenakan zakat. Ini secara langsung dapat meningkatkan hasil kutipan zakat pertanian negara dan taraf ekonomi Islam.

Al-Qaradawi (1994) di dalam kitabnya *Fiqh al-Zakah* bersetuju dengan pendapat Imam Abu Hanifah ini. Beliau menyebut:

“Pendapat inilah bertepatan dengan al-Quran dan al-Sunnah, dan ianya juga seiring dengan hikmah pensyariatan zakat, tidaklah dikatakan suatu hikmah sekiranya Allah mewajibkan zakat kepada petani yang menanam barli dan gandum, dan mengecualikan (membayar zakat) pemilik kebun-kebun limau, mangga ataupun epal”

Kenyataan al-Qaradawi ini jelas menyatakan prinsip *al-nama'* perlu dalam kewajiban zakat pertanian. Ini kerana wujudnya tanaman-tanaman baru yang lebih subur dan menguntungkan berbanding tanaman gandum dan barli. Mengambilkira prinsip *al-nama'*, tanaman-tanaman lain seperti epal dan mangga juga perlu dikeluarkan zakat pertanian.

Berasaskan pendapat ini maka semua tanaman yang bertujuan memperolehi hasil perlulah dizakatkan termasuklah tumbuhan hijau sayur-sayuran dan buah-buahan yang tidak tahan lama dan cepat busuk. Zakat pertanian akan dikenakan pada setiap tumbuhan yang sudah menjadi contohnya tumbuhan yang kering dizakatkan apabila ia sudah kering dan tumbuhan yang basah dizakatkan apabila ia sudah masak (al-Qaradawi, 1994).

Zakat tumbuhan hijau diambil mengikut nilai bukan fizikalnya kerana tumbuhan hijau cepat rosak dan busuk. (al-Zuhri, Maimun bin Mihran, al-Auza'I (Abu 'Ubaid, 1989), Ata' al-Khurasani, al-Sya'bi (al-Qarasyi, 1384H).

Manakala hasil tanaman selain padi (keledek, pisang, sawit) yang mendatangkan hasil dan kekayaan kepada pengusahaannya wajar dikenakan zakat (Asmak Ab. Rahman & Joni Tamkin Borhan, 2005).

Kesimpulan

Amat jelas apabila meletakkan *al-nama'* pada satu tahap kedudukan yang penting dalam perbahasan fiqh zakat. Asasnya prinsip *al-nama'* adalah salah satu '*illah* kewajipan zakat bagi sesuatu harta. Apabila memahami kedudukan *al-nama'* serta kepentingannya dalam perbahasan zakat para ilmuan semasa boleh melakukan penyelidikan ijтиhad dan menyelesaikan isu-isu zakat semasa. Kajian ini adalah berbentuk kajian asas (*fundamentals study*) dalam fiqh zakat. Ia masih perlu diperkuuhkan dengan kajian asas lain serta kajian silang seperti analisis dari aspek ekonomi, sosial dan kepentingan negara agar pembentukan hukum zakat semasa bera0saskan prinsip *al-nama'* sentiasa memelihara kemaslahatan umat Islam khususnya.

Bibliografi

- Abu 'Ubaid, Al-Qasim bin Salam (1989). *Kitab al-Amwal*. Beirut : Dar al-Syuruq.
- Al-'Aql, Yusuf 'Abdul 'Aziz (2006). "Zakat al-Asham wa al-Sanadat." Kertas kerja dibentangkan di al-Mu'tamar Aswaq al-Awraq al-Maliah wa al-Burasat, Dubai Chamber of Commerce and Industries, 6-8 Mac 2006.
- Al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajar (2001). *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Imam al-Bukhari*. Riyad: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah.
- Al-Amin, Hasan Abdullah (1993). *Zakat al-Asham fi al-Syarikat Munaqasyah Ba'd al-Ara' al-Hadithah*. Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyyah: al-Ma'ahad al-Islami li al-Buhuth al-Islami.
- al-Ba'li, 'Abdul Humaid Mahmud (1991). *Iqtisadiyat al-Zakat wa I'tibarat al-Siyasah al-Maliyah wa al-Naqdiyah*. Mesir: Dar al-Salam, 1991.
- Al-Baji, Sulayman bin Khalaf (1332H). *Al-Muntaqa Syarh Muwatta' Imam Malik*. Kaherah: Dar al-Kuttab al-Islami.
- Al-Ghazali, Muhammad (2005). *Al-Islam wa al-Awda' al-Iqtisadiyyah*. Kaherah: Nahdah al-Misr.
- Al-Kasani, Abu Bakr bin Mas'ud. *Badai' al-Sanai 'fi Tartib al-Syarai'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003.

- Al-Maqdisi, Ibnu Qudamah (1997). *Al-Mughni*. Riyad: Dar ‘Alim al-Kutub.
- Al-Mirghinani, ‘Ali bin Abu Bakr (t.t.). *Bidayat al-Mubtadi*. Kaherah: Matba’ah al-Futuh.
- Al-Qaradawi, Yusuf (1994). *Fiqh al-Zakah: Dirasah Muqaranah Li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Dau’ al-Qur’an wa al-Sunnah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradawi, Yusuf (2001). *Daur al-Zakah fi ‘Ilaj al-Musykilat al-Iqtisadiyyah wa Syurut Najahiha*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Al-Qarafi, Ahmad bin Idris (2004). *Syarh Tanqih al-Fusul*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Qarasyi, Yahya bin Adam (1384H). *Kitab al-Kharaj*. Kaherah : Al-Matba’ah As-Salafiyyah.
- Al-Qurtubi (2006). *Al-Jami’ li Ahkam al-Qur’an*. Beirut : Mu’asarah al-Risalah.
- Al-Sadlan, Shalih bin Ghanim (1417H). *Zakat al-Asham wa al-Sanadat wa al-Warq al-Naqdi*. Riyadh: Dar Bilnisiah.
- Al-Sarakhsi, Syams al-Din. *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma’rifah, 1978.
- Al-Syafi’i (2002). *Al-Umm*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, 2002.
- al-Zuhayli, Wahbah (2004). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Asmak Ab. Rahman & Joni Tamkin Borhan (2005). “Isu Dalam Kutipan Zakat Pertanian: Kajian di Selangor.” Dalam. Abdullah Alwi Hj. Hassan et al. (ed.), *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ibn al-‘Arabi (2003). *Ahkam al-Qur’an*. Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Ibnu Humam, Kamal al-Din (t.t.). *Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Khalid Ali al-Musyaiqih (2010). *Zakat Kontemporer: Solusi Atas Fenomena Kekinian*. Jakarta: Embun Litera Publishing.
- Muhammad Bakr Isma’il (1997). *Al-Qawa’id al-Fiqhiyyah Bayna al-Asalah wa al-Tawjih*. Maydan al-Hussayn: Dar al-Manar.
- Muhammad Na’im Yasin (1999). Al-Nama’: Mafhumih wa Mawqi’ih min Ahkam al-Zakat. *Hawaliyyah Kuliyah al-Syari’ah wa al-Qanun*, 17: 325-371.
- Zahri Hamat (2004). “Perakaunan Zakat Pendapatan: Satu Kajian Semula.” Kertas kerja dibentangkan di Muzakarah Pakar Zakat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.

02

KEDUDUKAN URUF ZAKAT: TINJAUAN ZAKAT EMAS PERHIASAN

Ummi Farahin Yasin, Noor Naemah Abd. Rahman** &
Muhammad Ikhlas Rosele****

Abstrak

Uruf mempunyai kedudukan yang tersendiri dalam hukum Islam termasuk zakat. Beberapa isu zakat didapati berkait rapat dengan persoalan uruf. Artikel ini melakukan tinjauan kedudukan uruf dalam zakat emas perhiasan. Ia bertujuan menjelaskan uruf sebagai kayu ukur dalam penentuan kadar pemakaian emas perhiasan dan kedudukannya dalam hukum yang telah diputuskan (fatwa). Kajian dilakukan berasaskan data-data kepustakaan dan temu bual berkenaan penentuan kadar pemakaian emas perhiasan beberapa negeri terpilih. Hasil kajian mendapati dalam penentuan kadar pemakaian emas

-
- * Pelajar pascasarjana (sarjana). Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Emel: farahin09@gmail.com
 - ** Profesor Madya (Ph.D), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Emel: naemah@um.edu.my
 - *** Pelajar pascasarjana (Ph.D), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Emel: ikhlas@um.edu.my

perhiasan instrumen uruf diambil kira. Namun terdapat beberapa isu yang timbul dari sudut semasa uruf dan penerimaannya dalam penentuan hukum.

Kata kunci: Uruf, zakat emas, fatwa, emas perhiasan

Pendahuluan

Uruf adalah salah satu sumber hukum Islam yang sangat penting. Ini kerana ia menjadi antara asas keanjalan hukum Islam untuk tempat dan zaman yang berbeza. Ia juga menonjolkan sifat hukum Islam yang universal dan tidak membebangkan. Para intelektual Islam sejak dahulu hingga kini memberi pertimbangan secukupnya terhadap uruf setempat dan sezaman sebelum memutuskan sesuatu hukum.

Uruf menjadi kayu ukur penentuan sesetengah isu-isu zakat seperti jenis zakat fitrah, penentuan kadar kemiskinan, keperluan asas untuk tolakan zakat, kadar pemakaian emas perhiasan untuk dikenakan zakat dan seumpamanya. Artikel ini melakukan kajian mengenai kedudukan uruf dalam penentuan zakat khususnya zakat emas perhiasan. Fokus kajian terhadap kedudukan uruf dalam menentukan kadar uruf pemakaian emas perhiasan untuk penaksiran zakat emas. Tiga lokasi utama tinjauan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Terengganu. Ia satu kajian awal di tiga sampel negeri tersebut untuk melihat peranan dan kedudukan uruf dalam penentuan zakat emas perhiasan.

Konsep Uruf

Definisi uruf kebanyakan ulama merujuk nas al-Quran dan hadis Rasulullah SAW yang membawa lafaz dengan maksudnya yang berbeza. Antaranya uruf diertikan sebagai *ma'ruf*, lawan bagi kalimah

munkar, iaitu kebaikan (al-Fuyumi, 1950). Mahmud ‘Abd al-Rahman pula menyebutkan uruf sebagai kebiasaan yang berlaku bagi manusia (al-Mun’im, t.t.). Selain itu uruf juga ditafsirkan sebagai berturut-turut (al-Mursalat, 77; 1).

Manakala secara istilahnya banyak dikemukakan para ulama antaranya al-Jurjani (t.t.), al-Ghazzali, Shaykh Khallaf (1947), Abu Sunnah (1992) dan termasuklah Wahbah al-Zuhayli (2010) serta Abu Zahrah (2006). Setiap definisi yang dikemukakan tersebut mempunyai pengertian yang hampir sama meskipun dari segi lafaznya berbeza.

Uruf pandangan Wahbah al-Zuhayli (1999);

“Ia adalah setiap yang dibiasakan oleh manusia, ia menjadi suatu perbuatan yang meluas dalam kalangan mereka, atau perkataan yang membawa makna yang khusus akan tetapi ia tidak terdapat secara bahasa (etimologi), dan orang lain apabila mendengarnya tidak akan terlintas maksudnya.”

Berdasarkan kata-kata Wahbah al-Zuhayli uruf secara istilahnya segala bentuk perbuatan atau perkataan yang menjadi kebiasaan sesebuah masyarakat secara berterusan dan sebatи dalam jiwa mereka serta boleh diterima baik akal di samping selari dengan kehendak syarak.

Kedudukan Uruf Dalam Hukum Islam

Pengaruh uruf semakin banyak diketengahkan dalam pelbagai disiplin ilmu termasuklah bidang ibadat, kekeluargaan, kepenggunaan, mualamat, jenayah dan lain-lain. Persoalan uruf sinonim dengan realiti kehidupan masyarakat yang sifatnya sentiasa berubah-ubah. Justeru, uruf menjadi asas perbincangan dalam penentuan atau pembinaan hukum. Atau dalam perbincangan lain disebut juga sebagai penelitian terhadap nilai-nilai semasa dan setempat (Abdul Karim Ali, 1996).

Sistem perundangan Islam mempunyai nilai-nilai fleksibiliti yang mampu disesuaikan dengan perkembangan manusia serta perubahan masa dan suasana.

Menurut Wan Zulkifli Wan Hasan (2009), kesemua sumber (utama dan sampingan) dalam sistem perundangan Islam seperti al-Quran, hadis, ijmak, qiyas, istihsan dan seterusnya, telah memperluaskan lagi nilai-nilai fleksibilitinya. Uruf merupakan sumber yang amat sesuai untuk diambil kira sekiranya berlaku perubahan masa, suasana dan keadaan.

Uruf mempunyai nilai-nilai fleksibiliti kerana memainkan peranan yang penting dalam menafsirkan nas-nas hukum, menghasilkan hukum-hukum baharu serta mengubah hukum-hukum terdahulu yang tidak lagi sesuai dengan keadaan dan realiti semasa.

Dari aspek kefatwaan uruf memainkan peranan penting yang selaras dengan peranannya dalam hukum Islam. Sebelum satu-satu fatwa itu dikeluarkan, sepanjang proses penelitian hukum terhadapnya adalah terikat dengan dialog empat sudut iaitu zaman, kawasan, manusia dan budaya. Hal ini tercatat dalam artikel Ahmad Fawwaz Ahmad Fadzil (2015) bahawa fatwa-fatwa yang berasaskan budaya atau faktor kawasan, zaman dan manusia tidak mungkin sentiasa tetap.

Majoriti ulama menerima uruf sebagai salah satu sumber yang digunakan dalam perundangan hukum Islam (al-'Ulwani, 2003). Hanafiyyah dan Malikiyyah merupakan sebahagian ulama yang menggunakan metode ini secara meluas berbanding ulama lain (Abu Zahrah, 2006; Doi, 1998).

Antara dalil lain yang digunakan adalah hadis *mawquf* yang diriwayatkan Ibn Mas'ud:

"Apa-apa yang dilihat sebagai baik oleh umat Islam, maka ianya juga baik disisi Allah".

‘Abd al-Karim Zaydan (2009) menyebutkan bahawa penghujahan uruf dengan merujuk hadis di atas adalah lemah kerana mengikut sebahagian ulama terdapat keraguan pada status hadis berkenaan. Beliau menyatakan hakikatnya hadis ini merujuk kepada kehujahan ijmak. Melainkan ijmak itu disandarkan kepada uruf yang sahih maka hadis tersebut hanyalah ke atas salah satu bentuk uruf dan bukan ke atas uruf secara mutlak.

Mengikut Abu Zahrah (2006) suatu perkara yang baik (iaitu uruf) menurut masyarakat merupakan perkara yang baik disisi Allah SWT. Malahan tindakan mengabaikan uruf hanya menjerumus masyarakat kepada kesulitan.

Ulama menjelaskan hukum-hakam dalam syariah Islam terbahagi dua jenis (Zaydan, 2009; al-Qattan, 2009) iaitu hukum yang dapat difahami menerusi nas secara jelas (menerusi al-Quran atau sunnah) sama ada tiada atau amat sedikit unsur pemahaman manusia padanya.

Kedua, hukum yang tidak dapat difahami secara jelas menerusi nas. Dengan demikian, ijтиhad para fuqaha’ merupakan *platform* yang digunakan bagi menjawab serta merungkai hukum-hakam bagi jenis yang kedua ini. ‘Abd al-Karim Zaydan menyebutkan banyak permasalahan berlaku bagi hukum jenis yang kedua. Justeru, ruang ijтиhad terbuka luas untuk mendapatkan jawapan hukum tertentu dengan mengambil kira manfaat dan kebaikannya ke atas manusia sekali gus dijelaskan berdasarkan realiti dan keadaan semasa (al-Qaradawi, 2001).

Menurut Paizah Hj Ismail (2010) pengamalan berijтиhad dalam konteks semasa hari ini lebih mesra disebut dengan istilah ‘penyelidikan’. Ramuan pelaksanaannya sebagaimana pemakaian istilah ‘ijтиhad’ tetap sama iaitu *usul al-fiqh* masih juga dijadikan asas dalam pembinaan hukum Islam semasa.

Dalam penyelidikan hukum Islam semasa, uruf dan maslahah merupakan antara sumber subsidiari untuk memahami sesuatu hukum

tertentu (Mahmood Zuhdi, 1997) selepas sumber utama iaitu al-Quran dan sunnah. Dengan mengambil kira skop uruf sebagai sumber yang sangat rapat dan berkait secara langsung dengan keadaan semasa dan setempat (al-Jizani, 2010) sememangnya sumber ini telah diperakui kebanyakan ulama berkenaan pengaruh dan kedudukannya dalam pembinaan hukum semasa. ‘Abd al-Karim al-Khatib (1984) menyebutkan wajib bagi mujtahid meraikan uruf dalam berijtihad.

Menyoroti sebahagian nas-nas al-Quran didapati uruf telah dijadikan sebagai rujukan bagi menafsirkan beberapa kes dan masalah yang berlaku (Abu Zahrah, 2006; al-Qaradawi, 1990). Sebagai contoh penafsiran nas berkenaan kadar kewajipan nafkah yang perlu diberikan. Firman Allah SWT surah al-Talaq [65] ayat 7 bermaksud:

“Hendaklah orang yang mempunyai keluasan memberi nafkah menurut kemampuannya”

Berdasarkan ayat ini kewajipan supaya memberikan nafkah telah jelas. Namun begitu, dari segi kadar yang perlu dikeluarkan berdasarkan kepada uruf setempat. Berkait juga dalam ayatNya berkenaan nafkah kepada isteri yang menyusukan anaknya. Firman Allah surah al-Baqarah [2] ayat 233 bermaksud,

“Dan kewajipan ayah menanggung nafkah dan pakaian mereka dengan cara yang patut.”

Selain itu, kadar mut’ah kepada wanita yang ditalak, firman Allah SWT surah al Baqarah [2] ayat 236 bermaksud:

“Dan hendaklah kamu beri mereka mut’ah, bagi yang mampu menurut kemampuannya dan bagi yang tidak mampu menurut kesanggupannya iaitu pemberian dengan cara yang patut.”

Kesemua proses untuk menentukan kriteria kadar yang *ma’ruf* adalah merujuk kepada uruf semasa. Justeru, berdasarkan sebahagian nas yang dibawakan seperti di atas, realitinya memperlihatkan peranan uruf yang cukup penting. Kedudukan tersebut dalam perkembangan

fiqh tidak ternafi lagi sejak zaman Rasullullah SAW, para Sahabat RA, para imam empat mazhab, ulama kontemporari dan berikutnya. Namun begitu, pengambil kiraan uruf bukan perkara yang boleh dipandang mudah. Ianya perlu kepada penyelidikan yang terperinci dengan penganalisis yang baik dan teratur (Noor Naemah, 2002). Tujuannya supaya uruf yang diambil kira itu selari dengan syariat dan bukanlah dengan penilaian hawa nafsu semata-mata serta mampu memelihara maslahah masyarakat (Husayn Hamid, 1981).

Uruf Dalam Zakat Emas Perhiasan

Fokus utama artikel ini melihat kedudukan uruf dalam penentuan zakat emas perhiasan di Malaysia khususnya. Penentuan hukum zakat emas perhiasan di Malaysia diperolehi daripada keputusan fatwa yang telah diputuskan institusi-institusi fatwa di Malaysia. Oleh itu, perbincangan berdasarkan kedudukan uruf dalam fatwa zakat emas perhiasan di Malaysia.

Penetapan kadar pemakaian emas perhiasan yang dikenakan zakat di setiap negeri bersumberkan uruf. Uruf telah dijadikan sebagai rujukan atau sandaran anggota penyelidik atau ahli jawatankuasa yang terlibat dalam penentuan kadar pemakaian emas yang akan dikenakan zakat. Uruf yang diambil kira sebagai menafsir atau memperincikan persoalan ini sangat memberi impak terhadap kelangsungan pelaksanaannya menurut syarak.

Justeru, perbincangan ini pengambil kiraan uruf dan penentuan kadar pemakaian emas perhiasan yang diwajibkan zakat sangat berhubung kait. Menyoroti perbahasan para fuqaha' *mutaqaddimin*, *muta'akhiran* dan ulama semasa telah membuktikan hubung kait ini termasuk kaedah yang diaplikasikan. Uruf telah dijadikan sandaran utama dalam penghujahan mereka sebelum kadar tersebut diputuskan.

Uruf yang dimaksudkan ialah kadar kebiasaan emas perhiasan yang dipakai majoriti golongan wanita di sesebuah kawasan tertentu. Sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Qaradawi (2006), bahawa zakat wajib dikeluarkan jika pemakaianya mencapai tahap pembaziran dan melebihi kadar kebiasaan. Maka pemakaian emas perhiasan yang melebihi kadar uruf adalah pemakaian yang diwajibkan zakat.

Al-Qaradawi (2006) turut menukarkan kenyataan yang dikemukakan al-Imam al-Nawawi bahawa setiap perhiasan yang diharuskan bagi kaum wanita harus dipakai sekiranya tiada unsur berlebihan (pembaziran) yang nyata. Jika perhiasan tersebut seperti gelang yang dipakai dengan berat 200 dinar, maka yang *sahih* menurut sebahagian besar penduduk Iraq mengharamkannya.

Ini diperkuatkan hadis Nabi SAW yang menunjukkan tuntutan supaya pemakaian emas perhiasan mengikut batasan tertentu. Hadis riwayat Ahmad, al-Nasa'i dan Ibn Majah:

“Makanlah, minumlah dan pakailah dengan tanpa berlebih-lebihan dan tidak pula sompong”

Menerusi hadis di atas dan penjelasan ulama secara umumnya memperlihatkan pemakaian emas perhiasan mestilah pada kadar pemakaian yang tidak berlebih-lebihan atau membazir, iaitu dengan merujuk kepada kadar yang menjadi kebiasaan masyarakat setempat.

Berhubung kait dengan penentuan zakat emas perhiasan di negara ini uruf telah digunakan sebagai asas dalam penetapan kadar pemakaianya. Setiap negeri telah membuat penetapan kadar uruf bagi zakat emas perhiasan. Namun begitu, penetapan kadar uruf tersebut berbeza antara negeri-negeri. Berikut merupakan jadual yang menunjukkan penetapan kadar uruf pemakaian emas yang wajib dizakatkan bagi setiap negeri.

Jadual 1: Kadar Uruf Emas Perhiasan yang Dikenakan Zakat

Bil	Negeri	Kadar Uruf Emas (gram)
1	Kedah (Jabatan Zakat Negeri Kedah)	170
2	Perlis	170
3	Pulau Pinang (Zakat Pulau Pinang)	165
4	Kelantan	Tiada
5	Terengganu	850
6	Pahang	500
7	Selangor	800
8	Wilayah Persekutuan	150
9	Negeri Sembilan	200
10	Melaka	200
11	Sabah	250
12	Sarawak	775
13	Perak	500
14	Johor	850

Sumber; (zakatkedah.com; zakatpenang.com; e-maik.my; terengganu.gov.my; zakatpahang.my; e-zakat.com.my; zakat.com.my; zakatns.com.my; izakat.com; tabung-baitulmal-sarawak.org.my; maiamp.gov.my; maiij.gov.my)

Penentuan kadar pemakaian emas di setiap negeri dengan melakukan kajian institusi fatwa maupun institusi zakat setiap negeri. Kajian dilakukan dengan melihat kadar purata pemakaian emas wanita di negeri masing-masing. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan pakai kaedah tertentu. Contohnya LZS menentukan kadar pemakaian emas di negeri Selangor dengan melihat uruf pemakaian emas masyarakatnya.

LZS melakukan kajian lapangan menggunakan borang kaji selidik. Sebanyak 1952 responden telah memberi maklum balas terhadap borang kaji selidik tersebut. Hasil analisis terhadap borang kaji selidik tersebut mendapat lebih 50% wanita di Selangor melebihi 500 gram. Kajian ini telah mempengaruhi keputusan fatwa di negeri Selangor yang menetapkan kadar uruf pemakaian emas di negeri Selangor ialah (maksima) 800 gram.

Walau bagaimanapun, kadar uruf yang ditentukan setiap negeri adalah berbeza jumlahnya. Hal ini berlaku kerana setiap negeri mempunyai kaedah tertentu yang digunakan sebagai panduan untuk menentukan kadar uruf tersebut. Asasnya, uruf sifatnya berbeza antara satu-satu tempat dan zaman. Namun yang menjadi persoalan adalah perbezaan yang sangat ketara dalam penentuan kadar uruf tersebut sedangkan setiap negeri berada di dalam satu negara yang sama. Bahkan, terdapat negeri yang berdekatan seperti Selangor dan Wilayah Persekutuan (WP) mempunyai kadar uruf yang jauh perbezaannya. Kajian lanjutan mengenai perbezaan kadar uruf ini wajar dilakukan.

Namun kajian ini melakukan tinjauan sejauh manakah uruf di ambil kira dalam penentuan zakat emas perhiasan. Tinjauan telah dilakukan ke atas tiga negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WP), Selangor dan Terengganu.

Jika merujuk kepada jadual 1, kadar uruf zakat emas perhiasan WP adalah 150 gm, Selangor 800 gm manakala Terengganu 850 gm. Ketiga-tiga negeri ini mencatatkan perbezaan kadar uruf yang ditentukan. Selain itu, tiga negeri yang disebutkan mengira zakat daripada lebihan uruf yang dimiliki sahaja. Hal ini kerana terdapat beberapa negeri akan mengira zakat emas perhiasan daripada seluruh jumlah emas perhiasan yang dimilikinya termasuk jumlah kadar uruf pemakaian seperti Perak dan Pahang (Muhsin Nor Paizin, 2014).

Oleh itu, WP, Selangor dan Terengganu berpendapat emas yang digunakan untuk perhiasan tidak wajib dizakatkan dan hanya lebihan daripada uruf pemakaian jika mencukupi nisab dan haul sahaja dikenakan zakat. Berdasarkan tinjauan yang dilakukan, tiga negeri tersebut telah melakukan kajian mengenai kadar uruf zakat emas perhiasan. Kajian-kajian tersebut telah dikemukakan untuk tujuan fatwa dan hasilnya di Jadual 2 berikut;

Jadual 2: Kadar uruf berdasarkan kajian dan fatwa yang diputuskan

Negeri	Tahun Kajian	Keputusan Kajian	Keputusan Fatwa	Tahun Fatwa Diputuskan/Diwartakan
WP	1991/1992	150 gram	150 gram	-
Selangor	2004	500 gram	800 gram	23 Jun 2005
Terengganu	2010	88 gram	850 gram	21 Mei 2006

Berbalik kepada persoalan uruf, dalam penentuan hukum sesuatu yang berkait rapat dengan uruf, maka uruf menjadi kayu ukur kepada keputusan hukum jika memenuhi piawaian berikut (Muhammad Ibrahim, 2009; al-Zuhayli, 2010; al-Qahtani, 2010);

- 1- Uruf itu tidak berlawanan dengan nas-nas syarak. Sekiranya uruf tersebut berlawanan dengan nas maka ianya tidak diambil kira dan tertolak sama sekali.
- 2- Uruf tersebut merupakan amalan majoriti masyarakat secara menyeluruh. Tidak diambil kira sesuatu uruf itu jika pengamalannya hanya melibatkan sebilangan kecil masyarakat sahaja.
- 3- Uruf yang akan dirujuk dalam sesuatu tindakan itu telah wujud ketika mana tindakan itu dilakukan. Iaitu, uruf itu telah mendahului waktu tindakan dan berterusan sehingga berlakunya tindakan tersebut.
- 4- Uruf itu tidak dicanggah dengan sebarang perbuatan yang jelas. Justeru, tidak harus mengambil kira uruf sekiranya wujud perkataan atau perbuatan yang mengenepikan uruf tersebut

Namun jika diamati keputusan fatwa negeri Selangor dan Terengganu masih tidak memutuskan kadar uruf pemakaian emas perhiasan mengikut hasil kajian yang telah dilakukan. Bahkan jurang dapatan kajian uruf pemakaian dan keputusan fatwa adalah begitu jauh. Oleh itu, walaupun kajian dilakukan telah mengambil kira uruf namun ia tidak dapat mempengaruhi keputusan fatwa. Contohnya di Selangor walaupun kajian telah dikemukakan di Jabatan Mufti namun fatwa yang

diputuskan adalah berbeza dengan alasan tidak mahu membebangkan rakyat (Fariz Abdul Razak, 2014). Manakala di Terengganu walaupun kajian telah dikemukakan namun Jabatan Mufti masih menggunakan kadar 850 gram (Syed Mohd Azmi, et.al., 2015).

Wilayah Persekutuan pula, walaupun kajian telah dilakukan namun tidak ada keputusan fatwa yang diputuskan berkenaan kadar uruf pemakaian emas perhiasan. Tambahan pula kajian yang dilakukan pada tahun 1991/1992 adalah berdasarkan uruf ketika itu (Razali Md. Jani, 2014), sedangkan uruf sentiasa berubah-ubah mengikut keadaan zaman dan tempat. Tambahan pula uruf yang sangat berkait rapat dengan situasi ekonomi yang sangat terdedah kepada perubahan. Oleh itu, kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan mengapa uruf berasaskan kajian akademik tidak mempengaruhi keputusan fatwa.

Kesimpulan

alam hukum Islam termasuklah di dalam hukum atau isu zakat. Kajian mendapati dalam isu penentuan kadar pemakaian emas perhiasan, uruf telah diambilkira. Pengambilkiraan uruf dilakukan melalui kajian yang dijalankan secara lapangan. Ini bertepatan dengan tuntutan syarak bahkan ia lebih memberi kemaslahatan kepada masyarakat dalam erti kata zakat tidak akan dikenakan pada harta yang tidak subur (kerana digunakan). Selain itu, zakat juga dikenakan mengikut kadar kemampuan masyarakat berasaskan kayu ukur uruf.

Tinjauan dalam artikel ini mendapati bahawa WP, Selangor dan Terengganu telah melakukan kajian untuk mengenalpasti uruf pemakaian emas perhiasan di negeri masing-masing. Walaupun begitu terdapat persoalan yang timbul iaitu terdapat kajian yang tidak bersifat semasa dan kajian tidak mempengaruhi keputusan fatwa di negeri tersebut. Oleh itu, beberapa cadangan ingin dikemukakan; kajian lanjutan untuk mengenalpasti pertimbangan fatwa terhadap kajian

uruf yang dilakukan, kajian mengenai uruf pemakaian emas perhiasan perlu dilakukan secara berkala kerana uruf sifatnya berubah-ubah dan kajian mengenai perbezaan kadar uruf setiap negeri di Malaysia perlu dilakukan.

Rujukan

- Al-Fuyumi, Ahmad Ibn Muhammad Ibn ‘Ali al-Muqri (1950). *Al-Misbah al-Munir*. Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuhu.
- Al-Mun’im, Mahmud ‘Abd al-Rahman ‘Abd (t.t.). *Mu‘jam al-Mustalahat wa al-Alfaz al-Fiqhiyyah*. Al-Qahirah: Dar al-Fadilah.
- Al-Jurjani, ‘Ali Ibn Muhammad al-Sayyid al-Sharif (t.t.). *Mu‘jam al-Ta‘rifat*. Al-Qahirah: Dar al-Fadilah.
- Khallaf, Abd al-Wahhab (1947). *‘Ilm Usul al-Fiqh*. Al-Qahirah: Jami‘ah al-Nasr.
- Abu Sunnah, Ahmad Fahmi (1992). *al-‘Urf wa al-‘Adah fi Ra‘y al-Fuqaha*. t.t.p: t.p.
- Al-Zuhayli, Wahbah (2010). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Abu Zahrah, Muhammad (2006). *Usul al-Fiqh*. Al-Qahirah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Al-Zuhayli, Wahbah (1999). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Abdul Karim Ali (1996). Nilai-nilai Semasa dan Setempat Dalam Penentuan Hukum: Satu Perbincangan Awal. *Jurnal Syariah*, 7(1).
- Wan Zulkifli Wan Hassan (2009). Nilai-nilai Fleksibiliti dalam Sumber Perundangan Islam. *MALIM, Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara (SEA Journal of General Studies)*, 10.
- Ahmad Fawwaz Ahmad Fadzil (2015). Perubahan Fatwa Satu Keperluan. Dalam *al-Ustaz*, vol. 33. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Al-‘Ulwani, Ruqayyah Taha Jabir (2003). *Athar al-‘Urf fi Fahm al-Nusus*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Doi, ‘Abdur Rahman I. (1998). *Syari‘ah: The Islamic Law*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Zaydan, ‘Abd al-Karim (2009). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Bayrut: Mu’asasah al-Risalah.

- Zaydan, ‘Abd al-Karim (2009). *Madkhal li Dirasah al-Shari ‘ah al-Islamiyyah*. Bayrut: Mu’assasah al-Risalah Nashirun.
- Al-Qattan, Manna‘ (2009). *Tarikh al-Tashri‘ al-Islami*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- al-Qaradawi, Yusuf (2001). *Taysir al-Fiqh li al-Muslim al-Mu‘asarah fi Daw‘i al-Qur‘an wa al-Sunnah*, terj. Zuhairi Misrawi et. al. Jakarta: Pustaka al-Kautsar
- Paizah Hj Ismail (2010). “Ijtihad Sebagai Manhaj Istinbat Hukum dalam Pengeluaran Fatwa.” Dalam *Monografa Ifta’ (Siri 1)*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid (1997). “Hukum Islam Semasa di Malaysia: Prospek dan Cabaran.” Dalam Syarahan Perdana sebagai pengiktirafan jawatan Profesor, di Auditorium Institusi Pengajian Siswazah dan Penyelidikan, Universiti Malaya, 16 Ogos 1997.
- Al-Jizani, Muhammad Ibn Husayn Ibn Hasan (2010). *Ma‘alim Usul al-Fiqh ‘ind Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah*. Al-Dammam: Dar Ibn al-Jawzi.
- ‘Abd al-Karim al-Khatib (1984). *Sadd Bab al-Ijtihad*. Bayrut: Mu’assasah al-Risalah.
- Al-Qaradawi, Yusuf (1990). *Madkhal li Dirasah al-Shari ‘ah al-Islamiyyah*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Noor Naemah Abdul Rahman (2002). Ruang Ijtihad dalam Amalan Fatwa di Malaysia: Sorotan dari Sudut Pentadbiran Fatwa. *Jurnal Syariah*, 10(2).
- Husayn Hamid Hasan (1981). *Madkhal li Dirasah al-Fiqh al-Islami*. Al-Qahirah: Sharikah al-Tubaji.
- Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf Emas Perhiasan di Negeri Selangor Tahun 2004*, Unit Penyelidikan dan Pembangunan Syar’ie, Pusat Zakat Selangor
- Laporan Penuh Kajian Penetapan Uruf Emas Pakai Negeri Pahang Darul Makmur*, 2008, Jawatankuasa Uruf Emas Pakai Negeri Pahang 2008.
- Al-Qaradawi, Yusuf (2006). *Fiqh al-Zakat*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Muhsin Nor Paizin (2014). “Zakat ke atas Harta Emas: Amalan dan Perlaksanaan di Malaysia.” Dalam *Laporan Tahunan 2014, PPZ MAIWP*. Kuala Lumpur: PPZ.

Al-Qahtani, Musfir Ibn ‘Ali (2010). *Manhaj Istinbat Ahkam al-Nawazil al-Fiqhiyyah al-Mu‘asarah*. Bayrut: Dar Ibn Hazm, 2010.

Syed Mohd Azmi Syed Ab. Rahman, Ahmad Tirmizi Taha, Zaharah Salwati Baba & Habshah Muda (2015). “Aplikasi Uruf dalam Penentuan Zakat Perhiasan Emas di Malaysia.” Dalam Nadhirah Nordin, et. al (ed.), *Isu-Isu Fiqh Kontemporari*. Terengganu: UNISZA.

Temubual

Fariz Abdul Razak. Eksekutif Lembaga Zakat Selangor. Temubual pada 20 Mac 2014.

Razali Md. Jani. Pengurus Kanan, Unit Penyelidikan dan Pembangunan Korporat, Pusat Pungutan Zakat, MAIWP. Temubual pada 23 Januari 2014.

03

INSTRUMEN IJTIHAD DAN APLIKASINYA DALAM ISU ZAKAT

Mohamad Zaim Isamail, Mohd Farhan Md. Ariffin** &
Mohd Anuar Ramli****

Abstrak

Ijtihad menjadi suatu keperluan kini berikutan perkembangan semasa dari sudut sosial, ekonomi, politik, sains dan teknologi yang kian pesat. Banyak isu baru yang perlukan jawapan hukum komprehensif dan relevan sejajar dengan keperluan dan kemaslahatan umat Islam. Kajian ini adalah tinjauan terhadap aplikasi instrumen ijtihad dalam menyelesaikan isu-isu zakat. Antaranya isu pentaksiran zakat, pemotongan hutang, pembiayaan dalam zakat dan memberi zakat kepada orang bukan Islam. Jadi bagaimana untuk membuktikan kepentingan ijtihad dalam menyelesaikan isu-isu semasa ini. Kajian mendapati dalam menangani isu-isu zakat perlu satu cara penyelesaian

*** Pensyarah Kanan (Ph.D), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. emel; mohdanuar@um.edu.my

** Pelajar pascasarjana (Ph.D), Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. emel; al.muqarrobiin89@gmail.com

* Pelajar pascasarjana (Ph.D), Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. emel; areim89@gmail.com

yang efektif. Hal ini mampu mendatangkan kemaslahatan kepada umat Islam sama ada pembayar zakat atau penerima zakat. Oleh itu, instrumen ijтиhad dilihat relevan untuk diaplikasi sebagai satu metod dalam menyelesaikan persoalan dan isu zakat.

Kata kunci: Ijtihad, maslahah, zakat, isu semasa.

Pendahuluan

Pada asasnya perubahan zaman dan tempat telah menyebabkan beberapa isu hukum timbul. Terutamanya bagi isu-isu yang tidak ada penjelasan yang terang di dalam al-Quran, hadis, ijma' maupun dalam karangan fiqh silam. Begitu juga halnya bagi hukum-hukum yang telah diputuskan namun ia tidak bersesuaian dengan realiti semasa. Oleh kerana itu, instrumen ijтиhad menjadi sesuatu yang penting dalam menyelesaikan isu-isu tersebut.

Instrumen ijтиhad ini menggambarkan keanjalan syariah Islam agar ia sentiasa memenuhi keperluan umat Islam sepanjang zaman. Justeru ia tidak boleh dinafikan keperluannya sebagai penyelesai persoalan umat Islam. Walaupun pada asasnya, ijтиhad sukar diaplikasikan kerana syarat-syarat ketat yang telah digariskan ulama sehingga orang yang berkelayakan sahaja mampu melakukannya. Namun, perkembangan semasa yang mendesak atas keperluan ijтиhad beberapa alternatif ijтиhad semasa telah diwujudkan seperti ijтиhad kolektif (*jama'i*), ijтиhad *juz'i*, ijтиhad *tarjihi*, dan seumpamanya.

Alternatif atau lebih tepatnya bentuk ijтиhad semasa tersebut dibangunkan oleh cendikiawan semasa bagi menyelesaikan isu semasa dalam pelbagai lapangan. Artikel ini menjelaskan konsep ijтиhad dan aplikasinya dalam lapangan hukum khususnya kedudukan ijтиhad dalam persoalan zakat.

Konsep Ijtihad Kontemporari

Keperluan ijtihad kontemporari bagi menangani isu zakat semasa kini berada pada tahap mendesak. Kegagalan memenuhi tuntutan ini boleh menyebabkan banyak urusan zakat menjadi terbengkalai. Sedangkan pengaruh hukum Islam sebagai solusi dalam masyarakat akan bertambah pudar. Bagi memenuhi keperluan ini pihak berkapasiti perlu memikul tanggungjawab untuk melaksanakan ijtihad agar isu-isu zakat semasa dapat ditangani dengan baik. Dalam masa yang sama, fungsi zakat sebagai sistem jaminan sosial dan keadilan sosial dapat dipertahankan (Abdurrachman, 2001).

Era kemajuan yang dialami masyarakat Islam menimbulkan banyak persoalan baharu dalam aspek kehidupan. Ia bukan sahaja mencabar warisan tradisi masyarakat dan agama, tetapi juga nilai hidup kontemporari. Kemajuan ini mengakibatkan perubahan yang ketara dalam banyak perkara sama ada dari segi fizikal atau material dan juga dari segi moral serta spiritual. Secara umumnya, kebanyakan persoalan baharu ini tidak pernah ada pada waktu hukum Islam disimpulkan dalam kitab-kitab fiqh klasik. Ia benar-benar bersifat kontemporari dan juga tidak pernah diketahui para fuqaha terdahulu malah sesetengahnya mungkin tidak pernah terfikir bakal terjadi.

Tegasan ini dibuat Dr Mahmood Zuhdi Abd Majid, bahawa aplikasi syariah Islam dalam sejarah membuktikan kemungkinan boleh dilakukan pembaharuan hukum berdasarkan berlakunya perubahan masa dan tempat. Pandangan para sarjana hukum Islam zaman keemasan merupakan kemuncak pemikiran hukum Islam yang tinggi nilainya. Namun ketinggian itu tidak boleh menjadi alasan untuk mengekalkannya sebagai kemuncak bagi setiap zaman dan dalam semua keadaan. Apa pun juga nilainya, pandangan dan fatwa mereka masih terikat dengan hakikat sebagai hasil pemikiran manusia yang tertakluk kepada pengaruh masa dan tempat. Tidak seperti wahyu yang kebenarannya mutlak dan abadi (Mahmood Zuhdi, 2001).

Dalam mentakrifkan ijтиhad, terdapat pelbagai huraian yang diberikan. Di antaranya al-Ghazali (1993) mentakrifkan ijтиhad sebagai mencurahkan segala kemampuan seorang mujtahid dalam memperolehi hukum Syarak. Al-Amidi (t.t.) menghuraikan ijтиhad sebagai pengerahan seluruh kemampuan mujtahid dalam mencari hukum-hukum syari'at yang bersifat zanni (diduga kuat kebenarannya) sehingga ia merasa tidak sanggup lagi mencari tambahan kemampuan untuk hal itu". Dengan demikian dalam berijтиhad harus ada tiga unsur berikut:

1. Usaha mengerahkan seluruh kemampuan rasional seoptimum.
2. Tujuannya untuk menghasilkan hukum yang *zanni*.
3. Sifatnya '*amaliah*', bukan masalah akidah.

Mahmood Zuhdi (2010), menegaskan dua faktor yang diambilkira dalam ijтиhad kontemporari, iaitu:

1. Prinsip syariah yang universal. Prinsip ini merupakan idealisme yang mempunyai nilai mutlak dan tidak akan berubah untuk selama-lamanya. Ia turut bersifat anjal dalam melayani perubahan masyarakat dari semasa ke semasa.
2. Realiti masyarakat yang menjadi wadah kepada perlaksanaan hukum itu sendiri. Realiti ini sentiasa terdedah kepada pelbagai perubahan dari tempat ke tempat dan dari masa ke masa.

Berdasarkan hakikat itu, ijтиhad kontemporari dapat dijalankan dengan mencurahkan seluruh tenaga dan kemampuan berfikir untuk mencari solusi hukum terhadap pelbagai persoalan baharu yang timbul masa kini dengan mengambilkira realiti perubahan sosio-budaya di samping latar belakang keilmuan semasa. Ijтиhad ini selain melibatkan isu-isu baharu timbul ia juga merangkumi isu-isu lama yang diberikan interpretasi baharu sesuai dengan perkembangan zaman.

Menurut al-Qaradawi, terdapat dua bentuk ijтиhad yang boleh diaplikasikan pada masa kini. Pertama, *al-Ijtihad al-Intiqā'i* (الاجتهاد بالانتقائي), iaitu ijтиhad komparatif selektif dengan meneliti kembali

(re-ijtihad) hasil ijtihâd sarjana hukum Islam terdahulu berserta dalil-dalilnya yang terdapat warisan fiqh klasik, membuat perbandingan antara satu sama lain, kemudian memilih pendapat yang lebih kuat (tarjih). Kriteria yang digunakan dalam memilih pendapat yang kuat termasuklah:

1. Pendapat tersebut hendaknya lebih sesuai dengan kehidupan orang zaman sekarang.
2. Pendapat tersebut hendaknya lebih banyak memberikan rahmat bagi umat manusia.
3. Pendapat tersebut hendaknya lebih dekat kepada kemudahan yang diberikan syariat.
4. Pendapat tersebut lebih utama dalam mewujudkan syariat, memberikan kemaslahatan bagi makhluk dan menjauhkan mereka dari kerosakan (al-Qaradawi, 1985).

Bentuk kedua adalah ijtihâd *insya'i* (اجتهاد الإنساني), iaitu ijtihad konstruktif inovatif, dengan menetapkan hukum atas berbagai masalah baharu yang tidak pernah diketahui sarjana hukum Islam terdahulu kerana belum wujud lagi permasalahan tersebut pada zaman silam, atau dalam masalah lama tetapi sarjana hukum Islam kontemporari mempunyai pendapat baharu yang belum pernah dikemukakan oleh ulama-ulama terdahulu (al-Qaradawi, 1985).

Dalam ijtihad bentuk yang kedua, penguasaan terhadap pengetahuan baharu berkaitan persoalan tersebut, di samping pengetahuan yang menjadi persyaratan ijtihad itu sendiri adalah signifikan. Untuk itu, *ijtihad jama'i* atau kolektif sangat diperlukan. Ini kerana keterbatasan pengetahuan seseorang seiring dengan semakin ketatnya pengkhususan disiplin ilmu pada masa kini, menjadikan *ijtihad fardi* atau individu dilihat kurang relevan. Sebagai contoh, dalam isu perluasan tafsiran asnaf zakat, sukar bagi sarjana hukum Islam untuk menetapkan hukum dengan tepat tanpa bantuan daripada pakar sosial.

Sarjana hukum Islam perlu mendengar dahulu pendapat pakar dalam bidang sosial baru kemudiannya dibincangkan perbahasan dari disiplin *usul al-fiqh* untuk berijtihad. Justeru, ijтиhad kolektif pada masa kini lebih relevan dan signifikan selaras dengan perkembangan kontemporari, seiring dengan pembidangan serta pengkhususan ilmu semasa (al-Qaradawi, 1985).

Dalam melaksanakan ijтиhad dalam isu zakat semasa, para sarjana hukum Islam hendaklah berada dalam kerangkanya yang sebenar. Iaitu dengan memahami konsep semasa yang kontemporari dari akar umbinya hingga ke pucuknya. Bukannya mencanangkan pandangan fuqaha secara luarannya sahaja dengan tidak melibatkan fungsi asasnya sebagaimana yang dinamakan Mahmood Zuhdi (2001) sebagai “perubahan secara kosmetik”.

Kesimpulannya, ijтиhad kontemporari lebih melihat kepada faktor peredaran zaman yang menjadi sebab perlunya keanjalan pemahaman terhadap data pasang siap. Penyelesaiannya berasaskan realiti semasa dan diselesaikan para ulama semasa merangkumi seluruh dunia Islam. Justeru, peranan ijтиhad adalah besar sekali dalam syariah Islam kerana ia bukan sahaja dalam masalah pembinaan hukum Islam malahan dalam pelaksanaan hukum Islam yang telah sedia ada.

Oleh kerana pembinaan hukum yang berasaskan ijтиhad itu sifatnya relatif maka kerana itu proses ijтиhad terus diperlukan bagi menyemak semula sesuatu hukum yang bersifat relatif. Mungkin kerana latar belakang yang mendasari sesuatu hukum itu telah mengalami kesan perubahan corak hidup dan budaya masyarakat. Maka ijтиhad inilah yang memberi ruang kepada masyarakat untuk memperolehi tawaran penyelesaian bagi perkara-perkara baharu yang timbul dalam masyarakat.

Ijtihad Dalam Bidang Zakat

Zakat tergolong dalam ibadah yang wajib dilakukan setiap mukallaf. Kedudukan zakat sebagai ibadah maka pengaplikasian ijтиhad dalam ruang lingkupnya dipersoalkan. Kebanyakan ulama usul fiqh secara umumnya melarang untuk ijтиhad dalam perkara ibadah. Perkara ini jelas apabila wujudnya kaedah *la qiyas fil ibadah* (Waqi', t.t.), sedangkan instrument qiyas adalah sebahagian daripada bentuk ijтиhad (a;-Syaukani, t.t.). Walau bagaimanapun kenyataan ini memerlukan penjelasan dan huraihan.

Menurut Abd Malik al-Sa'di (2002), ijтиhad atau qiyas yang dilarang dalam ibadah sepertimana yang dimaksudkan adalah perkara ibadah yang tidak diketahui maksudnya contohnya bilangan rakaat solat dan bilangan pusingan tawaf. Kenyataan ini disokong dengan beberapa situasi; antaranya dialog Umar al-Khattab dengan Rasulullah SAW mengenai tidak batal puasa seseorang yang bercium dengan isterinya kerana diqiyaskan dengan berkumur-kumur ketika berpuasa (al-Baihaqi, 2003).

Begitu juga Uthman al-Affan yang mewujudkan dua kali azan pada solat Jumaat dengan dua kali azan pada solat subuh yang disyariatkan pada zaman Rasulullah SAW (Muhammad Sayyid, 2009).

Namun jika diteliti hasil ijтиhad yang berlaku didapati ia bukanlah ijтиhad yang dilakukan atas inti sesuatu ibadah namun hanya kepada *furu'* (cabangan) ibadah. Oleh itu untuk melakukan ijтиhad dalam skop ibadah perlu berhati-hati dan terbatas. Prinsip ini seperti yang diaplikasikan al-Utsaimin dalam menjawab persoalan menjama'kan solat Asar kepada solat Jumaat dengan menqiyaskannya kepada solat Zohor, menurut beliau qiyas tersebut tidak boleh dilakukan berasaskan prinsip *la qiyas fil ibadah* (al-Sulaiman, 2002).

Berkenaan ijтиhad dalam fiqh zakat pula, menurut al-Qaradawi pada asasnya dalam perkara ibadat tidak dibolehkan dan tidak mungkin

untuk dilakukan ijtihad. Hal ini berikutan kesamaran *illah* (sebab) hukum dalam kebanyakan ibadat, seperti *illah* diwajibkan berpuasa, *illah* menunaikan solat lima waktu dan selainnya. Tambahan pula hukum ibadat perlu dipatuhi secara *ta'abbudi*. Walaupun begitu, zakat tidak seperti ibadah yang lain, ia mempunyai sifat yang berbeza. Zakat bukanlah hukum *ta'abbudi* keseluruhannya bahkan ia merangkumi tanggungjawab sosial, kewangan dan sistem ekonomi negara. Zakat juga adalah ibadah yang mendatangkan masalah secara jelas dalam kehidupan manusia, jelas di dalamnya illat-illat yang boleh dijadikan bahan ijtihad dan qiyas (Yusuf Qardawi, 2011).

Ijtihad Dalam Isu-Isu Zakat

Zakat tidak hanya sifatnya sebagai ibadah bahkan ia merupakan hak yang wajib ditunaikan untuk kemaslahatan manusia. Ia merupakan sebahagian daripada sistem kewangan, sosial dan ekonomi. Justeru itulah pendekatan ijtihad boleh teraplikasi dalam menyelesaikan isu-isu zakat (al-Qaradawi, 1994).

Ia juga mengandungi hikmah, manfaat dan dapat memberikan kemaslahatan yang sangat besar dan mulia, sama ada terhadap pemberi zakat, penerimanya, harta yang dizakatkan, maupun terhadap masyarakat keseluruhannya (Didin Hafidhudin, 2002).

Oleh kerana itulah dalam menyelesaikan isu-isu zakat atau menetapkan sesuatu hukum zakat perlulah meraikan kemaslahatan tersebut. Terdapat beberapa isu zakat yang diperbincangkan para intelektual Islam yang meletakkan masalah sebagai asas penentuan hukum bagi isu zakat. Antara isu-isu yang diperbincangkan adalah memperbanyakkan jenis harta yang wajib dikenakan zakat, meluaskan skop asnaf zakat, membayar zakat dengan menggunakan wang tunai dan sebagainya. Walaubagaimanapun kertas kerja ini hanya melakukan tinjauan kepada beberapa isu zakat sahaja.

Mengutip Zakat dari Sumber Baharu

Pada hari ini telah wujudnya begitu banyak sumber-sumber kekayaan manusia. Hal ini sejajar dengan perkembangan dunia ekonomi dan eksplorasi sumber bumi yang dilakukan manusia. Hasilnya wujud beberapa sumber ekonomi dan kekayaan baharu seperti petroleum, sawit, getah dan tumbuh-tumbuhan komersial yang lain. Selain itu, bentuk-bentuk memperolehi dan memperkembangkan harta juga dilihat berkembang dari perniagaan berbentuk individu kepada perniagaan berbentuk syarikat.

Begitu juga perkembangan instrument perlaburan seperti bon, saham dan seumpamanya. Jikalau dahulu unta, lembu dan kambing merupakan binatang ternak namun hari ini wujud binatang lain yang telah diternak seperti rusa, kuda, alpaka dan seumpamanya. Begitu juga halnya wujud binatang kacukan antara binatang wajib zakat dengan binatang tidak wajib zakat seperti selembu (lembu dikacuk dengan seladang).

Maka para ilmuan semasa perlu memikirkan adakah zakat hanya diwajibkan terhad terhadap sumber-sumber yang wujud di dalam nas seperti zakat emas dan perak, perniagaan, ternakan (lembu, unta dan kambing) dan pertanian (kurma, gandum, barli dan kismis) sahaja. Jika diamati sumber-sumber baharu yang wujud pada hari ini lebih subur dan mendatangkan keuntungan pada pemiliknya. Atas alasan itu perlulah wujud usaha untuk melakukan ijtihad dalam mengenalpasti status zakat sumber-sumber baharu yang wujud hari ini dengan mengambil kira realiti ekonomi dan sosial semasa.

Memberi Zakat kepada Orang Bukan Islam bagi Tujuan Dakwah

Secara asasnya pengagihan zakat diberi keutamaan kepada umat Islam kerana fungsi zakat membantu umat Islam yang susah. Walau

bagaimanapun adakah dibolehkan untuk memberi zakat kepada orang bukan Islam bagi tujuan dakwah. Ulama bersepakat bahawa zakat tidak boleh diberikan kepada orang kafir harbi, namun mereka berbeza pendapat mengenai kafir zimmi yang miskin (al-Qaradawi, 1994).

Menurut mazhab Syafi'i pemerintah diharuskan memberi zakat kepada orang bukan Islam berdasarkan siasah dan keperluan bagi tujuan dakwah (al-Nawawi, 1980). Walaupun pada asalnya adalah tidak harus memberi zakat kepada orang bukan Islam (al-Nawawi, 1980). Namun jika mereka yang diberi zakat itu adalah cenderung kepada Islam, mereka termasuk golongan *muallafah qulubuhum* yang harus menerima zakat (al-Nawawi, 1980; al-Syirazi, 1995).

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Umat Islam Malaysia Kali Ke-79 yang bersidang pada 6 - 8 September 2007 telah membincangkan Hukum Memberi Zakat Kepada Orang Bukan Islam Bagi Tujuan Dakwah. Muzakarah telah memutuskan bahawa pengagihan zakat perlu diberi keutamaan kepada umat Islam mengikut asnaf-asnaf yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, pemerintah diharuskan memberi zakat kepada orang bukan Islam berdasarkan siasah dan keperluan secara hikmah bagi tujuan dakwah.

Penentuan hukum ini jelas mendatangkan manfaat kepada agama Islam dan memberi kemaslahatan kepada umat Islam. Perbuatan memberi zakat kepada orang bukan Islam dapat mendekatkan mereka kepada agama Islam dan menghilangkan salah faham mereka terhadap momokan yang memburukkan agama Islam. Di samping itu perbuatan ini dapat menambahkan umat Islam serta memberikan kekuatan dari sudut fizikal, mental dan material.

Kaedah Pentaksiran Dalam Menentukan Kadar Zakat

Pada dasarnya, isu kaedah pentaksiran dalam menentukan kadar zakat pertanian ulama berbeza pendapat apabila terbahagi dua iaitu golongan

yang mengatakan sah menggunakan kaedah pentaksiran dan satu lagi golongan yang mengatakan tidak sah. Hujahan dua golongan ini:

- i. Jumhur Ulama. Mengikut Jumhur Ulama menggunakan kaedah pentaksiran adalah sah dengan berhujah dalil daripada hadis Nabi SAW (al-Maqdisi, Ibn Qudamah, 1992).
- ii. Imam Abu Hanifah pula berbeza dengan Jumhur Ulama. Beliau berpendapat kaedah pentaksiran adalah tidak sah dengan hujahan bahawa kaedah pentaksiran merupakan satu bentuk anggaran dan agakkan. Anggaran dan agakkan tidak boleh dijadikan sumber hukum (al-Qaradawi, 1994).

Kedua-dua golongan ini metodologi ijтиhad yang tersendiri dalam membahaskan isu ini. Walau bagaimanapun pendapat golongan yang pertama lebih relevan kerana ia lebih mendatangkan maslahah. Pentaksiran zakat pertanian meraikan kemaslahatan bagi kedu-dua belah pihak sama ada pemilik harta maupun golongan yang berhak menerima zakat. Pemilik harta akan bebas menggunakan hartanya selagi mana tidak menjelaskan kadar zakat yang telah ditentukan, manakala amil yang bertindak sebagai wakil golongan yang berhak pula telah mengetahui hak mereka yang boleh diambil (al-Syirazi, 1995).

Oleh itu, pentaksiran wajar dilakukan ke atas semua jenis sumber-sumber pertanian yang layak dikenakan zakat. Ia dapat melancarkan perakaunan zakat pertanian, mampu menjamin keakuruan petani untuk membayar zakat serta memudahkan para petani melakukan urusan terhadap hasil pertaniannya dan memudahkan pengutip zakat dalam melakukan urusan berkaitan perlaksanaan zakat pertanian. Kaedah pentaksiran juga boleh dilakukan ke atas sumber zakat lain seperti zakat wang, contohnya zakat harta bagi sesebuah syarikat. Pentaksiran perlu dilakukan untuk syarikat bagi mengelakkan sebarang cubaan untuk tidak mahu membayar zakat. Pentaksiran bagi sesebuah syarikat boleh dilakukan dengan bantuan juru akaun ataupun juru audit.

Kesimpulan

Ijtihad merupakan instrument penting dalam penentuan hukum Islam. Oleh itu, dalam isu-isu zakat didapati wujud pemakaian ijtihad. Ketiga-tiga isu yang dibincangkan sebelum ini jelas menunjukkan amalan ulama berijtihad dalam isu-isu zakat. Atas sandaran ini dicadangkan agar amalan ijtihad dalam isu zakat perlu diteruskan. Ia menjadi suatu keperluan berikutan perkembangan semasa yang telah mewujudkan persoalan-persoalan baru zakat yang timbul dan perlu diselesaikan. Ijtihad boleh dilakukan dalam pelbagai keadaan seperti ijtihad *juz'i* dan ijtihad kolektif. Malahan boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk seperti ijtihad *tarjih* dan ijtihad *istinbati*. Selain itu pelbagai metod ijtihad boleh diaplikasikan seperti ijtihad *istislahi*, ijtihad *'urfî* dan ijtihad *maqasidi*.

Rujukan

- Abdurrachman Qadir (2001). *Zakat Dalam Dimensi Mahdhah dan Sosial*. cet. 2, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- ‘Ali bin Muhammad al-Mawardi. (1994). *al-Hawi al-Kabir fi Fiqh al-Mazhab al-Imam al-Syafi’i*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- ‘Ali bin Sulaiman al-Mardawi (1998). *al-Insaf fi Ma’rifah al-Rajih min al-Khilaf ‘ala Mazhab al-Imam Ahmad ibn Hanbal*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Abu ‘Ubaid al-Qasim bin Salam (1989). *Kitab al-Amwal*. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Abu Bakr bin Ma’ud al-Kasani, *Bada’i’ al-Sanai’ fi Tartib al-Syarai’* (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 2: 394.
- Ade Fariz F. (2008), “Ijtihad Istislahi (Kajian Alternatif Dalam Penerapan Hukum Kewarisan Islam di Indonesia)”, *Hukum Islam*, VIII (1), 27-40.
- Ahmad Mokhtar ‘Umar (2008). *Mu’jam al-Lughat al-‘Arabiyah al-Mu’asirah*. Kaherah: ‘Alim al-Kutub.

- al-'Alim, Yusuf Hamid (1994). *al-Maqasid al-'Ammah Li al-Syariat al-Islamiyyah*. Riyadh: al-Dar al-'Alamiah Li al-Kutub al-Islami.
- al-Ghalayini, Mustafa (1986). *Jami' al-Durus al-'Arabiyyah*. Beirut: Mansyurat al-Maktabah al-'Asriyah.
- al-Ghazali, Abu Hamid (1993). *al-Mustasfa Min 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- al-Khalil, Ahmad bin Muhammad (1428H). *Zakat al-Madin wa Tatbiqatuhu al-Mu'asirah*. Riyad: Dar Ibn al-Jauzi.
- al-Maqdisi, Ibn Qudamah. (1992). *Al-Mughni*. Kaherah: Hajar.
- al-Mawaq, Muhammad bin Yusuf (1995). *al-Taj wa al-Iklil li Mukhtasar Khalil*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Nawawi (2003). *Raudah al-Talibin*. Riyad: Dar 'Alam al-Kutub.
- al-Nawawi, Yahya bin Syaraf (1980). *al-Majmu' Sharh al-Muhazzab li al-Shirazi*. Jeddah: Maktabah al-Irshad.
- al-Qaradawi. (1994). *Fiqh al-Zakah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qaradawi (1996). *Al-Ijtihad fi Syari'at al-Islamiyah*. Kuwait: Dar al-Qalam.
- Al-Qaradawi, Yusuf (1985), *al-Ijtihad fi al-Syari'ah al-Islamiyah ma 'a Nazharat Tahliliyah fi al- Ijtihad al-Mu'asir*, Kuwait: Dar al-Qalam.
- al-Qarasyi, Yahya bin Adam. (1384H). *Kitab al-Kharaj*. Kaherah: Al-Matba'ah al-Salafiyyah.
- al-Qarafi, Ahmad bin Idris (1994). *al-Dhakhira*. Beirut: Dar al-Gharab al-Islami.
- al-Samaraqandi, 'Ala al-Din (1984). *Tuhfah al-Fugaha*'. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Syaukani, Muhammad bin 'Ali (2005). *Nail al-Awtar*. Mesir: Dar al-Hadis.
- al-Syirazi, Ibrahim bin 'Ali (1995). *al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Zarkasyi, Muhammad (1992). *Al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*. al-Ghardaqah: Dar al-Sofwah.
- al-Zarqa, Mustafa Ahmad (2000), Hukum dan Perubahan Sosial: Studi Komperatif Delapan Mazhab Fiqh, Ade Dede Rohayana terj., Jakarta: Riora Cipta.
- Didin Hafidhudin (2002). *Zakat dalam perekonomian modern*. Jakarta: Gema Insani, 2002.

- H. Hikmat Kurnia & H. A. Hidayat. LC. (2008). *Panduan Pintar Zakat*. Jakarta: Qultum Media.
- Ibn ‘Abidin (1992). *Hasyiah Radd al-Muhtar ‘ala al-Durr al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Abi Syaibah (2006). *al-Musannaf*. Jeddah: Dar al-Qiblah.
- Ibn Hazm (t.t.). *al-Muhalla*. Kaherah: Dar al-Turath.
- Ibn Manzur (t. t.). *Lisan al-‘Arab*. Kaherah: Dar al-Ma’arif.
- Ibn Rusyd (1988). *al-Muqaddimat al-Mumahhidat*. Beirut: Dar al-Gharab al-Islami.
- Qal’aji, M. R., Qunaibi, H. S. & Sanu, K. M. (1996). *Mu’jam Lughat al-Fuqaha’*. Beirut: Dar al-Nafa’is.
- Rif’at Abdul Latif Masyhur (2002). *Zakat Penjana Ekonomi Islam*, terj. Abu Mazaya. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.
- Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (2001), “Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun”, dalam Abdul Karim Ali & Raihanah Hj. Azahari (eds.), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun*. cet. 2, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam.
- Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (2010), *Transformasi Fikah Semasa*. Kuala Lumpur: PTS Islamika

04

ANALISIS PANDANGAN FUQAHĀ ZAKAT PETROLEUM

*Muhammad Pisol Mat Isa**

Abstrak

Petroleum adalah bahan galian atau mineral yang mendatangkan hasil pendapatan lumayan bagi sesebuah negara. Petroleum termasuk dalam bahan galian yang dibahaskan sebagai harta zakat. Namun begitu para fuqaha moden berbeza pandangan mengenai beberapa perkara dalam isu zakat petroleum. Antaranya pemilikan harta petroleum jika ia wujud dalam tanah milik persendirian, kadar Nisab dan kerajaan memberi hak kepada pihak lain (syarikat swasta) untuk menjayakannya.

Kajian ini menganalisis dokumen pandangan para fuqaha daripada empat mazhab utama dan fatwa yang berkaitan dengannya dalam kontek semasa. Kajian mendapati petroleum menjadi milik kerajaan walaupun berada dalam tanah milik persendirian. Ini kerana ia merupakan kejadian Allah SWT sebelum pemilik tanah memiliki harta tersebut. Pihak kerajaan boleh memberi hak pengeluaran

* Pensyarah Kanan (Ph.D), Universiti Teknologi Petronas. Emel; mpisolmatisa@petronas.com.my

kepada mana-mana syarikat yang mampu menguruskannya dengan perjanjian tertentu. Kadar zakat adalah sebanyak 2.5 peratus apabila ia diusahakan syarikat persendirian. Namun begitu jika ia diusahakan kerajaan atau melalui syarikat miliknya maka zakat tidak diwajibkan.

Kata kunci: Zakat Petroleum, Harta Rikaz, *Syakhsiah I'tibariyyah*, Nisab Zakat

Pendahuluan

Perbincangan mengenai hukum zakat petroleum berlaku sejak penemuan petroleum dan bahan mineral lain. Namun para fuqaha semasa berbeza pandangan seperti Majma' Buhuth (Al-Azhar) menghukumkan ia sebagai harta rikaz dan wajib dikeluarkan zakat sebanyak 20 peratus (mazhab Hanafi). Pandangan fatwa Majma' al-Fiqh al-Sudani pendapatan negara dari sumber petroleum tidak wajib dizakatkan kerana ia harta awam dan untuk kegunaan awam. Kecualilah ia bersifat untuk pelaburan bagi mendapat keuntungan. Majma' berpendapat ia wajib mengeluarkan zakat atas dasar pelaburan dan pemimpin sebagai pemilik secara *shakhsiah I'tibariyyah*. Kekhilafan para fuqaha dalam perbincangan isu zakat petroleum adakah petroleum termasuk dalam harta *rikaz* atau tidak.

Dalil-dalil Al-Quran dan Hadis mengenai zakat galian (petroleum):

“Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi.”

(Surah al-Baqarah, 2: 26)

Dari Abi Hurayrah berkata Rasullulah SAW bersabda;

“Kemusnahan binatang (ternakan) adalah terbatal (tiada diyat), telaga (tercedera atau mati kerana jatuh dalam telaga) adalah terbatal, galian

(tercedera atau mati kerana mengeluarkan galian) adalah terbatal dan pada harta rikaz adalah satu perlima.”

(al-Baghawi, 2003), (Imam Muslim, 2004), (al-Hamidi, 2002)

Definisi dan Hukum

Adakah petroleum termasuk dalam harta rikaz? Para fuqaha kontemporari berbeza pandangan berikutnya berdasarkan perbezaan fuqaha klasik mengenai harta *rikaz*.

Perbahasan para fuqaha klasik;

- I. Takrifan Mazhab Hanafi harta rikaz adalah harta yang tersimpan di dalam bumi bezanya hanya antara harta ciptaan Allah secara azali iaitu harta galian dan harta simpanan manusia iaitu harta *al-kanz*. Namun kedua-duanya termasuk dalam harta rikaz yang diwajibkan zakat padanya.
- II. Jumhur fuqaha seperti Maliki, Shafie dan Hanbali mentakrifkan harta rikaz dan galian adalah berbeza. Mereka berpendapat galian adalah harta yang dijadikan Allah iaitu *ma'adin* manakala rikaz harta yang disimpan manusia. Istilah penggunaannya sebagai *dafin al-jahiliyyah* atau simpanan orang jahiliyyah.

Berdasarkan perbahasan itu dapat disimpulkan para fuqaha sepakat galian adalah ciptaan Allah SWT cuma ia sebagai harta rikaz atau tidak.

Isu Pemilikan Harta Galian

Bagi isu pemilikan harta galian jumhur fuqaha berpendapat jika ia wujud dalam kawasan yang bukan milik perseorangan maka pemilikannya berpindah hak Negara. Khilafnya jika harta tersebut wujud dalam milik orang perseorangan. Fuqaha Hanbali berpendapat

pemilikan harta galian hendaklah diberi kepada pemilik tanah kerana ia adalah sebahagian daripadanya. (Ibn Qudamah, 1994).

Mereka bersandarkan kepada tindakan Nabi SAW yang menyerahkan tanah di Qabayliyyah kepada Bilal bin Harith dari atas puncak bukit dan lembahnya. Maka Bilal mengusaha tanah tersebut untuk mengeluarkan galian dan Baginda SAW mengambil zakat darinya sungguhpun harta tersebut tetap menjadi milik negara.

“Sesungguhnya Nabi SAW memutuskan (menyerahkan) galian al-Qabayliyyah kepada Bilal bin Harith dan galian ini diambil dengan syarat membayar zakat padanya sehingga hari ini.”

[Ibn’Athir (1989), al-Bayhaqii (1994), al-Asqalani (2010), IbnQudamah 1994]

Maliki berpandangan ia merupakan harta negara dengan sandaran dalil hadis Abi Dawud;

“Seorang sahabat Nabi SAW daripada Muhajirin berkata, aku telah berperang bersama dengan Nabi SAW dan aku mendengar Baginda bersabda; tiga perkara orang Islam berkongsi padanya iaitu rumput, air dan api

(Abu Dawud, 1994)

Maliki memperincikan pandangannya:

- i. Jika harta galian tersebut bukan dalam milik seseorang maka ia adalah milik kerajaan. Pihak kerajaan berhak untuk memberi kepada sesiapa untuk menguruskannya.
- ii. Jika ia terdapat dalam milik seseorang maka ia adalah milik negara. Ini kerana harta tersebut tidak dikhususkan kepada sesiapa pemilik bumi iaitu Allah SWT.
- iii. Jika ia terdapat dalam negara yang diperolehi secara perperangan dan secara perjanjian (bersedia menjadi sebahagian taklukan Islam) bagi jenis pertama adalah milik kerajaan Islam manakala jenis kedua, menjadi milik penduduk negara terabit.(al-Dusuqi, t.t.)

Kewajipan zakat harta galian menjadi perbincangan dan khilaf di kalangan fuqaha.

Para fuqaha Hanafi, Maliki, Shafie dan Hanbali secara jumhur berpendapat zakat galian tidak memerlukan *hawl* (Ibn Qudamah, 1994) cuma mereka berbeza pada kadar nisabnya.

- i. Pandangan Hanafi sebagaimana yang disebut di atas bahawa galian adalah termasuk dalam harta rikaz dan kewajipan zakat adalah 20% seperti mana harta rikaz yang lain. (Ibn ‘Abidin, 1992)
- ii. Mazhab Shafie, Hanbali dan Maliki berpendapat hanya galian daripada emas dan perak sahaja yang dikenakan zakat. Kadar zakat adalah sebanyak 2.5% sebagaimana kadar biasa nisab emas dan perak tanpa menunggu *hawl*.(Al-Baji, t.t.) (Imam al-Nawawi, 1996), (al-Shafie, 1990), (Abu Ishaq, 2003). Sebahagian fuqaha Maliki berpendapat jika usaha memperolehi galian tersebut tanpa kos maka kadar zakat adalah sebanyak 20%. (Al-Baji, t.t.)
- iii. Mazhab Hanbali berpendapat bahawa semua galian yang dikeluarkan daripada bumi adalah tertakluk kepada harta zakat berdasarkan kepada dalil Surah al-Baqarah ayat 367. Jumlah zakat adalah sebanyak 2.5%, dan ia tidak perlu menunggu tempoh *hawl*. (Ibn Qudamah, 1994)

Fatwa Majma’ Fiqh al-Sudani

Dalam isu pengertian dan hukumnya, Ibn Qudamah menjelaskan semua galian yang dikeluarkan dari bumi adalah kejadian Allah SWT wajib dikenakan zakat (Ibn Qudamah, 1994). Dalam kajian Yusuf al-Qaradawi telah “mentarjihkan” pandangan Ibn Qudamah dalam pengertiannya mengenai galian (al-Qaradawi, 1981).

Fatwa Majma’ Fiqh al-Islami di Sudan bertarikh 15 Januari 2006, yang merujuk Mazhab Hanbali mengeluarkan fatwa bahawa;

- i. Petroleum adalah galian yang wajib dikenakan zakat sebanyak 2.5%.
- ii. Perolehan negara daripada hasil petroleum adalah harta awam dan ia tidak dikenakan zakat kecuali ia dibuat pelaburan untuk menjana pendapatan.
- iii. Entiti pelaburan yang menjadi milik penuh negara atau hanya memiliki saham seperti syarikat atau institusi yang berkerja dalam sektor petroleum maka ia adalah wajib dikenakan zakat sebanyak 2.5%.

Fatwa ini turut mengambil kira undang-undang zakat 2001, perkara 18 (1) yang dikeluarkan Diwan al-Zakat Sudan iaitu:

- i. Diwajibkan zakat kepada semua galian sama ada yang cair dan beku (keras) semasa ia dikeluarkan (*tanpa hawl*).
- ii. Kadar nisab galian adalah berdasarkan kepada kadar emas iaitu 2.5% (Qanun al-Zakat, 2001)

Dalam perkara 37 pula tertera dinyatakan tidak dikenakan zakat pada harta-harta berikut;

- i. Harta awam sekiranya ia tidak dijadikan untuk pelaburan.
- ii. Harta yang didermakan secara sukarela untuk tujuan kebaikan.
- iii. Harta waqaf.(Qanun al-Zakat, 2001)

Menurut fatwa Lajnah al-Buhuth al-Islamiyyah bi al-Azhar al-Sharif (26 Mei 2008) adalah wajib memperoleh nilai zakat daripada hasil pengeluaran petroleum sebanyak 20% untuk perbelanjaan secara sharie dalam negara Islam (al-Syarif, 2008)

Zakat atas Pengeluaran Galian

Dalam perbincangan isu pemilikan harta galiani al-Qaradawi, Abdul Aziz bin Baz dan Muhammad Rafit Uthman cenderong kepada pandangan fuqaha Maliki.Pandangan Maliki harta galian menjadi milik

negara dan pemimpinnya boleh menswastakan (syarikat) yang mampu mengusahakannya (Rahman, 2009). Hal ini bertepatan Undang-undang Tanah Negara di kebanyakan Negara bahawa harta galian menjadi milik negara sekiranya harta itu berada pada tahap kedalaman tertentu.

Para Jumhur berpendapat jika harta tersebut diusahakan negara atau pihak syarikat mengendalikan kerja-kerja pengeluaran maka harta negara tidak diwajib zakatkan (Al-Zuhayli, 1989). Manakala syarikat (swasta) sebagai pengeluar galian itu wajib mengeluarkan zakatnya.

Imam al-Dusuqi menyatakan sekiranya harta galian yang diberikan untuk manfaat umat Islam maka ia tidak dikenakan zakat disebabkan ia bukan milik individu.

Imam Dusuqi turut menyuarakan pandangan al-Baji, sekiranya diberikan hak pengeluaran (penswastaan) kepada pihak tertentu (النَّطْعُ) maka pengeluar tidak berhak memiliki, mewarisi atau menjual atas namanya. Pengeluar wajib dikenakan zakat di atas hasil pendapatannya jika mencapai nisab zakat galian .(al-Dusuqi, t.t.)

Dalam isu penswastaan kepada orang tertentu para fuqaha sepakat galian (*al-Zahirah*) seperti air, api dan rumput tidak diberi hak penswastaan.

Terdapat perbezaan pandangan mengenai galian (*al-batinah*) seperti emas, perak, besi, bijih timah dan petroleum. Jumhur fuqaha di kalangan Hanafi, Maliki dan Shafie berpendapat ia harus diberi hak penswastaan disebabkan pengeluarannya menggunakan penggalian, penapisan dan pembersihan. (Al-Sarkhasiy, 1987)

Bagaimana pula hukum bagi syarikat kepunyaan kerajaan atau syarikat berkanun yang menyertai dalam pengeluaran hasil petroleum? Apakah hukum syarikat yang menggunakan dana awam untuk mengembangkan perniagaan dan mendapat keuntungan bagi pihak kerajaan.

Al-Qaradawi berpandangan semua harta jika menjadi milik kerajaan maka urusannya adalah menyamai seperti harta-harta kerajaan yang lain dan tiada zakat dikenakan. (Al-Qaradawi, 1981).

Manakala Undang-undang Zakat Sudan 2001 sebaliknya iaitu harta atau dana awam yang berpotensi untuk berkembang seperti dilaburkan dalam syarikat perniagaan maka ia diwajibkan zakat. Menurut Abdullah Zubair¹ tiada satu pun alasan yang menghalang syarikat milik kerajaan untuk mengeluarkan zakat kecuali syarat pemilikan yang ditafsirkan pemimpin mempunyai *milk al-tam* (mengurus dan membelanjakan harta-harta ini) (Rahman, 2009).

Abdul Wahhab menambah petroleum milik kerajaan adalah *mamluk mu'ayyan* (dimiliki secara jelas) negara dan bersifat *shakhsiyah Itibariyyah* (Rahman, 2009) Mereka turut berhujah dengan pandangan Hasan al-Shaybani dari mazhab Hanafi yang menyebut seseorang imam apabila ia membeli binatang ternakan untuk tujuan perniagaan maka hendaklah ia membayar zakat. (Al-Sarkhasiy, 1987)

Secara asasnya Jumhur Fuqaha bersetuju bahawa dana awam menjadi milik negara dan ia tidak wajib dizakatkan kerana ia telahpun menjadi hak Baitulmal. Fungsi Baitulmal mengagihkan wang zakat yang berhak mengikut keperluan sebuah negara secara adil. Dana awam yang diguna untuk perniagaan dan pelaburan penulis cenderong pandangan al-Qaradawi kerana dana tersebut tetap akan kembali kepada penduduk negara samada muslim atau zimmi. Hujah ini bersandar kepada asas berikut;

- i. Dana awam adalah untuk kegunaan awam, jika zakat dikenakan ia seolah-olahnya akan berlaku *izdawajiyah* iaitu pertindanan bayaran iaitu bayaran zakat dan satu lagi perbelanjaan untuk orang awam.

¹ Beliau adalah seorang Prof Dr. dan Pengarah Pusat Kajian di Jamiah al-Quran al-Karim al-Ulum al-Islamiyyah, Sudan.

- ii. Pengeluaran zakat bagi dana awam ini akan mewujudkan pemilik tetap *milk mustaqir* iaitu pemimpin syarikat dan pemimpin negara tidak diistihar sebagai pemilik khazanah Negara. Mereka hanya menjadi pemegang amanah sepanjang jawatan berada di tangannya dan boleh dipindah, ditukar ke jawatan lain namun dana awam tidak mengikut pergerakannya.
- iii. Keuntungan daripada pelaburan dana awam akan kembali kepada orang awan sama ada dalam bentuk pengurusan, bantuan atau sebagainya.

Dalam perbincangan mengenai isu dana awam ini para fuqaha seperti Imam al-Shafie berpendapat, apabila tentera Islam menang menentang musuh dan berjaya mengumpul harta *ghanimah*, apabila harta tersebut mencukupi *hawl* maka ia tidak diwajibkan zakat sehingga ia dibahagi-bahagikan kepada penerimanya. Ini kerana *ghanimah* belum menjadi milik seseorang (Imam al-Shafi'i, 1990).

Bagi fuqaha Hanafi seperti al-Sarkhasiy ketika menjelaskan pandangan Hasan al-Shaybani, beliau menyebut isu pembelian harta imam terdapat perbincangan tidak dikenakan zakat kecuali dengan wujud pemilik. Katanya lagi tidak dikenakan zakat pada binatang yang diwakafkan demikian juga pembelian alat peperangan, kecuali pembelian adalah perniagaan dirinya. (Al-Sarkhasiy, 1987)

Berhubung dengan *Shakhsiyah I'tibariyyah*, Ramadhan al-Buti menjelaskan dana awam adalah milik negara kerana setiap rakyat adalah pemiliknya. Manakala pemimpin syarikat dan pemimpin negara tidak memiliki hak mutlak kerana bukan sebagai *Shakhsiyah I'tibariyyah* (al-Buti, t.t.). Ini berbeza dengan syarikat perniagaan yang dimiliki segolongan pemegang saham yang dana mereka kembali menjadi milik mereka secara mutlak. Kewajipan zakat adalah wajib setelah mencukupi syarat-syarat zakat dan terdapat pemegang saham yang ramai maka wakil syarikat dalam bentuk *Shakhsiyah I'tibariyyah* boleh mewakili syarikat dalam pembayaran zakat.

Kesimpulan

Petroleum adalah harta galian bukan rikaz. Zakat dikenakan sebanyak 2.5 % apabila ia diusahakan syarikat persendirian. Sekiranya jika ia diusahakan kerajaan atau melalui syarikat miliknya maka zakat tidak diwajibkan. Harta galian dalam perut bumi adalah menjadi milik kerajaan walaupun berada dalam milik tanah persendirian kerana ia adalah kejadian Allah SWT sebelum pemilik tanah memiliki harta tersebut. Pihak kerajaan berhak untuk memberi hak pengeluaran kepada mana-mana syarikat yang mampu menguruskannya dengan perjanjian tertentu. Nisbah milik kerajaan adalah dana awam yang tidak diwajibkan zakat adapun nisbah milik syarikat adalah diwajibkan zakat. Sungguhpun begitu pihak kerajaan hendaklah menggunakan dana awam dengan cara teliti dan cermat sebagai mensyukuri nikmat Allah SWT.

Bibliogafi

- Abu Dawud, S. B. (1994). *Sunan Abi Dawud “Kitab fi al-Tahlil”*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-'Asqalani, I. H. (2010). *Al-Dirayah fi Takhrij al-Ahadiyah al-Hidayah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Baghawi, H. b. (2003). *Sharh al-Sunnah*. Beirut: Dar al-Nasr al-Islami.
- Al-Baji, A. W.-A. (t.t.). *Al-Muntaqa fi Sharh al-Muwatta' Imam Malik*. Beirut: Dar al-Ihya'-Arabi.
- al-Bayhaqii, A. b. (1994). *Sunan al-Bayhaqi al-Kubra*. Makkah: Dar al-baz.
- al-Buti, S. R. (t.t.). *Al-Shahsiyyah al-Itibariyyah Ahliyyatuha wa Hukm Ta'alluqi al-Zakat biha*.
- al-Dusuqi, S. a.-D. (t.t.). *Hashiyah al-Dasuqi 'ala Sharh al-Kabir li al-Dardir*. Kaherah: Dar 'Ihya al-kutub al-'Arabiyyah.
- al-Hamidi, M. B. (2002). *Al-Jam'u Bayna al-Sahihynal-Bukhariy wa Muslim*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Qaradawi, Y. (1981). *Fiqh al-Zakat*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Sarkhasiy, A. B.-A. (1987). *al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Fikr.

- al-Shafie, A. M.-A. (1990). *al-Umm*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Syarif, a.-A. (2008, Mei 26). Fatwa Lujnah al-Buhuth al-Fiqhiyyah.
- Al-Zuhayli, W. (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn ‘Abidin, a.-D. M.-D. (1992). *Radd al-Mukhtar ‘ala al-Durr al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- ibn ‘Athir, M. a.-D. (1989). *Jami’ al-‘usul fi Ahadith al-Rasul*. Kaherah: Maktabah Dar al-Bayan.
- Ibn Qudamah, ‘. A.-M. (1994). *al-Mugni*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Imam al-Nawawi, M. a.-D. (1996). *Rawdah al-Talibin j.3, c. 2*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘ilmiyyah.
- Imam al-Shafi’i, A. ‘.-’. (1990). *al-Umm*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Imam Muslim, M. b.-H.-Q. (2004). *Sohih Muslim*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Qanun al-Zakat*. (2001).
- Rahman, A. Z. (2009). *Zakat al-Ma’adin wa al-Rikaz wa Bitrol, al Ma’had al-‘Ali li al-‘Ulum al-Zakat*. Sudan.

05

PANDANGAN AL-QARADAWI FIQH ZAKAT: ANALISIS ISU ZAKAT PENDAPATAN

*Muhammad Ikhlas Rosele**, *Luqman Hj. Abdullah** &*
*Mohd Farhan Md. Ariffin****

Abstrak

Artikel ini membincangkan fiqh semasa perspektif al-Qaradawi yang fokus utama terhadap zakat pendapatan. Kajian ini akan menganalisis pemikirannya mengenai zakat pendapatan didalam kitab *Fiqh al-Zakat*. Pengkaji menumpukan kepada tiga isu zakat pendapatan, iaitu haul, nisab, kadar zakat dan kaedah pembayaran zakat pendapatan. Kajian mendapati beberapa pandangan al-Qaradawi relevan dengan realiti masa kini. Namun terdapat juga pandangan beliau yang memerlukan penilaian semula. Menerusi perbahasan zakat pendapatan yang dikemukakan al-Qaradawi telah memberi sumbangan besar dalam bidang keilmuan bahkan diterima pakai dalam sebahagian fatwa di dunia Islam.

Kata kunci: Zakat pendapatan, al-Qaradawi, Fiqh al-Zakat, haul

*** Pelajar pascasarjana (Ph.D), Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Emel; al.muqarobiin89@gmail.com

** Pensyarah Kanan (Ph.D), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Emel; luqmanabdullah@um.edu.my

* Pelajar pascasarjana (Ph.D), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Emel; ikhlas@um.edu.my

Pendahuluan

Al-Qaradawi seorang intelektual Islam yang masyhur pada masa kini. Beliau di antara pemikir Islam dan pendakwah yang tidak asing lagi di dalam dunia Islam. Banyak hasil karya-karyanya dalam pelbagai lapangan bidang antaranya bidang fiqh, akidah, akhlak, gerakan Islam dan dakwah. Beliau menjadi rujukan dalam menyelesaikan persoalan-persoalan semasa umat Islam dalam aspek ibadah, muamalah, siayasah dan isu-isu yang berkaitan fiqh zakat.

Menerusi artikel ini fokus kajian yang dilakukan adalah pandangan al-Qaradawi mengenai isu-isu zakat khususnya zakat pendapatan. Di Malaysia perlaksanaan kutipan zakat pendapatan adalah berpandukan pendapat al-Qaradawi.

Al-Qaradawi dan Kitab Fiqh Al-Zakat

Nama penuh al-Qaradawi ialah Yusuf bin ‘Abdullah bin ‘Ali bin Yusuf al-Qardah. Beliau dilahirkan di sebuah desa kecil yang terletak di negara Mesir bernama *Saf al-Turab* di *al-Mahalla al-Kubra* pada 9 September 1926 bersamaan 1344 hijrah (al-Qaradawi, 2006). Pendidikan awal al-Qaradawi adalah di salah satu *kuttab* (satu tempat pengajian yang hampir sama dengan pengajian pondok di Malaysia) ketika usianya lima tahun (Ishom Talmah, 2001). Tatkala beliau berusia tujuh tahun, beliau masuk ke *madrasah ilzamiyyah*. Beliau telah berjaya menghabiskan hafalan al-Quran sebelum usianya genap sepuluh tahun. Setelah tamat dari *madrasah ilzamiyyah* beliau melanjutkan pelajaran ke sekolah rendah (*madrasah ibtida’iyyah*) di Thanta. Setelah tamat di sekolah rendah beliau masuk ke sekolah menengah (*madrasah thanawiyah*) yang juga di Thanta selama lima tahun (al-Kharasyi, 1999).

Setelah tamat pengajiannya di peringkat sekolah menengah, beliau telah ditawarkan melanjutkan pengajiannya di Universiti al-

Azhar. Di Universiti al-Azhar beliau belajar di Fakulti Usuluddin dan berjaya memperolehi ijazah pertama (BA) dengan kepujian tertinggi di Fakulti tersebut pada tahun 1953. Pada tahun 1960 beliau telah berjaya memperoleh ijazah kedua (MA). Kemudian beliau menyambung pengajiannya di peringkat tertinggi iaitu Ph.D dengan tesis berkaitan zakat yang selesai pada tahun 1973 (al-Kharasyi, 1999).

Al-Qaradawi telah banyak menerima anugerah atas jasa, sumbangan dan ketokohan beliau. Antara anugerah yang telah diterima beliau, Anugerah Pembangunan Ekonomi Islam, Bank Islam (1411H), Anugerah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (1996), Anugerah Sultan Hasanul Bolkiah, Brunei Fiqh Islam (1997) (Qaradawi.net, 2004) dan selainnya.

Beliau memiliki karya merangkumi pelbagai bidang dan kira-kira 115 judul buku karangannya dikumpul dan disenaraikan Ishom Talimah (2001). Antara kitabnya yang masyhur *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*, *Fatawa al-Mu'asirah* (Jilid 1-3), *Fiqh al-Aulawiyah*, *Fiqh al-Zakat*. Kitab *Fiqh al-Zakat* antara kitab beliau yang cukup mendapat sambutan di dunia Islam dan sudah diulang cetak di dalam pelbagai bahasa (al-Majdhub, 1992). Kitab yang penting ini membicarakan persoalan hukum zakat.

Kitab *Fiqh al-Zakat* atau judul panjangnya *Fiqh al-Zakat, Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Dau'al-Qur'an wa al-Sunnah* (al-Qaradawi, 1994), bermaksud “Fiqh Zakat, Kajian Perbandingan Mengenai Hukum-Hukumnya dan Falsafahnya Berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah”. Kitab ini asalnya adalah cetusan daripada tesis PhD al-Qaradawi ketika menyelesaikan pembelajaran beliau di peringkat Ijazah Kedoktoran di Universiti al-Azhar, Mesir. (1973). Tajuk tesisnya ketika itu *al-Zakat wa Atharuha fi Hill al-Masyakil al-Ijtima'iyyah* yang bermaksud “Zakat dan Pengaruhnya Dalam Menyelesaikan Masalah-masalah Sosial” (Ishom Talimah, 2001).

Daripada tesis inilah terhasilnya kitab yang dikenali *Fiqh al-Zakah*. Tajuk penuh kitab tersebut ialah *Fiqh al-Zakat, Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Dau' al-Qur'an wa al-Sunnah*, yang bermaksud “Fiqh Zakat, Kajian Perbandingan Mengenai Hukum-Hukumnya, dan Falsafahnya Berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah”. Kitab tersebut mendapat pujian daripada para ulama semasa antaranya Muhammad al-Mubarak (1997), Muhammad al-Ghazali (2004), ‘Ali al-Tantawi¹ dan Abu A’la al-Maududi. Antara contoh pujian terhadap kitab Fiqh al-Zakah adalah sebagaimana yang dinyatakan oleh Abu A’la al-Maududi (Soage, 2008);

“Sesungguhnya ia adalah kitab bagi kurun ini dalam fiqh islam”.

Kitab Fiqh al-Zakat dalam kajian ini terdapat di dalam dua jilid. Ia membincangkan perkara yang berkaitan zakat seperti golongan yang berhak menerima zakat, golongan yang wajib membayar zakat, jenis-jenis zakat, *nisab* dan sebagainya. Perbincangan mengenai zakat pendapatan bagi kitab ini terkandung di dalam jilid yang pertama pada bab yang ketiga iaitu bab yang membincangkan mengenai harta-harta yang *Wajib Dikeluarkan Padanya Zakat dan Penentuan Kadarnya*. Secara ringkasnya maklumat kitab Fiqh al-Zakah yang dijadikan rujukan dalam kajian ini adalah sebagaimana Jadual 3 berikut;

Jadual 3: Maklumat Kitab *Fiqh al-Zakat*

Nama Kitab	<i>Fiqh al-Zakat, Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Dau' al-Qur'an wa al-Sunnah</i>
Nama Penulis	Dr. Yusuf al-Qaradawi, sekarang Prof. Dr. Yusuf al-Qaradawi
I.S.B.N	977 – 225 – 042 – x
Cetakan	21

¹ Rakaman tersebut boleh di muat turun dari laman web berikut <http://ar.islamway.comlesson/89471>

Hak Penerbitan	Maktabah Wahbah, Kaherah, Mesir
Penerbit	Maktabah Wahbah
Tahun Diterbitkan	1414H/1994M
Kota Penerbit	Kaherah, Mesir
Jumlah Halaman	1304 halaman (tidak termasuk kulit)
Jilid	2 jilid
Bibliografi	Halaman 1265

Sumber : *Kitab Fiqh al-Zakat* (1994)

Konsep Zakat Pendapatan

Zakat pendapatan bagi kajian ini merujuk zakat gaji dan upah. Zakat pendapatan dalam konteks gaji dan upah tergolong dalam pengertian zakat *mal al-mustafad*. *Mal al-Mustafad* adalah sesuatu yang diperolehi seseorang dan memilikinya dengan pemilikan yang baharu ketika dalam haul melalui jalan yang diakui syara' (al-'Aydarus, 2014).

Zakat *mal al-mustafad* dapat diklasifikasikan antaranya hasil daripada usaha perdagangan atau ternakan secara individu atau bersyarikat, pendapatan melalui ganjaran atau upah daripada sesuatu pekerjaan atau perkhidmatan, pendapatan berdasarkan kerja bermajikan semata-mata dan pendapatan berdasarkan sesuatu keadaan seperti kematian, perkahwinan, tamat tempoh perkhidmatan, pendapatan ini berupa hadiah, pusaka, subsidi atau yang dinamakan pendapatan pindahan dan lain-lain lagi (al-Qaradawi, 1994; Husein Sahata, 2003).

Kewajipan zakat *mal al-mustafad* berdasarkan dalil-dalil yang umum daripada al-Quran dan al-Sunnah. Antara dalil yang menjadi kewajipan zakat *mal al-mustafad* firman Allah SWT bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian dari hasil yang baik yang telah kamu usahakan dan sebahagian dari apa yang Kami telah keluarkan dari bumi untuk kamu.”

(Surah Al-Baqarah 2 : 267)

Penjelasan hukum zakat *Mal al-Mustafad* dalam ayat ini adalah menjurus kepada penafsiran “*ma kasabtum*”. ‘Abdullah ibn ‘Abbas, ‘Ali bin Abi Talib dan al-Tabari menafsirkan perkataan tersebut sebagai orang yang mengusahakan sesuatu dengan bersusah payah atau senang untuk mengumpulkan emas dan perak (al-Tabari, t.t.). Bahkan al-Zamakhsyari mewajibkan zakat kepada semua pendapatan yang diperolehi hasil usaha yang dilakukan oleh orang Islam (al-Zamakhsyari, 1998).

Sabda Rasulullah SAW:

“Wajib ke atas setiap orang Islam menuaikan zakat., Mereka bertanya: Wahai Nabi Allah, sekiranya kami tidak mempunyai harta, bagaimana?. Jawab Baginda SAW: Berusahalah dengan sepenuh tenaga bagi menyara diri, kemudian bayarlah zakat. Mereka bertanya lagi: Sekiranya usaha itu tidak berhasil?. Baginda menjawab: Berusahalah dalam perkara kebaikan dan mencegah daripada keburukan. Sesungguhnya pekerjaan itu bagi kamu adalah sedekah (zakat).”

(Hadis riwayat al-Bukhari dan al-Nasa'i)

Perkataan “*Ala kulli muslim sadaqah*” membawa maksud zakat pendapatan hukumnya adalah wajib (al-‘Ayni, 2010). Pada luarannya hadis tersebut memberi makna yang luas, kerana zakat yang ditumpukan tidak hanya tertumpu kepada keuntungan harta modal semata-mata atau kepada zakat wajib yang ditetapkan di dalam kitab fiqh (Mujaini Tarimin, 2012), bahkan ia merangkumi seluruh usaha dan pekerjaan, pendapatan perkhidmatan yang dilakukan (al-‘Ayni, t.t.).

Zakat Pendapatan Menurut Al-Qaradawi

Teks ini menganalisis pandangan al-Qaradawi dalam isu zakat pendapatan. Isu-isu yang menjadi tumpuan dalam teks ini adalah isu haul, nisab dan kaedah pembayaran. Pandangan al-Qaradawi ini diambil sepenuhnya dari kitabnya *Fiqh al-Zakat*. Perlu dijelaskan

al-Qaradawi berpendapat zakat pendapatan (gaji dan upah) termasuk dalam perbahasan zakat *mal al-mustafad*. Maka teks ini tidak akan terkeluar dari ruang lingkup *mal al-mustafad* dan zakat pendapatan secara khususnya.

Haul

Isu haul satu isu penting dalam perbahasan zakat *mal al-mustafad* atau zakat pendapatan. Ulama empat mazhab umumnya berpendapat zakat pendapatan wajib melalui haul setahun (Ibn Hazm, 1349H; al-Zuhayli, 1989; Ahmad ibn Hanbal, 1981). Pendapat ini berasaskan sabda Rasulullah SAW bermaksud (al-Tusi, 1415H);

“Sesiapa yang mendapat perolehan harta, tidak dikenakan zakat atas harta perolehannya sehingga sempurna haulnya di sisi Tuhan”.

(Hadis riwayat al-Tirmidhi)

Walaupun begitu al-Qaradawi berbeza pendapat dalam isu ini. Bagi beliau zakat pendapatan boleh dilakukan sejurus wang atau harta tersebut diterima (al-Qaradawi, 1994).

Al-Qaradawi (1994) mengemukakan beberapa hujah dan dokongan terhadap pendapatnya itu. Pertama, hadis-hadis yang mensyaratkan haul adalah berstatus lemah. Al-Qaradawi (1994) telah menilai setiap hadis yang menyebut mengenai syarat haul dan mendapatinya adalah lemah dan boleh dipersoal. Kedua, al-Qaradawi menguatkan dan menerima pendapat ulama salaf yang lain mengenai isu ini. Pendapat yang ditarikhkan al-Qaradawi adalah merupakan pendapat Ibn ‘Abbas, Ibn Mas’ud, Mu’awiyah, ‘Umar bin ‘Abdul ‘Aziz, al-Hasan, al-Zuhri dan Imam Ahmad menurut sesetengah riwayat (Ibn Hazm, 1349H).

Namun, kecenderungan al-Qaradawi mengenai isu haul ini adalah sesuatu yang sukar diterima. Pertama al-Qaradawi (1994) telah menyenaraikan beberapa hadis kemudian menilainya dhaif lalu menafikannya untuk dijadikan sebagai hujah. Sedangkan hadis yang lemah boleh naik martabatnya melalui beberapa cara seperti adanya

syawahid dan tawabi'. Oleh itu, walaupun hadis tersebut dhaif namun ia boleh mendokong antara satu sama lain. Tambahan pula menurut al-Kinani (1995) dan al-San'ani (2002) walaupun hadis mengenai haul adalah lemah ia tetap boleh dijadikan hujah kerana didokong Athar para sahabat. Kedua; pentarjihan al-Qaradawi dilakukan terhadap sebahagian sahabat namun majoriti kalangan sahabat berpandangan bahawa haul merupakan syarat wajib harta yang dizakatkan (Mahmood Zuhdi, 1992).

Selain itu, jika dinilai dari sudut maslahah membuktikan bahawa haul adalah menjamin kemaslahatan pembayar zakat. Jika mewajibkan harta tidak mencukupi haul dan masih belum tiba haul nescaya ia mendatangkan kesusahan dan dilihat memberi beban kepada pembayar zakat. Ia berkemungkinan harta tersebut perlu digunakan pembayar zakat bagi memenuhi keperluan asas, kesihatan, makanan dan kehidupannya. Perlu diketahui zakat bukan sahaja meraikan kemaslahatan penerima zakat bahkan pembayar zakat juga.

Nisab dan Kadar Zakat

Nisab zakat pendapatan asasnya sama seperti zakat emas dan perak iaitu 20 mithqal atau 200 dirham. Namun sebelum menyimpulkan nisab bagi zakat pendapatan seumpama zakat emas dan perak al-Qaradawi (1994) mengemukakan pendapat Muhammad al-Ghazali yang dilihat berbeza. Menurut Muhammad al-Ghazali (2005), nisab zakat pendapatan (*mal al-mustafad*) adalah berasaskan nisab zakat pertanian iaitu sebanyak 5 awsuq begitu juga kadar zakatnya adalah 10% seperti zakat pertanian.

Al-Qaradawi (1994) tidak bersetuju dengan pendapat Muhammad al-Ghazali tersebut walaupun dari aspek haul mereka bersepakat (iaitu tidak mewajibkan haul). Al-Qaradawi (1994) menolak pendapat tersebut dengan alasan asas zakat gaji (berbentuk wang) dan pertanian (tanaman dan buah) adalah berbeza.

Syarik mempunyai objektif yang khusus dalam menentukan nisab bagi zakat pertanian iaitu penilaian terhadap sumber kehidupan manusia

(yakni makanan). Sedangkan harta *mal al-mustafad* adalah kebiasaannya berbentuk wang. Oleh itu penentuan kadar nisab mengikut zakat mata wang adalah lebih relevan (Dawud, 2004). Maka, al-Qaradawi berpendapat zakat pendapatan wajib dikeluarkan sebanyak 2.5% apabila mencukupi nisab senilai 20 dinar atau 200 dirham.

Disebabkan penerimaan gaji dan pendapatan berbeza atau sentiasa berubah-ubah, ia telah menimbulkan kekeliruan bilakah penentuan nisab dilakukan. Dalam hal ini al-Qaradawi (1994) telah mengemukakan dua alternatif iaitu;

- 1- Nisab akan diambil kira bermula pada waktu seseorang itu mendapat upah atau gajinya. Lantaran itu, kewajipan zakat juga bermula pada waktu yang sama jika nisab mencukupi. Keadaan ini berlaku bagi orang yang mempunyai pendapatan yang besar sehingga melebihi nisab seperti golongan profesional atau seumpamanya.
- 2- Nisab ditentukan apabila mengumpulkan keseluruhan gaji atau pendapatan pada waktu tertentu. Pengumpulan hasil pendapatan tersebut dilakukan dalam satu tahun untuk mencapai nisab. Al-Qaradawi membawa pandangan dalam mazhab Hanbali yang menyatakan zakat hasil pertanian boleh dirangkumkan walaupun ia daripada jenis berbeza, tempat tanaman berbeza dan waktu pungutan berbeza. Kesemua hasil tanaman tersebut akan dirangkumkan untuk mencapai satu nisab. Oleh itu kaedah yang sama boleh diaplikasikan dalam zakat pendapatan. Namun kaedah yang sesuai untuk melaksanakannya adalah tertakluk kepada pemerintah.

Perlu dijelaskan mengenai alternatif yang kedua ini. Secara kasarnya didapati bahawa zakat gaji dan upah akan dikumpulkan pada satu tahun untuk mencukupkan nisab, namun perlu difahami bahawa kewajipan zakat akan bermula apabila nisab sudah cukup. Oleh itu, walaupun gaji dan upah akan dikumpul untuk mencukupi nisab ia tidak bermakna zakat boleh diwajibkan sebelum harta memenuhi nisab. Hal ini sebenarnya telah dijelaskan sendiri oleh al-Qaradawi (1994) sebagaimana berikut;

Adalah dimaklumi bahawa Islam tidak mewajibkan zakat pada semua harta sama ada yang sedikit mahupun banyak. Namun Islam mewajibkan zakat pada sesuatu harta yang telah mencukupi nisab, bebas dari hutang dan melebihi dari keperluan atas pemiliknya. Hal ini adalah demi merealisasikan prinsip “kekayaan” dalam kewajipan zakat, kerana zakat akan dikutip daripada golongan yang kaya. Ia juga demi merealisasikan prinsip “al-‘afw” (melebihi keperluan atas) sebagaimana yang terdapat di dalam al-Quran dalam menjelaskan bentuk harta yang perlu disedekahkan.

Muhammad ‘Uqlah (1982) juga telah menjelaskan pendapat al-Qaradawi bukanlah mewajibkan zakat sebelum cukup nisab. Al-Qaradawi berpandangan bahawa zakat gaji (pendapatan) hendaklah dikeluarkan sebaik diterima dan telah memenuhi syarat-syarat zakat lain termasuk mencukupi nisab. Pendirian inilah yang dilihat benar dan memenuhi konsep ta’jil al-zakat disamping memelihara kemaslahatan penerima zakat.

Kaedah Pembayaran Zakat Pendapatan

Selepas diperbincangkan isu haul dan nisab maka dapat disimpulkan al-Qaradawi (1994) berpendapat zakat pendapatan dikenakan zakat sebanyak 2.5% apabila mencukupi nisab (iaitu sebanyak nilaiann 20 mithqal emas) tanpa disyaratkan haul. Oleh itu, untuk melengkapi perbahasan zakat pendapatan perlu kepada kaedah pembayarannya.

Al-Qaradawi (1994) berpendapat bahawa jika seseorang itu memperolehi harta pendapatan yang telah mencukupi nisab, hendaklah dia membayar zakat dengan dua cara iaitu;

- 1- Membayar zakat sejurus dia menerima harta tersebut, atau
- 2- Melewatkhan pembayaran zakat sehingga penghujung haul berserta harta-harta pendapatan yang lain. Namun, disyaratkan jika pemilik harta tersebut tidak bimbang hartanya akan habis dibelanjakan sewaktu menunggu tiba haul.

Pendapat al-Qaradawi ini hakikatnya selaras dengan prinsip menyegerakan pembayaran zakat sebelum tiba haul (*ta'jil al-zakat*) dalam perbahasan ulama fiqh. Al-Nawawi (2003) menjelaskan zakat boleh disegerakan bayarannya sebelum tiba haul apabila harta tersebut mencukupi nisab.

Selanjutnya mengenai sumber atau bentuk pendapatan yang manakah akan dikenakan zakat. Pendapatan sebagaimana maklum terdapat di dalam dua bentuk iaitu pendapatan kasar dan pendapatan bersih. Al-Qaradawi (1994) berpandangan bahawa zakat pendapatan hanya akan dikenakan atas pendapatan bersih. Pendapatan bersih yang dimaksudkan adalah setelah ditolak hutang (yang wajib dibayar pada tahun semasa), sebarang bentuk pembiayaan (kos untuk mendapatkan hasil pendapatan) dan keperluan asas.

Pendapat al-Qaradawi ini jelas seiringan dengan pandangan ulama lain. Sebarang kos untuk memperolehi hasil perlu ditolak dari penaksiran zakat. Ia diqiyaskan dengan pembiayaan tanah dalam zakat pertanian yang mana menurut Ibnu ‘Umar dan Ibn ‘Abbas ia perlu ditolak dari perkiraan zakat (Ibn Hazm, 1349H). Hutang juga perlu ditolak dari pengiraan zakat ia merupakan pandangan di dalam mazhab Hanbali, pendapat al-Nakha’i, ‘Ata’, al-Hasan, Thawus, al-Thauri, Maimun bin Mihran, al-Laith, Malik, al-Awza’i, Ishaq, Abu Thur, Ashab al-Ra’y, al-Syafi’i dalam pendapat yang lama (*qaul al-qadim*) (al-Nawawi, 2003; al-Mawardi, 1994; al-Mawaq, 1995).

Hutang yang ditanggung akan menghalang kewajipan zakat. Ia juga akan menjelaskan nisab ataupun mengurangkannya (Ibn Qudamah, 1992; Ibn ‘Abidin, 1992).

Kesimpulan

Pada asasnya kajian ini mendapati al-Qaradawi telah mengemukakan pendapat-pendapat yang bernas dan menarik ketika membahaskan persoalan zakat pendapatan. Namun pandangan al-Qaradawi mengenai syarat haul dipertikaikan banyak pihak kerana bertentangan dengan pendapat yang telah diterima pakai mengenai syarat haul.

Kajian lebih cenderung untuk menyatakan pandangan jumhur ulama mengenai syarat haul adalah lebih menepati dengan nas-nas hadis yang ada dan pandangan majoriti ulama. Selain itu kenyataan al-Qaradawi mengenai nisab zakat pendapatan adalah berdasarkan zakat wang (emas dan perak) merupakan pandangan yang boleh diterima dan sesuai dengan keadaan semasa. Kaedah pembayaran zakat pendapatan menurut al-Qaradawi juga dilihat jelas dengan mengemukakan dua bentuk kaedah asalkan syarat nisab dipenuhi.

Hakikatnya, isu haul dalam zakat gaji tidak akan menjadi polemik jika masyarakat memahami dan menerima konsep *ta'jil al-zakah* iaitu menyegerakan pembayaran zakat sebelum tiba tempoh haul. Oleh itu, disarankan agar usaha memberi kefahaman dan galakan untuk menyegerakan pembayaran zakat sebelum tempoh haul apabila mencukupi nisab dalam masyarakat. Hal ini mampu untuk memperkasakan kutipan zakat gaji (pendapatan) di Malaysia.

Rujukan

- Ahmad Ibn Hanbal (1981). *Masa'il al-Imam Ahmad: Riwayat Ibnuhi 'Abdullah bin Ahmad*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-'Aydarus, Zayn Muhammad Hussayn (2014). *Al-Khulasah fi Fiqh al-Mu'amalat wa yalihi al-Khulasah fi Fiqh al-Zakah; Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah*. Tarim: Maktabah Tarim al-Hadithah.
- al-'Ayni, Badr al-Din (t.t.). *'Umdah al-Qari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr.

- Al-'Ayni, Mahmud bin Ahmad (2010). *'Umdah al-Qari Syarh Sahih al-Bukhari*. Kaherah: al-Maktabah al-Taufiqiyah.
- Al-Ghazali, Muhammad (2004). *Mi'ah Su'al 'an al-Islam*. Kaherah : Dar al-Mokatam.
- Al-Ghazali, Muhammad (2005). *Al-Islam wa al-Awda' al-Iqtisadiyyah*. Kaherah: Nahdah al-Misr.
- Al-Kharasyi, Sulaiman bin Salih (1999). *Al-Qaradawi fi al-Mizan*. Riyadh : Dar al-Jawab.
- Al-Kinani, Ahmad bin 'Ali (1995). *al-Talkhis al-Habir*. Kaherah: Muasasah Qurtubah.
- Al-Majdhub, Muhammad (1992). *'Ulama'wa Mufakkirun 'Arافتuhum*. Riyad: Dar al-Syawaf.
- Al-Maqdisi, Ibn Qudamah (1992). *Al-Mughni*. Al-Qahirah: Hajar.
- Al-Mawaq, Muhammad bin Yusuf (1995). *Al-Taj wa al-Iklil li Mukhtasar Khalil*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Mawardi, Ali bin Muhammad (1994). *Al-Hawi al-Kabir fi Fiqh al-Mazhab al-Imam al-Syafi'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Mubarak, Muhammad (1997). *Nizam al-Islam : Al-Iqtisad*. Tehran : Rabitat al-Thaqafah.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf (2003). *Rawdah al-Talibin*. Riyad: Dar 'Alim al-Kutub.
- Al-Qaradawi (2006). *Ibn al-Qariah wa al-Kuttab*. Kaherah : Maktabah Wahbah.
- al-Qaradawi, Yusuf (1994). *Fiqh al-Zakah*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1994.
- Al-San'ani, Muhammad bin Isma'il (2002). *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Al-Tabari (t.t.). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayy al-Quran*. Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah.
- Al-Tusi, al-Hasan bin 'Ali (1415H). *Mukhtasar al-Ahkam*. Madinah: Maktabah al-Ghuraba' al-Athariyyah.
- Al-Zamakhsyari, Mahmud bin 'Umar. *Al-Kasysyaf 'an Haqaiq Ghawamid al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil*. Riyad: Maktabah al-'Ubaykan.
- Al-Zuhayli, Wahbah (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr.

- Dawud, Muhammad „Abd al-Maqsud (2004). *Al-Ahkam al-Jilliyyah fi Zakat al-Amwal al-‘Asriyyah*. Iskandariah: Dar al-Jami‘ah al-Jadidah.
- Husein Sahata (2003). *Kaedah Agihan Zakat Harta; Pengertian, Sistem dan Agihannya*, (Hamid Fahmy Zarkasyi dan Harun Ar-Rasyid Hj. Tuskan terj.). Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa.
- Ibn ‘Abidin (1992). *Hasyiah Radd al-Muhtar ‘ala al-Durr al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Hazm. (1349H). *Al-Muhalla*. Mesir : al-Taba’ah al-Muniriyyah.
- Ishom Talimah (2001). *Manhaj Fikih Yusuf al-Qaradhawi*, (Samson Rahman, terj). Jakarta : Pustaka al-Kautsar.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid (1992). Syarat Haul: Satu Penilaian Terhadap Pandangan al-Qaradhawi Dalam Masalah Zakat Gaji dan Pendapatan Profesional. *MEDIUM*, (2).
- Muhammad ‘Uqlah (1982). *Ahkam al-Zakah wa al-Sadaqah*. ‘Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithiyah
- Mujaini Tarimin (2012). *Zakat Mal al-Mustafad: Amalan dan Pengalaman di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat.
- Qaradawi.net (2004). *Al-Sirah al-Tafsiliyyah li al-Qaradawi*. Diakses pada 23 Februari 2012, dari <http://www.qaradawi.net/life/9/973-2011-09-04-14-39-33.html>
- Soage, A. B. (2008). Shaykh Yusuf al-Qaradawi : Portarit of a Leading Islamic Cleric. *Middle East Riview of International Affairs (MERIA)*, 12 (1).

06

SOROTAN PENENTUAN ZAKAT PERBANKAN MAJLIS PENASIHAT SHARIAH DAN JAWATANKUASA SHARIAH INSTITUSI PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA

Muhammad Hafiz bin Badarulzaman & Alias Azhar***

Abstrak

Setiap institusi perbankan Islam yang melaksanakan operasi perniagaan dan perbankan Islam perlu mewujudkan sebuah Jawatankuasa Shariah (JS). Majlis Penasihat Shariah Kebangsaan (MPS) berhak menasihati berkaitan penentuan hukum syarak terhadap mana-mana institusi perbankan dan kewangan Islam melalui JS seperti termaktub dalam mana-mana undang bertulis. Artikel ini mengupas peranan dan fungsi JS dan MPS melalui Akta Perkhidmatan dan Kewangan Islam 2013 (APKI) dan Akta Bank Negara Malaysia 2009 (ABNM). Seterusnya kes-kes lampau berkaitan bidang kuasa JS dan MPS akan dianalisis dan dinilai. Natijahnya, mahkamah mengiktiraf MPS sebagai badan berautoriti dalam isu perbankan dan kewangan Islam.

* Calon Ph.D dan Pensyarah, Pusat Pengajian Undang-Undang, UUM-COLGIS, 06010 UUM Sintok, Kedah. Emel: mdhafiz@uum.edu.my

** Professor ak:essor Madya, Pusat Pengajian Undang-Undang, UUM-COLGIS, 06010 UUM Sintok, Kedah. Emel: az.alias@uum.edu.my

Segala ketetapan MPS akan mengikat mahkamah. Selain itu, artikel ini meninjau sumber rujukan yang diguna pakai JS dan MPS dalam penentuan hukum zakat perbankan di Malaysia. Manual Pengurusan Zakat Perbankan (MPZP) akan dijadikan sebagai panduan utama tanpa menafikan sumber primer dan sekunder perundangan Islam. Di samping itu, artikel ini akan menganalisis kaedah penentuan hukum zakat perbankan JS dan MPS yang pelbagai dan tidak seragam. Sebagai kesimpulan, artikel ini mencadangkan keperluan kewujudan satu akta di peringkat persekutuan yang mengikat semua institusi perbankan Islam dan satu garis panduan khusus berkaitan zakat perbankan yang boleh dirangka Bank Negara Malaysia (BNM) menerusi MPS.

Kata kunci: Zakat Perbankan, Jawatankuasa Shariah, Majlis Penasihat Shariah Kebangsaan, Undang-Undang Perbankan.

Pendahuluan

Zakat perbankan ialah suatu nama bagi zakat perniagaan. Kadangkala zakat perniagaan juga ditakrifkan sebagai zakat korporat. Cumanya penjenamaan ini bertujuan bagi membezakan lokaliti terhasilnya bayaran *zakat* iaitu di institusi perbankan Islam di Malaysia (Manual Pengurusan Zakat Perbankan, 2010). Institusi perbankan Islam menjalankan perniagaan perbankan Islam melibatkan urusan jual-beli, sewa-beli, saham dan sebagainya (*muamalat*) yang dianjurkan Islam dan sebahagian tuntutan *fardu kifayah* ke atas umat Islam. Hasil keuntungan perniagaan perbankan Islam ini apabila telah cukup *haul* dan *nisab* maka pihak institusi perbankan Islam wajib mengeluarkan zakat.

Berdasarkan Manual Pengurusan Zakat Perbankan (MPZP), hasil keuntungan perniagaan perbankan Islam yang mewajibkan pembayaran zakat adalah termasuk dalam definisi zakat perniagaan. Ini bertepatan dengan satu hadis yang diriwayatkan Abu Dawud di dalam sunannya daripada Samurah bin Jundub R.A. berkata:

“Sesungguhnya Rasulullah menyuruh kami agar mengeluarkan sadaqah (zakat) daripada apa yang kami kira untuk jual beli (perniagaan)”

Menurut AAOIFI (*Accounting And Auditing Organization For Islamic Financial Institutions*) semua institusi perbankan dan kewangan Islam mempunyai tanggungjawab untuk memastikan zakat dikeluarkan pihak pemegang saham dan pelabur. Pengeluaran zakat ini akan direkodkan dalam penyata akaun dan kewangan masing-masing. Ini menunjukkan bahawa AAOIFI *Financial Accounting Standard* (FAS) 9 menjadikan pengeluaran zakat sebagai satu kewajipan kepada pihak pemegang saham dan pelabur dalam institusi perbankan Islam. MPZP telah mengaplikasikan kehendak AAOIFIFAS 9 dalam manual tersebut agar pembayaran zakat dibuat pihak institusi perbankan Islam. Sungguhpun begitu, AAOIFI FAS 9 tidak mengikat institusi perbankan Islam di Malaysia walaupun situasi ini berbeza di Bahrain, Qatar dan Arab Saudi (AAOIFI, 2014).

Hal tersebut menyebabkan usaha MPZP yang bertujuan untuk menyeragamkan dan menyelaraskan pembayaran *zakat* perbankan terbantut kerana MPZP tidak mengikat mana-mana institusi perbankan Islam. Ini membawa natijah kepada wujudnya kepelbagaiannya penentuan hukum Jawatankuasa Shariah (JS) yang dilantik oleh setiap institusi perbankan Islam. Penentuan hukum itu menyebabkan terdapat sebahagian institusi perbankan yang membayar zakat perbankan berdasarkan zakat perniagaan, sesetengahnya membayar berdasarkan *shakhsiah i'tibariyah* dan wujud juga sebahagian kecil institusi perbankan Islam yang tidak membayar atas dasar tanggungjawab pemegang saham.

Bab ini akan mengupas tiga bahagian utama. Pertamanya menjelaskan peranan dan fungsi Jawatankuasa Shariah (JS) dan Majlis Penasihat Shariah Kebangsaan (MPS) melalui Akta Perkhidmatan dan Kewangan Islam 2013 (APKI) dan Akta Bank Negara Malaysia 2009 (ABNM). Seterusnya melihat kes-kes lampau berkaitan bidangkuasa JS

dan MPS. Keduanya sumber rujukan yang diguna pakai JS dan MPS. Manakala bahagian ketiga menganalisis kaedah penentuan hukum zakat perbankan JS dan MPS.

Fungsi Jawatankuasa Shariah (JS) dan Majlis Penasihat Shariah (MPS)

Setiap bank yang melaksanakan operasi perniagaan dan perbankan Islam perlu mewujudkan sebuah JS (Nor Hashimah Yassin, 2003). APKI melalui Seksyen 30 hingga Seksyen 38 telah menggariskan tadbir urus Shariah dalam memastikan transaksi, pembiayaan dan produk sesebuah institusi perbankan Islam bertepatan dengan kehendak shariah. Seksyen 30(1) memperuntukkan bahawa suatu institusi yang berlesen perlu melantik seorang ahli JS dalam memastikan aktiviti perniagaan menepati kehendak shariah. Menurut seksyen 31, seseorang ahli JS haruslah layak untuk dilantik seperti yang termaktub dalam seksyen 29(2)(a)(ii).

Peranan dan fungsi JS termaktub di dalam seksyen 32 dan mesti dirujuk silang seksyen 29(2)(a)(i) iaitu memastikan operasi perniagaan dan perbankan Islam adalah selaras kehendak shariah yang tidak melibatkan apa-apa elemen yang tidak diluluskan agama Islam. Sungguhpun begitu, sekiranya didapati ahli-ahli JS memberikan nasihat salah kepada institusi perbankan dan kewangan Islam, mereka boleh dikenakan penjara tidak melebihi 8 tahun dan denda tidak melebihi RM 25,000,000 atau kedua-duanya sekali(Seksyen 28(5) APKI 2013). Berdasarkan peruntukan tersebut, APKI telah menunjukkan ketegasan bahawa setiap ketetapan, perintah dan nasihat yang diberikan JS mempunyai merit yang tinggi dan mahkamah perlu merujuk dan terikat dalam membuat keputusan berdasarkan kepada penentuan JS.

Hamid Sultan Abu Backer (2009) menyatakan bahawa setiap ahli JS bertanggungjawab kepada sebuah badan utama penasihat untuk

mengesahkan penetapan yang dibuat JS milik bank-bank Islam. Badan utama yang memantau penetapan JS ialah MPS yang ditubuhkan pada tahun 2003 melalui Seksyen 16B Akta Bank Negara Malaysia 1958 (kini dikenali sebagai Akta Bank Negara Malaysia 2009 melalui seksyen 51). Menurut seksyen 51, penubuhan MPS bertujuan bagi membantu BNM berkaitan penentuan hukum syarak dalam operasi perbankan dan kewangan Islam di Malaysia. Selain itu, berdasarkan seksyen 51(1)(c) MPS berhak menasihati berkaitan penentuan hukum syarak terhadap mana-mana institusi perbankan dan kewangan Islam atau badan-badan berkaitan (JS) seperti termaktub dalam mana-mana undang bertulis. APKI merupakan salah satu undang-undang bertulis yang mengiktiraf kewujudan MPS dan memastikan setiap operasi dan aktiviti perniagaan institusi harus patuh shariah dan mengikut ketetapan MPS sepertimana yang ditetapkan dalam seksyen 28(2) APKI 2013.

Hubungan antara MPS dan institusi perbankan dan kewangan Islam menerusi peruntukan ini dapat memudahkan pengesahan apa-apa produk baru dalam institusi kewangan dan perbankan dalam jangka masa pendek (Engku Rabiah Adawiah Engku Ali, 2008). Di samping itu, seksyen 28(3) di dalam akta yang sama menyatakan bahawa apabila terdapat operasi yang tidak patuh shariah atau gagal mengikut ketetapan MPS, institusi perbankan dan kewangan Islam tersebut perlu memaklumkan kepada JS untuk menghentikan operasi perniagaan terbabit dan institusi terbabit perlu melaporkan BNM bagi tujuan pembetulan ketidakpatuhan tersebut. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan institusi tersebut ditarik lesen perbankan dan kewangan Islam (Seksyen 18(1)(a), APKI 2013).

Kes-Kes Berkaitan Majlis Penasihat Shariah (MPS) dan Jawatankuasa Shariah (JS)

Beberapa kes lampau boleh dijadikan sebagai sumber rujukan tentang peranan dan fungsi MPS terhadap isu-isu berkaitan perbankan dan

kewangan Islam di Malaysia. Kes lampau ini boleh dilihat melalui dua perspektif iaitu sebelum dan selepas pindaan ABNM 2009 yang memperuntukan kuasa MPS yang mengikat mahkamah dalam penentuan hukum Islam berkaitan operasi perbankan dan kewangan Islam (Muhammad Hafiz Badarulzaman, 2014).

Perspektif pertama ialah MPS tidak mengikat mahkamah. Dalam kes *Affin Bank Bhd lwn Zulkifli Abdullah*[2006] 1 CLJ 438 dan *Arab-Malaysian Finance Bhd lwn Taman Ihsan Jaya Sdn Bhd & Ors*, [2008] 5 MLJ 631, kedua-kedua kes tersebut adalah berkaitan pembiayaan *Al-Bai' Bithaman Ajil* (BBA) kerana bank membeli terus daripada pelanggannya dan menjual semula kepada pelanggan tersebut dengan bayaran yang ditunda pada harga yang lebih tinggi secara keseluruhannya, jualan tersebut bukan jualan *bona fide* tetapi merupakan transaksi berdasarkan keuntungan seperti konvensional yang bertentangan dengan IBA dan BAFIA.

Keputusan ini telah menafikan pandangan MPS yang jelas menyatakan bahawa BBA merupakan satu pembiayaan Islam sekiranya dirujuk kepada dokumen PSA secara berasingan. Mohamed Ismail Mohamed Shariff (2006) berpandangan bahawa hakim tidak boleh membuat perbandingan amalan perbankan Islam dengan amalan-amalan pinjaman berdasarkan riba berdasarkan merit mereka sendiri. MPS sudah mengesahkan dan amalan tersebut pastinya menepati kehendak shariah pada waktu itu. Tetapi pihak mahkamah enggan untuk merujuk MPS kerana ketetapan MPS tidak mengikat mahkamah.

Namun begitu, di dalam kes *Malayan Banking Bhd lwn Ya'kup bin Oje & Anor*[2007] 6 MLJ 389 dan *Bank Islam Malaysia Bhd lwn Lim Kok Hoe & Anor*[2009] 6 MLJ 839, mahkamah menjelaskan di dalam kedua-dua kes ini bahawa perlunya merujuk kepada MPS dalam penentuan hukum kerana transaksi dan kontrak Islam tidak hanya tertakluk kepada terma-terma kontrak tetapi mestilah diputuskan tertakluk kepada perintah Al-Quran.

Dalam penghakiman-penghakiman ini, dapat disimpulkan bahawa aplikasi dan prinsip undang-undang shariah perlu digunakan dalam kes-kes berkaitan pembentukan Islam bagi menjelaskan perbezaan antara undang-undang komersial Islam dan undang-undang konvensional. Walaupun begitu, ketetapan MPS masih lagi tidak mengikat mahkamah kerana kehendak statutori berbeza dengan kehendak semasa.

Manakala perspektif kedua ialah selepas pindaan ABNM 2009. Pindaan tersebut mengiktiraf peranan dan fungsi MPS dalam penentuan hukum terhadap operasi perbankan dan kewangan Islam. Pengiktirafan fungsi MPS dalam ABNM 2009 boleh dirujuk melalui Sekyen 57 seperti berikut:

Kesan peraturan Shariah

57. Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Majlis Penasihat Shariah menurut rujukan yang dibuat di bawah Bahagian ini hendaklah mengikat institusi kewangan Islam di bawah seksyen 55 dan mahkamah atau penimbang tara yang membuat rujukan di bawah seksyen 56.

Pemakaian peruntukan baru ini telah diuji di dalam kes *Mohd Alias bin Ibrahim lwn RHB Bank Bhd & Anor* [2011] 3 MLJ 26. Kes ini telah membangkitkan tiga persoalan dan dua isu utama berkaitan MPS ialah sama ada peruntukan terbaru telah merampas kuasa kehakiman mahkamah untuk memutuskan isu-isu terkini pertikaian antara pihak-pihak dengan memindahkan kuasa tersebut kepada badan lain (MPS) dan sama ada menjadi kewajipan ke atas mahkamah untuk merujuk MPS dalam isu-isu perbankan Islam (Muhammad Hafiz Badarulzaman, 2014). Oleh kerana isu-isu yang perlu dipertimbangkan mempunyai implikasi serius terhadap perkembangan industri perbankan dan kewangan Islam di Malaysia, Pejabat Peguam Negara dan Bank Negara Malaysia telah dijemput mahkamah sebagai *amicus curie* untuk mengajukan pandangan berhubung perkara tersebut. Hampir isu yang sama turut dibangkitkan dalam kes *Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim lwn Bank Islam (M) Berhad* [2013] 3 MLJ 269.

Mahkamah telah memutuskan di dalam kedua-dua kes bahawa tiada sebarang peruntukan yang memberikan kuasa kepada mana-mana mahkamah untuk memindah kuasanya dalam membuat penghakiman kepada mana – mana badan. Dalam isu ini, MPS juga tidak mempunyai hak untuk membuat sebarang penghakiman dalam mana-mana kes mahkamah. Pandangan dan penetapan yang diberikan oleh MPS akan dijadikan sebagai rujukan oleh mahkamah atau penimbangtara seperti mana yang dinyatakan di dalam Seksyen 57 ABNM 2009. Sekiranya MPS membuat penghakiman bagi pihak mahkamah atau penimbangtara dalam sesuatu kes mahkamah maka tindakan tersebut boleh dianggap sebagai *ultra vires* dengan Perkara 121(1) Perlembagaan Persekutuan tentang bidang kuasa mahkamah.

Selain itu, mahkamah turut mengiktiraf MPS sebagai pihak berkuasa tertinggi untuk menasihati mahkamah tentang isu-isu yang berkaitan perbankan dan kewangan Islam. Pandangan dan keputusan MPS adalah mengikat mahkamah sivil untuk mengikutnya di dalam membuat keputusan. Kondisi ini berbeza sewaktu tiada pindaan pada Akta 701 apabila penentuan hukum MPS adalah tidak mengikat mahkamah sivil. Secara tidak langsung pandangan MPS perlu dianggap sebagai bukti pakar (*expert evidence*) seperti termaktub dalam Seksyen 45 Akta Keterangan 1950.

Menurut Rafiah Salim (1994), bukti pakar diperlukan bagi membantu mahkamah membuat keputusan dalam kes-kes yang antaranya melibatkan undang-undang asing (*Foreign Law*). Undang-undang asing ini menurut beliau termasuklah undang-undang Islam. Ini diputuskan di dalam kes *Viswalingam lwn Viswalingam* [1980] 1 MLJ 10 apabila mahkamah mendapatkan bukti pakar tentang isu-isu dan persoalan undang-undang keluarga Islam. Sekiranya dalam kes keluarga Islam mahkamah mahu mendapatkan penjelasan pakar, maka perlu juga dalam kes perbankan Islam mahkamah mendapat nasihat dari MPS sebagai pakar.

Sumber Rujukan Zakat Perbankan

Pengurusan dan pentadbiran *zakat* perbankan di institusi perbankan Islam di Malaysia dipantau dan diselia oleh JS yang dilantik oleh institusi berkaitan. Segala pemantauan, penasihatatan ataupun penyeliaan yang dijalankan bersandarkan hukum syarak. Sumber yang yang dijadikan sandaran ialah sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer ialah berdasarkan kepada Al Quran dan Sunnah. Manakala sumber sekunder berdasarkan *Ijma*'dan fatwa. Selain itu, JS juga menjadikan sumber undang-undang bertulis negara sebagai sumber perundangan yang terdiri daripada ABNM 2009, APKI 2013, AIKP 2002, Manual Pengurusan Zakat Perbankan 2010 (MPZP) dan sebagainya.

Perundangan zakat bermula sejak pensyariatannya di dalam al-Quran. Al-Quran telah merakamkan penggunaan perkataan zakat lebih daripada 40 ayat al-Quran sepertimana dijelaskan para pentafsir al-Quran yang muktabar (al-Qurtubi, 671H). Perkataan zakat juga kerap kali digandingkan bersama perkataan solat sebanyak 28 tempat. Secara tidak langsung ini menunjukkan bahawa hubungan antara solat dan zakat sangat signifikan dari sudut kefardhuannya. Berikut merupakan dalil daripada al-Quran bermaksud:

“dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat...”

(Surah al-Baqarah, 2: 43)

“ dan tunaikanlah haknya sewaktu dituai hasilnya...”

(Surah al-An'am, 6: 141)

Mengikut para fuqaha apabila terdapat ayat perintah (menggunakan kata kerja suruhan) maka perintah itu bermaksud wajib kecuali terdapat asas yang memberi makna sunat atau harus (Muhammad Al Khadrawi, 1962). Berdasarkan kedua ayat di atas jelaslah bahawa Allah SWT menyuruh dengan mewajibkan umat Islam mengeluarkan zakat.

Di samping itu, bukti kewajiban zakat juga boleh dilihat melalui hadis-hadis Rasulullah. Terdapat lebih daripada 170 hadith berkaitan zakat yang telah diulas para pengulas hadith (Ibn Hajar Al Asqalani, 1997). Rasulullah SAW bersabda: terjemahan

“Rasulullah SAW menyuruh kita bersembahyang, membayar zakat, menjaga hubungan silaturrahim dan menjaga kesucian diri.”

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Dalam hadis lain, Rasulullah SAW juga ada menyebut: terjemahan

“Apakah hartanya itu Tuhan? Engkau menyembah Allah dan jangan menyekutukan denganNya apa-apa sahaja, engkau bersolat, menunaikan zakat dan menghubungkan silaturrahim.”

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Ijma' merupakan sumber sekunder yang bermaksud kesepakatan dan konsensus ulama' seluruh negara di dunia. Agus Effendi dan Bahruddin Fannany (1995) menyatakan bahawa seluruh ulama' telah bersepakat bahawa zakat merupakan satu kewajiban dan kefardhuan. Keengganan mengeluarkan zakat boleh dikenakan hukuman bunuh sepertimana yang pernah dilakukan di zaman para sahabat (Abu Dawud, 1988) Oleh itu, mereka yang mengingkari kewajiban ini akan dianggap sebagai kafir atau keluar daripada Islam (*murtad*) (Agus Effendi dan Bahruddin Fannany, 1995). Hukuman yang dikenakan kepada orang yang murtad ialah dipenjarakan (*al-habs*) dan diberikan masa untuk bertaubat sebanyak tiga kali. Sekiranya enggan bertaubat dalam jangka masa yang ditetapkan maka boleh dikenakan hukuman bunuh.

Fatwa juga dijadikan sumber rujukan JS di setiap institusi perbankan. Walaupun pemakaian fatwa berdasarkan kepada negeri masing-masing, JS menghormati dan menggunakan alasan dan keputusan fatwa sama ada di peringkat negeri maupun persekutuan. Berikut merupakan keputusan dan ketetapan fatwa berkaitan zakat di dalam institusi perbankan Islam di Malaysia:

Jadual 4: Fatwa berkaitan *Zakat* Perbankan di Malaysia

Jenis Zakat	Peringkat	Keputusan Fatwa
<i>Zakat Perniagaan</i>	<i>Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka pada tahun 2009</i>	Kadar <i>nisab</i> bagi zakat perniagaan adalah berpandukan kepada timbangan emas iaitu 20 mithqal (مثقال) atau 20 dinar bersamaan 85 gram emas. Kadar <i>zakat</i> yang diwajibkan ialah sebanyak satu perdua (1/2) dinar bersamaan 2.125 gram emas atau 2.5 peratus (1/40) daripada hasil perniagaan yang cukup <i>haul</i> dan <i>nisab</i> .
<i>Zakat Perbankan</i> <i>(Zakat Ke Atas Bank-Bank Dan Syarikat-Syarikat Perniagaan Yang Berlandaskan Shariah Yang Syarikat Induknya Di Miliki Oleh Orang Bukan Islam.)</i>	<i>Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 16 Ogos 2001</i>	Muzakarah telah memutuskan bahawa semua perbankan Islam yang menjalankan pengurusan perniagaan berlandaskan syarak wajib mengeluarkan zakat begitu juga semua kaunter yang menjalankan perniagaan berlandaskan syarak yang induknya bukan Islam.
<i>Zakat Simpanan</i>	<i>Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka pada tahun 2009</i>	merumuskan kadar <i>nisab</i> bagi zakat wang simpanan adalah berpandukan kepada timbangan emas iaitu 20 mithqal (مثقال) atau 20 dinar bersamaan 85 gram emas. Kadar zakat yang diwajibkan ialah sebanyak satu perdua (1/2) dinar bersamaan 2.125 gram emas atau 2.5 peratus (1/40) daripada wang simpanan yang cukup <i>haul</i> dan <i>nisab</i> . Zakat wajib dikeluarkan sebanyak 2.5 peratus daripada jumlah baki terendah setelah ditolak wang faedah (akaun konvensional) bagi satu atau beberapa akaun simpanan dalam tahun tersebut yang cukup <i>haul</i> dan <i>nisab</i> .

Undang-Undang bertulis di Malaysia turut dijadikan rujukan dalam penentuan zakat perbankan. Undang-undang bertulis ini merangkumi Perlembagaan Persekutuan dan kanun-kanun. Kanun adalah sumber undang-undang yang terdiri daripada pengisyiharan dan perwartaan peraturan undang-undang oleh pihak berkuasa (Anwarul Yaqin, 2007).

Kanun di Malaysia terdiri dari undang-undang Persekutuan yang diluluskan Parlimen dan enakmen-enakmen yang diluluskan Dewan Undangan Negeri. Kanun-kanun perundangan ini boleh diperolehi daripada perpustakaan melalui bahan bercetak dan pangkalan data dalam talian.

Undang-Undang persekutuan berkaitan zakat perbankan yang dirujuk JS ialah APKI 2013 dan ABNM 2009. Sungguhpun begitu, APKI dan ABNM tidak menjelaskan secara khusus zakat perbankan. Apa yang dirujuk hanyalah berkaitan institusi perbankan Islam, produk dan pembiayaan Islam serta peranan dan fungsi MPS dan JS. Semua institusi perbankan Islam samada institusi perbankan Islam tempatan mahupun antarabansa yang menjalankan perniagaan perbankan Islam di Malaysia adalah tertakluk kepada APKI. Manakala Akta Institusi-Institusi Kewangan dan Pembangunan (AIKP) 2002 pula menggariskan beberapa institusi perbankan yang ditubuhkan di bawah AIKP 2002. Institusi ini yang ditubuhkan oleh kerajaan sekiranya menjalankan perniagaan perbankan Islam perlulah melantik JS sepertimana yang digariskan oleh ABNM dan tertakluk kepada APKI (Portal Bank Negara Malaysia, 2015). Berikut merupakan senarai bank di bawah AIKP 2002:

Jadual 5: Senarai Institusi Perbankan di bawah AIKP 2002

No.	Nama Bank
1.	Bank Pembangunan Malaysia Berhad
2.	Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank)
3.	Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank)
4.	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
5.	Bank Simpanan Nasional
6.	Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agro Bank)

Undang-undang di peringkat negeri terdiri daripada enakmen dan ordinan yang diluluskan di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN). Enakmen ialah himpunan undang-undang yang diwartakan di peringkat semenanjung Malaysia dan Sabah serta Sarawak manakala ordinan ialah undang-undang yang diwartakan sebelum hari kemerdekaan di seluruh Malaysia termasuklah undang-undang baru yang diwartakan di Sabah dan Sarawak. Pihak yang bertanggungjawab dalam mengurus dan mentadbir hal ehwal Islam negeri ialah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Terdapat sejumlah empat belas MAIN, satu MAIN bagi setiap tiga belas negeri dan satu MAIN untuk wilayah persekutuan. Azizah Dolah dan Abd Halim Mohd Noor (2009) telah menyediakan senarai enakmen mengikut negeri yang mempunyai peruntukan berkaitan *zakat* seperti berikut:

Jadual 6: Undang-Undang Pentadbiran *Zakat* Mengikut Negeri

Negeri	Enakmen <i>Zakat</i>
Perlis	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1964
Kedah	Enakmen Zakat 1955
Perak	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992
Pulau Pinang	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1959
Wilayah Persekutuan	Peraturan Zakat Fitrah 1974
Selangor	Enakmen Jenayah Shariah 1995
Melaka	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1959
Negeri Sembilan	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1962
Johor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1978
Kelantan	Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994
Terengganu	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986
Pahang	Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982
Sabah	Enakmen Zakat dan Fitrah 1993
Sarawak	Enakmen Zakat dan Fitrah 1966

Berdasarkan Jadual 6, enakmen ini dikuatkuasakan melalui pusat, jabatan dan lembaga zakat negeri. Memandangkan terdapat desakan agar kutipan dan pengagihan dana zakat di Malaysiamenjadi lebih cekap dan berkesan, beberapa pusat, jabatan dan lembaga pungutan zakat telah dikorporatkan dan menjadi sebuah institusi yang bertanggungjawab penuh terhadap kutipan (dan pengagihan) zakat di sebahagian negeri-negeri tertentu (Norazlina Abd. Wahab dan Abdul Rahim Abdul Rahman, 2011).

Selain itu, MPZP yang diterbitkan oleh JAWHAR merupakan rujukan terpenting oleh JS di setiap institusi. Kewujudan manual ini bertujuan untuk menyeragamkan segala aspek berkaitan pengurusan dan pentadbiran zakat perbankan di Malaysia. Manial ini dirangka berdasarkan kepada kehendak AAOIFI (FAS) 9, berkaitan syarat-syarat zakat perniagaan bagi institusi perbankan serta ulasan perbandingan dengan penaksiran di Malaysia (Manual Pengurusan Zakat Perbankan, 2010). Manual ini mengandungi beberapa bab penting iaitu konsep dan hukum zakat perniagaan, konsep dan syarat zakat perbankan berdasarkan AAIOIFI dan kaedah pengiraan dan penaksiran zakat perbankan. Sungguhpun begitu, tidak semua institusi perbankan Islam yang menggunakan manual ini (Zahri Hamat, 2015).

Penentuan Zakat Perbankan JS dan MPS

Sekiranya diteliti secara keseluruhan, tiada sebarang peruntukan khas berkaitan zakat atau zakat perbankan dinyatakan di dalam APKI 2013. JS selaku badan yang menasihati institusi perbankan Islam perlu menafsir secara bijak dan berhemah setiap peruntukan yang wujud di dalam APKI. Secara asas, kewajipan pembayaran zakat perbankan bermula apabila sesebuah institusi perbankan Islam menjalankan perniagaan perbankan Islam dan harta perniagaan tersebut cukup *nisab* dan *haul*.

Definisi perniagaan perbankan Islam perlu dirujuk kepada Seksyen 2 APKI 2013 yang bermaksud menyetuju terima deposit Islam atas akaun semasa, akaun deposit, akaun simpanan atau akaun lain yang serupa, dengan atau tanpa perniagaan membayar atau memungut cek yang dikeluarkan atau dibayar oleh pelanggan; atau menyetuju terima wang di bawah suatu akaun pelaburan; dan penyediaan pembiayaan; dan apa-apa perniagaan lain sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 3. Berdasarkan peruntukan tersebut, dapatlah difahami bahawa sesebuah institusi perbankan Islam sememangnya layak membayar zakat perbankan kerana menepati dua syarat utama iaitu *haul* dan *nisab* selain telah memenuhi syarat seperti perniagaan yang dimiliki oleh orang Islam dan merdeka, sempurna milik dan harta berkembang.

Persoalan yang timbul ialah adakah JS berperanan dan mempunyai kuasa dalam menentukan institusi perbankan yang diwakili untuk membayar *zakat*? Ini boleh dirujuk melalui seksyen 32 yang manyatakan kewajipan dan fungsi JS. Fungsi tersebut diterangkan secara terperinci di dalam seksyen 29(2)(a)(i) iaitu BNM setelah mengikut nasihat MPS boleh menentukan JS melaksanakan tadbir urus Shariah dengan memastikan pematuhan shariah dalam sesuatu institusi yang diwakili. Perkataan ‘pematuhan shariah’ bersifat umum dan zakat termasuk sebahagian yang ditakrifkan sebagai perkara shariah. Hal ini kerana tiada sebarang peruntukan zakat perbankan disebut di dalam akta berkaitan.

Secara umumnya, zakat merupakan sebahagian daripada hal-hal agama di bawah bidang kuasa negeri (Perkara 97 (3), Perlembagaan Persekutuan). Sekiranya peruntukan berkaitan zakat perbankan dimuatkan dalam APKI dan ABNM, maka peruntukan tersebut akan dianggap sebagai bertentangan dengan perlembagaan (*unconstitutional*). Di samping itu, peruntukan zakat perbankan secara khusus mungkin tidak digazetkan dalam mana-mana akta atau enakmen kerana terdapat kepelbagaiannya hukum dan ijihad dalam pembayaran zakat tersebut.

Natijahnya, terdapat sebahagian institusi perbankan yang membayar zakat perbankan berdasarkan zakat perniagaan, sesetengahnya membayar berdasarkan *shaksiyah i'tibariyah* dan wujud jugasebahagian kecil institusi perbankan Islam yang tidak membayar atas dasar tangungjawab *share holders*. Bagi institusi perbankan Islam yang membayar zakat perbankan, JS bertanggungjawab dalam menentukan kaedah pembayaran, pengiraan dan penaksiran serta kaedah agihan. Segala kaedah ini dirujuk melalui MPZP.

Walaupun begitu, tidak semua institusi yang membayar zakat perbankan mengikut sepenuhnya MPZP kerana wujud sesetengah institusi yang hanya mengadaptasi sebahagian MPZP dan merangka manual pengurusan zakat mengikut intitusi masing-masing. Oleh yang demikian, setiap institusi perbankan Islam yang membayar zakat berbeza dari sudut pengiraan dan pembayaran zakat. Tedapat institusi perbankan Islam yang membayar separuh daripada jumlah harta kena zakat, ada yang membayar melebihi harta kena zakat, ada yang membayar mengikut kadar kemiskinan negeri, ada yang membayar mengikut jumlah perniagaan paling besar mengikut negeri dan sebagainya. Semua kaedah pembayaran ini ditentukan oleh JS berdasarkan sumber dan ijтиhad masing-masing. Namun yang pasti, semua institusi tidak pernah mengutip dan membayar zakat simpanan bagi pihak pendeposit. Sungguhpun begitu, terdapat sesetengah yang menjadi agen kutipan *zakat* bagi mana-mana pusat, jabatan atau lembaga zakat negeri dan begitu juga sebaliknya.

JS juga menentukan kaedah pengiraan dan penaksiran zakat. Kaedah ini telah termaktub di dalam MPZP. Terdapat dua kaedah yang ditetapkan oleh MPZP berdasarkan perakaunan zakat iaitu kaedah pertama disebut sebagai Kaedah Modal Berkembang (*Urfiyyah*) kerana dari segi uruf atau adatnya, aset-aset tetap ditolak dalam taksiran *zakat*. Manakala kaedah kedua dinamakan sebagai Kaedah Modal Kerja (*Syar'iyyah*) kerana yang disyariatkan ialah pada barang yang

diperniagakan (Manual Pengurusan Zakat Perbankan, 2010). Kedua-dua pendekatan ini dapat diperjelaskan seperti berikut berasaskan sudut perakaunan:

Jadual 7: Kaedah Pengiraan dan Penaksiran Zakat Perbankan

Kaedah Modal Kerja (Working Capital)	Kaedah Modal Berkembang (Growth Capital)
$[(Aset Semasa - Tanggungan Semasa) +/- Pelarasan] \times Peratus Pemilikan Saham Muslim \times 2.5\text{ Peratus}$	$[(Ekuiti Pemilik + Liabiliti Jangka Panjang - Aset Tetap - Aset Bukan Semasa) +/- Pelarasan] \times Peratus Pemilikan Saham Muslim \times 2.5\text{ Peratus}].$

Sungguhpun begitu, terdapat institusi perbankan Islam yang menggunakan kaedah ketiga yang tidak terdapat di dalam MPZP. Kaedah ini dikira berdasarkan kepada Kaedah Keuntungan (*Profit*) seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 8. Kaedah pertama dan kedua menghasilkan jumlah zakat yang sama manakala kaedah ketiga menghasil jumlah yang berbeza kerana jumlah harta peniagaan yang dikenakan zakat adalah tidak sama (Nor ‘Azzah Kamri *et al*, 2015)

Jadual 8: Pengiraan dan Penaksiran Zakat Perbankan mengikut Kaedah Keuntungan

$$\text{Jumlah Harta Yang dikenakan Zakat} = (\text{Keuntungan Perniagaan} \times 2.5\%)$$

Kebanyakan institusi menyerahkan fungsi agihan zakat perbankan kepada MAIN sebagai menyahut resolusi dan ketetapan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-76 bertarikh 21-23 Nov 2006 yang menyatakan bahawa walaupun dari segi syarak, mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah adalah sah sekiranya diajighkan kepada *asnaf* yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau *Ulil Amri* dalam perkara kebaikan adalah wajib (Portal Rasmi Fatwa Malaysia, 2015).

Justeru peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah atau *Ulil Amri* yang menyatakan bahawa hak agihan hanya terletak pada kuasa MAIN tidak boleh dipertikaikan demi *siasah* dan *maslahah ummah*. Perlulah diingat bahawa institusi perbankan Islam tidak boleh menjadi *amil* untuk mengutip zakat sekiranya tidak mendapat tauliah daripada MAIN. Ini bertepatan dengan resolusi fatwa Wilayah Persekutuan pada tahun 1997 yang menyatakan bahawa perlantikan Institusi Bank/Kewangan yang dibuat oleh Harta Suci Sdn. Bhd. sebagai agennya memungut zakat adalah tidak sah (Portal Rasmi Fatwa Malaysia, 2014).

Hasil pembayaran zakat perbankan yang telah dibuat kepada MAIN perlulah diagihkan kepada mereka yang layak. Mereka yang layak menerima zakat dapat dilihat melalui Jadual 9. Berdasarkan kelayakan ini, keutamaan agihan akan diberikan kepada asnaf *fakir*, *miskin* dan *amil* (Zainal Abidin Jaafar, 2006).

Jadual 9: Senarai Asnaf Zakat

No.	Asnaf Zakat
1.	<i>Fakir</i>
2.	<i>Miskin</i>
3.	<i>Amil</i>
4.	<i>Muallaf</i>
5.	<i>Riqab</i>
6.	<i>Gharimin</i>
7.	<i>Fisabilillah</i>
8.	<i>Ibnus sabil</i>

Pembayaran *zakat* perbankan berdasarkan *shaksiyah i'tibariyah* turut diputuskan oleh sebahagian kecil institusi perbankan Islam melalui penetapan dan penasihat JS. Hal ini kerana banyak institusi yang membayar zakat perbankan bagi pihak pemegang saham utama institusi terbabit (Muhammad Hafiz Badarulzaman *et.al*, 2015). *Shaksiyah*

i'tibariyah yang dikenali sebagai individu artifisial mempunyai hak yang sama seperti individu semulajadi (*natural person*). Mahdi Zahraa (1995) menegaskan bahawa fuqaha' silam tidak memberikan definisi secara spesifik berkaitan prinsip entiti berasingan tetapi fuqaha' silam banyak menyentuh amalan dalam beberapa institusi Islam.

Walaupun begitu, terdapat dua situasi utama berkaitan prinsip *shaksiyah i'tibariyah* di Malaysia yang diputuskan oleh JS iaitu wujud penerimaan secara sepenuhnya dan menolak prinsip *shaksiyah i'tibariyah* secara sepenuhnya (Muhammad Ikhlas Rosele dan Luqman Abdullah, 2015). Penerimaan prinsip *shaksiyah i'tibariyah* di Malaysia secara sepenuhnya membolehkan institusi perbankan Islam mengeluarkan zakat perbankan serta bertindak selaras dengan *maqasid shariah*. Penolakan prinsip *shaksiyah i'tibariyah* secara sepenuhnya tidak bermaksud bahawa institusi perbankan Islam tidak membayar zakat perbankan tetapi penolakan itu hanya menepati kehendak pemegang saham untuk membayar zakat perbankan secara bersendirian.

Kesimpulan

JS dan MPS merupakan suatu badan yang berotoriti dalam membuat ketetapan berkaitan zakat perbankan. Mahkamah turut mengiktiraf MPS sebagai pihak berkuasa tertinggi untuk menasihati mahkamah tentang isu-isu yang berkaitan perbankan dan kewangan Islam. Pandangan dan keputusan MPS adalah mengikat mahkamah sivil untuk mengikutnya di dalam membuat keputusan. MPS berhak menasihati berkaitan penentuan hukum syarak terhadap mana-mana institusi perbankan dan kewangan Islam atau badan-badan berkaitan (JS) seperti termaktub dalam mana-mana undang bertulis.

Sumber yang diguna pakai oleh JS dan MPS dalam penentuan hukum zakat perbankan adalah berdasarkan sumber primer dan sumber sekunder sepetimana dalam kaedah perundangan Islam. Sungguhpun

begitu, undang-undang bertulis negara terutamanya MPZP akan dijadikan sebagai panduan utama tanpa menafikan sumber primer yang suci dan kudus. MPZP telah menggariskan peranan JS secara khusus untuk meneliti kaedah pembayaran, pengiraan dan penaksiran serta kaedah agihan zakat perbankan untuk institusi masing-masing. Manual tersebut diwujudkan dan dirangka bagi tujuan penyeragaman semua institusi perbankan Islam di Malaysia. Namun, manual tersebut tidak mengikat mana-mana institusi menyebabkan penetapan hukum zakat perbankan pelbagai dan tidak selaras. Ini menyebabkan wujud penetapan oleh JS institusi masing-masing yang membayar zakat perbankan dan ada yang tidak membayarnya.

Rentetan daripada analisis ini, dapatlah disimpulkan bahawa wujudnya keperluan menggubal satu set undang-undang khusus di peringkat persekutuan yang mengikat semua institusi perbankan Islam dalam pembayaran zakat perbankan. Ini bagi menyelaraskan dan menyeragamkan proses pembayaran, pengiraan dan agihan zakat tersebut. Selain itu, BNM melalui MPS dan JS boleh mengeluarkan Garis Panduan berkaitan pemakaian cadangan ini. Hal yang sama juga boleh dibuat melalui penetapan undang-undang di dalam enakmen negeri oleh MAIN. Pengiktirafan juga perlu diberikan kepada pemakaian prinsip *shakhsiyah i'tibariyah* merupakan prinsip perundangan yang diiktiraf di dalam perundangan sivil mahupun perundangan Islam. Ia antara cara berkesan bagi menguruskan pembayaran zakat perbankan oleh mana-mana institusi perbankan Islam tanpa mengira agama setiap pemegang saham atas dasar entiti berasingan.

Bibliografi

- Abu Daud, (1988) *Sunan Abi Daud*, Jld.1, Beirut:Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyyah, hlm. 494.
- Agus Effendi dan Bahruddin Fannany.(1995)*Zakat: Kajian Berbagai Mazhab*. Bandung: Penerbit PT Remaja Rosdakarya

- Al Qurtubi. (2008) *Al Jami' Lil Ahkam Al Quran*, Lebanon:Darul Fikr
- Anwarul Yaqin. (2007)*Legal Research and Writing*, Kelana Jaya:Lexis Nexis
- Azizah Dolah dan Abd Halim Mohd Noor (2009) Kaitan Zakat dan Cukai di Malaysia di dalam *Pengintegrasian Zakat dan Cukai di Malaysia* ed. Abd Halim Mohd Noor et.al, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti
- Engku Rabiah Adawiah Engku Ali. *Constraints and Opportunities in Harmonisation of Civil Law And Shariah in the Islamic Financial Services Industry*. [2008] 4 MLJ i
- Hamid Sultan Abu Backer. *Critical Thoughts: Legislative Intervention Imperative To Support Islamic Financing On A Global Scale*. [2009] 1 MLJ lxiv
- Ibn Hajar Al Asqalani. (1997)*Fath BariBi Syarh Sahih Bukhari*.Jld.4, Maktabah Darussalam: Riyyadh,hlm. 3
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. (2010) *Manual Pengurusan Zaka tPerbankan* , Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.
- Mahdi Zahraa.(1995) *Legal Personality in Islamic Law* ALQ, p193–206.
- Mohamed Ismail Mohamed Shariff. *The Affin Bank Case: Is Islamic Banking Just Conventional Banking In A Green Garb?*[2006] 3 MLJ cli
- Muhammad Al Khadrawi. (1962)*Usul Fiqh*, Keharah: Matba'ah al Sa'adah, hlm. 214
- Muhammad Hafiz Badarulzaman. (2014) Kajian Kes Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim lwn Bank Islam (M) Berhad Mengenai Isu Penentuan Keputusan oleh Mahkamah atau Majlis Penasihat Shariah Dalam Hal-hal Kewangan dan Perbankan Islam dalam *UUM Journal of Legal Studies*, Vol 4, Sintok: UUM Press
- Muhammad Hafiz Badarulzaman. (2014) Akta Bank Negara 2009: Implikasi Sebelum dan Selepas Pindaan terhadap Majlis Penasihat Shariah dalam *Jurnal Mualamat*, Vol 7, Putrajaya: JAKIM
- Muhammad Hafiz Badarulzaman, Alias Azhar dan Che Thalbi Md Ismail. (2015) Isu Perundangan Zakat Perbankan di Sebuah Institusi Perbankan Islam Terpilih Malaysia dalam *Fiqh Zakat:Addressing Fiqh Zakat Issues in The Contemporary World*, ed Abd Halim Mohd Noor dan Mohamed Saladin Abdul Rasool, Melaka: IKaZ

- Muhammad Ikhlas Rosele dan Luqman Abdullah. (2015) Amalan Pembayaran Zakat Institusi Kewangan Islam di Malaysia: Satu Tinjauan dalam *Isu Kontemporari Pengurusan dan Pembayaran Zakat di Malaysia*, ed Nor Aini Ali, Azizi Che Seman dan Mohamad Taqiuddin Mohamad, Kuala Lumpur: MAIWP
- Nor Azzah Kamri, Nor Aini Ali dan Azizi Che Seman. (2015) Kaedah Pengiraan dan Agihan Zakat Perniagaan Institusi Perbankan Islam Terpilih dalam *Isu Kontemporari Pengurusan dan Pembayaran Zakat di Malaysia*, ed Nor Aini Ali, Azizi Che Seman dan Mohamad Taqiuddin Mohamad, Kuala Lumpur: MAIWP
- Norazlina Abd Wahabdan Abdul Rahim Abdul Rahman, "Efficiency And Governance Of Zakat Institutions" Pembentangan kertas kerja di World Universities 1st Zakat Conference, Kuala Lumpur, 22-24 November 2011.
- Norhashimah Yassin.(2003). *Legal Aspects of Islamic Banking: Malaysian Experience*. Kertas Kerja dibentangkan di International Conference on Islamic Banking and Finance.
- Rafiah Salim.(1994). *Evidence in Malaysia and Singapore*. Butterworth Asia.
- Zahri Hamat. (2015) Perakaunan Zakat Pelaburan Dalam Aset Kewangan Di Malaysia: Kes Saham Patuh Shariah dalam *Isu Kontemporari Pengurusan dan Pembayaran Zakat di Malaysia*, ed Nor Aini Ali, Azizi Che Seman dan Mohamad Taqiuddin Mohamad, Kuala Lumpur: MAIWP
- Zainal Abidin Jaafar, Pengurusan Agihan Zakat: Pengalaman Baitul Mal Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dalam *Zakat Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abd Ghafar Ismail and Hailani Muji Tahir (Bangi: Penerbit UKM, 2006), 371

Internet:

Portal ASSAIF, AAOIFI-Governance and Accounting Standard, Internet, diakses daripada <http://www.assaif.org/ita/content/download/31770/162486/file/Mr+Khairul+Nizam+%28AAOIFI+-+Governance+and+Auditing+Standards%29.pdf> pada 10 Jun 2014.

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, Kaedah Pengiraan Zakat Harta Bagi Negeri Melaka, Internet, diakses daripada <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/>

kaedah-pengiraan-zakat-harta-bagi-negeri-melaka+Fatwa+Kaedah+Pengiraa n+Zakat+Harta+Bagi+Negeri+Melaka&cd=1&hl=en&ct=clnk&gl=my pada 10 Jun 2014.

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, *Zakat Ke Atas Bank-Bank Dan Syarikat-Syarikat Perniagaan Yang Berlandaskan Shariah Yang Syarikat Induknya Di Miliki Oleh Orang Bukan Islam, Internet*, diakses daripada <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-ke-atas-bank-bank-dan-syarikat-syarikat-perniagaan-yang-berlandaskan-shariah> pada 10 Jun 2014.

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, *Perlantikan Syarikat Sebagai Amil, Internet*, diakses daripada <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/perlantikan-syarikat-sebagai-amil-0> pada 10 Jun 2014

Portal Rasmi Bank Negara Malaysia, *Institusi Kewangan dan Pembangunan, Internet*, diakses daripada http://www.bnm.gov.my/?ch=fs_mfs&pg=fs_mfs_dfi&lang=en#List_purview pada 31 Disember 2015

Kes:

Mohd Alias bin Ibrahim lwn RHB Bank Bhd & Anor [2011] 3 MLJ 26

Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim lwn Bank Islam (M) Berhad[2013] 3 MLJ 269

Affin Bank Bhd lwn Zulkifli Abdulllah [2006] 1 CLJ 438

Arab-Malaysian Finance Bhd lwn Taman Ihsan Jaya Sdn Bhd & Ors, [2008] 5 MLJ 631,

Viswalingam lwn Viswalingam [1980] 1 MLJ 10

Malayan Banking Bhd lwn Ya'kup bin Oje & Anor[2007] 6 MLJ 389

Bank Islam Malaysia Bhd lwn Lim Kok Hoe & Anor[2009] 6 MLJ 839,

Statut:

Akta Bank Negara Malaysia 2009

Akta Institusi-Institusi Kewangan dan Pembangunan 2002

Akta Keterangan 1950

Akta Kewangan dan Perkhidmatan Islam 2013

Perlembagaan Persekutuan

07

PERAKAUNAN ZAKAT PERTANIAN DI MALAYSIA: HASIL KASAR (HK) ATAU HASIL BERSIH (HB)?

Mohd Shukri Hanapi & Zahri Hamat***

Abstrak

Realiti zakat pertanian di Malaysia pada ketika ini mempunyai pelbagai kaedah perakaunan. Ada negeri yang mengenakan zakat ke atas Hasil Kasar (HK) tanpa menolak Kos Tanaman (KT) dan Kos Sara Hidup (KSH); ada pula negeri yang mengenakan zakat ke atas Hasil Bersih (HB) setelah ditolak KT sahaja atau ditolak kedua-dua kos iaitu KT dan KSH daripada HK. Persoalannya, kenakah ada negeri yang membenarkan KT ditolak daripada HK sedangkan fatwa yang dikeluarkan majoriti negeri di Malaysia tidak membenarkan KT tersebut ditolak daripada HK? Kenakah pula ada negeri yang bukan sahaja membenarkan penolakan KT malah turut ditolak juga KSH? Apakah pandangan ulama silam dan kontemporari berhubung perkara ini?

* Mohd Shukri Hanapi ialah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang. Emel; hshukri@usm.my atau hshukeri@yahoo.com

** Zahri Hamat ialah Pensyarah Kanan di Bahagian Perancangan Pengurusan Pembangunan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan (PPSK), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang. Emel; zahri@usm.my

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis perakaunan zakat pertanian di Malaysia sama ada ia patut dikenakan ke atas HK atau HB. Analisis ini dibuat berdasarkan pandangan ulama silam dan kontemporari. Hasilnya, sebahagian besar negeri di Malaysia mengenakan zakat pertanian ke atas HK tanpa menolak sebarang kos kecuali empat buah negeri iaitu Perlis, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah. Sabah dan Sarawak mengenakan zakat pertanian ke atas HB setelah ditolak KT daripada HK, manakala Perlis dan Pulau Pinang bukan sahaja membenarkan penolakan KT malah turut ditolak juga KSH daripada HK.

Kata kunci: *Perakaunan, zakat pertanian, hasil kasar, hasil bersih*

Pengenalan

Zakat pertanian adalah salah satu daripada zakat *mal* (harta). Menurut pegangan Mazhab al-Syafi'i, zakat pertanian hanya diwajibkan terhadap hasil pertanian yang dikategorikan sebagai makanan asasi yang mengenyangkan setelah cukup nisab. Makanan asasi yang mengenyangkan itu pula terdiri daripada biji-bijirin yang tahan lama jika disimpan seperti padi atau beras, kurma, jagung, gandum dan sebagainya (Muhammad Arsyad al-Banjari, 2008:531). Bagi penduduk Malaysia, makanan asasi mereka ialah nasi. Nasi pula dihasilkan daripada padi. Maka hasil pertanian yang diwajibkan zakat bagi umat Islam di Malaysia ialah padi.

Realiti zakat pertanian di Malaysia pada ketika ini mempunyai pelbagai kaedah perakaunan. Ada negeri yang mengenakan zakat ke atas hasil kasar (HK) tanpa menolak kos tanaman (KT)¹ dan kos sara

¹ Kos tanaman (KT) disebut juga sebagai kos pengeluaran. Ia merangkumi segala kos modal penanaman padi seperti kos sewa tanah (jika disewa), membajak dan menanam, baja, racun serangga, upah menuai, dan upah pengangkutan.

hidup (KSH)²; ada pula negeri yang mengenakan zakat ke atas hasil bersih (HB) setelah ditolak KT sahaja atau ditolak kedua-dua kos iaitu KT dan KSH daripada HK. Persoalannya, kenapakah ada negeri yang membenarkan KT ditolak daripada HK sedangkan fatwa yang dikeluarkan majoriti negeri di Malaysia tidak membenarkan KT tersebut ditolak daripada HK? Kenapakah pula ada negeri yang bukan sahaja membenarkan penolakan KT malah turut ditolak juga KSH? Apakah pandangan ulama silam dan kontemporari berhubung perkara ini?

Kajian ini dilakukan bagi mencapai dua objektif utama. Pertama, mengenal pasti kaedah perakaunan zakat pertanian di Malaysia dan kedua, menganalisis perakaunan zakat pertanian di Malaysia sama ada ia patut dikenakan ke atas HK atau HB berdasarkan pandangan ulama silam dan kontemporari.

Bagi mencapai kedua-dua objektif ini, kajian kualitatif ini melibatkan data primer dan data sekunder. Data primer diperoleh melalui temu bual tidak berstruktur dengan empat orang informan. Pertama, Mohd Nazim Mohd Noor, Pengurus Baitulmal, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIP) yang dipilih mewakili negeri yang mengenakan zakat terhadap HB setelah ditolak KT dan KSH.

Kedua, Mohd Fahmi Salleh Hilmi, Penolong Pegawai Zakat, Jabatan Zakat Kedah yang dipilih mewakili negeri yang mengenakan zakat terhadap HK dengan kadar 5 % atau 10 %. Ketiga, Azhari Ahmad, Eksekutif Zakat, Zakat Pulau Pinang yang dipilih mewakili negeri yang mengenakan zakat terhadap HB setelah ditolak KT dan KSH. Keempat, Mohd. Latif Tolib, Pegawai Hal Ehwal Islam, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPs) yang dipilih mewakili negeri yang

2 Kos sara hidup (KSH) disebut juga sebagai kos sara diri. Ia merangkumi segala kos keperluan asasi seperti perbelanjaan diri sendiri, pemberian kepada isteri, nafkah anak, pemberian kepada ibu bapa, perubatan, dan hutang daruriyyah (kenderaan dan rumah).

mengenakan zakat terhadap HK dengan kadar 5 %. Data sekunder pula diperoleh melalui kajian perpustakaan.

Kesemua data ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Secara umumnya, perbincangan dalam kajian ini dibahagikan kepada enam bahagian. Pertama, membincangkan kaedah perakaunan zakat pertanian negeri-negeri di Malaysia; kedua, membincangkan pandangan ulama silam dan kontemporari terhadap kaedah perakaunan zakat pertanian; ketiga, membincangkan pandangan informan terhadap kaedah perakaunan zakat pertanian; keempat, menganalisis kaedah perakaunan zakat pertanian di Malaysia berdasarkan pandangan ulama silam dan kontemporari; kelima, contoh pengiraan zakat pertanian ke atas HB; dan keenam, rumusan dan cadangan.

Definisi Operasi

Bagi memudahkan perbincangan dalam kajian ini, dua konsep penting diberikan definisi secara operasi yang digunakan. Konsep pertama ialah zakat; dan konsep kedua ialah perakaunan zakat hasil pertanian.

Zakat

Secara etimologi zakat bermaksud pertambahan (*nammu*), penyucian (*zakka*) dan keberkatan (*barakah*). Dari segi terminologi pula, zakat bermaksud mengeluarkan harta tertentu dengan kadar tentu kepada golongan yang berhak menerimanya (*asnaf*) (al-Qaradawi, 1969:34). Selain itu, zakat juga bermaksud hak yang wajib dikeluarkan daripada harta yang telah ditetapkan oleh syariat. Maksud zakat ini telah diperincikan lagi Mujaini Tarimin (1999:5) sebagai penyerahan wajib sebahagian harta kekayaan kepada segolongan orang yang berhak menerimanya melalui amil yang bertauliah bagi mencari keredaan Allah SWT, penyucian diri dan harta untuk membangunkan masyarakat

berdasarkan syarat-syarat³ yang ditentukan oleh syarak. Berdasarkan definisi istilah zakat yang dikemukakan ini, Zahri Hamat (2013:16) menyimpulkan bahawa zakat mempunyai tiga konotasi. Pertama, zakat dari segi bahasa yang bermaksud penyucian atau pembersihan daripada kekotoran; kedua, zakat dari segi agama bermaksud penyucian kerohanian; dan ketiga, zakat dari segi perundangan yang bermaksud pemindahan hal milik harta tertentu kepada individu tertentu.

Perakaunan Zakat Hasil Pertanian

Perakaunan zakat atau dalam Bahasa Arab *muhasabah al-zakah* bermaksud satu bidang ilmu perakaunan untuk menentukan dan menilai harta yang diwajibkan zakat, menentukan kadarnya, membuat taksiran zakat yang dikenakan, memungut dan mengagihkan harta zakat yang dipungut kepada penerima zakat berdasarkan syarat-syarat dan kedad yang ditetapkan oleh syarak (Syahatah, 2003:194). Menurut Zahri Hamat (2013:16), proses perakaunan zakat melibatkan lima tahap. Pertama, menentukan harta-harta yang diwajibkan zakat; kedua, menilai harta-harta yang diwajibkan zakat; ketiga, menentukan kadar zakat yang sesuai; keempat, mengagihkan hasil pungutan zakat kepada penerima zakat; dan kelima, menyediakan laporan kepada pihak berkuasa tentang pungutan dan agihan zakat⁴. Definisi perakaunan zakat hasil pertanian yang digunakan dalam makalah ini ialah proses mengenal pasti ciri-ciri

-
- 3 Sesuatu hasil tanaman itu wajib dikeluarkan zakat apabila ia telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, iaitu Islam, merdeka, cukup nisab, milik sempurna dan hasil tanaman manusia. Walau bagaimanapun, zakat pertanian tidaklah disyaratkan haul (genap tempoh setahun), tetapi ia hendaklah dikeluarkan sebaik sahaja hasilnya dituai. Hal ini berdasarkan ayat 141 daripada Surah al-An'am (6) yang menjelaskan hasil pertanian wajib keluarkan zakatnya pada hari ia dituai atau dipetik. Penuaian ini mestilah selepas biji-bijian itu matang dan keras. Tidak disyaratkan semuanya matang, bahkan cukup dengan matang sebahagiannya maka dianggap matang semuanya. Disyaratkan nampak matang pada tanaman kerana sebelum keadaan tersebut ia tidak dianggap sebagai makanan asasi dan tidak sesuai untuk disimpan kerana berkemungkinan mudah rosak.
- 4 Perbincangan dalam makalah ini hanya tertumpu kepada tahap pertama, kedua dan ketiga. Aspek pungutan dan laporan pengagihan zakat hasil pertanian tidak dibincangkan dalam makalah ini.

harta atau hasil pertanian yang diwajibkan zakat, menentukan syarat-syarat hasil pertanian yang diwajibkan zakat, memastikan kadar zakat yang dikenakan dan kemudian membuat taksiran zakat terhadap harta tersebut.

Kaedah Perakaunan Zakat Pertanian

Di Malaysia, terdapat pelbagai kaedah perakaunan zakat pertanian yang diamalkan pada ketika ini. Hal ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 11.

Jadual 11: Perakaunan Zakat Pertanian di Malaysia

Bil.	Negeri	Perakaunan Zakat Pertanian di Malaysia			
		Zakat dikenakan Terhadap HK Dengan Kadar 5%	Zakat dikenakan Terhadap HK Dengan Kadar 5% & 10%	Zakat dikenakan Sebanyak 10% Terhadap HB Setelah ditolak KT daripada HK	Zakat dikenakan Sebanyak 10% Terhadap HB Setelah ditolak KT & KSH daripada HK
1	Perlis				✓
2	Kedah		✓		
3	Pulau Pinang				✓
4	Perak	✓			
5	Wilayah Persekutuan		✓		
6	Selangor	✓			
7	Kelantan		✓		
8	Terengganu		✓		
9	Pahang		✓		
10	Negeri Sembilan		✓		
11	Melaka		✓		
12	Johor		✓		
13	Sarawak			✓	
14	Sabah			✓	
Jumlah / %		2 (14%)	8 (58%)	2 (14%)	2 (14%)

Nota: Diolah daripada maklumat perakaunan zakat pertanian yang terdapat dalam laman sesawang pusat-pusat zakat mengikut negeri dan temu bual yang dijalankan.

Jadual 11 memperlihatkan kepelbagaiannya kaedah perakaunan zakat pertanian yang diamalkan di Malaysia pada ketika ini. Secara umumnya, ia boleh dibahagikan kepada dua kategori. Pertama, zakat pertanian dikenakan ke atas HK tanpa menolak KT dan KSH, tetapi diberi pengurangan kadar zakat sebanyak 5 %; dan kedua, zakat pertanian dikenakan ke atas HB dengan kadar 10 % setelah ditolak KT sahaja atau ditolak kedua-dua kos iaitu KT dan KSH daripada HK.

Setiap kategori ini, masing-masing dipecahkan pula kepada dua kaedah perakaunan zakat pertanian. Dua kaedah perakaunan zakat pertanian bagi kategori pertama ialah pertama, zakat pertanian dikenakan terhadap HK dengan kadar 5 %; kedua, zakat pertanian dikenakan terhadap HK dengan kadar 5 % atau 10 %. Manakala dua kaedah perakaunan zakat pertanian bagi kategori kedua ialah pertama, zakat pertanian dikenakan terhadap HB dengan kadar 10 % setelah ditolak KT; dan kedua, zakat pertanian dikenakan terhadap HB dengan kadar 10 % setelah ditolak KT dan KSH.

Terdapat dua buah negeri (14%) iaitu Perak dan Selangor yang mengenakan zakat pertanian terhadap HK dengan kadar 5 %; 8 buah negeri (58%) iaitu Kedah, Wilayah Persekutuan, Kelantan, Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor yang mengenakan zakat pertanian terhadap HK dengan kadar 5 % atau 10 %; dua buah negeri (14%) iaitu Sarawak dan Sabah yang mengenakan zakat pertanian terhadap HB dengan kadar 10% setelah ditolak KT; dan dua buah negeri (14%) iaitu Perlis dan Pulau Pinang yang mengenakan zakat pertanian terhadap HB dengan kadar 10 % setelah ditolak KT dan KSH.

Jelas di sini bahawa hanya Perlis, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah yang mengenakan zakat pertanian terhadap HB sebanyak 10 %. Daripada empat buah negeri ini, dua buah negeri iaitu Sarawak dan Sabah menolak KT daripada HK dalam perakaunan zakat pertanian mereka (Pusat Zakat Sabah, 2014; Tabung Baitulmal Sarawak, 2014),

manakala Pulau Pinang dan Perlis mengenakan zakat pertanian terhadap HB setelah ditolak KT dan KSH (Mohd Nazim Mohd Noor, 2014; Azhari Ahmad, 2014).

Sebenarnya, perakaunan zakat pertanian di Sarawak dan Sabah adalah berpandukan *Manual Pengurusan Pengiraan Zakat* yang dikeluarkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) (2008:46), iaitu perakaunan zakat pertanian dibuat dengan menolak KT daripada HK. Hal ini berbeza dengan perakaunan zakat pertanian di Perlis dan Pulau Pinang yang bukan sahaja menuruti *Manual Pengurusan Pengiraan Zakat* yang dikeluarkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) (2008:46), malah lebih daripada itu kerana selain menolak KT, mereka juga menolak KSH daripada HK.

Perlis mengamalkan perakaunan zakat pertanian dengan menolak KT dan KSH daripada HK. HB daripada penolakan itu dikenakan zakat dengan kadar 10 % (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, 2001:16-20). Menurut Mohd Nazim Mohd Noor (2014), perkara ini telah diputuskan oleh Majlis Fatwa Negeri Perlis. Lagipun, dalam Undang-Undang Tubuh Negeri telah dinyatakan bahawa Perlis tidak terikat dengan sebarang mazhab dalam pengamalan hal-hal keagamaan. Jelas di sini bahawa Perlis boleh berbeza dalam perakaunan zakat pertanian kerana mereka tidak terikat dengan sesuatu mazhab tertentu dalam pengamalan soal agama.

Begitu juga dengan Pulau Pinang yang mengenakan zakat pertanian terhadap HB dengan kadar zakat 10 % setelah ditolak KT dan KSH. Menurut Azhari Ahmad (2014), penolakan KT dan KSH ini adalah untuk memberi keadilan kepada semua pihak. Hal ini lebih-lebih lagi KT dan KSH yang kian meningkat dan kebanyakan petani pula bergantung kepada sumber pendapatan daripada padi semata-mata. Demikianlah antara pertimbangan yang diputuskan oleh Majlis Fatwa Negeri Pulau Pinang.

Kaedah Perakaunan Zakat Pertanian Pandangan Ulama Silam dan Kontemporari

Perbincangan ini dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, perbincangan tentang pandangan ulama silam dan kontemporari terhadap KT; dan kedua, perbincangan tentang pandangan ulama silam dan kontemporari terhadap KSH.

Pandangan Ulama Silam dan Kontemporari Terhadap Kos Tanaman

Ulama silam dan kontemporari mempunyai pelbagai pandangan mengenai KT. Semua pandangan ini dapat dikelompokkan kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah pandangan yang tidak membenarkan KT ditolak daripada HK dan zakat dikenakan ke atas HK, manakala bahagian kedua ialah pandangan yang membenarkan KT ditolak daripada HK dan zakat dikenakan ke atas HB.

Ulama-ulama yang berpandangan zakat pertanian dikenakan ke atas HK tanpa membenarkan penolakan KT ialah seperti al-Zuhayli (1989), al-Khin, al-Bugha dan al-Syarbaji (2009), dan al-Nuri (2000). Menurut al-Zuhayli (1989:812), KT mestilah ditanggung oleh para petani walaupun dibebani dengan kos sewaan tanah atau tapak semaian. Nisab zakat dikira apabila mereka memperoleh hasil tanaman (al-An‘am, 6:141)⁵. Dalam hal ini, tidak dibenarkan penolakan KT daripada HK kerana tiada nas yang menyatakan demikian. Nas yang ada hanyalah Hadis yang menerangkan kadar pengeluaran zakat sebanyak 5 % atau 10 % berdasarkan kaedah pengairan yang digunakan (Riwayat al-Bukhari,

5 Allah SWT berfirman yang bermaksud: “Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah daripada buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau”.

Hadis no. 133; Riwayat Ibn Majah, Hadis No. 68). Al-Buhuti (1999:274) memperincikan perkara ini dengan menyatakan kadar 10% dikenakan jika pengairan yang sampai ke ladang tidak mengeluarkan modal yang banyak atau kerja yang berat kerana beban pengairan menyebabkan tinggi rendahnya kadar tersebut. Tanaman yang dikenakan zakat pada kadar 5 % ialah tanaman yang diairi dengan bantuan binatang, kincir air, jentera dan sebagainya⁶. Oleh itu, berdasarkan zahir Hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Ibn Majah sebelum ini, tiada penolakan KT dilakukan, tetapi pengurangan kadar sahaja.

Al-Khin, al-Bugha dan al-Syarbaji (2009) dan al-Nuri (2000) bersepakat dengan al-Zuhayli (1989) tidak membenarkan penolakan KT daripada HK ketika hendak mengeluarkan zakat pertanian. Meskipun tiada penolakan KT daripada HK, namun pengurangan kadar zakat bergantung kepada jenis pengairan jelas dibenarkan syarak.

Bagi para ulama yang berpandangan zakat pertanian dikenakan ke atas HB setelah ditolak KT pula ialah seperti Abu Ubayd (1988), Sabiq (2009), al-Qaradawi (2003), ‘Atiyyah (1988), Syahatah (2001), dan Abu Nasir (2010).

Menurut Abu ‘Ubayd (1988), kos yang ada kaitan dengan pertanian boleh ditolak daripada hasil tuaian kerana KT ini merupakan satu bebanan yang ditanggung oleh petani. Pandangan Abu ‘Ubayd (1988) ini berdasarkan satu peristiwa yang diriwayatkan oleh Jabir bin Zaid r.a mengenai tindakan seorang lelaki yang telah berhutang dan menggunakan wang hasil hutangnya untuk perbelanjaan keluarga dan ladangnya. Bagi menjelaskan perkara ini, Jabir bin Zaid r.a merujuk kepada pandangan Ibn ‘Abbas r.a. dan Ibn ‘Umar r.a. seperti berikut:

6 Diriwayatkan daripada ‘Abd Allah bin ‘Amru r.a. katanya: Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: Tanaman yang diairi oleh hujan, sungai-sungai dan mata air atau yang mendapat air dari saliran (atau melalui akarnya) hendaklah dikeluarkan (zakatnya) sepersepuluh (1/10). Tanaman yang diairi dengan unta pengangkut air atau dengan penimba, hendaklah dikeluarkan seperduapuluh (1/20) (Riwayat al-Bukhari, Hadis No. 1483, Ibn Hajar, 1989:443).

Ibn Abbas r.a berpandangan bahawa lelaki itu boleh membelanjakan hutangnya itu untuk ladangnya. Ibn Umar RA pula berpendapat orang itu boleh membelanjakannya untuk ladang dan keluarganya.

Abu Ubayd (1988:611) menyatakan Ibn Abbas RA dan Ibn Umar RA bersepakat bahawa zakat pertanian dikeluarkan setelah petani menolak hutang yang dijadikan modal untuk kos mengusahakan sesuatu tanaman (KT). Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa adalah wajar menolak hutang KT sebelum dikenakan zakat terhadap sesuatu tanaman berdasarkan pandangan Ibn Abbas RA dan Ibn Umar RA

Jelas di sini bahawa sekiranya seseorang petani itu berhutang untuk membeli bahan input untuk penanaman padinya seperti berhutang untuk membeli baja, racun, biji benih, upah menuai, membajak dan sebagainya, maka petani tersebut dibenarkan menolak terlebih dahulu KT daripada HK. HB barulah dikenakan zakat.

Amalan perakaunan sebegini dipersetujui oleh al-Qaradawi (2003:419-425) melalui pandangan beliau seperti berikut:

Pengiraan hutang bagi setiap pertanian yang diusahakan hendaklah dilakukan. Setelah dikenal pasti jumlah hutang, ia hendaklah ditolak daripada HK. Jika lebih tolakan itu cukup nisab, ia dikenakan zakat dengan kadar 10 % dan tidak diwajibkan zakat sekiranya tidak mencukupi nisab. Sebenarnya, hutang KT itulah yang menghalang kewajipan zakat.

Berdasarkan pandangan al-Qaradawi (2003) ini, sesuatu hasil pertanian hendaklah ditaksir kos yang digunakan untuk mengusahakannya (KT). Setelah dikenal pasti jumlah KT, ia hendaklah ditolak daripada HB. Jika cukup nisab, lebih daripada tolakan itu dikenakan zakat sebanyak 10 %. Berhubung tolakan KT daripada HK ini, al-Qaradawi (2003:420) menyatakan KT perlu ditolak terlebih dahulu kerana ia merupakan bebanan bagi para petani. Pandangan al-Qaradawi (2003) ini bersandarkan pandangan Ahmad bin Hanbal RA berikut:

“Sesiapa yang memerlukan perbelanjaan untuk tanaman dan keluarganya, maka lakukan taksiran ke atas perbelanjaan pertaniannya dan bukan ke atas perbelanjaan keluarganya kerana perbelanjaan pertanian adalah sebahagian daripada beban yang ditanggung dalam mengusahakan sesuatu pertanian”

Selain bersandarkan pandangan Ahmad bin Hanbal r.a., al-Qaradawi (2003) turut mengemukakan tiga hujah KT perlu ditolak daripada HK terlebih dahulu. Ketiga-tiga hujah beliau adalah seperti berikut:

1. Bebanan dan kos merupakan faktor yang memberi kesan dalam hukum. Kadar pengeluaran zakat berbeza disebabkan adanya bebanan dan kos. Contohnya, bagi pengairan yang memerlukan peralatan atau tenaga manusia kadar pengeluaran zakat ialah 5 % sahaja.
2. Bagi zakat binatang ternakan pula, sekiranya penternak perlu mencari makanan untuk binatang ternakannya sepanjang tahun, maka binatang ternakan tersebut tidak dikenakan zakat ternakan. Jika diqasikan perkara ini dengan zakat padi, maka wajarlah KT itu tidak dikenakan zakat.
3. Zakat diwajibkan kerana adanya pertumbuhan. Apabila adanya pertumbuhan ini bererti wujud pertambahan. Dalam konteks ini, pertambahan tidak mewujudkankekayaan kerana KT juga besar.

Pandangan al-Qaradawi (1969) ini dikuatkan dengan pandangan ‘Atiyyah (1988), Syahatah (2001) dan Abu Nasir (2010) yang berpandangan KT terkait secara langsung dengan pertanian. Misalnya, kos pembelian bahan kimia (racun dan baja), upah (tenaga kerja dan penghantaran), biji benih, bayaran sewa tanah, cukai dan perbelanjaan pemulihan tanah.

Dalam menyatakan pandangan berhubung KT ini, Syahatah (2001) bersandarkan ketetapan yang dibuat oleh *al-Hay’ah al-Syar‘iyah al-‘Alamiyyah li al-Zakah* (Pertubuhan Zakat Sedunia) bahawa kos yang dibenarkan untuk tolakan itu adalah kos yang ada kaitan dengan

perbelanjaan pertanian, tanpa membenarkan penolakan perbelanjaan yang tiada kaitan dengan pertanian.

Berdasarkan pandangan ulama yang membenarkan penolakan KT dapat disimpulkan bahawa KT dibenarkan ditolak daripada HK pertanian. Pandangan ini selari dengan *athar* yang diriwayatkan oleh Jabir bin Zaid bahawa Ibn Umar RA dan Ibn ‘Abbas RA yang membenarkan penolakan hutang atau perbelanjaan terhadap pertanian, kemudian lebihan daripada hasil pertanian barulah dikeluarkan zakat.

Oleh itu, Abu ‘Ubayd (1981), Sabiq (2009), ‘Atiyyah (1988), Syahatah (2001), al-Qaradawi (2003), dan Abu Nasir (2010) berijtihad bahawa setiap kos berhubung peralatan pertanian, jentera, perbelanjaan dan upah pekerja merupakan beban seperti pengairan yang perlu dikurangkan kadar zakat. Namun begitu, apabila keseluruhan kos yang dinyatakan sebelum ini ditolak daripada hasil pertanian, maka ketetapan hukum asal yang menjelaskan pertanian yang tiada bebanan dikenakan 10 % kadar zakat pertanian diambil kira.

Peningkatan KT adalah faktor utama para ulama berijtihad menolak KT daripada HK. KT pada ketika ini berbeza dengan KT pada suatu masa dahulu yang bergantung kepada air sahaja dan tidak memerlukan peralatan pertanian, upah pekerja, baja dan racun. Hal ini sudah pasti tidak melibatkan kos yang banyak seperti sekarang.

Sebaliknya, pendapat ulama yang tidak membenarkan penolakan KT masih terikat dengan kefahaman Hadis secara zahir. Pada hakikatnya Hadis riwayat al-Bukhari dan Ibn Majah sebelum ini adalah berbentuk umum. Sekiranya dahulu pertanian memerlukan air sahaja, maka kaedah perakaunan zakat dengan mengurangkan kadar zakat kepada 5 %. Namun apabila kaedah pertanian berubah, maka KT meningkat hampir satu pertiga daripada modal yang menyebabkan kaedah penolakan KT wajar dilakukan dalam perakaunan zakat pertanian semasa (Syahatah, 2014).

Tambahan lagi, sifat pertanian dahulu adalah lebih kepada sara diri, berbanding pertanian sekarang bersifat komersial yang memerlukan peralatan sokongan seperti jentera membajak, mesin menuai, biji benih berkualiti tinggi, baja dan racun yang sejajar dengan kemajuan teknologi kini. Namun di sebalik kesejajaran tersebut sudah pasti KT meningkat sehingga boleh menyebabkan kerugian kepada petani jika berlakunya bencana alam yang merosakkan tanaman secara keseluruhan.

Berdasarkan pandangan ulama yang tidak membenarkan penolakan KT daripada HK dapat disimpulkan bahawa pandangan ini dibuat berdasarkan zahir Hadis yang diriwayatkan al-Bukhari (Hadis No. 133) dan Ibn Majah (Hadis No. 581) bahawa 10 % bagi pertanian yang diairi dengan air semula jadi dan 5 % untuk pertanian yang diairi dengan daya usaha manusia. Pandangan ini selari dengan pandangan Imam al-Syafi'i yang dijelaskan dalam *Kitab al-Umm* bahawa penolakan hanya berkaitan dengan kaedah pengairan sahaja seperti yang dijelaskan dalam Hadis sebelum ini.

Pandangan Ulama Silam dan Kontemporari Terhadap Kos Sara Hidup

Ulama silam dan kontemporari mempunyai pelbagai pandangan mengenai KSH. Semua pandangan ini dapat dikelompokkan kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah pandangan yang tidak membenarkan KSH ditolak daripada HK dan zakat dikenakan ke atas HK, manakala bahagian kedua ialah pandangan yang membenarkan KSH ditolak daripada HK dan zakat dikenakan ke atas HB.

Ulama-ulama yang berpandangan zakat pertanian dikenakan ke atas HK tanpa membenarkan penolakan KSH ialah seperti 'Atiyyah (1988:31), al-Khin, al-Bugha dan al-Syarbaji (2009), al-Nuri (2000), Haykal (2007), dan Abu Nasir (2010). Mereka berpandangan bahawa KSH bukanlah sebahagian beban atau kos yang terlibat secara langsung dengan pertanian. Malah ia tidak dijelaskan dalam al-Qur'an dan Hadis yang berkaitan zakat pertanian.

Pandangan mereka yang tidak membenarkan penolakan KSH ini adalah berdasarkan zahir ayat al-Qur'an (al-An'am, 6:141) yang memerintahkan agar zakat dikeluarkan daripada hasil yang dituai. Selain ayat al-Qur'an, mereka juga bersandarkan *athar* yang diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas RA bahawa kos yang terlibat dengan pertanian boleh ditolak dan zakat dikenakan ke atas lebihannya. Dalam hal ini, KSH merupakan kos yang tidak terlibat secara langsung dengan pertanian.

Abu 'Ubayd (1988:611), Yahya Ibn Adam (t.t.:162) dan Ibn Qudamah (1997:265) menyatakan walaupun Ibn 'Abbas RA dan Ibn 'Umar RA bersepakat bahawa hutang yang digunakan untuk KT boleh ditolak terlebih dahulu sebelum dikenakan zakat, tetapi mereka tidak bersepakat tentang hutang yang dibelanjakan untuk KSH petani. Ibn 'Umar RA sahaja yang berpendapat bahawa zakat dikira setelah ditolak hutang KT dan KSH.

Bagi para ulama yang berpandangan zakat pertanian dikenakan ke atas HB setelah ditolak KSH ialah seperti Abu Ubayd (1988), al-Qaradawi (2003), Syahatah (2001), dan al-Syamum (2011). Semua ulama ini bersepakat membenarkan penolakan KSH daripada HK pertanian. Lebihan daripada keperluan diri dan tanggungan barulah dikenakan zakat. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT surah a-Baqarah (2) ayat 219 bermaksud:

“Dan mereka bertanyakan kamu tentang perkara yang perlu di infak (zakat). Katakanlah (perkara yang perlu diinfakkan itu adalah) lebihan”

Menurut al-Tabari (1992:376-377), Ibn Kathir (1992:263) dan al-Qurtubi (1993:41-42), keperluan diri dan tanggungan mestilah diutamakan sebelum menggunakan harta untuk keperluan-keperluan lain. Jika terdapat lebihan barulah dipenuhi segala keperluan tersebut. Al-Tabari (1992:376-377) bersandarkan pandangan Ibn 'Abbas RA bahawa *al-awf* merupakan lebihan daripada keperluan keluarga.

Pendapat yang sama turut dinyatakan oleh ‘Ata’, al-Hassan bin Yahya dan al-Suddi.

Hal ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

“Berikanlah terlebih dahulu untuk kepentingan dirimu; apabila lebih berikanlah untuk isterimu; apabila masih lebih berikanlah kepada keluarga yang terdekat dengan mu; dan apabila masih lebih berikanlah kepada yang lain-lain”

(Hadis riwayat Muslim, no. hadis; 997)

Hadis ini menjelaskan kos untuk menyara kehidupan lebih diutamakan sebelum dikeluarkan zakat ke atas sesuatu hasil pertanian. Sehubungan itu, KSH wajar diambil kira dan perlu ditolak terlebih dahulu daripada HK sebelum dikenakan zakat pertanian. Tambahan pula Rasulullah SAW amat mengambil berat tentang kesejahteraan sosial para petani. Mengikut amalan Rasulullah SAW, baginda meminta supaya penaksir zakat menolak $\frac{1}{3}$ atau $\frac{1}{4}$ daripada hasil tanaman dan zakat ditaksir berdasarkan $\frac{2}{3}$ atau $\frac{3}{4}$ daripada hasil tanaman. Hal ini sebagaimana yang dilaporkan oleh Sahal bin Abu Hathrnah yang bermaksud:

“Apabila kamu membuat penaksiran hendaklah kamu ambil zakatnya dan tinggalkan $\frac{1}{3}$. Jika kamu tidak tinggalkan $\frac{1}{3}$ hendaklah tinggalkan $\frac{1}{4}$ ”
(Abu ‘Ubayd, 1988:585).

Meskipun dibenarkan penolakan KSH daripada HK pertanian, Abu ‘Ubayd (1981) menyatakan ia hanya terhad kepada keperluan *daruriyyat* berasaskan pandangan Ibn ‘Abbas r.a, Ibn ‘Umar r.a, Ahmad Ibn Hanbal r.a dan lain-lain. Al-Qaradawi (2003:421) mengatakan pandangan Abu ‘Ubayd (1981) ini adalah tepat.

Selain itu, Syahatah (2001:139-141) menyatakan penolakan KSH sangat diperlukan kerana taraf hidup sekarang yang semakin meningkat. Disebabkan peningkatan itu, terdapat tiga pendapat ulama berhubung

penolakan KSH. Pertama, tidak dibenarkan penolakan KSH dan dikeluarkan zakat daripada HK. Kedua, membenarkan penolakan KSH dan dikeluarkan zakat daripada HB. Ketiga, membenarkan penolakan KSH, tetapi penolakan itu tidak melebihi 1/3 daripada perbelanjaan keperluan. Daripada tiga pendapat ini, pendapat kedua lebih sesuai dipraktikkan dalam perakaunan zakat pertanian.

Di samping itu, seseorang yang dikenakan zakat merupakan golongan yang sudah memenuhi keperluan sara hidupnya dan lebih daripada keperluannya barulah dikenakan zakat apabila mencapai nisab sesuatu harta itu. Justeru, KSH ini mesti diambil kira sebagai tanggungan para petani yang merupakan ketua keluarga. Mereka terpaksa menanggung nafkah keperluan harian, bulanan atau tahunan ahli keluarga (Nor Aini Ali, 2013).

Berdasarkan perbincangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa kaedah yang paling sesuai untuk diamalkan dalam perakaunan zakat pertanian pada masa kini adalah dengan membenarkan penolakan KSH daripada HK. Asas dalam pengeluaran zakat harta ialah orang yang mengeluarkan zakat mestilah orang kaya kerana penerima zakat terdiri daripada golongan fakir miskin. Hal ini berdasarkan amalan pada zaman Rasulullah SAW, iaitu baginda telah memerintahkan supaya zakat dipungut daripada orang kaya sebagaimana sabdanya:

“ Ambillah daripada orang-orang kaya dan kembalikan kepada orang yang miskin”

(Hadis riwayat al-Jama‘ah, hadis no. 1531,
al-Syawkani, 1996:431-432).

Sebenarnya indikatorkekayaan seorang petani itu tidak hanya dilihat pada hasil tanamannya yang mencukupi kadar nisab tanpa mengambil kira sama ada pendapatan daripada hasil pertaniannya mencukupi untuk keperluan perusahaan pertanian dan perbelanjaan keluarganya. Oleh sebab nafkah adalah tanggungjawab ketua keluarga, sudah tentu

seseorang itu perlu menunaikan tanggungjawab tersebut terlebih dahulu sebelum membelanjakan kekayaannya untuk perbelanjaan-perbelanjaan lain (Riwayat Muslim, Hadis No. 997).

Pandangan Informan Terhadap Kaedah Perakaunan Zakat Pertanian

Perbincangan pandangan informan terhadap kaedah perakaunan zakat pertanian di Malaysia dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, pandangan informan terhadap zakat pertanian yang dikenakan ke atas HB setelah ditolak KT daripada HK; dan kedua, pandangan informan terhadap zakat pertanian yang dikenakan ke atas HB setelah ditolak KSH daripada HK. Perincian kedua-dua bahagian ini adalah seperti berikut.

Pandangan Informan Terhadap Zakat Pertanian dikenakan ke atas HB Setelah ditolak KT daripada HK

Berdasarkan hasil temu bual yang dijalankan ke atas empat informan, didapati pandangan informan terhadap penolakan KT daripada HK terbahagi dua kumpulan. Kumpulan pertama, tidak membenarkan penolakan KT daripada HK, manakala kumpulan kedua, membenarkan penolakan KT daripada HK. Perkara ini digambarkan dalam Jadual 12

Jadual 12: Pembahagian Pandangan Informan Terhadap Penolakan KT

Bil	Informan	Negeri	Pandangan	
			Tidak benarkan tolakan KT	Benarkan tolakan KT
1	Mohd Nazim Mohd Nor	Perlis		✓
2	Mohd Fahmi Salleh Hilmi	Kedah	✓	
3	Azhari Ahmad	Pulau Pinang		✓
4	Mohd Latiff Tolib	Perak	✓	

Jadual 12 mempamerkan dua informan dari Kedah dan Perak yang tidak membenarkan zakat pertanian dikenakan terhadap HB setelah ditolak KT. Manakala dua informan lagi iaitu dari Perlis dan Pulau Pinang membenarkan zakat pertanian dikenakan terhadap HB setelah ditolak KT. Kedua-dua kumpulan pandangan informan ini masing-masing mempunyai alasan.

Pandangan Informan Terhadap Penolakan KT

Mohd Nazim Mohd Nor - Perlis (2014)

Penolakan KT dibenarkan kerana bebanan yang ditanggung para petani dalam tanaman padi. Dalam konteks Malaysia, tidak ada masalah tentang pengairan berbanding keadaan pertanian di Tanah Arab yang memerlukan kos pengairan. Sistem pengairan di Malaysia adalah bersifat semulajadi yang tidak memerlukan kos pengairan. Berdasarkan Hadis yang menjelaskan tanaman yang diairi dan tidak diairi, jelas bahawa bebanan pada ketika itu adalah air, manakala bebanan pertanian moden adalah jentera, upah dan bahan kimia. Oleh itu, membenarkan penolakan KT adalah diqiaskan dengan beban yang ditanggung para petani yang terdapat dalam Hadis tentang pengurangan kadar apabila pertanian itu diairi.

Mohd Fahmi Salleh Hilmi - Kedah (2014)

Tiada penolakan KT disebabkan berhati-hati dalam melaksanakan kewajipan zakat dengan cara melebihkan sukatian. Ini cara terbaik mengatasi penolakan yang tiada kaitan dengan pertanian. Jika dibenarkan penolakan KT daripada HK pertanian, maka para petani akan mengambil kesempatan dengan menolak kos-kos sampingan. Oleh itu, mengekalkan kaedah perakaunan yang lama adalah terbaik untuk menentukan kadar selamat daripada kekurangan menunaikan zakat pertanian.

Azhari Ahmad - Pulau Pinang (2014)

Majlis Fatwa Negeri mengeluarkan ijтиhad membenarkan penolakan KT bagi meringankan beban kerana pertanian padi masa kini menggunakan peralatan jentera, upah, baja dan racun bagi mengawal penyakit serta binatang perosak. Hal ini secara tidak langsung membantu petani meningkatkan hasil pertanian dan menghasilkan modal kepada petani untuk menambah baik kualiti pertanian mereka. Selain itu, penolakan KT memberikan keadilan kepada para petani sekali pembayar zakat.

Mohd Latiff Tolib – Perak (2014)

Tiada penolakan KT, tetapi dikurangkan kadar zakat 5 %. Hal ini berdasarkan hadis yang menjelaskan pertanian yang dibebani dengan tanggungan dikenakan zakat dengan kadar 5 %. Sifat padi adalah bijirin yang berbeza dengan tamar kerana padi mempunyai selaput kulit di luar. Hasil padi akan berkurangan apabila kulit luarnya dibuang. Penetapan kadar 5 % membantu memudahkan para petani mengeluarkan zakat padi kerana kebanyakan petani tidak mempunya rekod aliran tunai yang dicatat bagi melakukan taksiran dengan menolak KT.

Berdasarkan pandangan-pandangan informan terhadap penolakan KT daripada HK didapati pandangan Mohd Nazim Mohd Nor (2014) dan Azhari Ahmad (2014) bersetuju untuk membenarkan penolakan KT daripada HK kerana banyak bebanan yang ditanggung para petani mengusahakan khususnya tanaman padi. Mereka terpaksa menggunakan kos yang tinggi untuk jentera membajak, upah, baja dan racun kawal penyakit serta binatang perosak.

Dalam hal ini, jelas Mohd Nazim Mohd Nor (2014) membenarkan penolakan KT daripada HK berdasarkan kaedah qias, iaitu mengqiaskan KT dengan beban pengairan tanaman yang ditanggung para petani sehingga kadar zakat pertanian dikurangkan sebanyak 5%. Jelas di sini bahawa *illah*-Nya (alasannya) adalah beban yang ditanggung para petani. Kalau dahulu kadar zakat pertanian dikurangkan kerana

terdapat beban mengairi tanaman, begitu juga dengan zaman sekarang para petani terpaksa menanggung beban KT yang tinggi untuk jentera membajak, upah, baja dan racun kawal penyakit serta binatang perosak. Oleh sebab beban yang ditanggung para petani pada zaman moden ini lebih berat berbanding beban mengairi tanaman yang ditanggung para petani pada suatu ketika dahulu, maka penolakan KT daripada HK amatlah wajar. Inilah yang dinamakan Qias *al-Awla*⁷.

Dalam hal ini, Azhari Ahmad (2014) juga menggunakan kaedah qias selain bersandarkan dua alasan yang lain iaitu pertama, terdapat fatwa yang dikeluarkan Majlis Fatwa Negeri (MFN) Pulau Pinang yang membenarkan penolakan KT daripada HK bagi tujuan meringankan beban para petani kerana pertanian padi sekarang menggunakan jentera membajak, upah, baja dan racun kawal penyakit serta binatang perosak; dan kedua, untuk memberikan keadilan kepada para petani selaku pembayar zakat.

Kalau Mohd Nazim Mohd Nor (2014) menggunakan Qias Awla, Azhari Ahmad (2014) pula menggunakan Qias *al-Musawi* iaitu ‘*illah* bagi hukum asal dan cabangan adalah sama. Dalam hal ini, Azhari Ahmad (2014) membenarkan penolakan KT kerana mengqias kepada zakat pendapatan yang menolak kos-kos harian bulanan dan tahunan. Sedangkan zakat pendapatan adalah zakat *mustangilat* yang wujud daripada *qias* zakat pertanian. Sebab itu, Azhari Ahmad (2014) mencadangkan supaya kaedah yang sama seharusnya digunakan dalam zakat pertanian.

Bagi dua informan lain iaitu Mohd Fahmi Salleh Hilm (2014) dan Mohd Latiff Tolib (2014), mereka tidak membenarkan penolakan KT daripada HK. Mohd Fahmi Salleh Hilm (2014) berhujah dengan

⁷ *Qiyas al-Awla* ialah hukum *furu'* lebih kuat. Contoh, haram memukul ibu bapa (*furu'*) diqiyaskan kepada haram mengatakan “ah” (asal) kepada keduanya dengan ‘*illah* (alasan) menyakiti.

mengekalkan kaedah perakaunan zakat pertanian yang lama adalah amat baik untuk menentukan kadar selamat daripada kekurangan dalam menunaikan zakat pertanian. Begitu juga dengan pandangan Mohd Latiff Tolib (2014) yang tidak membenarkan penolakan KT daripada HK, tetapi sekadar mengurangkan kadar zakat sebanyak 5% apabila wujud bebanan. Menurut Syahatah (2001:139), amalan perakaunan zakat pertanian sebegini adalah selari dengan amalan perakaunan zakat pertanian yang diamalkan ulama silam dan kontemporari yang tidak membenarkan KT ditolak daripada HK sebelum dikeluarkan zakat. Meskipun begitu, Asmak Ab Rahman dan Pazim@Fadzim Othman (2005) menyatakan kaedah ini mestilah mengambil kira KT sekarang yang meningkat sehingga para petani terpaksa membuat pinjaman wang bagi menampung KT. Selain itu, kekerapan bencana alam yang boleh mengakibatkan kerugian kepada petani juga patut dititikberatkan.

Kedua-dua situasi ini dapat disimpulkan bahawa jika kadar zakat pertanian dikenakan sebanyak 5% atau 10% tanpa menolak KT, maka sudah pasti tidak ada keadilan kepada para petani. Hal ini berlaku apabila HK yang diperoleh oleh para petani masih tidak mencukupi untuk menyara kehidupan kerana terpaksa membayar hutang KT yang banyak. Jika pertanian dilanda bencana alam pula, HK yang diperoleh menyamai KT. Maka sudah pasti keadilan tidak ada apabila petani terpaksa membayar zakat daripada HK sedangkan keadaan petani ketika itu tidak mendapat keuntungan setelah ditolak KT. Situasi ini jelas bercanggah dengan Hadis Rasulullah SAW yang menganjurkan zakat diambil daripada orang yang kaya iaitu mencukupi keperluannya lalu diberikan kepada fakir dan miskin.

Pandangan Informan Terhadap Zakat Pertanian yang dikenakan ke atas HB Setelah ditolak KSD daripada HK

Berdasarkan hasil temu bual yang dijalankan ke atas empat informan, didapati pandangan informan terhadap penolakan KSH daripada HK terbahagi dua kumpulan. Kumpulan pertama, tidak membenarkan

penolakan KSH daripada HK, manakala kumpulan kedua, membenarkan penolakan KSH daripada HK. Perkara ini digambarkan dalam Jadual 14

Jadual 13: Pembahagian Pandangan Informan Terhadap Penolakan KSH

Bil	Informan	Negeri	Pandangan	
			Tidak Membenarkan Penolakan KSD	Membenarkan Penolakan KSD
1	Mohd Nazim Mohd Nor	Perlis		✓
2	Mohd Fahmi Salleh Hilm	Kedah	✓	
3	Azhari Ahmad	Pulau Pinang		✓
4	Mohd Latiff Tolib	Perak	✓	

Jadual 13 mempamerkan dua informan dari Kedah dan Perak tidak membenarkan zakat pertanian dikenakan terhadap HB setelah ditolak KSH. Manakala dua informan lagi iaitu dari Perlis dan Pulau Pinang membenarkan zakat pertanian dikenakan terhadap HB setelah ditolak KSD. Kedua-dua kumpulan pandangan informan ini masing-masing mempunyai alasan. Semua alasan mereka seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 15.

Pandangan Informan Terhadap Penolakan KSD

Mohd Nazim Mohd Nor – Perlis (2014)

Penolakan KSH dibenarkan dengan syarat seseorang petani hanya bergantung kepada sumber pendapatan hasil daripada pengusahaan pertanian dan tidak memiliki sumber pendapatan yang lain. Jika seseorang petani mempunyai sumber pendapatan yang lain, maka penolakan KSH tidak dibenarkan kerana sumber tersebut boleh meringankan beban tanggungan KSH yang semakin meningkat. Lagipun, zakat yang dikeluarkan adalah harta lebihan daripada keperluan hidup setiap individu. Hal ini bersandarkan hadis yang menyatakan zakat dikenakan terhadap orang kaya yang mempunyai

lebihan harta daripada keperluan hidup. Begitu juga dengan pendapat Imam Abu Hanifah RA yang mengenakan zakat ke atas lebihan harta sahaja.

Mohd Fahmi Salleh Hilmi – Kedah (2014)

Penolakan KSH tidak dibenarkan kerana terikat dengan Majlis Fatwa Negeri yang memfatwakan tidak membenarkan penolakan sebarang kos daripada HK pertanian. Jika penfatwaan ini tidak dikeluarkan, maka para petani dikhuatiri tidak akan mengeluarkan zakat pertanian kerana kos pengusahaan padi yang memerlukan modal yang besar untuk mendapatkan hasil yang baik.

Azhari Ahmad – Pulau Pinang (2014)

Penolakan KSH dalam taksiran zakat pertanian adalah bertepatan dengan Majlis Fatwa Negeri yang memfatwakan kebenaran penolakan KSH bagi zakat pertanian. Hal ini kerana realiti semasa sangat bersesuaian dengan keadaan KSH yang semakin meningkat dan memerlukan kewangan yang banyak. Bagi petani yang bergantung sepenuhnya kepada pendapatan pertanian, penolakan KSH memberikan keadilan kepada mereka. Kaedah penolakan KSH merupakan lambang tanggungjawab dan keadilan yang dipamerkan oleh sesebuah institusi yang menguruskan zakat.

Mohd Latiff Tolib – Perak (2014)

Penolakan KSH termasuk dalam perkara yang tidak disepakati dalam kalangan ulama. Oleh sebab itu, timbul kecenderungan untuk mengambil sesuatu hukum yang disepakati dalam kalangan ulama. Meskipun terdapat pendapat daripada Ibn ‘Abbas r.a. dan Ibn ‘Umar r.a. berhubung penolakan $\frac{1}{4}$ bahagian kepada diri, keluarga dan tetamu yang datang menziarahi, namun perkara ini tidak mendapat kata sepakat dalam kalangan ulama. Justeru, lebih baik cenderung kepada pendapat yang tidak membenarkan penolakan KSH.

Berdasarkan pandangan-pandangan informan terhadap penolakan KSH daripada HK diatas, didapati pandangan Mohd Nazim Mohd Nor (2014) dan Azhari Ahmad (2014) bersetuju untuk membenarkan penolakan KSH daripada HK. Walau bagaimanapun, pandangan Mohd Nazim Mohd Nor (2014) dibatasi dengan syarat seseorang petani hanya bergantung kepada sumber pendapatan hasil daripada pengusahaan pertanian dan tidak memiliki sumber pendapatan yang lain. Manakala pandangan Azhari Ahmad (2014) terikat dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Negeri yang membenarkan penolakan KSH bagi zakat pertanian. Fatwa ini dikeluarkan berikutan KSH semasa yang semakin meningkat.

Pandangan kedua-dua informan ini adalah selari dengan pandangan al-Qaradawi (2003:420-421) dan al-Syamum (2011:201-205) yang membenarkan penolakan KSH daripada HK dalam perakaunan zakat pertanian dengan bersandarkan kaedah yang diajarkan Nabi SAW iaitu mengambil harta daripada orang kaya (melebihi keperluan) dan diberikan kepada miskin dan berhutang. Tidak wajar sama sekali seseorang petani yang tidak mencukupi keperluan diri dikenakan zakat.

Sebenarnya, penolakan KSH daripada HK ini berasaskan ayat 219 daripada Surah al-Baqarah (2) yang menjelaskan zakat pertanian dikenakan setelah keperluan diri dan keluarga dapat dipenuhi. Hal ini selari dengan *athar* yang diriwayatkan daripada Ibn Umar RA yang membenarkan perbelanjaan untuk diri dan keluarga serta berpandukan hadis kaedah muamalat yang betul dalam urusan ibadah harta apabila harta diambil daripada orang kaya dan dikembalikan kepada orang miskin. Oleh itu, pendapat ini lebih konsisten dan sesuai diamalkan dalam kaedah perakaunan zakat pertanian semasa.

Sebaliknya, pendapat yang tidak membenarkan penolakan KSH daripada HK dalam perakaunan zakat pertanian seperti pandangan Mohd Fahmi Salleh Hilmi (2014) adalah disebabkan terikat dengan MFN yang selari dengan pandangan al-Khin, al-Bugha dan al-Syarbaji

(2009), al-Nuri (2000), dan Haykal (2007) bahawa penolakan KSH tidak jelaskan dalam Hadis (Riwayat Ibn Majah, Hadis No. 581). Dalam hadis tersebut hanya membenarkan pengurangan kadar zakat disebabkan kaedah pengairan yang terlibat secara langsung dengan pertanian. Selain itu, Atiyyah (1988:31) juga berpandangan tidak membenarkan penolakan KSH daripada HK. Beliau bersandarkan *athar* Ibn ‘Abbas yang tidak menolak KSH daripada HK.

Pandangan Mohd Latiff Tolib (2014) pula lebih cenderung kepada hukum yang disepakati dalam kalangan ulama. Dalam hal ini beliau merasakan dengan berpegang kepada hukum yang disepakati adalah lebih selamat. Berdasarkan perbincangan ini, didapati bahawa pandangan yang membenarkan penolakan KSH daripada HK adalah lebih konsisten kerana ia berdasarkan *athar* (Abu Ubayd, 1981), dan ijтиhad (al-Qaradawi, 2003). Tambahan pula hal ia bersesuaian dengan keadaan semasa yang dibelenggu beban peningkatan KSH.

Analisis Kaedah Perakaunan Zakat Pertanian Berdasarkan Pandangan Ulama Silam dan Kontemporari

Sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini, di Malaysia hanya empat buah negeri iaitu Perlis, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah yang mengenakan zakat pertanian ke atas HB. Dua daripadanya iaitu Sabah dan Sarawak hanya membenarkan penolakan KT daripada HK, manakala Perlis dan Pulau Pinang mengenakan zakat pertanian terhadap HB setelah ditolak KT dan KSH. *Jelas di sini bahawa kaedah perakaunan zakat pertanian yang diamalkan di Perlis, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak bukan sahaja selari dengan pandangan ulama silam dan kontemporari, malah berasaskan fleksibiliti (murunah) hukum itu sendiri. Murunah merupakan salah satu ciri-ciri khusus syariat Islam.*

Sejarah telah membuktikan banyak masalah fiqh berbeza dari segi hukum kerana pelbagai faktor dengan nilai-nilai semasa dan setempat menjadi faktor utama. Hal ini berfalsafah penyesuaian hukum bagi sesuatu permasalahan yang timbul bagi mencapai *maqasid syari'ah* (matlamat pensyariatan sesuatu perkara) iaitu *tahqiq masalih al-'ibad* (memelihara kemaslahatan manusia) dan menghindarkannya daripada kerosakan. Pemeliharaan kemaslahatan berpaksikan *al-daruriyyah* (kepentingan) iaitu penjagaan *al-daruriyyat al-khams* (kepentingan yang lima) merangkumi *hifz al-din* (menjaga agama), *hifz al-nafs* (menjaga nyawa), *hifz al-'aql* (menjaga akal), *hifz al-nasb* (menjaga keturunan) dan *hifz al-mal* (menjaga harta).

Dalam meneliti *maqasid* (matlamat) pensyariatan zakat, zakat pertanian menjadi salah satu faktor penting dalam memelihara *maslahah* (sesuatu yang menghasilkan kebaikan) sama ada bagi *muzakki* (para petani pembayar zakat) ataupun *asnaf* khususnya di Malaysia. Sehubungan itu, perlunya transformasi dalam perakaunan zakat pertanian di Malaysia dengan berlandaskan *maqasid syari'ah* dalam penyesuaian hukum berdasarkan nilai-nilai semasa dan setempat.

Jelas di sini bahawa penolakan KT dan KSH daripada HK pertanian masa kini telah mencapai *maqasid syari'ah* iaitu untuk memelihara kemaslahatan manusia dan menghindarkannya daripada kemudaratian. *Dalam hal ini, pihak pengurus zakat di Perlis, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak* melihat KT dan KSH sebagai satu bebanan bagi para petani. Bebanan dan kos merupakan faktor yang memberi kesan terhadap hukum dan kehidupan para petani, maka ia perlu ditolak.

Bagi membuktikan kaedah perakaunan zakat pertanian di *Perlis, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak* mementingkan aspek kemaslahatan manusia dan menghindarkannya daripada kemudaratian, kekayaan seseorang petani itu tidak hanya dilihat pada hasil tanamannya yang mencukupi nisab untuk dikeluarkan zakat. Sebenarnya indikator kekayaan seseorang petani itu tidak cukup jika hanya dilihat pada

pertambahan hasil tanamannya yang mencukupi kadar nisab tanpa mengambil kira sama ada pendapatan daripada hasil pertaniannya mencukupi untuk menampung KT dan KSH keluarganya atau tidak.

Misalnya, pada masa kini kemajuan dan perkembangan dalam sektor pertanian memerlukan petani mengamalkan pertanian moden. Mereka perlu membeli benih padi yang bermutu tinggi dan pelbagai jenis baja untuk mendapat hasil tanaman yang baik dan berkualiti. Oleh sebab tanaman padi sering terdedah kepada pelbagai jenis penyakit seperti penyakit karah, virus merah, hawar seludang, hawar bakteria, bintik perang dan pelbagai jenis penyakit lagi yang boleh mengakibatkan kerugian terhadap para petani, maka para petani perlu membeli pelbagai jenis racun untuk mengawal dan merawat penyakit-penyakit tersebut.

Selain itu, petani padi juga menggunakan jentera untuk memudahkan dan mempercepatkan proses penanaman, penuaian dan pengangkutan padi ke kilang pemprosesan padi. Semua aktiviti ini akan menambah KT padi berbanding penanaman padi yang dijalankan secara tradisional pada zaman dahulu yang menggunakan kos yang sangat minimum.

Di samping KT, seseorang petani itu juga mempunyai tanggungjawab terhadap KSH untuk dirinya dan orang yang berada di bawah tanggungannya seperti isteri, anak-anak, ibu bapa yang uzur dan sebagainya. KSH di sini merupakan keperluan asasi seorang manusia mengikut tahap keperluan semasa seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan juga keperluan-keperluan asas yang lain sesuai dengan keperluan semasa.

Jika KSH ini tidak ditolak, maka ia menjadi satu bebanan kepada para petani. Berdasarkan aspek bebanan yang ditanggung oleh para petani inilah, maka amalan perakaunan zakat padi di Perlis dan Pulau Pinang tidak dikenakan terhadap pertambahan HK pertanian. Meskipun wujud pertambahan hasil pertanian, namun disebabkan bebanan

yang perlu ditanggung oleh para petani seperti hutang KT dan KSH ahli keluarga yang agak besar, maka pertambahan seperti itu tidak mewujudkan kekayaan.

Contoh Pengiraan Zakat Pertanian ke atas Hasil Bersih

Cadangan pengiraan zakat pertanian ini dikemukakan dalam dua bentuk. Pertama, cadangan pengiraan zakat pertanian yang melibatkan penolakan KT daripada HK; dan kedua, cadangan pengiraan zakat pertanian yang melibatkan penolakan KT dan KSH daripada HK.

Pengiraan Zakat Pertanian Melibatkan Penolakan KT

Cadangan pengiraan zakat pertanian yang hanya melibatkan penolakan KT daripada HK sebagaimana yang diamalkan di Negeri Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:

1. Mula Mengusaha Tanah : 1 Muharram 1436
2. Hasil Diperoleh : 19 Rejab 1436
3. Jumlah Hari : 195 hari
4. Hasil Perolehan Padi : RM12,000 (tidak termasuk subsidi)
5. Penolakan KP

Jadual 14: Kos Penanaman

Bil	Perkara	Kos (RM)
i.	Sewa Tanah (Jika Disewa)	RM -
ii.	Membajak Dan Menanam	RM1,250.00
iii.	Harga Baja	RM6.00
iv.	Racun Serangga	RM250.00
v.	Upah Menuai	RM650.00
vi.	Upah Pengangkutan	RM200.00
Jumlah Kos Pengeluaran		RM2,356.00

6. Jumlah Zakat Perlu Dibayar

*Pendapatan Kasar (RM12,000.00) – KP (RM2,356.00) = RM1,459.80 (PB). RM9,644 melebihi nisab RM542.69. Jumlah zakat yang perlu dibayar = RM9,644 x 10% iaitu sebanyak **RM964.40***

**** Nisab zakat pertanian iaitu 2 kunca 7 naleh atau 986.7 kg bersamaan RM542.69. Jika baki*

**** mencapai jumlah RM542.69 atau lebih, maka baki itu didarab dengan 10%*

Pengiraan Zakat Pertanian Melibatkan Penolakkan KT dan KSH

Cadangan pengiraan zakat pertanian yang melibatkan penolakkan KT dan KSH daripada HK sebagaimana yang diamalkan di Negeri Perlis dan Pulau Pinang adalah seperti berikut:

1. Mula Mengusaha Tanah: 1 Muharram 1436
2. Hasil Diperoleh: 19 Rejab 1436
3. Jumlah Hari: 195 hari
4. Hasil Perolehan Padi: RM12,000 (tidak termasuk subsidi)
5. Penolakan KP

Jadual 17: Kos Penanaman

Bil	Perkara	Kos (RM)
i.	Sewa Tanah (Jika Disewa)	RM -
ii.	Membajak Dan Menanam	RM1,250.00
iii.	Harga Baja	RM6.00
iv.	Racun Serangga	RM250.00
v.	Upah Menuai	RM650.00
vi.	Upah Pengangkutan	RM200.00
Jumlah Kos Pengeluaran		RM2,356.00

6. Penolakan KSH

Jadual 18: Kos Sara Hidup

Bil	Perkara	Kos (RM)
i.	Diri RM14.12 x 195 hari (maksimum RM5000.00 setahun)	RM2,754.00
ii.	Isteri RM8.47 x 195 hari (maksimum RM3000.00 setahun)	RM1,652.00
iii.	Anak RM3.38 x 195 hari x 2 orang (maksimum RM1,200.00 setahun untuk seorang anak)	RM1,318.20
iv.	Pemberian Kepada Ibu Bapa (Jumlah yang sebenar jika diberi)	RM -
vi.	Perubatan (perbelanjaan sebenar)	RM140.00
vii.	Ibu bapa	RM300.00
viii.	Hutang <i>Daruriyyat</i> (Kenderaan & Rumah) a. Kenderaan b. Rumah	RM975.00 RM -
Jumlah Kos Keperluan Asasi		RM7,139.20

7. Jumlah Zakat Perlu Dibayar

Pendapatan Kasar (RM12,000.00) – KP + KSH (RM2,356.00 + RM7,139.20 = RM9,495.20) = RM1,459.80 (PB). RM1,459.80 melebihi nisab RM542.69

*Jumlah zakat yang perlu dibayar = RM1,459.80 x 10% **RM145.90***

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan sebelum ini dapatlah dirumuskan bahawa perakaunan zakat hasil pertanian yang diamalkan di Sabah dan Sarawak hanya membenarkan penolakan KT daripada HK; dan yang diamalkan di Perlis dan Pulau Pinang membenarkan penolakan KT dan KSH daripada HK adalah selari dengan pandangan ulama silam dan kontemporari.

Di samping selari dengan pandangan ulama silam dan kontemporari, perakaunan zakat hasil pertanian di keempat-empat buah negeri ini juga jelas mengambil kira aspek kesejahteraan sosial para petani. Aspek kekayaan tidak hanya dilihat pada hasil tanaman yang mencukupi nisab untuk dikeluarkan zakat, tetapi melihat kepada kecukupan pendapatan daripada hasil pertaniannya untuk menampung keperluan perusahaan pertanian dan perbelanjaan keluarganya atau tidak. Tidak bermakna jika zakat dikenakan pada hasil pertanian semata-mata, sedangkan seseorang petani itu mempunyai bebanan yang perlu ditanggung seperti hutang KT dan keperluan asasi ahli keluarga serta tanggungannya (KSH).

Penghargaan

Makalah ini adalah sebahagian daripada hasil kajian yang berjudul Perakaunan Zakat Pertanian Usahawan Tani di Malaysia (1001/CISDEV/816218) yang dibiayai Geran Universiti Penyelidikan (RUI), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.

Rujukan

- ‘Atiyyah, Muhammad Kamal. (1988). *Halat Tatbit fi Muhasibah al-Zakah*. Iskandariah, Mesir: Dar al-Ma‘arif.
- Abu ‘Ubayd, al-Qasim bin Salam. (1988). *Kitab al-Amwal*. Beirut, Lubnan: Beirut Dar al-Fikr.
- Abu Nasir, ‘Aisam. (2010). *Al-Itar al-Fiqh wa Muhasib li al-Zakah*. Kaherah, Mesir: Dar al-Nasyir li al-Jami‘ah.
- Al-Buhuti, Mansur bin Yunus bin Idris. (1999). *Kasyf al-Qina‘*, Jil. 2. Beirut, Lubnan: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Khin, Mustafa; al-Bugha, Mustafa; & al-Syarbaji, ‘Ali. (2009). *Al-Fiqh al-Manhaji*, Jld. 2. Terjemahan Zulkifli Mohamad al-Bakri. Bangi, Selangor: Darul Syakir Enterprise.
- Al-Nawawi, Muhyi al-Din Abi Zakariyya Yahya bin Syarf. (1997). *Sahih Muslim bi Syarh Imam al-Nawawi*, Jld. 7. Beirut, Lubnan: Dar al-Ma‘rifah.

- Al-Nuri, Muhammad Qasim. (2000). *Al-Bayan fi Mazhab Imam al-Syafi‘iy*. Beirut, Lubnan: Dar al-Minhaj.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1969). *Fiqh al-Zakah Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Daw’ al-Qur’an wa al-Sunnah*. Beirut, Lubnan: Dar al-Irsyad.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2003). *Fiqh al-Zakah*. Mesir: Maktabah Wahbah.
- Al-Qurtubi, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. (1993). *Al-Jami‘ li Ahkam al-Qur’an*, Jld. 2. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Syamum, Muhammad Qasim (2011). *Zakah al-Zuru‘ wa al-Thamar fi Daw’ Tatawur al-Zira‘ah fi al-‘Asr al-Hadis*. Syiria: Dar al-Nawadiri.
- Al-Syawki, Muhammad bin ‘Ali. (1996). *Nayl al-Awtar min Ahadis Sayyid al-Akhyar Sayrh Muntaqa al-Akhbar*, Jld. 4. Beirut, Lubnan: Dar al-Khayr.
- Al-Tabari, Abi Ja‘far Muhammad bin Jarir. (1992). *Tafsir al-Tabari al-Musamma Jami‘ al-Bayan fi Ta’wil al-Qur’an*, Jld. 2. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1989). *Fiqh al-Islamiy wa Adillatuh*, Jld. 2. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1989). *Al-Fiqh al-Islam wa Adillatuh*, Jld. 2. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Asmak Ab. Rahman & Pazim@Fadzim Othman (2005). Kaedah Taksiran Zakat Padi dan Kesannya Terhadap Petani: Kajian di Selangor, *Jurnal Syariah*, 2005;13(1), hlm. 37-63.
- Hayqal, Muhammad ‘Iwaz. (2007). *Kifayah al-Akhyar*. Kaherah, Mesir: Dar al-Salam.
- Husayn, Ahmad Husayn Ali (2006). *Muhasabah al-Zakah*. Iskandariah, Mesir: Al-Maktabah al-Jami‘iy al-Hadis.
- Ibn Hajar, Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-‘Asqalani. (1989). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, Jld. 3. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Kathir, Abi al-Fida’ Isma‘il al-Qursyi al-Dimasyqi. (1992). *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*, Jld. 1. Beirut, Lubnan: Dar al-Ma‘rifah.
- Ibn Qudamah, Mawaffaq al-Din ‘Abd Allah Ibn Ahmad al-Maqdisi. (1997). *Al-Mughni*, Jld. 4. Riyad: Dar ‘Alam al-Kutub.

- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), (2008). *Manual Pengurusan Pengiraan Zakat*. Putrajaya: JAWHAR, Jabatan Perdana Menteri.
- Jabatan Zakat Negeri Kedah (2014). *Jenis Zakat*. Diakses daripada <http://www.zakatkedah.com/ilmu-zakat/jenis-zakat/>, pada 2 Julai 2014.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) (2001). *Panduan Mengeluarkan Zakat*. Kangar, Perlis: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis.
- Muhammad Arsyad al-Banjari (2008). *Kitab Sabil al-Muhtadin*. Diterjemahkan oleh MKA Kreatif Enterprise. Johor Baharu: Perniagaan Jahabersa.
- 'Atiyyah, Muhammad Kamal. (1995). *Perakaunan Zakat: Teori dan Praktis, terjemahan Mohd Nor Ngah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mujaini Tarimin (1999). *Zakat Pertanian, Sistem dan Perlaksanaannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Aini Ali (2013). *Taksiran dan Aplikasi Zakat Padi di Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang diserahkan kepada Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.
- Pusat Zakat Pulau Pinang (2013). *Zakat Pertanian*. Diakses daripada http://www.zakat.penang.com/zpp/index.php/2013-06-30-10-54-31/jenis-zakat/zakat_pertanian, pada 2 Julai 2014.
- Pusat Zakat Sabah, (2014). Zakat Pertanian. Diakses daripada <http://www.zakat.sabah.gov.my/pungutan/jenis-jenis-zakat/zakat-harta/pertanian.html>, pada 13 Julai 2014.
- Sabiq, Sayyid. (2000). *Fiqh al-Sunnah*. Mesir: Dar al-Fateh li I'lam al-'Arabiyy.
- Syahatah, Husayn Husayn (1990). *Muhasabah al-Zakah: Mafhum wa Nizaman wa Tatbiqan*. Kaherah, Mesir: Maktabah al-A'lam.
- Syahatah, Husayn Husayn (2001). *Al-Tatbiq al-Mu'asar li al-Zakah, Muhasabah al-Zakah "Kaifa Tuhsibu Zakat Malik"*. Kaherah, Mesir: Dar al-Nasyir li al-Jami'ah.
- Syahatah, Husayn Husayn (2003). *Kaedah Agihan Zakat Harta, Pengertian, Sistem dan Agihannya*. Diterjemah oleh Hamid Fahmy Zarkasyi dan Harun Ar-Rashid Hj. Tuskan. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa.
- Tabung Baitulmal Sarawak (TBS), (2013). *Zakat Tanaman dan Pertanian*. Diakses daripada <http://www.tbs.org.my/www/?page=97>, pada 13 Julai 2014.

Yahya Ibn Adam. (t.t.). *Kitab al-Kharaj*. Beirut, Lubnan: Dar al-Ma‘rifah.
Zahri Hamat (2013). *Perakaunan Zakat Perniagaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Senarai Temu Bual

Temu bual Mohd Nazim Mohd Noor, Pengurus Baitulmal, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), pada 27 Februari 2014, jam 4.00 pm hingga 5.00 pm, bertempat di Pejabat Baitulmal.

Temu bual Mohd Fahmi Salleh Hilmi, Penolong Pegawai Zakat, Jabatan Zakat Kedah, pada 10 Jun 2014, jam 9.00 am hingga 10.00 am, bertempat di pejabat Jabatan Zakat Negeri Kedah.

Temu bual Azhari Ahmad, Eksekutif Zakat, Zakat Pulau Pinang, pada 16 Jun 2014, jam 10.55 am hingga 12.00 am, bertempat di Pejabat Zakat Pulau Pinang.

Temu bual Mohd. Latif Tolib, Pegawai Hal Ehwal Islam, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPs), pada 17 Jun 2014, jam 12.05 pm hingga 1.00 pm, bertempat di pejabat MAIPs, Ipoh, Perak.

08

AMALAN TAKSIRAN ZAKAT PADI KALANGAN USAHAWAN PADI DI KELANTAN

Mohd Rizal Abu Bakar & Mohd Shukri Hanapi***

Abstrak

Kertas menganalisis kaedah taksiran zakat padi yang diusahakan secara komersial dalam kalangan usahawan padi di Kelantan. Mesyuarat Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan telah memutuskan zakat padi yang diusahakan agensi kerajaan secara estet ditaksir berasaskan hasil bersih setelah ditolak semua kos tanaman yang terlibat. Namun yang diusahakan secara individu, zakat padi ditaksir berdasarkan hasil kasar tanpa ditolak kos tanaman. Persoalannya, bagaimanakah pula taksiran yang diamalkan usahawan padi yang menanam padi secara komersial? Mengapakah kaedah taksiran tersebut dipilih untuk diamalkan para usahawan padi tersebut? Berdasarkan analisis kandungan ke atas dapatan kajian melalui temu bual mendalam yang telah dijalankan terhadap para usahawan padi memperkenan tiga kaedah, pertama

* Calon ijazah Doktor Falsafah di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM). Emel: rizal85_usm@yahoo.com

** Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang. Tel. 04-653 2665/3422, faks 04-653 2124, dan e-mail hshukri@usm.my atau hshukeri@yahoo.com.

taksiran berasaskan hasil bersih setelah menolak kos tanaman. Kedua, zakat ditaksirkan berdasarkan hasil bersih setelah menolak kos tanaman. Ketiga, zakat ditaksirkan berasaskan hasil bersih setelah menolak kos tanaman dan kos sara hidup. Ini dihujahkan berdasarkan tulisan klasik dan kontemporari terhadap taksiran zakat padi yang sepatutnya diamalkan.

Kata kunci: Taksiran zakat, hasil pertanian komersial dan usahawan padi

Pendahuluan

Kaedah taksiran zakat di Malaysia termasuklah zakat padi diterangkan dalam *Manual Pengurusan Pengiraan Zakat* yang diterbitkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada tahun 2008. Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu Dr. Ahmad Zahid Hamidi berharap manual tersebut dijadikan panduan untuk semua negeri di Malaysia. Beliau menyatakan:

“Saya sangat berharap agar Manual Pengurusan Pengiraan Zakat ini digunakan dan dijadikan panduan oleh semua Majlis Agama Islam Negeri dalam membuat pengiraan zakat. Sesuatu kaedah atau prosedur kerja itu akan menjadi lebih bermanfaat jika ia dipraktiskan dan bukan hanya teratur di dalam buku sahaja” (JAWHAR, 2008, ii).

Jika manual tersebut diamalkan, maka penyelarasan dan penyeragaman kaedah taksiran zakat ini dapat direalisasikan (JAWHAR, 2008). Menurut manual pengiraan zakat tersebut, taksiran zakat padi dibuat berdasarkan hasil bersih. Terdapat empat jenis kos tanaman padi yang dibenarkan ditolak. Pertama, kos baja dan racun; kedua, kos sewa jika berkaitan; ketiga, kos upah tenaga kerja dan penuaian; dan yang keempat, kos pengangkutan yang terlibat (JAWHAR, 2008).

Bagaimanapun kebanyakan negeri tidak menjadikan manual tersebut sebagai panduan. Mufti negeri Selangor misalnya selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' telah membuat fatwa pada 22 Mei 2001 bahawa zakat padi ialah 5% daripada

hasil pendapatan kasar tanpa menolak kos tanaman. Hal ini kerana dalam penanaman padi, para petani perlu mengeluarkan kos yang tinggi termasuk perkhidmatan air dan jentera untuk mendapat hasil yang baik dan lumayan.

Persoalannya, apakah kaedah taksiran zakat padi yang diamalkan usahawan padi di Kelantan dan mengapakah para usahawan memilih untuk mengamalkan kaedah taksiran tersebut? Bagaimanakah pula kaedah taksiran zakat padi menurut tulisan klasik dan kontemporari mengenainya. Berdasarkan analisis kandungan terhadap data primer dan sekunder, perbincangan kertas ini dibahgikan kepada dua bahagian. Pertama, menganalisis kaedah taksiran zakat padi yang diamalkan oleh usahawan padi di Kelantan. Kedua, menyorot tulisan klasik dan kontemporari terhadap kaedah taksiran zakat padi yang sepatutnya diamalkan.

Amalan Zakat Hasil Padi Kalangan Usahawan Padi di Kelantan

Kegiatan penanaman padi yang diusahakan para usahawan padi khususnya di kawasan KADA, Kelantan ini sememangnya telah dijalankan secara komersial dengan melibatkan jumlah keluasan tanaman padi antara 10-30 hektar. Bagi para usahawan yang mengusahakan tanaman padi sekarang ini memerlukan modal atau kos tanaman yang agak besar. Anggaran kos tanaman padi untuk satu musim adalah antara RM3,000 hingga RM3,500 sehektar. Bagi memastikan para usahawan mendapat keuntungan, mereka perlu memperoleh hasil padi meliebih 4.5 tan sehektar. Jika tidak para usahawan akan mengalami kerugian.¹ Kenyataan ini disokong Rosman Yaakob² yang menyatakan;

¹ Temu bual dengan Wan Mohd. Fadhlwan Mamat, Jurutera Seksyen Padi, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Kelantan pada 3 Februari 2014.

² Temu bual dengan Rosman Bin Yaakob, Penolong Pegawai Pertanian, Jabatan Pertanian Kelantan pada 5 Februari 2014.

“Bagi menjalankan penanaman padi yang berskala besar akan memerlukan modal dan kos tanaman yang besar. Bagi penanaman padi sekarang, anggaran kos tanaman adalah lebih kurang RM3,500 sehektar. Dan kos tanaman ini akan dijangka meningkat pada masa hadapan.”

Seramai 20 usahawan padi di kawasan KADA, Kelantan telah ditemubual secara mendalam pada Januari hingga Februari 2014. Mereka terdiri daripada 18 lelaki dan dua perempuan. Majoriti, iaitu 14 usahawan (70%) adalah berumur antara 41-55 tahun.

Jadual 19: Amalan Kaedah Taksiran Zakat Padi Dalam Kalangan Usahawan Padi

Kaedah Taksiran	Bilangan	%an	Alasan Usahawan
Hasil Kasar	6 usahawan	30%	Fatwa MAIK, adat dan amalan
Kos Tanaman	5 usahawan	25%	Komersial, kos mahal dan meningkat
Kos tanaman dan sara hidup	9 usahawan	45%	Tanggungjawab usahawan dan inflasi
Jumlah	20 usahawan	100%	

Dapatan mempamerkan amalan taksiran zakat padi yang diamalkan oleh usahawan padi di Kelantan boleh dibahagikan kepada tiga kategori. Pertama, zakat dibayar pada kadar 10 % daripada hasil kasar. Kos tanaman dan kos sara hidup tidak ditolak daripada hasil yang diperoleh. Kedua, zakat dibayar pada kadar 10 % daripada hasil bersih setelah menolak kos tanaman sahaja. Ketiga, zakat dibayar pada kadar 10 % daripada hasil bersih setelah menolak kos tanaman dan kos sara hidup.

Seramai enam usahawan padi (30%) tergolong dalam kategori pertama. Mereka tidak bersetuju kos tanaman dan kos sara hidup ditolak terlebih dahulu. Antara alasan mereka ialah, pertama, ini merupakan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), maka ia sepatutnya dipatuhi. Kedua, amalan tersebut telah menjadi adat dan amalan turun temurun sejak dahulu lagi,

oleh itu adat dan amalan itu perlu diikuti. Antara pendapat usahawan padi dalam kategori ini adalah seperti Mohd Yusoff Mohd Genda³ menyebut;

“Pada pendapat saya, kita tidak perlu menolak sebarang kos sama ada kos tanaman sebelum mengeluarkan zakat padi. Hal ini kerana bagi saya sendiri, saya mengikut apa yang terdapat dalam buku panduan (manual) yang telah dikeluarkan oleh pihak majlis (MAIK). Iaitu zakat padi dikenakan pada kadar 10% daripada hasil kasar tanpa ditolak apa-apa kos.”

Kenyataan ini disokong oleh Ismail Dollah⁴ yang antara lain menyebut;

“Bagi saya, saya ikut apa yang telah ditetapkan oleh pihak majlis (MAIK) iaitu zakat padi dikenakan pada 10% daripada hasil kasar. Pada pengetahuan saya, zakat padi dikeluarkan tanpa menolak apa-apa kos dan inilah yang saya amalkan sejak dahulu lagi.”

Perbincangan terhadap kewajaran menolak kos tanaman dan kos sara hidup di atas telah pun termaktub dalam Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) yang tidak membenarkan sebarang kos ditolak daripada hasil pertanian padi termasuk kos tanaman dan kos sara hidup. Perkara yang sama turut dinyatakan oleh Murtadha Abdullah⁵ antara lain menyebut seperti berikut;

“Kos tanaman dan kos sara hidup tidak dibenarkan ditolak kerana mengikut pandangan Mazhab al-Syafi’iy. Hal ini adalah merujuk fatwa zakat padi 1977.”

3 Temu bual dengan Mohd Yusoff Mohd Genda pada 31 Januari 2014. Beliau menanam padi seluas 25 hektar.

4 Temu bual dengan Ismail Dollah pada 18 Januari 2014. Beliau menanam padi seluas 11 hektar.

5 Temu bual dengan Murtadha Abdullah, Pegawai Zakat di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) pada 18 Februari 2014.

Kenyataan tersebut disokong Wan Fadhlina Wan Yusuf⁶ yang menyebut;

“Sebagaimana yang telah kita laksanakan sebelum ini, tiada sebarang kos yang ditolak ke atas hasil padi yang diperoleh daripada petani termasuklah kos tanaman dan kos sara hidup. Hal ini kerana pihak majlis (MAIK) mengikut pandangan dan pendapat Mazhab al-Syafi’iy dan fatwa zakat padi Negeri Kelantan.”

Secara lebih terperinci, perkara yang sama juga telah dinyatakan oleh Mufti Kelantan⁷ antara lain menyebut;

“Zakat padi ini di qias kan kepada gandum, kurma atau makanan yang mengenyangkan sahaja. Kadar zakat yang dikenakan adalah pada 5% atau 10% mengikut jenis pengairan yang digunakan tanpa menolak sebarang kos termasuk kos baja. Kelantan tetap lagi memakai kaedah lama yang tidak menolak sebarang kos tanaman untuk menjalankan penanaman padi”.

“Fatwa negeri juga tidak membenarkan kos sara hidup ditolak sebelum mengeluarkan zakat. Hal ini adalah kerana zakat padi di Kelantan adalah mengikut pendapat Mazhab al-Syafi’iy yang masih kekal macam dahulu lagi (tidak menolak sebarang kos)”.

Hal yang sama juga turut dikemukakan oleh Timbalan Mufti Kelantan⁸ antara lain menyebut;

“....kita masih lagi mengekalkan zakat padi iaitu zakat yang dikira berdasarkan pada hasil kasar tanpa menolak kos tanaman dan kos sara hidup. Hal ini adalah berlandaskan pada ajaran Mazhab ai-Syafi’iy yang menjadi amalan bagi negeri Kelantan.”

6 Temu bual dengan Wan Fadhlina Wan Yusuf, Penolong Pegawai Zakat di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) pada 18 Februari 2014.

7 Temu bual mendalam dengan Dato’ Haji Mohamad Shukri Mohamad, Mufti Kelantan ini dijalankan di pejabat beliau pada 28 Julai 2013, 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

8 Temu bual melalui talian telefon dengan Dato’ Haji Nik Abdul Kadir Bin Nik Mohamad, Timbalan Mufti Kelantan pada 22 September 2013, jam 11.00 pagi..

“Fatwa negeri juga tidak membenarkan untuk menolak kedua-dua kos sebelum mengeluarkan zakat padi ini”.

Sebenarnya perkara ini telah terdapat di dalam fatwa Pentadbiran Berhubung Zakat Padi 1977 di bawah seksyen 57 (1) mengenai perkara zakat biji-bijian yang antara lain berbunyi;

“Zakat padi atau lain-lain tanaman yang diwajibkan zakat, hendaklah dikeluarkan sebaik sahaja ia selesai dituai.”

Lebih lanjut, hal ini turut dinyatakan di dalam pamflet yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) antara lain menyebut;

“Hasil pertanian yang wajib dizakatkan di Negeri Kelantan buat masa ini ialah padi sahaja kerana ia menepati syarat hasil pertanian yang diwajibkan zakat mengikut Mazhab al-Syafi’iy; Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan telah menetapkan bahawa cara bayaran zakat padi dikira mengikut jumlah bersih penghasilan pada dalam satu-satu musim sebelum ditolak kos pengurusan, penuaian, baja dan lain-lain; Setelah mendapat wang hasil jualan padi, para petani hendaklah menyerahkan zakat padi mengikut kadar yang ditetapkan kepada amil-amil yang dilantik oleh Majlis secara bayaran tunai.”

Seramai lima usahawan padi (25%) tergolong dalam kategori kedua. Mereka bersetuju kos tanaman dibenarkan ditolak daripada hasil kasar yang diperoleh. Antara alasan mereka ialah, pertama, oleh kerana diusahakan secara komersial, maka segala kos yang terlibat perlu diambil kira semasa taksiran zakat dibuat. Kedua, kos yang terlibat untuk tanaman padi secara komersial adalah mahal dan kos tersebut meningkat setiap tahun, khususnya kos input pertanian seperti anak benih, baja dan racun. Antara pendapat-pendapat tersebut telah dikemukakan Abdul Hadi Ab. Rahman yang menyebut;

“Kos tanaman seharusnya ditolak sebelum zakat padi dikeluarkan. Hal ini kerana kita terpaksa menanggung kos yang tinggi dengan jumlah luasan penanaman yang kita jalankan. Peningkatan kos tanaman ini adalah

berpunca daripada keadaan ekonomi kita pada hari ini. Sebagai contoh, kita terpaksa menggunakan racun atau baja tambahan bagi meningkatkan hasil tanaman kita. Hendak ataupun tidak kita perlu menggunakan racun dan baja tambahan itu.”

Pendapat tersebut juga turut dikongsi Che Amat Che Hassan⁹. Menurut beliau, kos tanaman pertanian sekarang semakin meningkat terutamanya biji benih dan racun. Malah pada masa akan datang kemungkinan besar harga bahan input tersebut semakin mahal. Beliau menyebut seperti berikut;

“Kos tanaman sepatutnya ditolak. Hal ini kerana petani terpaksa menanggung kos tanaman yang besar jika padi ditanam secara besar-besaran. Faktor ekonomi sekarang menyebabkan harga bahan input semakin mahal dan akan terus meningkat pada masa-masa akan datang.”

Pendapat ini disokong oleh Suraini Said¹⁰ yang menyatakan peningkatan dalam kos tanaman juga semakin hari semakin tinggi bagi petani yang mengusahakan tanaman padi secara besar-besaran. Beliau antara lain menyebut;

“Saya sangat bersetuju jika kos tanaman ditolak terlebih dahulu sebelum membuat taksiran zakat padi ini. Hal ini kerana kos tanaman yang kami perlukan adalah sangat tinggi dengan keluasan tanaman padi yang kami usahakan. Malah kos tanaman ini semakin meningkat dari semasa ke semasa.”

Seramai sembilan usahawan padi (45%) tergolong dalam kategori ketiga. Mereka bersetuju kos tanaman dan kos sara hidup dibenarkan ditolak daripada hasil kasar yang diperoleh. Mereka bersetuju dengan pendapat yang dikemukakan oleh usahawan padi yang tergolong dalam kategori kedua. Malah mereka berpendapat, kos sara hidup turut ditolak

⁹ Temu bual dengan Che Amat Che Hassan pada 20 Disember 2013. Beliau menanam padi seluas 30 hektar.

¹⁰ Temu bual dengan Suraini Said pada 30 Januari 2014. Beliau menanam padi seluas 10 hektar.

daripada hasil yang diperoleh. Antara alasan mereka ialah, pertama, adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk memenuhi keperluan keluarga masing-masing. Malah kaedah yang sama digunakan dalam membuat taksiran zakat pendapatan, oleh itu kaedah yang sama patut dipakai. Kedua, kos sara hidup semakin meningkat setiap tahun. Kos sara hidup ini semakin sehari semakin meningkat sama ada akibat kenaikan tarif atau di sebabkan oleh inflasi itu sendiri. Bagi mereka yang mempunyai bilangan isi rumah yang ramai akan lebih terasa bebannya. Antara pendapat-pendapat responden dalam kategori ini adalah Mustapha Mamat¹¹ juga menyatakan pendapat yang sama antara lain beliau menyebut seperti berikut;

“Kos tanaman dan kos sara hidup petani sepatutnya ditolak terlebih dahulu sebelum zakat dikeluarkan. Bagi petani yang mengusahakan tanaman secara komersial memerlukan kos tanaman yang besar. Malah ia semakin meningkat pada masa ini.”

Bagi Mohd Zakiron Zahid¹² yang menyatakan pendapatnya seperti berikut;

“Persoalan terhadap kewajaran menolak kos tanaman dan kos sara hidup ini sebenarnya perlu dibuat penilaian semula oleh pihak-pihak tertentu. Hal ini kerana, kos-kos yang diperlukan untuk membuat tanaman padi secara komersial ini adalah semakin meningkat. Peningkatan dalam kos ini sedikit sebanyak akan menjadi bebanan kepada petani pada hari ini.”

Tulisan Klasik dan Kontemporari Taksiran Zakat Padi

Dalam tulisan klasik, kos sara hidup ini dibahas di bawah topik hutang. Antara lain iaitu Abu Ubayd (1991) dalam Kitab al-Amwal. Misalnya

¹¹ Temu bual dengan Mustapha Mamat pada 3 Januari 2014. Beliau menanam padi seluas 30 hektar.

¹² Temu bual dengan Mohd Zakiron Zahid pada 7 April 2014. Beliau menanam padi seluas 30 hektar.

Abu Ubayd meriwayatkan daripada Al-Said Ibn Yazid, Khalifah Uthman b. Affan berkata seperti berikut:

“Bulan ini adalah bulan zakat kamu. Maka sesiapa menanggung hutang, dia hendaklah membayar hutang itu terlebih dahulu, sebelum mengeluarkan zakatnya. Sesiapa yang tidak mempunyai baki kekayaan, zakat tidak diambil daripadanya” (Abu Ubayd, 1991:372).

Abu Ubayd (1991) membahaskan secara terperinci tentang hal ini. Beliau memfokuskan kepada dua isu. Pertama adalah tentang kos tanaman; kedua adalah tentang kos sara hidup. bagi kedua-dua kos ini, Abu Ubayd merakamkan satu riwayat daripada Jabir Ibn Zayd yang menyatakan:

“Kata Ibn ‘Abas, dia perlu membayar apa yang dia belanjakan untuk kebunnya sahaja. Kata Ibn Umar pula, dia perlu membayar apa yang dia belanjakan atas kebunnya dan kepada kelaurganya” (Abu Ubayd, 1991:424).

Menurut Abu Ubayd, terdapat dua pendapat yang berlainan. Ibn Umar berpendapat kos tanaman dan untuk kos sara hidup keluarga dibenarkan. Ibn ‘Abbas r.a pula berpendapat kos tanaman sahaja dibenarkan. Abu Ubayd turut mengemukakan satu lagi riwayat daripada Ibrahim Ibn Ablah berkata:

“Umar Ibn Abd. Aziz telah menulis surat kepada Abdullah Ibn Auf, gabenornya di Palestin tentang tanah milik orang Islam yang dikenakan cukai kharaj. Beliau menyuruh gabenor itu memungut zakat sesudah ditolak cukai berkenaan” (Abu Ubayd, 1991: 425).

Abu Ubayd berpegang dengan pendapat Ibn Umar. Ini dipamerkan daripada kesimpulan yang dibuat oleh Abu Ubayd seperti berikut:

“Jika sekiranya hutang itu benar-benar sah diketahui ditanggung oleh pemilik tanah, maka zakat digugurkan daripadanya kerana hutang itu. Ini menurut pendapat Ibn Umar, Tawus, Ata dan Makhul. Ia berdasarkan al-Sunnah kerana Rasulullah SAW menjelaskan bahawa zakat diambil daripada orang kaya dan diagihkan kepada fakir miskin. Orang itu

menangung hutang dan tidak mempunyai harta, apakah dia masih merupakan pembayar zakat? Lalu bagaimanakah zakat itu harus diambil daripadanya? Apakah mungkin dia boleh menjadi orang yang kaya dan orang yang miskin dalam masa yang sama? Malah sebagai seorang yang berhutang, dia termasuk dalam kalangan dua asnaf miskin (miskin dan gharimin)” (Abu Ubayd, 1991:425).

Menurut Abu Ubayd, zakat diambil daripada orang kaya dan diagihkan kepada orang miskin. Apakah mungkin seseorang boleh menjadi kaya dan orang miskin dalam masa yang sama? Menurut beliau lagi, seorang yang berhutang adalah termasuk dalam kalangan dua asnaf zakat (miskin dan *gharimin*) yang layak menerima zakat. Apatah lagi, ia merupakan pegangan kalangan ulama Iraq yang berpegang pada pendapat Ibn Umar, Tawus, Ata dan Makhul (Abu Ubayd, 1991:424).

Dalam tulisan kontemporari turut memperkenalkan kos tanaman pertanian dibenarkan ditolak daripada hasil pertanian yang diperoleh. Yusuf al-Qaradawi (1999) misalnya berpendapat, penetapan kadar zakat sama ada 5% atau 10% berdasarkan semata-mata kepada kaedah pengairan dan kos yang terlibat bagi tujuan tersebut. Kos-kos lain seperti pembajakan dan sebaginya hendaklah ditolak bersama cukai tanah sebelum zakat dikenakan sama ada 5% atau 10%.¹³ Dalam kos sara hidup, Ibn Kathir (1993) telahpun menjelaskannya. Beliau mengemukakan pendapat Ibn Abas iaitu zakat apa yang kamu miliki melebihi daripada keperluan keluarga kamu. Menurut Ibn Kathir (1993) lagi, ibn Umar, Mujahid, Ata, Ikrimah, Sa’id b. Jubayr, Muhammad b. Ka’b, Al-Hasan, Qatadah, Al-Qasim, Ata Khurasani dan Ar-Rabi b. Anas turut berpendapat sedemikian. Maka asas membenarkan kos sara hidup ditolak daripada hasil padi adalah kuat.

13 Walaupun petani berpandangan kos tanaman dibenarkan ditolak, namun majoriti ulama berpendapat bahawa kos tanaman mestilah ditanggung oleh petani. Mereka berpendapat kos tanaman tidak perlu ditolak terlebih dahulu kerana tiada nas yang menyatakan perlu menolak kos tanaman. Nas yang ada hanyalah menerangkan kadar zakat sebanyak 5 % atau 10 % berdasarkan kaedah pengairan yang digunakan (Wahbah al-Zuhaili, 1994).

Ini disokong dengan pendapat Ibn Umar yang membenarkan belanja untuk keluarga. Dengan kata lain, kos sara hidup dibenarkan ditolak daripada hasil padi yang diperoleh. Apatah lagi nafkah adalah tanggungjawab kepada ketua keluarga. Ia perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum membelanjakan bagi urusan lain. Ini berdasarkan satu riwayat daripada Jabir bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Berikan terlebih dahulu untuk kepentingan dirimu, apabila lebih berikan untuk isterimu, apabila masih lebih berikanlah kepada keluarga dekatmu apabila masih lebih berikanlah kepada yang lain-lain”.

Keperluan sebenar kos sara hidup tersebut adalah tertakluk kepada keadaan semasa. Dengan kata pihak pemerintah. Dalam hal kos tanaman, Abu Ubayd menyebut Ibn Umar berpendapat lain, amaun kos sara hidup mestilah ditentukan mereka yang berkelayakan dan mendapat persetujuan kos tanaman dibenarkan. Ibn ‘Abbas r.a turut berpendapat kos tanaman dibenarkan. Malah Umar Ibn Abd. Aziz telah menulis surat kepada Gabenor Palestin iaitu Abdullah Ibn Auf memungut zakat sesudah ditolak cukai kharaj.

Oleh sebab itulah Yusuf al-Qaradawi (1999) berpendapat, kos tanaman perlu ditolak terlebih dahulu kerana ia merupakan satu bebanan kepada petani. Menurutnya lagi, bebanan dan kos merupakan faktor yang mempengaruhi penentuan hukum. Misalnya kaedah pengairan yang digunakan mempengaruhi penentuan kadar zakat pertanian. Kadar zakat yang berbeza disebabkan adanya bebanan dan kos, misalnya bagi kaedah pengairan yang menggunakan peralatan atau tenaga manusia kadar zakatnya 5 %.

Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas, dua kesimpulan yang dapat dibuat. Pertama, berdasarkan hujah daripada al-Qur'an, pendapat Ibn umar,

pendapat Abu Ubayd dan amalan untuk taksiran zakat pendapatan di Malaysia, amat wajar kos tanaman pertanian dan kos sara hidup para usahawan padi dibenarkan ditolak daripada hasil kasar pertanian padi yang diperoleh. Kedua, selain daripada hujah tersebut, taksiran zakat pertanian perlu membenarkan kos tanaman ditolak disebabkan pertanian pada ketika ini lebih bersifat komersial. Jika ia tidak dibenarkan, tidak mustahil terdapat petani bertukar daripada pembayar zakat kepada penerima zakat khususnya semasa bencana alam melanda sawah mereka. Apatah lagi terdapat negeri yang membenarkan kos tanaman dan kos sara hidup ditolak daripada hasil kasar yang diperoleh.

Bibliografi

- Abu Dawud Sulaiman Ibn al-Aash'ath. (1984). Terj. Ahmad Hasan, *Sunan Abu Dawud*. Vol. II, Lahore: Sh. Muhammad Ashraf.
- Abu Ubayd al-Qasim Salam. (1991). Terj. Noor Mohammad Ghaiffari, *Kitab al-Amwal*. Islamadad: Pakistan Hijra Council.
- Al-Batuti, Mansur bin Yunus bin Idris. (1999). *Kasyaf al-qina'*. Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Jld. 2.
- Al-Kandahlawi. (1999). *Awjaz al-Masalik ila Muawatta 'Malik*. Dar al-kutub al-Umiyyah.
- Al-Shafie. (1989). *Al-Umm/ Kitab Induk*. Terj. Tk. Hj. Ismail Yakub, Seri Kembangan: Victory Agencie.
- Asmak Ab. Rahman, Pazim Fadzim Othman, Siti Mashitoh Mahamood, Nor Aini Ali and Azizi Che Seman. (2010). *Assessment Method for Agricultural Zakah in Malaysia : An Institutional Perspective*. World Applied Sciences, Vol. 11 (12).
- Asmak Ab Rahman, Pazim@Fadzim Othman, Siti Mashitoh Mahamood, Azizi Che Seman, Nor Aini Ali & Norzuraida Hasan. (2012). *Amalan Kaedah Taksiran Zakat Pertanian di Malaysia*. Dalam Madihah Mohamed Ibrahim, Syahril Fazli Mat Hussin & Rashidah Abdullah (Eds.). Prosiding Seminar Isu-isu Kontemporari Zakat di Malaysia. Kedah: Unit Penerbitan, Penyelidikan dan Perundangan, Pusat Islam, Universiti Utara Malaysia, hh. 16-29 (*Non-ISI/Non-SCOPUS Cited Publication*).

- Ibn Qudamah al-Hambali. (1972). *Al-Mugni*. Mesir: Maktabah al-Qabirah.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2001). *Panduan Zakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). (2008). *Manual Pengurusan Pengiraan Zakat*. Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.
- Khairul Azman Azizan. (2004). *Zakat Padi*. Disertasi Sarjana Pengajian Islam yang diserahkan kepada Fakulti Pengajian Islam ,Universiti Kebangsaan Malaysia.Tidak diterbitkan.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid. (2003). *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahyuddin Abu Bakar.(2000). *Taklid Kepada Mazhab Syafie Dalam Amalan Berkaitan Zakat Padi Menurut Undang-Undang Zakat Negeri Kedah*. Disertasi Sarjana Pengajian Islam yang diserahkan kepada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). (2008). *Panduan Pengiraan Zakat*. Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Mohammad Kamari Hj. Taib. (2002). *Aplikasi ‘illah Terhadap Sumber Zakat Pertanian Dan Kesan Perlaksanaannya Ke Atas Individu Dan Syarikat*. Disertasi Sarjana Pengajian Islam yang diserahkan kepada Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.Tidak diterbitkan.
- Muhammad Kamal ‘Atiyah. (1995). *Perakaunan Zakat: Teori Dan Praktis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mujaini Tarimin. (1987). *Zakat Pertanian: Sistem Dan Perlaksanaannya Di Malaysia Dengan Rujukan Khas Kepada Mukim Tanjung Karang, Selangor*. Disertasi Ijazah Sarjana diserahkan kepada Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.
- Nor Aini Ali. (2007). *Pelaksanaan Pengiraan Zakat Padi Di Malaysia*. Proceeding National Conference of Islamic Finance (NCIF2007). Kuala Terangganu: Universiti Darul Iman Malaysia.
- Nor Aini Ali.(2010). *Isu-isu Perakaunan Zakat Tanaman di Malaysia*. Proceeding of The 4th ISDEV International Islamic Development Management Conference. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Yusuf Al-Qaradawi. (1997). *Hukum Zakat*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

09

MIKRO KREDIT DARIPADA DANA ZAKAT DI BAITULMAL ACEH

*Nurul Ilyana Muhd Adnan**

Abstrak

Kertas ini menganalisis hujah-hujah hukum yang dipakai Baitulmal Aceh dalam pengagihan zakat produktif melalui mikro kredit. Baitulmal Aceh Darussalam merupakan institusi yang paling terkehadapan dalam pemberian modal kerja. Berdasarkan analisis kandungan terdapat empat hujah berbeza dalam hukum pengagihan mikro kredit daripada dana zakat yang dipakai Baitulmal Aceh. Pertama, hujah berdasarkan pemahaman al-Quran dan Hadis secara *lughawi* atau *illah*. Kedua, hujah berdasarkan perbezaan pendapat Ulama terhadap *li tamlik*. Ketiga, hujah berdasarkan kriteria *maslahah*. Keempat, hujah berdasarkan falsafah zakat. Walau bagaimanapun, sebenarnya hujah-hujah ini membawa kepada keputusan yang sama, iaitu mikro kredit daripada dana zakat adalah diharuskan. Hal ini memberi implikasi bahawa dana zakat boleh diagihkan dalam bentuk mikro kredit untuk kepentingan masyarakat miskin.

Kata kunci: Isu semasa hukum zakat

* Pensyarah (Ph.D), Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
E-mel: ilyana_adnan@ukm.edu.my

Pendahuluan

Zakat perlu diagihkan kepada golongan tertentu. Allah SWT dalam surah al-Taubah (9) ayat 60 bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijnakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”

Ayat di atas menjelaskan pengagihan zakat kepada lapan asnaf iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, hamba, orang yang berhutang, *fi sabilillah* dan *ibn sabil*. Terdapat pelbagai tafsiran Ulama terhadap kaedah pengagihan zakat berdasarkan ayat tersebut. Namun, secara umumnya pengagihan zakat dapat dibahagikan kepada dua bentuk. Pertama, dalam bentuk sara diri seperti bantuan sewa rumah, bantuan perubatan, bantuan pendidikan dan sebagainya. Kedua, dalam bentuk produktif seperti bantuan modal perniagaan, bantuan peralatan dan lain-lain (Muhammad Syukri Salleh, 2011).

Terdapat dua kaedah yang digunakan dalam agihan produktif. Pertama, agihan dalam bentuk pelaburan boleh disediakan kepada asnaf yang tidak produktif. Kedua, agihan melalui penyediaan modal kerja boleh disediakan kepada asnaf yang produktif. Modal kerja ini boleh disediakan dalam dua bentuk. Pertama, modal kerja boleh disediakan dalam bentuk tunai ataupun peralatan sesuai dengan kemahiran masing-masing. Kedua, amaun modal perniagaan diagihkan sesuai dengan bidang perniagaan yang diceburi. Permasalahan kontemporari agihan zakat dalam bentuk modal dibincangkan Persidangan Islam ke-3 di Amman pada 11-16 Oktober 1986. Para Ulama telah sepakat pertama, agihan zakat dalam bentuk modal kerja dibolehkan. Kedua, agihan

tersebut dibuat setelah keperluan sara diri dipenuhi. Pelaksanaan agihan ini mesti diawasi institusi zakat (Nazir Hammad, 2001).

Terdapat empat hujah berbeza hukum mikro kredit daripada dana zakat di Baitulmal Aceh. Pertama, hujah berdasarkan pemahaman al-Quran dan Hadis secara *lughawi* atau *illah*. Kedua, hujah berdasarkan perbezaan pendapat Ulama terhadap *li tamlik*. Ketiga, hujah berdasarkan kriteria *maslahah*. Keempat, hujah berdasarkan falsafah zakat. Walau bagaimanapun, semua hujah-hujah ini memutuskan dana zakat boleh diagihkan dalam bentuk mikro kredit untuk kepentingan masyarakat miskin.

Pemahaman Al-Quran dan Hadis Secara *Lughawi* atau *Illah*

Al-Quran dan Hadis boleh difahami secara *lughawiyah* atau *illah*. Hal ini kerana lafaz yang digunakan dalam al-Quran terdiri daripada lafaz yang menunjukkan jelas hukumnya dan lafaz yang menunjukkan tidak jelas hukumnya (Abdul Karim Zaidan, 1999). *Lughawi* berasal daripada perkataan *lughah* bermaksud dalam bahasa arab (Lisan Arab, 2003). Pemahaman secara *lughawi* bermaksud pemahaman dari segi bahasa iaitu pemahaman berdasarkan zahir makna perkataan atau ayat. *Illah* pula bermaksud suatu sifat yang jelas dan konsisten dan dengan menetapkan hukum atas dasar sifat tersebut, apa yang patut menjadi matlamat penetapan hukum tersebut dapat dicapai. ‘*Illah* boleh berubah disebabkan oleh faktor-faktor semasa. Terutamanya ketika tiada nas al-Quran dan Hadis yang menjelaskan secara terperinci (Abdul Karim Zaidan, 1999).

Hal inilah yang ditekankan oleh Al Yasa’ Abu Bakar, Ketua Dewan Ulama Aceh Darussalam.¹ Beliau menimbulkan al-Quran dan Hadis

¹ Temu bual dengan Prof. Al-Yasa’ Abu Bakar, Ketua Dewan Ulama Aceh Darussalam pada 1 Februari 2012 di Institut Agama Islam Negeri Al-Raniry, Banda Aceh.

boleh difahami secara *lughawiyah* ataupun *illah*. Menurutnya dalam hal pengagihan zakat keutamaan yang lebih *maslahah* sama ada diberikan terus atau secara mikro kredit. Hujahannya,

“Al-Quran dan Hadis boleh difahami secara lughawiyah dan secara illah. Boleh juga difahami berdasarkan pertimbangan maslahah. Bagi saya, lihat saja mana yang lebih maslahah, iaitu mana yang paling maslahah.”

Berdasarkan hujah Al Yasa' Abu Bakar, dalam masalah pengagihan zakat, kebiasaannya para Ulama berdalil dengan surah al-Taubah ayat 60. Dalam *usul fiqh*, ayat tersebut menunjukkan makna umum. Ini kerana penggunaan istilah *li* dan istilah *fi*. Tafsir menyatakan *li* itu *lil tamlik*. Jika difahami dari segi bahasa, asnaf yang diawali dengan lafaz *li* harus diberikan zakat dalam bentuk benda, tidak harus yang lain. Manakala asnaf yang diawali dengan lafaz *fi* boleh diberikan dalam bentuk manfaat. Namun, jika difahami daripada segi *illah*, tujuan zakat diberi akan disoal. Jawapannya tentulah untuk menolong asnaf sehingga dapat keluar daripada kesusahannya. Misalnya kemiskinan, hutang, sakit dan sebagainya. Tiada larangan jika diberikan bantuan kepada orang yang memerlukan agar dapat dihapuskan kesusahannya.

Apakah lagi sekiranya orang yang dibantu itu dapat mengembalikan bantuan yang diberikan. Contohnya, seorang peniaga yang bankrap datang meminta pinjaman modal daripada baitulmal. Padahal dia layak menerima bantuan di bawah asnaf *gharimin*. Hal ini kerana peniaga tersebut mempunyai kemahiran dan mampu membayar balik pinjaman yang diberi dalam tempoh setahun (Al-Yasa' Abu Bakar, 2012).

Berdasarkan contoh di atas, asas pemberian mikro kredit ialah *illah*. Sebagaimana hujah Al Yasa', pemberian modal dalam bentuk mikro kredit lebih *maslahah*. Sekiranya jumlah pungutan terhad sedangkan asnaf fakir miskin semakin bertambah. Istintad hukum yang dilakukan Ulama di sini adalah berdasarkan pemahaman *illah*. Mereka tidak menggunakan pemahaman secara *lughawi* kerana zaman Nabi SAW dan zaman sekarang sudah berbeza. Ini sebagaimana amalan Khalifah

Umar al-Khattab RA yang menghentikan pemberian tanah *fay'* tetapi memberi hasilnya sahaja. Walhal perbuatan itu bertentangan dengan amalan Nabi SAW.

Perbezaan Pendapat Ulama Terhadap *Li Tamlik*

Setiap kali timbul perkara baru yang tiada nas dalam al-Quran dan Hadis, Ulama akan melakukkan ijтиhad. Ijтиhad dilakukan untuk mengistinbat hukum bagi perkara tersebut (Abdul Karim Zaidan, 1999). Oleh kerana mikro kredit merupakan perkara baru, Ulama perlu berijтиhad. Hal ini sebagaimana yang ditegaskan Armiadi Musa Basyah, Ketua Badan Baitulmal Aceh Besar. Katanya kalangan ulama perlu berijтиhad untuk memutuskan hukum mikro kredit daripada dana zakat.² Ulasannya,

“...sudah ada perbezaan pendapat kalangan ulama terhadap li tamlik.. Ertinya zakat itu tidak semestinya untuk ditamlikkan. Di situ pembiayaan kredit boleh masuk”

Hujahnya selari dengan pendapat Yusuf al-Qaradawi (2002) dan Mustafa Zarqa' (1987). Mereka berpendapat zakat tidak semestinya diagihkan dalam bentuk *aqad al-tamlik*, sebaliknya mesti sesuai dengan keadaan semasa dan setempat. Asas yang diguna pakai para Ulama dalam menentukan mekanisme ini adalah *Maqasid Syariah*. Oleh kerana mikro kredit melalui dana zakat ini memberi kebaikan kepada masyarakat setempat, maka ia boleh dilaksanakan. Tambahan pula, tiada nas yang melarangnya.

Teknik pengagihan zakat melalui mikro kredit sebahagian daripada kelompok muamalah yang hukumnya tiada nas terperinci. Hukum asal muamalah adalah *ibahah* (harus) selagi tiada dalil yang melarangnya.

2 Temu bual dengan Armiadi Musa Basyah, Ketua Badan Baitulmal Aceh Besar pada 3 Februari 2012 di Banda Aceh.

Oleh itu, pada prinsipnya pelbagai aktiviti muamalah termasuk mikro kredit daripada dana zakat dibolehkan selagi tiada dalil yang melarangnya. Namun ia perlulah tidak terkeluar daripada *Maqasid Syariah* yang menjaga kemaslahahan umat manusia (Armiadi Musa Basyah, 2009).

Pengagihan zakat bentuk modal kerja melalui mikro kredit ini dikategori dalam peringkat *tahsiniyyah* iaitu peringkat terendah selepas *hajiyah* dan *daruriyyah*. Segala usaha untuk memenuhi keperluan *tahsiniyyah* menimbulkan hukum sunat, manakala tindakan mengabaikan keperluan *tahsiniyyah* menimbulkan hukum makruh. Oleh sebab itu mikro kredit boleh dilakukan walaupun pungutan zakat masih belum dapat memenuhi keperluan asas untuk semua masyarakat (Armiadi Musa Basyah, 2012).

Kriteria *Maslahah* dalam *Maqasid Syariah*

Maslahah menurut Al-Syatibi (2006) dibahagikan kepada tiga peringkat.³ Pertama, *maslahah daruriyah*, kedua, *maslahah hajiyah* dan ketiga, *maslahah tahsiniyyah*. *Maslahah daruriyah* ialah segala apek yang bersifat kemestian dalam kehidupan manusia dan ia wajib ada sebagai syarat mutlak dalam kehidupan dan kemaslahatan manusia. *Maslahah hajiyah* ialah segala yang menjadi keperluan dalam kehidupan supaya kehidupan mereka bahagia dan sejahtera serta terhindar daripada kemelaratan.

3 Al-Syatibi (2006) mengatakan tujuan syariat berhubung dengan manusia ada lima perkara iaitu memeliha agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Setiap perkara yang bertujuan memeliha asas yang lima ini adalah maslahah iaitu kebaikan dan setiap perkara yang meninggalkan asas-asas ini adalah mafsaadah iaitu kerosakan. Menurut al-Syatibi (2006), prinsip-prinsip maqasid Syariah ialah menyuruh mendapatkan kebaikan dan menjauahkan daripada mendatangkan kerosakan. Oleh itu maslahah tidak boleh diabaikan dan mafsaadah tidak harus dihampiri.

Maslahah tafsiniyah ialah suatu keperluan dalam kehidupan yang sifatnya sebagai pelengkap dan menyempurnakan kesejahteraan kehidupan manusia. Ketiga-tiga peringkat *maslahah* ini saling melengkap antara satu sama lain. Muhammad Yasir Yusuf⁴, mantan Pengarah Lembaga Amil Zakat Uthman Ibn Affan Aceh Darussalam, mengatakan mikro kredit daripada dana zakat memberi *maslahah* kepada golongan fakir miskin. Katanya,

“Berdasarkan kriteria maslahah Al-Syatibi, mikro kredit daripada dana zakat ini telah memenuhi kriteria tersebut. Dengan adanya mikro kredit daripada dana zakat ini, umat Islam tidak akan terjebak dengan urusniaga riba dan akhirnya objektif zakat, iaitu membasmikan kemiskinan akan tercapai. Ini selari dengan asas maqasid Syariah, iaitu menarik kebaikan dan menolak kerosakan.”

Berdasarkan pernyataan di atas, pengagihan zakat melalui mikro kredit tidak bertentangan dengan konsep *maslahah ammah* yang ingin dicapai. Zakat yang diberikan melalui mikro kredit kepada satu *mustahiq* zakat dalam jumlah tertentu adalah untuk memberikan peluang bagi *mustahiq* berusaha secara lebih maksimum dengan adanya modal yang mencukupi. Hal ini adalah untuk membebaskan dirinya daripada kemiskinan dan akhirnya diharapkan *mustahiq* zakat melalui usaha mikro akan menjadi *muzakki* zakat dikemudian hari. Hal ini tidak akan merosak *maslahah* individu daripada *mustahiq* zakat lainnya. Modal mikro kredit yang telah diberikan tersebut akan dikembalikan semula oleh *mustahiq* kepada institusi zakat untuk disalurkan kembali kepada *mustahiq* zakat lainnya.⁵

4 Temu bual dengan Muhammad Yasir Yusof, mantan Pengarah Lembaga Amil Zakat Uthman Ibn Affan Aceh Darussalam pada 25 Mei 2010 di Banda Aceh.

5 Walau bagaimanapun terdapat beberapa hal ulama klasik dan ulama kontemporari berbeza pendapat tentang pengagihan zakat (Armiadi Musa Basyah, 2009). Ulama klasik misalnya berpendapat bahawa zakat mestilah diagihkan dalam bentuk aqad al-tamlik. Dengan itu, harta zakat yang diterima adalah hak milik mutlak penerima zakat. Ulama kontemporari pula berpendapat sebaliknya. Mereka mengatakan bahawa pengagihan zakat tidak semestinya dalam bentuk aqad al-tamlik. Ia boleh disesuaikan dengan keperluan semasa dan keadaan semasa.

Menurut beliau lagi, melalui mikro kredit ini, umat Islam tidak akan terjebak dengan urusniaga riba. Dengan itu objektif zakat iaitu membasmi kemiskinan akan tercapai. Ini selari dengan asas *Maqasid Syariah* iaitu menarik kebaikan dan menolak kerosakan. Ia juga selari dengan beberapa kaedah *fiqhiiyyah*:

“Apabila ada dua kerosakan, maka dibolehkan melakukan kerosakan yang lebih kecil nampaknya dan lebih sedikit keburukannya” (Al Sayuthi, t.th: 117).

“Untuk menghalangi kemudarat yang lebih besar maka dibolehkan melakukan kemudarat yang lebih kecil” (Zarqa, 1989: 199)

“Untuk menghalangi kemudharatan yang akan menimpa orang banyak, maka dibolehkan melakukan kemudarat yang akan menimpa seseorang individu” (Zarqa, 1989: 197).

Jelas di sini menolak *mafsadah* adalah wajib demi tegaknya kemaslahahan. Prinsip ini menggambarkan bagaimana Islam sangat prihatin terhadap kepentingan awam berbanding kepentingan individu. Hal ini memberikan petunjuk penting dalam membuat keputusan yang bijak dalam menghadapi perubahan-perubahan signifikan yang terjadi dalam kehidupan sosial masyarakat. Terutamanya ketika tiada nas al-Quran dan Hadis yang menjelaskan secara terperinci. Kerangka inilah yang boleh dijadikan sebagai landasan dalam melaksanakan pengagihan dana zakat ke arah lebih berkesan.

Falsafah dan Kefardhuan Zakat

Zakat memainkan peranan penting memastikan ahli masyarakat dapat memenuhi keperluan asas masing-masing. Zakat dapat mewujudkan kestabilan dalam persekitaran ekonomi di samping menjana permintaan khususnya daripada golongan berpendapatan rendah. Apabila wujudnya mekanisme zakat ini kedudukan ekonomi golongan miskin akan sentiasa terbela manakala golongan kaya akan membantu dan prihatin. Hal ini

secara langsung atau tidak langsung akan mewujudkan kestabilan ekonomi dan sosial kerana tiada pihak yang merasa tertindas.

Ridwan Nurdin (Ketua Bidang Pengagihan Baitulmal Aceh) menyatakan boleh mengagihkan dana zakat secara mikro kredit kerana tiada dalil yang melarangnya. Beliau mengulas⁶:

“... zakat untuk orang miskin, tak kisah mahu diberi secara tamlik atau bukan, asasnya adalah zakat dapat membantu dan merubah kehidupan mereka menjadi lebih baik. Zakat diupayakan untuk merubah watak dan keupayaan mereka dalam menjana kehidupan ini.”

Falsafah zakat untuk membantu dan merubah masyarakat miskin agar kehidupan mereka menjadi lebih baik. Penerima zakat yang produktif akan berusaha untuk berdikari sehingga mereka tidak lagi bergantung kepada zakat. Apabila mereka mampu berdikari maka mereka bebas daripada kemiskinan. Menurut Ridwan Nurdin,

“Asas keadilan merupakan asas utama bagi kepentingan zakat dibahagi secara mikro kerana memenuhi hak miskin untuk hidup lebih layak dengan kesempatan mendapat hak berusaha dengan modal atau skim yang patut.”

Hujah Ridwan Nurdin ini selari dengan pendapat ulama kontemporari mengenai *Maqasid* kefarduan zakat itu sendir. Ini bersesuaian dengan Ibn Qayyim al-Jauzi (1975), iaitu berubah dan berbezanya fatwa sesuai dengan perubahan tempat, masa, keadaan masyarakat, niat dan adat kebiasaan.

Kesimpulan

Ulama di Aceh memutuskan bahawa mikro kredit daripada dana zakat diharuskan berdasarkan *maslahah*. Menerusi mikro kredit ini dapat

⁶ Temu bual dengan Ridwan Nurdin (Ketua Bidang Pengagihan) pada 18 Jun 2011.

menjana ekonomi asnaf fakir miskin tanpa melibatkan riba. Pembiayaan mikro ini pastinya lebih bermanfaat berbanding agihan zakat dalam bentuk sara diri yang mengakibatkan penggantungan selamanya terhadap zakat. Penerima zakat tidak mungkin akan terkeluar dari putaran kemiskinan. Ini menunjukkan bahawa berasaskan *maqasid Syariah*, bantuan modal dalam bentuk kredit mikro daripada dana zakat dibolehkan. Akhirnya golongan yang menerima zakat akan bertukar menjadi pembayar zakat. Hal ini akan meningkatkan jumlah kutipan zakat dan mengurangkan jumlah golongan yang miskin.

Bibliografi

- Abdul Karim Zaidan (1999). *Al-Wajiz fi Usul Fiqh*. Bayrut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Shatibi, Abi Ishak (2005). *Al-Muafaqat fi Usul al-Syariah*. Dar al-kutub al-Ilmiyyah. Beirut. Lubnan.
- Armiadi Musa Basyah (2009). *Pentadbiran Zakat di Baitulmal Aceh: Kajian Terhadap Agihan Zakat Bagi Permodalan Masyarakat Miskin*. Tesis Ph.D, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ibn Manzur (2003). *Lisan Al-Arab*. al-Riyad Dar 'Alam al-Kutub.
- Ibn Qayyim al-Jauzi (1975). *T'lam al Muwaqqi'i'n 'an Rabba al-'Alamin*. Dar al-Jail. Beirut. Lubnan.
- Mustafa al-Zarqa' (1987). *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami*. bil 3, vol. 1.
- Yusuf al-Qaradhawi (2002). *Fiqh al-Zakat*. Beirut. Muassasah al-Risalah.
- Temu bual dengan Ridwan Nurdin (Ketua Bidang Pengagihan) pada 18 Jun 2011.
- Temu bual dengan Prof. Al-Yasa' Abu Bakar, Ketua Dewan Ulama Aceh Darussalam pada 1 Februari 2012 di Institut Agama Islam Negeri Al-Raniry, Banda Aceh.
- Temu bual dengan Armiadi Musa Basyah, Ketua Badan Baitulmal Aceh Besar pada 3 Februari 2012 di Banda Aceh.
- Temu bual dengan Muhammad Yasir Yusof, mantan Pengarah Lembaga Amil Zakat Uthman Ibn Affan Aceh Darussalam pada 20 November 2012 di Banda Aceh.

10

KEDUDUKAN ASNAF *AR-RIQAB* DAN CADANGAN KAEDEAH PENGAPLIKASIANNYA DI NEGERI PERAK

*Azman Ab Rahman** &
*Tengku Mansur bin Tengku Zainal Abidin***

Abstrak

Ar-riqab merupakan salah satu asraf yang disebut dalam al-Quran sebagai penerima bantuan zakat. Pada masa kini, peruntukan zakat untuk bahagian *ar-riqab* dikebanyakannya negeri di Malaysia dibahagikan kepada asraf-asraf yang lain kerana golongan *ar-riqab* ditakrifkan sebagai hamba sudah tidak wujud. Namun, terdapat juga beberapa buah negeri seperti Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu dan Melaka yang memperluaskan definisi *ar-riqab* kepada definisi yang lebih luas. Wujud persoalan berkaitan definisi *ar-riqab* yang sesuai dengan realiti semasa dan kaedah pengagihan bantuan zakat asraf ini sekiranya wujud. Objektif artikel ini mengenalpasti definisi-definisi *ar-riqab* yang dikemukakan para fuqaha dulu dan kini yang

* Pensyarah kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. Email: azman@usim.edu.my

** Pelajar pascasarjana, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. Email: tengku.mansur@gmail.com

boleh aplikasi dalam sistem pengurusan agihan zakat. Artikel ini mengenalpasti golongan-golongan yang dikategorikan asnaf *ar-riqab* mengikut kriteria-kriteria ditetapkan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) dan cadangan kaedah agihan yang sesuai. Hasil kajian mendapat definisi *ar-riqab* adalah “individu yang ingin memerdekaan diri daripada terbelenggu di bawah satu kuasa yang menghalang kebebasan dirinya atau pembebasan daripada penaklukan sama ada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti perhambaan, kejahanan dan kelemahan ekonomi” dalam konteks semasa. Manakala kaedah agihan bantuan zakat yang dicadangkan melalui penubuhan sebuah pusat pembangunan asnaf yang memberikan kemahiran golongan asnaf.

Kata kunci: *Ar-riqab*, Asnaf, Zakat, Agihan

Pendahuluan

Kedudukan asnaf *ar-riqab* dalam al-Quran sebagai penerima zakat yang kelima. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Taubah (9) ayat 60 bermaksud,

“Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (mualaf), untuk memerdekaan hamba sahaya, untuk membebaskan orang yang berhutang, untuk yang berada di jalan Allah dan untuk orang yang sedang di dalam perjalanan sebagai kewajiban dari Allah. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”

Definisi umum *Ar-riqab* bermaksud hamba *mukatab* yang membeli atau menebus dirinya sendiri untuk bebas daripada tuannya secara beransur-ansur. Fuqaha menyatakan istilah ini satu kiasan yang menunjukkan penghambaan adalah satu bentuk ikatan seseorang itu daripada menikmati kebebasan. (al-Qaradawi). Berdasarkan pemerhatian penyelidik, terdapat sedikit perbezaan definisi *ar-riqab* di kalangan ulama yang membawa maksud hamba atau pembebasan.

Isunya masih wujudkah asnaf *ar-riqab* atau sistem penghambaan? Sekiranya tidak wujud, perlunya penjelasan kedudukan dana zakat untuk asnaf *ar-riqab* atau definisi yang baharu.

Kertas ini menilai semula kedudukan asnaf *ar-riqab* sebagai penerima zakat dalam masa yang sama golongan-golongan lain kemungkinan boleh dikategorikan asnaf *ar-riqab*. Ini termasuk yang berkaitan dengannya seperti bantuan dan kaedah pemberian zakat.

Definisi *Ar-riqab* adalah perkataan jamak daripada kata dasar *ar-raqabah*. Secara etimologi, *ar-raqabah* bermaksud leher, penghujung bahagian kepala, atau sebelah atas bahagian badan. Manakala dari sudut terminologi, *ar-raqabah* membawa maksud hamba yang dimiliki. Apabila perkataan ini disebut dalam ayat seperti *'itqu raqabah*, ia bermaksud membebaskan satu jiwa yang bernyawa (iaitu dengan membebaskan hamba). Tetapi jika ia digunakan dalam konotasi *fakku raqabah*, ia bermaksud membebaskan tawanan. Oleh itu, *Fi ar-riqab* boleh diertikan sebagai, perhambaan atau dalam perhambaan (Ibn Manzur, 1996: 279-281).

Menurut Empat Mazhab

Penggunaan istilah *ar-riqab*, para penafsir al-Quran dan fuqaha tentang unsur kesusasteraan yang wujud dalam ayat tersebut. Berbanding dengan empat asnaf yang disebut di awal ayat, asnaf yang kelima ini disebut dengan kata sendi “*fi*” yang bermaksud “dalam” atau “pada”. Ia sering difahami sebagai zakat untuk asnaf *ar-riqab* hendaklah digunakan pada perhambaan dan bukan untuk hamba itu sendiri.

1. Mazhab Hanafi

Ar-riqab bermaksud hamba mukatab. Al-Sarakhsyi menjelaskan maksud *ar-riqab* ialah menolong hamba mukatab dalam mengemukakan bayaran pertukaran bagi pembebasannya dengan memberikan sedekah (zakat) kepada mereka (Al-Sarakhsyi, 1986: 9).

2. Mazhab Maliki

Ar-riqab ialah hamba mukmin, walaupun dia mempunyai keaiban, yang membebaskan dirinya daripada perhambaan, dan perwaliannya adalah terletak di bawah orang Islam walaupun dia mensyaratkan perwalian tersebut pada dirinya; ataupun membebaskan tawanan perang (Al-Dusuqi, t.th:496). Berdasarkan tafsiran ini, terdapat dua golongan yang termasuk dalam *asnaf fi al-riqab* iaitu hamba mukmin dan tawanan perang.

Menurut mazhab ini, hamba yang dibenarkan untuk dibebaskan dengan harta zakat boleh terdiri daripada lelaki ataupun perempuan asalkan dia beriman kepada Allah SWT.

Walaupun golongan ini mempunyai keaiban seperti menghidapi penyakit kritikal berpanjangan dan tiada harapan sembah. Terdapat pendapat dalam mazhab ini mengharuskan pembebasan golongan Bani Hashim yang menjadi hamba kerana membebaskannya lebih utama, seperti menjinakkan Bani Hashim yang kafir dengan memberinya zakat daripada bahagian *asnaf mualaf* dengan harapan mereka akan membebaskan diri daripada kekufuran (Al-Dusuqi, t.th:496). Walau bagaimanapun, pendapat ini disangkal al-Dusuqi kerana berpegang dengan syarat umum bagi pengagihan zakat, iaitu (Al-Dusuqi, t.th:496), “*Sesungguhnya, bukan keturunan Hashim ialah syarat bagi semua asnaf*”.

3. Mazhab Shafi'i

Ar-riqab ialah mukatab daripada kalangan kejiranan harta sedekah (zakat) (Al-Shafi'i, t.th: 97). Al-Nawawi menjelaskan bahawa mukatab yang dimaksudkan hendaklah diberi zakat dengan kadar yang boleh membantunya membebaskan diri daripada perhambaan (Al-Nawawi, 1991: 315). Zakat itu hendaklah diberikan kepada orang yang hendak membebaskan mukatab tersebut iaitu tuannya dengan keizinan dan pengetahuan hambanya.

Ini cara terbaik bagi memastikan zakat tersebut dapat memenuhi maksud *ar-riqab*. Dalam hal ini, mukatab mendapat faedah daripadanya apabila pembebasannya dilaksanakan. Sekiranya zakat diberi kepada mukatab, terdapat kemungkinan harta tersebut digunakan untuk kepentingan sendiri dan tidak diberikan kepada tuannya. Namun begitu, pemberian zakat secara terus kepada mukatab di bawah asnaf ini diharuskan walaupun tanpa pengetahuan tuannya. Tambahan pula sekiranya harta zakat itu hanya sedikit, maka ia dapat meringankan sebahagian bebanan kewangan yang ditanggung untuk membebaskan dirinya.

4. Mazhab Hanbali

Ar-riqab sebagai mukatab. Walau bagaimanapun, pengagihan zakat *ar-riqab* boleh dilakukan untuk membeli hamba dan membebaskannya atau dengan membebaskan tawanan perang yang beragama Islam (Ali Abd al-Hamid Baltah Ji et.al., 1994: 291 & Ibn Qudamah, t.th: 698).

Berdasarkan pentafsiran yang dikemukakan para fuqaha, terdapat pelbagai pandangan mentafsirkan *ar-riqab*. Walau bagaimanapun, pentafsiran tersebut menyentuh secara jelas tentang perhambaan.

Perhambaan manusia jika dilihat secara zahir telah dihapuskan daripada terus menjadi amalan terutama golongan berada. Menurut majoriti fuqaha Hanafi, Shafi'i dan Hanbali, pengagihan zakat asnaf *ar-riqab* bermaksud memberikan zakat kepada mukatab iaitu hamba yang mempunyai perjanjian penebusan diri dengan tuannya melalui pembayaran sejumlah harta, lalu mereka diberikan zakat untuk membebaskan diri daripada perhambaan. Mazhab Maliki berpendapat *ar-riqab* bermaksud membeli hamba dan membebaskannya. Perbezaan pandangan mengenai pentafsiran asnaf ini dapat dilihat dalam jadual berikut.

Jadual 20: Tafsiran Fuqaha Klasik Mengenai Asnaf Ar-riqab

	Hanafi	Maliki	Shafi'i	Hanbali
Membebaskan hamba	-	/	-	/
Membebaskan hamba mukatab	/	-	/	/
Tawanan perang	-	/	-	/
Kejiranan harta	-	-	-	/

Walaupun terdapat perselisihan mentafsirkan *ar-riqab*, hakikatnya mukatab dan hamba adalah satu golongan yang sama. Bezanya, mukatab mempunyai perjanjian penebusan diri manakala hamba pula sebaliknya. Oleh itu, usaha untuk membebaskan mereka daripada perhambaan dan memberikan mereka peluang untuk mengecapi nikmat kehidupan secara bebas hendaklah dilakukan secara serius. Jika diteliti perbezaan pendapat ini lebih tertumpu cara pelaksanaannya, sama ada zakat diberi terus kepada mukatab atau diberi kepada tuannya atau dengan membeli hamba dan membebaskannya. Selain hamba terdapat juga fuqaha yang meluaskan pentafsiran *ar-riqab* kepada hamba tawanan perang dengan syarat tawanannya. Pendapat ini dipegang mazhab Maliki dan Hanbali (Al-Dusuqi, t.th: 496).

Tafsiran Kontemporari

Pandangan kontemporari menunjukkan takrifan lebih diluaskan iaitu hamba mukatab, hamba sahaya dan orang Islam terbelenggu mempunyai ciri dieksplorasi sehingga diperhambakan. Hamba Mukatab iaitu hamba yang dijanjikan tuannya boleh dibebaskan dengan syarat membayar sejumlah wang secara ansuran. Harta zakat diberikan kepada tuan hamba tersebut bagi melangsangkan hutang tebusan tersebut. Firman Allah SWT dalam Surah al-Nur (24) ayat 33 bermaksud,

“...dan hamba-hamba kamu (lelaki dan perempuan) yang hendak membuat surat perjanjian untuk memerdekaan dirinya (dengan jumlah

bayaran yang tertentu), hendaklah kamu melaksanakan perjanjian itu dengan mereka jika kamu mengetahui ada sifat-sifat yang baik pada diri mereka (yang melayakkannya berbuat demikian); dan berilah kepada mereka dari harta Allah yang telah dikurniakan kepada kamu...”

Imam al-Tabari (1992:6/400) menjelaskan sebahagian besar ulama mentakrifkan *ar-riqab* sebagai hamba mukatab yang diberikan sebahagian harta zakat untuk memerdekaan mereka. Hamba sahaya pula adalah orang yang dibeli dengan menggunakan harta zakat kemudian dimerdekaan.

Orang Islam yang dieksplorasi seseorang atau organisasi secara paksa dan diperlakukan secara tidak adil. Contohnya orang yang ditawan musuh, diculik sebagai buruh paksa, mangsa pemerdagangan orang, buruh kanak-kanak, menjadi pekerja seks disebabkan beban hutang.

Istilah Asnaf Al-Riqab

Asnaf *ar-riqab* di Malaysia bergantung definisi yang ditetapkan Majlis-Majlis Agama Islam Negeri atau Institusi-Institusi Zakat Negeri.

Pulau Pinang

Ar-riqab adalah memerdekaan hamba termasuk juga untuk melepaskan muslim yang ditawan oleh orang-orang kafir.

Selangor

Seseorang yang terbelenggu dibawah sesuatu kuasa atau keadaan yang menjadi hambatan kepada dirinya bagi menjalani kehidupan yang lebih baik.

Kedah

Ar-riqab adalah memerdekaan hamba: termasuk juga untuk melepaskan muslim yang ditawan oleh orang-orang kafir.

Sarawak

Ar-riqab ialah hamba yang dijanjikan oleh tuannya untuk dimerdekakan dengan cara menebus dirinya dengan sejumlah wang. Dan juga, membebaskan kaum muslimin daripada cengkaman perhamaan dan penaklukan sama ada dari segi fizikal, mental, kejahilan ataupun terkongkong di bawah penguasaan orang yang zalim.

Melaka

Ar-riqab ialah hamba yang diberikan peluang oleh tuannya untuk menebus atau memerdekaan dirinya tetapi ia tidak mempunyai wang untuk tujuan tersebut.

Terengganu

Ar-riqab adalah memerdekaan orang-orang islam daripada cengkaman perhamaan dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahilan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.

Negeri Sembilan

Ar-riqab adalah memerdekaan orang-orang Islam daripada cengkaman perhamaan dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman kejahilan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.

Johor

Ar-riqab ialah mereka yang dimiliki oleh tuannya dan ingin membebaskan diri masing-masing.

Pahang

Ar-riqab adalah memerdekaan orang-orang Islam daripada cengkaman perhamaan dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahilan dan terbelenggu dibawah kawalan orang-orang tertentu.

Perlis

Ar-riqab adalah memerdekaan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan samada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahilan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.

Perak

Hamba yang dijanjikan oleh tuannya akan mendapat kebebasan dengan bayaran dalam tempoh yang ditentukan.

Kelantan

Ar-riqab adalah memerdekaan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penakhlukan samada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahilan dan terbelenggu dibawah kawalan orang-orang tertentu.

Wilayah Persekutuan

Ar-riqab adalah memerdekaan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahilan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.

Sabah

Ar-riqab ialah seseorang yang ditahan sebagai hamba atau belenggu yang memerlukan bantuan untuk membebaskan dirinya daripada apa-apa tanggungan yang telah dikenakan ke atas dirinya.

Jabatan Wakaf Zakat & Haji (Jawhar)

Ar-riqab adalah memerdekaan diri daripada cengkaman perhambaan, kejahilan atau kongkongan pihak-pihak tertentu.

Kutipan dan Agihan Zakat di Negeri Perak

Kutipan zakat di negeri Perak berasaskan kepada empat sumber utama iaitu zakat fitrah, zakat harta, zakat perniagaan dan zakat tanaman. Kadar kutipan zakat setiap tahun mengalami peningkatan yang positif.

Jadual 2: Kutipan dan Agihan Zakat bagi Tahun 2010 sehingga 2015

Tahun	Kutipan (RM)	Peningkatan (RM)	Peratusan (%)
2010	70,828,296.00	-	-
2011	87,419,398.00	16,591,102.00	23.42
2012	103,202,759.00	15,783,361.00	18.05
2013	109,825,143.00	6,622,384.00	6.41
2014	114,588,532.29	4,763,389.29	4.34

Sumber: Laman Web Rasmi Baitulmal Perak

Jadual 2 menunjukkan peningkatan hasil kutipan zakat setiap tahun. Peningkatan tahun 2011 sebanyak RM16,591,102 kenaikan sebanyak 23.42%. Selepas tahun 2011, peratusan peningkatan didapati semakin menurun sehingga tahun 2014, kadar kenaikan hanyalah pada kadar RM4,763,389.29 dengan peratusan 4.34%. Walau bagaimanapun, nilai kutipan zakat masih lagi meningkat iaitu RM114.59 juta berbanding tahun-tahun sebelumnya dan kemungkinan berlakunya penurunan dalam jumlah kutipan zakat sangat jarang berlaku.

Kadar peningkatan antara jumlah kutipan dan jumlah agihan tahunan dana zakat bagi tahun 2010 sehingga 2014 turut meningkat. Pada akhir tahun 2014, agihan dana zakat berjumlah RM130,319,694.70 adalah angka agihan paling besar dalam tempoh lima tahun. Malah melebihi jumlah kutipan zakat pada tahun tersebut. Jadual 3 menunjukkan jumlah agihan zakat bagi tahun 2010 sehingga 2014.

Jadual 3: Jumlah Agihan Dana Zakat bagi Tahun 2010 sehingga 2014

Tahun	Agihan
2010	65,222,867.00
2011	77,210,514.00
2012	82,093,742.00
2013	101,641,793.00
2014	130,319,694.70

Secara keseluruhannya, agihan zakat di bawah pengurusan Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Negeri Perak (MAIPk) dibahagikan 6 kategori asnaf utama iaitu fakir dan miskin, amil, muallaf, *gharimin*, *ibnu sabil* dan *fi sabilillah*. Asnaf fakir dan miskin disatukan kerana golongan ini diberikan skim bantuan zakat yang sama. Perbezaan antara kedua asnaf ini adalah pada nilai bantuan yang diberikan. Asnaf fakir dan miskin diberikan peruntukan yang paling banyak diikuti dengan asnaf *fi sabilillah*. Manakala sehingga tahun 2014, peruntukan zakat bagi asnaf *ar-riqab* masih lagi dikosongkan dan dipindahkan kepada asnaf-asnaf yang lain bertepatan dengan Peraturan Zakat dan Fitrah 1975. Menurut peraturan tersebut, asnaf *ar-riqab* yang didefinisikan sebagai hamba sudah tidak wujud pada masa kini, oleh itu bahagian mereka diberikan kepada asnaf-asnaf yang lain.

Definisi Asnaf *Ar-Riqab* di Negeri Perak

Pengurusan agihan zakat golongan asnaf berbeza bagi setiap negeri di Malaysia. Asnaf *ar-riqab* khususnya mempunyai kaedah pengagihannya yang tersendiri berdasarkan definisi asnaf ini. Kebanyakan negeri di Malaysia meletakkan definisi *ar-riqab* sebagai “hamba yang dijanjikan oleh tuannya akan mendapat kebebasan dengan bayaran dalam tempoh yang ditentukan”. Pentafsiran ini juga digunakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Perak (MAIPk) (Peraturan Zakat dan Fitrah, 1975).

Garis Panduan Umum Agihan Zakat MAIPk (t.th) pula mendefinisikan *ar-riqab* sebagai “memerdekaan diri daripada terbelenggu di bawah satu kuasa yang menghalang kebebasan dirinya atau pembebasan daripada penaklukan sama ada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti perhambaan, kejahilan dan kelemahan ekonomi”. Definisi ini dilihat lebih terbuka dan menepati konteks masa kini kerana sistem penghambaan yang bercorakkan fizikal telah tidak wujud lagi. Pandangan ini disokong Syeikh Rashid Reda dan Syeikh Mahmud Syaltut yang mengaitkan ‘illah *ar-riqab* dengan pembebasan individu daripada belenggu yang meliputi konteks pemikiran, harta benda, kekuasaan dan kebebasan (Mahmud Syaltut, tt; Muhammad ‘Abduh & Muhammad Rashid Reda, 2002).

Garis Panduan Umum Agihan Zakat MAIPk juga secara jelas meletakkan kriteria-kriteria yang melayakkan seseorang individu tergolong dalam kalangan *ar-riqab* termasuklah konsep agihan kepada mereka yang berhak. Namun masih terdapat ruang penambahbaikan yang boleh dilakukan khususnya dalam kaedah pengagihan bantuan zakat dan golongan-golongan yang dapat dikategorikan sebagai asnaf *ar-riqab*. Analisis dana kutipan dan agihan zakat MAIPk bagi tempoh 5 tahun terakhir iaitu bermula tahun 2010 sehingga 2014 menunjukkan bahawa peruntukan sebahagian dana zakat kepada golongan *ar-riqab* ini boleh dilaksanakan.

Cadangan Kriteria Golongan Penerima Asnaf *Ar-Riqab*

Garis Panduan Umum Agihan Zakat MAIPk meletakkan secara jelas kriteria-kriteria bagi golongan *ar-riqab*. Kreteria-kretiria tersebut adalah seseorang individu itu mestilah beragama Islam dan menetap di Negeri Perak, tiada sumber kewangan yang cukup atau tidak

mendapat bantuan daripada sumber-sumber lain, telah disahkan ingin membebaskan dirinya daripada belenggu yang dihadapi dan memenuhi ketetapan-ketetapan lain yang diputuskan melalui Persidangan Majlis, Jawatankuasa Fatwa dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Baitulmal.

Penetapan kriteria-kriteria ini sangat penting agar dana zakat yang diagihkan adalah benar-benar disalurkan kepada mereka yang berhak menerima zakat di bawah peruntukan asnaf *ar-riqab*. Justeru, dicadangkan penambahbaikan terhadap golongan ini dengan penambahan dua lagi kriteria iaitu sifat terbelenggu itu adalah tidak terkeluar daripada faktor utama iaitu pemikiran, harta benda, kekuasaan dan kebebasan serta permasalahan tersebut mestilah bersifat nasional (umum) dan akan berterusan jika tidak dibendung. Penambahan dua kriteria ini dalam pengurusan agihan dana zakat kepada golongan *ar-riqab* adalah penting untuk memastikan konsep *ar-riqab* lebih holistik dan tidak terlalu umum sehingga mengundang kepada kesalahfahaman dalam pentafsirannya.

Cadangan Golongan-Golongan *Ar-Riqab*

Individu yang tergolong di dalam golongan *ar-riqab* haruslah menepati setiap kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri. Terdapat beberapa cadangan golongan yang telah disenaraikan sebagai golongan *ar-riqab* berpandukan kepada kriteria-kriteria di atas antaranya orang Islam yang terbelenggu akidah, orang kelainan upaya (OKU), usahawan Islam yang terbelenggu masalah modal, gelandangan dan penagih dadah. Walau bagaimanapun, *ar-riqab* adalah tidak terhad kepada golongan-golongan tersebut sahaja. Golongan-golongan lain yang dilihat menepati kriteria-kriteria yang telah ditetapkan berkemungkinan boleh digolongkan dalam asnaf *ar-riqab* sekiranya diperakui oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri berpandukan kepada *maslahah* dari semasa ke semasa.

Orang Islam Terbelenggu Akidah

Masalah kesesatan, murtad dan gaya hidup songsang di kalangan umat Islam hari ini semakin meruncing dan sukar untuk dibendung. Kebanyakan kes-kes yang dibawa ke mahkamah tidak mampu untuk diselesaikan dan kebanyakannya ditangguh sehingga pada satu jangka masa yang agak lama. Kesannya, pelaku dan pesalah masih terbelenggu akal mereka daripada memiliki kefahaman yang jernih tentang Islam. Justeru, usaha untuk memurnikan akidah mereka daripada belenggu kejahilan tentang Islam dengan kefahaman yang songsang adalah sangat mustahak dan memerlukan kepada dana yang sangat tinggi.

Jadual 4: Statistik Kes-Kes Syariah Bagi Tahun 2009 hingga 2014

	2009	2010	2011	2012	2013	2014
Masalah Syirik dan Khurafat						
Pemujaan atau Amalan Salah	0	0	0	3	0	60
Akidah Orang Islam Yang Terpesong						
Mengaku Bukan Islam	1	0	0	0	0	0

Jadual 4 di atas menunjukkan bilangan tangkapan kes-kes jenayah syariah yang direkodkan bagi tahun 2009 hingga 2014. Pada tahun 2014, bilangan kes pemujaan dan amalan salah mencatatkan kes yang tertinggi sebanyak 60 kes. Jadual di atas merupakan sebahagian daripada kes-kes tangkapan jenayah yang dibicarakan di mahkamah. Namun, masih terdapat banyak kes-kes yang masih dalam proses pembicaraan terutamanya berkaitan dengan fahaman syi'ah dan ajaran-ajaran sesat yang lain. Terdapat juga kes-kes murtad daripada kalangan kaum India yang memeluk agama Islam disebabkan faktor perkahwinan tetapi tidak pernah beramal dengan ajaran Islam yang sempurnanya dan lemah pegangannya terhadap agama.

Orang Kelainan Upaya (OKU)

Orang Kelainan Upaya (OKU) dari sudut bahasa bermaksud individu yang dihalang atau dipalingkan sebarang penghalang daripada apa-apa yang dikehendakinya (Ibn Manzur, 2003). Manakala, menurut fuqaha, OKU diistilahkan sebagai suatu keadaan kekurangan atau kecacatan pada kemampuan jasmani atau fikiran yang merujuk kepada faktor-faktor keturunan ataupun persekitaran seseorang (Al-Hiti, 2002).

OKU mempunyai pelbagai kategori. Jabatan Kebajikan Masyarakat (2014) mengkategorikan OKU kepada 6 jenis, sementara Suruhanjaya Perkhidmatan Awam menyenaraikan 7 kategori OKU, iaitu; 1) Kurang Upaya Pendengaran, 2) Kurang Upaya Penglihatan, 3) Kurang Upaya Fizikal, 4) Masalah Pembelajaran, 5) Kurang Upaya Pertuturan, 6) Kurang Upaya Mental, 7) Kurang Upaya Perlbagai. Berdasarkan statistik tahun 2006-2011 jumlah pendaftaran OKU di seluruh Malaysia, memperlihatkan penambahan bilangan OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), seperti di bawah:

Jadual 25: Statistik Tahun 2006-2011 Jumlah Pendaftaran OKU di Malaysia

Jumlah pendaftaran OKU Malaysia	Tahun
359, 203	2011
314, 247	2010
283,512	2009
248, 858	2008
229, 250	2007
197, 519	2006

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2014; Jabatan Perkhidmatan Masyarakat, 2010

Penambahan ini memperlihatkan akan keperluan dana tambahan dan kemudahan yang sesuai untuk golongan OKU. Menurut laman sesawang Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), wujud

dakwaan dan laporan daripada beberapa individu mengenai dakyah agama lain terhadap golongan OKU beragama Islam. Selain itu juga, pusat keagamaan bukan Islam untuk OKU dari kalangan mereka yang memerlukan pendidikan khas seperti ADHD, Cerebral Palsy dan Autisme banyak menempatkan OKU Islam kerana kekurangan pusat seumpamanya milik orang Islam sendiri disebabkan oleh faktor kewangan (Sinar Harian, 16/8/2012).

Oleh itu, dicadangkan golongan OKU diletak sebagai asnaf *ar-riqab* dengan menilai status mereka yang terkongkong dengan keterbatasan fizikal atau mental mereka dan keadaan masa depan mereka yang melibatkan pendedahan pendidikan Islam dan bantuan kebaikan. Berdasarkan statistik lebih 170 pusat kebaikan milik institusi agama bukan Islam di seluruh Malaysia, ini akan mendedahkan golongan ini kepada dakyah dan ideologi yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Usahawan Islam Terbelenggu Modal

Keusahawanan salah satu cara untuk meningkatkan ekonomi ummah. Ia merangkumi segala aspek yang diperlukan setiap individu untuk hidup. Tanpa usahawan, sukar bagi seseorang itu mendapatkan keperluan hariannya seperti makanan, pakaian dan tempat untuk berteduh. Berniaga juga merupakan pekerjaan yang dijalankan para nabi termasuklah Baginda Rasulullah SAW.

Sesuai dengan tafsiran *ar-riqab* yang dianjurkan Muhammad Rashid Reda dan Mahmud Syaltut sebagai membebaskan umat daripada belenggu harta benda menerusi ekonomi. Penyelidik mencadangkan agar usahawan Islam yang terbelenggu modal juga dimasukkan dalam kategori *ar-riqab*. Namun, usahawan tersebut mestilah memenuhi kriteria terbelenggu seperti tidak mendapat mana-mana bantuan daripada bank atau agensi pembiayaan yang tidak berdasarkan riba.

Perhatian juga perlu diberikan kepada golongan banduan dan keluarga mereka. Kebanyakkan banduan adalah daripada kalangan ketua keluarga yang menjadi punca ekonomi. Namun apabila banduan ini dijatuhkan hukuman, keluarga mereka hilang tempat pergantungan dan memerlukan bantuan dari segi penjanaan ekonomi.

Mangsa along dan keluarga mangsa juga boleh dikategorikan sebagai asnaf *ar-riqab*. Zulkifli Mohammad Al-Bakri (2013) dalam kertas kerja bertajuk “Sejarah Hamba dan Kedudukan *ar-riqab* Sebagai Penerima Zakat Pada Masa Kini” bahawa “... Begitu juga mereka yang terikat dan diperhambakan yang memberi hutang, walaupun di sana sudah ada bahagian al-gharimin kerana penguasaan seseorang kepada yang berhutang, seolah-olah seperti hamba...”

Pandangan ini disokong Al-Imam An-Nawawi (1962) menegaskan di dalam “*Kitab Al-Majmu*” bahawa “adalah harus bagi seseorang hamba mukatab berniaga daripada apa yang diambil olehnya daripada zakat untuk memperbanyakkan nilainya sehingga dapat menebus dirinya. Dan hal tidak ada khilaf (dari kalangan shafi’i)”

Gelandangan dan Penagih Dadah

Menurut takrifan ‘gelandangan’ ialah orang yang pekerjaannya atau tempat tinggalnya tidak tetap (Kamus Dewan ke-4). Perkara ini menjadi fokus di akhbar-akhbar sekaligus menjadi fenomena yang lazim bagi mereka yang tinggal di ibu kota seperti di Kuala Lumpur dan George Town. Manakala penagih dadah pula adalah orang yang ketagih dadah. Cure and Care Service Center, Perak adalah sebuah pusat rawatan penagih dadah yang berorientasikan rumah singgah yang diberdaftar di bawah Agensi Anti Dadah Kebangsaan. Disamping menyediakan sarapan, makan tengahari dan minum petang kepada golongan penagih dan gelandangan, pelbagai aktiviti seperti kelas agama, bacaan Yaasin dan program motivasi dijalankan dengan kerjasama LIONS Group

dan MAIPk. Sepanjang penubuhannya sejak bulan Mei 2011 sehingga kini, Cure and Care Service Center, Perak telah menerima lebih kurang 30,273 orang pengunjung.

Menurut Puan Zanid binti Ramli, Pengurus Cure and Care Service Center menyatakan bahawa sebelum ini para gelandangan dan penagih dadah tersebut mendapatkan bantuan makanan di sebuah gereja Kristian di sekitar Bandaraya Ipoh. Jika perkara tersebut tidak dibendung, maka dikhuatiri mereka akan terjebak ke kancang gejala murtad yang merupakan jenayah yang paling berat dalam agama. Penyelidik berpendapat bahawa golongan tersebut wajar diberi perhatian yang setimpal. Menurut Puan Zanid lagi, ada dikalangan mereka yang ingin berubah dan berkerja tetapi dengan latar belakang yang silam, mereka tidak diberi peluang dalam masyarakat.

Cadangan Kaedah Agihan

Berdasarkan Garis Panduan Umum Agihan Zakat MAIPk dijelaskan konsep agihan yang dijalankan bagi asnaf *ar-riqab*. Konsep tersebut merangkumi; a) pemberian berasaskan permohonan dan siasatan serta pengesahan, b) meringankan dan menampung bebanan, c) pemberian hanya kepada Riqab yang sedia menjalani pemulihan dan pemantauan yang diaturkan untuk mereka, d) usaha memulihkan akidah, akhlak, kejahilan dan ekonomi. Berdasarkan konsep agihan tersebut, terdapat beberapa penambahbaikan yang boleh dicadangkan.

Berdasar realiti yang berlaku di negeri Perak, konsep agihan dicadangkan kepada asnaf *ar-riqab* ini tidak diberikan kepada pemilikan individu tetapi diberikan melalui penubuhan Pusat Pembangunan Asnaf di bawah penyeliaan MAIPk bagi membantu mereka membebaskan diri daripada masalah aqidah, ekonomi dan sosial. Ini berdasarkan firman Allah SWT di dalam surah al-Taubah ayat 60 yang membezakan empat

asnaf pertama dengan mendahuluikan kalimah “*li*” dan empat asnaf terakhir digunakan kalimah “*fi*”.

Sebahagian ulama menjelaskan, pengagihan zakat dibahagikan kepada dua kategori, pertama: pengagihan zakat kepada asnaf yang menerima tanpa melibatkan hal mereka selepas pemberian iaitu fakir, miskin, ‘amil, dan mu’allaf. Dikaitkan keempat-empat asnaf ini dalam ayat 60 surah al-Taubah dengan ‘*lam al-tamlid*’. Apabila mereka sudah diberikan harta zakat, maka mereka terus memiliki dan tiada alasan untuk menuntut mereka mengembalikan semula sebahagian daripada harta zakat yang telah diberikan.

Manakala kategori kedua, pengagihan kepada asnaf berasaskan kepada keperluan mereka, iaitu *ar-riqab*, gharimin, fi sabil illah, dan ibnu sabil. Dikaitkan keempat-empat asnaf ini dalam ayat 60 surah al-Taubah dengan ‘*fi al-zarfiyah*’. Harta zakat yang diagihkan bagi memenuhi *maslahah* mereka diberikan kepada pihak yang terlibat iaitu golongan *ar-riqab* diberikan untuk membebaskan mereka daripada belenggu, gharim diberikan kepada pemberi hutang, fisabilillah umpamanya tentera diberikan kepada pihak yang menguruskan hal ketenteraan dan ibnu sabil sekadar mencukupi untuk kembali ke kampung halaman. Jika harta zakat yang diberikan melebihi had keperluan mereka, maka seharusnya dipulangkan kembali harta zakat yang terbaki kepada tabung zakat (Ibnu Qudamah 1992; al-Nawawi, 1995; al-Bahuti, 1996).

Kaedah pengagihan zakat bagi asnaf *ar-riqab* di Negeri Perak dengan menubuhkan sebuah Pusat Pembangunan Asnaf bagi menangani isu-isu yang berkaitan dengan asnaf tersebut. Pusat Pembangunan Asnaf ini dapat membantu pihak-pihak lain yang mempunyai kepentingan bersama ke atas umat Islam di negeri Perak seperti Bahagian Pendidikan, Bahagian Dakwah, Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Perak dan Pejabat Mufti Negeri Perak. Pusat ini akan menjadi institusi perantara kepada baitulmal yang menyediakan dana zakat dan asnaf

sebagai penerima zakat bagi menjalankan aktiviti-aktiviti atau program yang bersesuaian dengan kepentingan asnaf di negeri Perak.

Manakala Pusat-pusat Pemulihan Persendirian (NGO) yang mengurus dan membantu mereka-mereka yang mengalami masalah akidah, sosial, jenayah syariah dan sebagainya hendaklah bekerjasama dengan pusat pembangunan asnaf yang dicadangkan ini bagi memastikan peruntukan dana riqab boleh digunakan. Kaedah pengagihan yang dicadangkan adalah berdasarkan konsep “*al-takhallus*” yang diutarakan oleh Mahmud Syaltut iaitu meliputi; membebas, mengurus, melindung, merawat dan memulihkan asnaf riqab.

Cadangan Penubuhan Pusat Pembangunan Asnaf (MAIPk)

Terdapat pelbagai kemelut masyarakat yang melibatkan permasalahan akidah, ekonomi dan sosial di negeri Perak. Kesemuanya memperlihatkan keadaan umat Islam yang masih tersepit dengan pengetahuan Islam yang jitu dan amalan hidup Islam yang sebenar. Penubuhan sebuah Pusat Pembangunan Asnaf merupakan satu inisiatif bagi mengatasi kemelut ini.

Rajah 1: Model Pusat Pembangunan Asnaf




1. Justifikasi Penubuhan

Sehingga kini, tidak terdapat satu pusat yang mengendalikan pembangunan asnaf zakat di negeri Perak secara bersepadu dan berpusat di bawah seliaan MAIPk. Pada umumnya, setiap asnaf hanya berurusan terus dengan pihak baitulmal atas permohonan atau sumbangan langsung kepada program-program tertentu mengikut permohonan dan kelulusan pihak baitulmal.

Korelasi antara ruang dan pendekatan pemulihan adalah sangat penting dalam memastikan umat Islam tidak tersasar daripada ajaran yang sebenar. Justeru keperluan untuk penempatan khusus sangat diperlukan bagi pihak yang telah disabitkan dengan jenayah syariah di negeri Perak. Walaupun statistik jenayah Syariah negeri Perak antara tahun 2009 hingga 2014 yang dikeluarkan oleh Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Negeri Perak menunjukkan bilangan yang tidak menentu, namun pihak yang telah disabitkan kesalahan tersebut perlu dipulihkan dan diberi bimbingan secara berterusan. Sehingga kini, pesalah-pesalah syariah yang telah disabitkan bersalah diantar ke pusat-pusat pemulihan yang terdapat di negeri lain. Pengurusan penempatan pesalah tersebut ke pusat-pusat pemulihan dikendalikan oleh Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Perak dengan bantuan dana daripada sumber am Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. Namun dengan adanya Pusat Pembangunan Asnaf ini, pengurusan asnaf akan menjadi lebih sistematik dan efektif. Lima komponen utama kes tangkapan yang direkodkan sepanjang tahun 2009 hingga 2014 iaitu:

1. Jenayah Syariah.
2. Amalan salah dalam Islam.
3. Gaya hidup songsang.
4. Masalah Syirik dan Khurafat.
5. Akidah orang Islam yang terpesong.

Kesalahan jenayah Syariah merupakan kes-kes yang direkodkan paling dominan di negeri Perak. Kesalahan ini termasuklah khalwat, nikah tanpa kebenaran, poligami tanpa kebenaran, hamil luar nikah, judi, persetubuhan haram, mabuk, subahat (menyembunyikan sebarang jenayah Syariah), bercerai di luar mahkamah dan pungutan derma tanpa kebenaran. Walaupun kes-kes lain menunjukkan bilangan yang sedikit namun pemantau secara berterusan adalah perlu kerana ianya melibatkan kepentingan akidah umat Islam. Analogi yang mudah, “jangan disebabkan nila setitik habis susu sebelanga”. Secara umum, bilangan kes-kes Syariah yang direkodkan (2009-2014) adalah seperti carta berikut:



Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Perak

2. Objektif Penubuhan

Objektif cadangan penubuhan Pusat Pembangunan Asnaf (MAIPk) adalah seperti berikut:

1. Menjadi Pusat Sehenti (One Stop Centre) yang menerima dana zakat untuk dimanfaatkan oleh Asnaf Zakat di peringkat negeri Perak.
2. Menyediakan program latihan, kursus dan bengkel bimbingan kepada asnaf zakat di negeri Perak.
3. Menawarkan platform pemulihan kepada golongan yang terlibat dengan masalah akidah, ekonomi dan sosial di negeri Perak.

3. Kategori Pengurusan Pusat Pembangunan Asnaf (MAIPk)

Pusat Pembangunan Asnaf ini menggabungkan tiga konsep iaitu pemulihan, latihan dan pemantauan kepada golongan asnaf. Pusat ini dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu pemurnian akidah, pengukuhan ekonomi dan pembangunan sosial.

Kategori Akidah

Kategori ini mengfokuskan kepada pemulihan dan rawatan akidah bagi pesalah yang telah disabitkan kesalahan mengikut keputusan mahkamah. Kesalahan-kesalahan tersebut adalah merangkumi kesalahan jenayah syariah yang terkandung dalam Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992 seperti:

1. Kesalahan Berhubungan Dengan Aqidah
2. Pemujaan
3. Ajaran atau amalan salah
4. Dakyah agama
5. Dakwaan palsu
6. Mendakwa bukan Islam

7. Kesalahan Berhungan Dengan Maruah Agama dan Institusinya
8. Perbuatan atau perkataan murtad
9. Mencela, menghina dsb Agama Islam
10. Mempersendakan dsb. ayat al-Quran atau Hadis
11. Mana-mana kesalahan yang diputuskan mahkamah

Pelatih-pelatih tersebut akan tinggal di pusat ini sekurang-kurangnya selama 6 bulan berdasarkan perintah mahkamah. Antara aktiviti-aktiviti yang dicadangkan adalah kelas-kelas harian yang meliputi persoalan akidah, syariat, akhlak dan juga kelas-kelas kemahiran seperti jahitan, pertanian, sulaman, masakan dan kraf tangan. Selain itu, program riadah dan lain-lain aktiviti mingguan seperti qiamullail akan dijalankan secara berkala. Konsep yang ingin dibentuk di pusat pembangunan asnaf ini adalah selain daripada rawatan dan pemulihan akidah, mereka juga akan diterapkan dengan cara hidup yang seimbang dari sudut jasmani, rohani, mental dan emosi.

Pusat Pembangunan Asnaf juga menerima pelatih daripada kalangan saudara baru yang berdaftar di negeri Perak. Namun mereka akan ditempatkan ke dalam kelas yang berlainan. Bagi saudara baru, konsep pembelajarannya sedikit berbeza iaitu mereka tidak diwajibkan untuk menetap di pusat ini. Mereka akan menjalani kelas intensif selama lima hari dan empat malam selepas memeluk Islam untuk kali pertama dan menghadiri kelas-kelas susulan yang diadakan setiap hujung minggu untuk memantapkan lagi akidah dan kefahaman mereka terhadap agama Islam.

Kategori Ekonomi

Kategori ini menyediakan latihan keusahawanan dan modal kepada golongan asnaf yang tidak berkemampuan dan terbelenggu dirinya dari aspek ekonomi. Terdapat asnaf fakir dan miskin yang sangat berpotensi untuk maju sebagai usahawan. Sebahagian daripada mereka mendapat

bantuan modal daripada dana asnaf fakir dan miskin. Selepas beberapa tahun bermula, ada di kalangan mereka yang berjaya dan sudah pun keluar daripada kelompok fakir dan miskin kemudian menjadi muzakki. Namun ada di antara mereka yang tidak dapat mengembangkan perniagaan mereka kerana kekangan modal. Dalam masa yang sama, mereka tidak layak mendapatkan bantuan modal daripada pihak majlis kerana telah mencapai hak kifayah. Kesannya, perniagaan mereka tidak dapat berkembang dan kekal pada takuk yang sama. Penubuhan Pusat Pembangunan Asnaf ini adalah sebagai satu inisiatif bagi melahirkan usahawan yang berjaya daripada kalangan asnaf.

Selain daripada bantuan modal, pelatih juga akan diberikan kursus-kursus keusahawanan mengikut modul-modul yang sesuai. Pemantauan terhadap kerja keusahawanan ini juga akan dilakukan secara berkala oleh majlis. Pelatih yang mempunyai masalah dalam perniagaan mereka akan diberikan kaunseling dan kursus lanjutan agar mereka sentiasa berada dalam ‘track’ yang betul dan sentiasa bermotivasi bagi memajukan diri.

Kategori Sosial

Pembangunan sosial adalah suatu proses perubahan sosial terencana yang dirancang untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat, dimana pembangunan dilakukan saling melengkapi proses pembangunan ekonomi. Pembangunan Sosial adalah pendekatan pembangunan yang bertujuan meningkatkan kualiti kehidupan manusia secara sempurna, iaitu memenuhi keperluan manusia yang meliputi keperluan fizikal dan ekonomi. Secara kontekstual pembangunan sosial lebih berorientasi kepada prinsip keadilan sosial sesuai dengan pertumbuhan ekonomi. Fokus utama bahagian ini adalah mempertingkatkan kemahiran hidup golongan asnaf dan pembinaan akhlak. Golongan sasaran adalah golongan yang melakukan jenayah syariah dan OKU, gelandangan dan juga penagih dadah yang ingin berusaha untuk berjaya dan berdikari.

Kesimpulan

Pengurusan zakat dalam konteks negeri Perak masih lagi menggunakan Peraturan Zakat dan Fitrah 1975 tanpa apa-apa pindaan yang signifikan terutamanya menyangkut perihal kedudukan ar-riqab sebagai penerima zakat dalam konteks pada masa kini. Namun, berdasarkan kepada Garis Panduan Umum Agihan memperuntukkan bahawa asnaf riqab layak mendapat zakat. Semakan semula undang-undang berkaitan ar-riqab wajar dilaksanakan. Perkara yang lebih penting adalah adanya ketetapan fatwa berkaitan ar-riqab yang menjadi asas kepada penggubalan peraturan zakat yang baharu di negeri Perak. Peruntukan undang-undang baru yang bakal diperkenalkan nanti akan mengambil kira semua aspek merangkumi keputusan fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak, ruang lingkup undang-undang serta keberkesanan dan kesesuaian perlaksanaannya.

Garis Panduan Umum Agihan Zakat MAIPk meletakkan secara jelas kriteria-kriteria bagi golongan ar-riqab. Kreteria-kretiria tersebut adalah seseorang individu itu mestilah beragama Islam dan menetap di Negeri Perak, tiada sumber kewangan yang cukup atau tidak mendapat bantuan daripada sumber-sumber lain, telah disahkan ingin membebaskan dirinya daripada belenggu yang dihadapi dan memenuhi ketetapan-ketetapan lain yang diputuskan melalui Persidangan Majlis, Jawatankuasa Fatwa dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Baitulmal. Penambahan dua lagi kriteria iaitu sifat terbelenggu itu adalah tidak terkeluar daripada faktor utama iaitu pemikiran, harta benda, kekuasaan dan kebebasan serta permasalahan tersebut mestilah bersifat nasional (umum) dan akan berterusan jika tidak dibendung.

Individu yang tergolong di dalam golongan ar-riqab haruslah menepati setiap kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri. Terdapat beberapa cadangan golongan yang telah disenaraikan sebagai golongan ar-riqab berpandukan kepada kriteria-

kriteria di atas antaranya orang Islam yang terbelenggu akidah, orang kelainan upaya (OKU), usahawan Islam yang terbelenggu masalah modal, gelandangan dan penagih dadah.

Cadangan kaedah pengagihan zakat bagi asnaf ar-riqab di Negeri Perak adalah dengan menubuhkan sebuah Pusat Pembangunan Asnaf bagi menangani isu-isu yang berkaitan dengan asnaf tersebut. Kaedah pengagihan yang dicadangkan adalah berdasarkan kepada konsep “al-takhallus” yang diutarakan oleh Mahmud Syaltut iaitu meliputi; membebas, mengurus, melindung, merawat dan memulihkan asnaf ar-riqab.

Inovasi dalam pengurusan agihan zakat kepada asnaf ar-riqab merupakan satu langkah yang bijak dan proaktif dalam menyelesaikan kemelut yang berlaku di kalangan masyarakat Islam sekarang. Pandangan terhadap golongan ar-riqab harus dilihat dengan lebih luas dan terbuka agar golongan yang berhak mendapatkan bantuan zakat tidak diketepikan. Penggunaan definisi yang lebih kontemporari dan waqifi mampu menjadikan pengurusan zakat lebih efisien dan menepati maqasid al-syariah.

Bibliografi

- Al-Bahuti, Mansur bin Yunus bin Idris (1996). *Syarh muntaha al-'iradat*. Cet. ke-2. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- Al-Dusuqi, Muhammad bin Ahmad bin Urfah (2003). *Hasyiah al-Dusuqi 'ala al-syarh al-kabir*. Cet. ke-2. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyah (1990). Jil. 23. Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyah.
- Al-Nawawi. Abu Zakariya Muhyi al-Din bin Syaraf (1991). *Rawdat al-Talibin wa 'Umdat al-Muftin* (Edisi 3). Beirut: Al-Maktab al-Islami.
- Al-Nawawi, Abu Zakariya Muhyi al-Din bin Syaraf (1995). *Kitab al-majmu' syarh al-muhadhdhab li al-Syirazi*. Sunt. Muhammad Najib al-Mut'i'i. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

- Al-Sarakhsy. (1986). Al-Mabsut. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Al-Shafi‘i, Muhammad bin Idris. (t.th). al-Umm. Beirut: Dar Ma‘rifah.
- Buku Panduan Skim Agihan Bantuan Zakat. (2007). Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM). Kuala Terengganu.
- Garis Panduan Umum Agihan Zakat MAIPk. (t.th) Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk). Ipoh.
- Ibn Manzur, Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukram al-Misri (1990). Lisan al-‘Arab. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad ‘Abd Allah bin Ahmad bin Muhammad al-Maqdisi (1994). al-Mughni ‘ala mukhtasar al-Kharqi. Sunt. ‘Abd al-Salam Muhammad ‘Ali Syahin. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Ibn Qudamah al-Maqdisi. (t.th). Al-Mughni wa Yalihi al-Sharh al-Kabir. T.tp.: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- Mahmud Syaltut (t.th). Al-Fatawa. Kaherah: Dar al-Qalam.
- Mahmud Syaltut. (t.th). al-Islam ‘Aqidah wa al-Shariah. Kaherah: Dar al-Qalam.
- Muhammad ‘Abduh dan Muhammad Rashid Reda (2002). Tafsir al-manar. Sunt. Samir Mustafa Rabab. Jil. 10. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Negeri Selangor (1994). Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989. Warta Kerajaan 29hb Ogos 1994.
- Zulkifli bin Muhammad Al-Bakri. (2013). Sejarah Hamba dan Kedudukan Ar-riqab Sebagai Penerima Zakat Pada Masa Kini. Makalah, telah dibentangkan di Muzakarah Zakat Peringkat Kebangsaan siri1, 11 Disember 2013, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.

11

TA'LIF QULUB DALAM PEMBERIAN ZAKAT KEPADА ASNAF MUALAF: PELAKSANAANNYA DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Afifah bt Hamdan & Luqman Hj Abdullah***

Abstrak

Pengagihan zakat kepada setiap asnaf yang lapan mempunyai maqasidnya yang khusus dan berbeza-beza mengikut setiap kategori. Pencapaian maqasid ini akan menjadi realiti jika pengurusan pengagihan tersebut berjalan dengan betul dan cekap. Bagi asnaf muallaf, maqasid khusus pemberian zakat kepada golongan ini untuk mencapai *ta'lif qulub* iaitu sebagai satu usaha melembut dan menjinakkan hati mualaf kepada Islam serta meningkatkan keimanannya. Kertas ini membincangkan dengan mendalam konsep maqasid *ta'lif qulub* dalam agihan zakat kepada asnaf muallaf serta elemen-elemen yang terkandung di dalamnya. Pelaksanaan agihan golongan ini di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dianalisis dari perspektif maqasid. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan serta temubual separa berstruktur bersama pegawai MAIWP. Hasil

* Calon ijazah sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,

** Pensyarah Kanan (Ph.D), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Emel: luqmanabdullah@um.edu.my

kajian mendapati terdapat dua bentuk agihan zakat kepada asnaf mualaf yang diuruskan MAIWP iaitu secara langsung dan tidak langsung. Kedua-dua kaedah ini mengandungi elemen maqasid *ta'lif qulub* yang diharapkan pelaksanaannya dapat menguatkan lagi keimanan mualaf di Wilayah Persekutuan.

Pendahuluan

Asnaf zakat telah ditetapkan Allah SWT sebanyak lapan golongan. Asnaf mualaf merupakan asnaf keempat disebut dengan penggunaan perkataan *al-mu'allafatu qulubuhum* g bermaksud golongan yang dijinakkan hatinya. Perkataan *al-mu'allafatu qulubuhum* hanya disebut sekali sahaja di dalam surah al-Taubah (9) ayat 60 bermaksud,

“ Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

Pengagihan zakat kepada mualaf haruslah mencapai tujuannya iaitu untuk melembutkan hati dan menetapkan keyakinan mereka terhadap Islam. Jika pengagihan zakat ini diurus dengan terancang dan efektif institusi-institusi zakat di setiap negeri, maka ia mampu menjadi salah satu metode dakwah yang berpotensi menarik minat orang bukan Islam terhadap Islam.

Definisi Mualaf

Dari segi bahasa perkataan mualaf ini berasal dari perkataan arab iaitu *allafa* membawa pelbagai maksud. Antaranya menjadikan angka

itu seribu, mengumpulkan sesuatu antara satu dengan yang lain, menggabungkan atau menghimpunkan, mengarang buku dan jinak (Ibn Manzur, 2005; Shauqi, 2004; al-Majid al-Din, 2008). Menurut Kamus Dewan (2007) mualaf ditakrifkan orang baru memeluk agama Islam ataupun dikenali juga dengan panggilan saudara baru.

Dari segi istilah para *mufassirin* dan fuqaha memberikan pelbagai tafsiran dan definisi mualaf. Ibn Jauzi (2002) menyebut mualaf ialah satu golongan yang dijinakkan hatinya kepada Islam dengan pemberian daripada Nabi SAW dan mereka itu adalah pemimpin-pemimpin yang disegani.

Manakala Ibn Hayyan (2002) berkata mualaf ialah pembesar-pembesar Arab (*ashraf al-'Arab*) yang telah memeluk Islam, lalu diberikan zakat dengan tujuan untuk menetapkan hatinya kepada Islam atau orang kafir yang diberikan zakat untuk menjinakkan hatinya dan hati pengikutnya kepada Islam. Wahbah al-Zuhaili (2009) memberikan tafsiran mualaf yang sama sebagaimana al-Qurtubi (2007) iaitu satu golongan pada zaman permulaan Islam yang menzahirkan keislaman mereka, yang dijinakkan hatinya dengan pemberian zakat kerana keyakinan mereka kepada Islam masih lemah.

Al-Kasani dari mazhab Hanafi (1986) menyatakan mualaf terdiri dari pemimpin-pemimpin Quraish dan pahlawan Arab yang mempunyai kekuatan, pengaruh dan pengikut yang ramai seperti Abi Sufyan b Harb dan Safwan b Umayyah. Di dalam mazhab Maliki pula, mualaf ialah orang kafir yang diberikan zakat supaya mereka memeluk Islam atau orang yang baru memeluk Islam lalu diberikan zakat untuk mengukuhkan agamanya (al-Dusuqi, t.ta). Seterusnya, mazhab Shafi'i menyimpulkan bahawa mualaf adalah mereka yang diberikan zakat untuk menetapkan hati mereka kepada Islam (al-Shafi'i, 2001). Mazhab Hanbali memberi definisi mualaf yang pelbagai antaranya mereka yang menjadi pemimpin-pemimpin yang ditaati di dalam kaumnya, orang kafir yang diharapkan keislamannya atau dapat menyekat kejahatannya dan sebagainya (al-Bahuti, 1997).

Berasaskan definisi-definisi yang diberikan di atas kebanyakan pengkaji membahagikan mualaf kepada dua golongan iaitu mualaf muslim dan mualaf kafir (al-Qurrah Daghi, 2013). Mualaf muslim dibahagikan empat golongan iaitu: Pertama, golongan yang lemah imannya, lalu diberikan zakat bagi menguatkan keyakinannya terhadap Islam. Kedua, golongan yang merupakan pemimpin sesuatu kaum, lalu diberikan zakat bagi menjinakkan hati dan mengharapkan keislaman pengikutnya. Ketiga, golongan yang membantu mengawal keselamatan di perbatasan negara atau golongan yang akan berperang dan mempertahankan Islam apabila diberikan zakat. Manakala keempat golongan yang akan membantu mengutip zakat daripada golongan yang enggan membayar zakat apabila diberikan zakat.

Mualaf kafir pula dibahagikan dua iaitu:

- i. Pertama, golongan yang berniat untuk menyakiti orang Islam, lalu diberikan zakat kepada mereka bagi mengelakkan kejahatannya seperti ‘Amir b al-Tufail.
- ii. Kedua, satu golongan yang cenderung kepada Islam dan dipujuk hatinya dengan pemberian dan kebaikan seperti Safwan b Umaiyah.

Maqasid Pemberian Zakat Kepada Mualaf

Secara umumnya, segala sesuatu yang disyariatkan kepada manusia mempunyai *maqasidnya* yang tertentu dan bukanlah sia-sia. Menurut Shatibi (2010), segala pensyariatan daripada Syarak adalah bertujuan untuk mencapai kemaslahatan hamba-Nya di dunia dan akhirat bersama-sama. Raisuni (2012) pula menyatakan bahawa *maqasid al-shari‘ah* ialah objektif-objektif yang ingin dicapai syariat untuk merealisasikan kemaslahatan manusia. Beliau menjelaskan bahawa secara ringkasnya segala hikmah, *maslahah* dan *mafsadah* yang terkandung di sebalik pensyariatan dikira sebagai *maqasid*. Begitu jugalah hukum-hakam

syariah dalam aspek ibadah, muamalat, jenayah dan sebagainya kesemuanya mempunyai *maqasid* yang khusus. Terdapat juga istilah-istilah lain yang sering digunakan terutamanya oleh para ulama' klasik bagi menggantikan ungkapan '*maqasid*' tetapi ianya tetap memberi takrif yang seerti seperti ungkapan *hikmah*, *'illah*, *sirr*, *al-gharad* dan *ma'na* (al-Raisuni, 2012).

Dalam aspek pemberian zakat kepada asnaf mualaf pula, para ulama' usul menyatakan bahawa '*illah* atau sebab pengagihan zakat kepada mereka ini kerana *ta'lif qulub* atau usaha untuk menjinakkan hati seseorang terhadap Islam. '*Illah* ini walaupun tidak dinyatakan secara jelas tetapi dapat difahami berdasarkan keterikatan hukum dengan kata terbitan yang digunakan iaitu '*al-mu'allafah*' (al-Qurahdaghi, 2013). Yusuf al-Qardawi (2006) menukilkan kata-kata sebahagian al-Malikiah tujuan pemberian zakat kepada mualaf untuk menarik minat mereka kepada Islam serta menyelamatkan mereka daripada seksaan api neraka. Konklusinya, pengagihan zakat kepada mualaf adalah sangat jelas iaitu untuk mencapai *ta'lif qulub* memandangkan tabiat orang baru memeluk Islam yang masih terdedah kepada kelemahan iman dan mudah terpengaruh dengan anasir agama asal mereka (Othman Sahalan dan Luqman Hj Abdullah, 2014).

Berdasarkan takrifan tersebut, *ta'lif qulub* ini boleh dibahagikan dua jenis sama ada secara *maddi* atau *ma'navi* ('Abd al-'Aziz, 1419Ha). *Ta'lif qulub* secara *maddi* adalah melalui pemberian harta sama ada bersumberkan harta zakat atau bukan zakat seperti sedekah, hadiah, wasiat dan sebagainya. Manakala *ta'lif qulub* secara *ma'navi* pula adalah melalui spiritual atau moral seperti berbuat baik dengan mereka, memaafkan mereka jika mereka berbuat kekasaran kepada orang Islam dan sebagainya. Oleh itu, penulis menyimpulkan bahawa definisi *ta'lif qulub* yang bersesuaian untuk digunakan dalam kajian ini adalah usaha-usaha memikat hati manusia kepada Islam melalui pemberian harta untuk mencapai kesan-kesan dakwah melaluinya.

Elemen-Elemen dalam *Ta'lif Qulub*

Memahami mengenai *maqasidta'lif qulub* ini, terdapat lima elemen yang terkandung di bawah pentakrifan *ta'lif qulub*. Elemen utama berdasarkan pemahaman daripada hadis-hadis Nabi SAW dan amalan para sahabat. Antaranya mengajak manusia kepada Islam, menambah keimanan, memelihara daripada murtad, menjaga kemaslahatan umum serta untuk menghalang kejahanan mereka ('Abd al-'Aziz, 1419Hb).

Elemen pertama di dalam *maqasidta'lif qulub* mengajak manusia kepada Islam. Ia fasa pertama dalam peringkat dakwah seseorang kerana menjaga agama merupakan kemaslahatan utama di dalam *al-daruriyyat al-khams*. Tanpa agama, hidup seseorang akan hancur kerana tiada neraca yang benar dalam membuat pertimbangan dan sentiasa mengikut hawa nafsu. Allah SWT menegaskan di dalam surah Ali Imran [3] ayat 85 bahawa sesiapa yang tidak menerima Islam di dalam kehidupannya, maka segala amalannya adalah sia-sia di dunia dan akhirat: “*dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya dan dia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi*”.

Allah SWT menciptakan manusia dengan fitrahnya cenderung kepada harta benda sebagaimana firmanNya di dalam surah al-Fajr [89] ayat 20 bermaksud: “*Dan kamu mencintai harta dengan kecintaan yang berlebihan*”.

Oleh itu, peluang ini perlu digunakan sebaiknya para pendakwah. Golongan-golongan seperti ini perlu diraikan tanpa bersikap prejudis terhadap niat mereka untuk memeluk Islam kerana maslahah untuk menyelamatkan mereka daripada azab api neraka di akhirat kelak adalah lebih utama. Walaupun pada awalnya mereka memeluk Islam dengan niat yang terpesong kerana hal-hal keduniaan, namun apabila mereka dididik dan dibimbing dengan baik, mereka mampu menjadi orang yang hebat dan semakin baik keislamannya sepertimana yang telah diperakui Nabi SAW (Nur al-Din, 2001): hadis riwayat Muslim,

Daripada Anas b Malik berkata: “Sesungguhnya seseorang lelaki datang kepada Nabi SAW ingin meminta sesuatu daripada (harta) dunia, dan dia tidak akan masuk Islam kecuali dengannya, maka jangan kamu menyakitinya sehingga Islam itu lebih dicintainya berbanding dunia dan seisisnya”

Selain itu, *ta'lif qulub* untuk mengajak manusia kepada Islam melalui pemberian harta adalah salah satu cara berjihad kerana hati manusia itu mudah tertarik kepada orang yang bersifat ihsan kepada mereka sebagaimana akal itu mudah menerima sesuatu jika disertakan hujah dan bukti yang nyata ('Umar al-Ashqar, 1996a). Al-Qurtubi menjelaskan bahawa orang kafir ini dapat dibahagikan tiga golongan. Pertama mereka tertarik Islam melalui bukti-bukti kebesaran Allah SWT, Kedua mereka tertarik Islam apabila disantuni dengan ihsan dan kebaikan, dan terakhir golongan yang perlu dihadapi dengan kekerasan. Oleh itu, para pemimpin perlu menggunakan kaedah yang bersesuaian untuk menarik setiap golongan ini kepada Islam.

Elemen kedua daripada *maqasid ta'lif qulub* seterusnya untuk menambahkan keimanan seseorang terutamanya bagi mereka yang masih berada di peringkat awal keislaman. Seseorang muslim perlu sentiasa memperbaiki dan mempertingkatkan imannya kerana iman itu lebih tinggi darjatnya berbanding Islam.

Ibn Hajar menjelaskan kata-kata al-Zuhri, seseorang itu akan digelarkan sebagai ‘muslim’ sebaik sahaja melafazkan syahadah tetapi gelaran ‘mukmin’ hanya digunakan apabila beliau telah membuktikan keislamannya melalui amal perbuatannya.

Rasulullah SAW mengetahui bahawa harta mampu memberi kesan dalam kehidupan manusia sama ada kesan positif atau negatif. Allah SWT mengurniakan harta kepada hambaNya sebagai jalan untuk mencapai kemaslahatan di dunia dan akhirat dengan syarat harta tersebut dijaga dengan baik dan ditunaikan hak-haknya (Muhammad al-Tuwaijiri, 2012).

Apabila ia diuruskan dengan sebaiknya ia mampu menjadi salah satu faktor peningkatan iman sekaligus menghalang seseorang daripada murtad. Akan tetapi jika harta tidak ditunaikan hak-haknya seperti mengambil harta dari sumber yang haram, berbangga dengan harta yang dimiliki, cinta yang berlebihan terhadap harta, maka semua ini dapat melemahkan iman ('Abd al-'Aziz, 1419Hc). Peranan harta secara tidak langsung dalam mengukuhkan iman juga ditegaskan dalam al-Qur'an apabila Allah SWT memberi keizinan kepada orang-orang Islam untuk mengambil harta-harta rampasan perang.

Allah SWT berfirman di dalam surah al-Anfal [8] ayat 69 bermaksud:

"dan makanlah dari sebahagian rampasan perang yang telah kamu peroleh itu, sebagai makanan yang halal lagi baik"

Elemen ketiga, menghindarkan mereka daripada murtad. Istilah murtad bermaksud meninggalkan agama Islam dan kembali kepada kekufturan (Ibn Qudamah, 1997). Murtad dianggap sebagai jenayah yang sangat berat dalam Islam dan ia dosa besar yang tidak diampunkan melainkan bertaubat kepada Allah SWT. Sebab itulah seseorang yang sudah memeluk Islam perlu sentiasa berusaha meningkatkan keimanan dan mempelajari Islam dengan lebih mendalam agar dapat memelihara diri dari mudah terpedaya dengan anasir-anasir buruk yang boleh menjerumuskan diri kepada murtad.

Pemberian harta telah terbukti dapat memujuk hati penerima untuk mencintai Islam, agar dia tidak kembali menjadi kafir atau murtad, sehingga Allah SWT memasukkannya ke dalam neraka di akhirat kelak (Al-Nawawi, 1929a). Antaranya menerusi hadis riwayat Muslim sabda Nabi SAW:

"Daripada Sa'ad berkata: Rasulullah SAW membahagikan suatu pembahagian (harta). Lalu aku berkata: wahai Rasulullah, berilah si fulan, kerana dia seorang mukmin. Nabi SAW berkata: atau adakah

dia seorang muslim? Tiga kali aku mengusulkan hal itu dan tiga kali pula mendapat jawapan yang sama: atau adakah dia seorang muslim? Kemudian beliau berkata: sesungguhnya aku memberi seseorang (harta), padahal ada orang lain yang lebih aku suka darinya, kerana aku takut Allah akan melemparnya ke dalam neraka”

Usaha-usaha kristianisasi mengambil peluang bencana yang menimpa negara umat Islam seperti kelaparan, peperangan, kejahilan memasuki negara tersebut dengan alasan menghulurkan bantuan. Mereka memberi bantuan berupa makanan, khidmat perubatan, kelas pengajian bahkan membina tempat perlindungan dan dalam masa yang sama menyebarkan dakyah-dakyah agama mereka. Negara-negara miskin seperti Somalia, Pakistan dan Bangladesh sering menjadi sasaran pendakyah-pendakyah ini ('Umar al-Ashqar,1996b). Ini kerana hati manusia mudah tertarik terhadap orang yang bersifat baik dan ihsan.

Elemen keempat *ta'lif qulub* dari sudut menjaga kemaslahatan umum. Apabila diberikan zakat kepada individu atau kumpulan tertentu sama ada mereka sudah memeluk Islam ataupun masih kekal dalam kekafiran hasil atau manfaatnya bukan sahaja dirasai mereka bahkan memberi kesan orang-orang sekelilingnya. Kemaslahatan umum banyak tafsiran, antaranya pemberian zakat untuk pemimpin menyebabkan dapat memberi keamanan dan perlindungan orang-orang di bawah pimpinannya. Nabi SAW pernah memberikan zakat kepada pembesar-pembesar Najd. Sabda Baginda SAW:

Daripada Abi Sa‘id al-Khudri berkata: “Ali RA telah mengutuskan kepada Nabi SAW emas, maka Nabi SAW membahagikannya kepada empat orang iaitu; al-Aqra’ b Habis, ‘Uyainah b Badr, Zaid al-Ta’i dan ‘Alqamah b ‘Ulathah. Maka orang-orang Quraish dan Ansar berasa marah dan berkata kepada Nabi SAW: Engkau memberikan zakat kepada pembesar ahli Najd dan melupakan kami? Nabi SAW menjawab: Sesungguhnya pemberian itu adalah untuk menjinakkan hati mereka”.

Selain itu, pemberian zakat untuk pemimpin dianggap mendatangkan kemaslahatan umum apabila ia dijadikan salah satu wasilah dakwah kepada pengikutnya. Pada zaman Nabi SAW, para pemimpin diberikan harta rampasan perang Hunain setelah peristiwa pembukaan Kota Mekah kerana terdapat *maslahah* yang besar disebaliknya. Apabila para pemimpin meredhai dan menyukai Islam, maka para pengikut mereka juga akan turut menyenangi dan mudah menerima Islam kerana tabiat manusia yang mudah terpikat hati sesiapa yang berbuat baik terhadap mereka.

Seterusnya zakat diberikan dengan harapan seseorang akan membantu dan menguatkan Islam sama ada sudah memeluk Islam ataupun masih dalam keadaan kekafirana juga dianggap sebagai menjaga kemaslahatan umum (al-Shaukani, 1405H). Contohnya pemberian zakat kepada golongan yang akan membantu kerajaan mengutip zakat daripada orang yang enggan membayar zakat (al-Nawawi, 1929b), pemimpin yang akan menyokong usaha dakwah walaupun masih kafir ('Umar al-'Ashqar, 1996c) dan sebagainya. Ini kerana menurut al-Tabari, zakat bukan sahaja diberikan dengan tujuan untuk memenuhi keperluan hidup manusia, tetapi juga diberikan untuk membantu dan menguatkan Islam (al-Tabari, 1999a). Sepertimana asnaf *fisabilillah* yang diberikan zakat untuk berjihad di jalan Allah, begitu juga asnaf mualaf diberikan zakat untuk kemaslahatan umum iaitu menyokong dan memberi kekuatan kepada Islam.

Elemen kelima *ta'lif qulub* dari sudut menghalang kejahatan orang kafir ke atas orang Islam. Pemberian kepada orang kafir diharuskan demi mengelakkan kejahatan mereka ke atas umat Islam sekaligus memelihara kemaslahatan dunia dan agama bagi umat Islam (Ibn Qayyim, 1405H). Imam al-Nawawi menyatakan bahawa pemberian harta kepada golongan yang sering melakukan kejahatan adalah dibolehkan untuk menjaga kemaslahatan umat Islam sepertimana Nabi SAW memberikan harta kepada golongan yang mencaci baginda SAW dan mencerca agama Islam (al-Nawawi, 1929c):

Daripada Ibn ‘Abbas, beliau berkata: “*al-Mu’allafatu qulubuhum ialah satu golongan yang datang menemui Rasulullah SAW dan telah memeluk Islam. Rasulullah SAW pernah memberikan mereka sebahagian daripada sedekah. Apabila diberikan sedekah dan merasai kebaikannya, mereka berkata: ini adalah agama yang baik! Tetapi apabila tidak diberikan sedekah mereka akan mencerca dan meninggalkan agama ini*” (al-Tabari, 1999b).

Pelaksanaan Pengagihan Zakat dari Perspektif *Maqasid Al-Shari‘ah*

Bantuan dan agihan yang disalurkan MAIWP kepada mualaf dalam dua kaedah utama iaitu agihan secara langsung ataupun tidak langsung.

Agihan Secara Langsung

Agihan ini disalurkan melalui 28 skim bantuan. Ia terbuka kepada semua asnaf termasuklah asnaf mualaf bergantung kepada syarat dan kelayakan para pemohon. Skim-skim dibahagikan empat kategori iaitu Aktiviti Pembangunan Sosial, Aktiviti Pembangunan Ekonomi, Aktiviti Pembangunan Pendidikan dan Aktiviti Kebajikan dan Dakwah.

Antara skim-skim di bawah **Aktiviti Pembangunan Sosial** menawarkan pelbagai manfaat untuk asnaf mualaf. Ia berupa Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Tempat Tinggal, Bantuan Perubatan dan Bantuan Menyelesaikan Hutang (al-Gharimin). Skim Bantuan Kewangan Bulanan ini paling banyak mendapat peruntukan membantu asnaf fakir, miskin dan mualaf.

Ia meringan beban asnaf bagi perbelanjaan keperluan asasi seperti makanan dan pakaian. Bantuan Tempat Tinggal pula berbentuk bantuan deposit sewa rumah, sewa rumah bulanan, serta bantuan membaiki atau membina rumah kos rendah. Manakala Bantuan Perubatan diberikan

dalam bentuk bantuan perubatan am (pembedahan dan ubatan), bantuan peralatan kesihatan dan bantuan rawatan hemodialisis. Bantuan al-Gharimin diperuntukkan khas mereka yang menanggung hutang untuk memenuhi keperluan asasi dan bukan melunaskan pinjaman peribadi, kad kredit dan sebagainya.

Pandangan penulis skim-skim di bawah Aktiviti Pembangunan Sosial memenuhi beberapa aspek *maqasid al-dharuriyyat al-khams*. Antaranya menjagaan diri dan harta kerana wang zakat yang diterima secara bulanan benar-benar membantu para mualaf miskin membeli keperluan harian seperti makanan, serta rumah. Manakala bantuan perubatan dapat memelihara diri dan nyawa dari bahaya, panas, hujan, penyakit dan sebagainya. Selain itu, adanya elemen *maqasid* dari sudut mengurangkan beban apabila hutang dapat diselesaikan.

Skim Aktiviti Pembangunan Ekonomi memberi peluang asnaf menaikkan taraf hidup menerusi menjana pendapatan sendiri. Tiga skim bantuan yang ada iaitu Bantuan Perniagaan, Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi dan Bantuan Pertanian. Bantuan Perniagaan terbuka bagi yang ingin memulakan perniagaan secara kecil-kecilan dan diberi pilihan sama ada ingin memohon bantuan berbentuk modal tambahan atau peralatan perniagaan. Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi untuk mereka yang ingin membeli teksi dengan bayaran deposit sebanyak RM5,000. Elemen *maqasid* dalam skim-skim ini adalah menjagaan harta, unsur memudahkan dan meringankan beban, serta mendatangkan kemaslahatan dalam jangka masa panjang untuk seseorang mualaf.

Skim Aktiviti Pembangunan Pendidikan bertujuan membuka peluang anak-anak asnaf untuk belajar ke peringkat yang lebih tinggi. Bantuan diberikan meliputi semua peringkat pendidikan dengan jumlah pemberian berbeza mengikut keperluan. Sebanyak 8 skim dikategorikan yang merangkumi bantuan di peringkat sekolah rendah dan menengah, peringkat pengajian tinggi sama ada di peringkat sijil Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana atau Kedoktoran dan bantuan persediaan

IPT khusus untuk mereka mempunyai masalah kewangan di awal peringkat pengajian.

Jelas elemen *maqasid* dari sudut penjagaan akal kerana skim-skim ini memberi peluang asnaf mualaf meneruskan pembelajaran walaupun kurang berkemampuan dari sudut kewangan. Selain itu, elemen *maqasid al-hajiyah* apabila adanya skim bantuan membeli peralatan keperluan sekolah yang kurang berkemampuan. Peralatan persekolahan dianggap sebagai *hajiyah* kerana membantu memudahkan para pelajar.

Skim Aktiviti Program Kebajikan dan Dakwah. Sebanyak 11 skim ditawarkan membantu kebajikan asnaf dan menggalakkan program dakwah dalam masyarakat. Antaranya Bantuan Galakan Hafazan al-Qur'an, Bantuan Musibah, Bantuan untuk NGO, institusi agama dan pendidikan dan Bantuan Perkahwinan. Skim ini membantu yang kurang kemampuan apabila ingin melangsungkan perkahwinan, ditimpa musibah, ingin menyelesaikan kes-kes tertentu di mahkamah, menghadapi masalah dalam musafir dan sebagainya. Manakala bantuan skim penghafaz al-Qur'an, NGO, institusi agama dan pendidikan sebagai usaha-usaha program dakwah.

Elemen *maqasid* di dalam skim-skim tersebut adalah *ta'lif qulub* dari sudut mengajak mualaf kepada Islam kerana dengan skim yang disediakan ini, aktiviti dakwah sangat giat dijalankan dalam masyarakat. Ini secara tidak langsung dapat mendatangkan kemaslahatan orang ramai apabila lebih ramai yang menerima kesan positif daripada usaha-usaha dakwah yang dilaksanakan. Terdapat elemen *maqasid* pada peringkat tahsiniyyah contohnya Bantuan Perkahwinan, Guaman dan Galakan Hafaz al-Qur'an. Bantuan-bantuan ini memberi kemudahan asnaf untuk menyelesaikan urusan-urusan sampingan dan tidak berlaku kepincangan kehidupan mereka sekiranya tidak memperoleh bantuan ini.

Agihan Secara Tidak Langsung

Bentuk agihan secara tidak langsung asnaf mualaf antaranya projek pembinaan Darul Hidayah dan penyediaan kompleks Darul Kifayah di bawah pengurusan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Darul Hidayah adalah sebuah asrama perlindungan sementara khusus untuk asnaf mualaf dan dalam proses penambahbaikan ke arah kompleks yang lebih besar. Manakala Darul Kifayah sebuah institusi perlindungan dan bimbingan untuk anak-anak asnaf fakir, miskin dan mualaf serta yatim piatu yang tergolong kategori asnaf.

Pembinaan dan penyelenggaraan kompleks-kompleks ini dana MAIWP manakala JAWI menguruskan segala aktivitinya. Beberapa elemen *maqasid* dalam bantuan ini antaranya *maqasid ta'lif qulub* dari sudut mengukuhkan keimanan dan mengelakkan mualaf daripada murtad. Kesemua penghuni asrama Darul Hidayah diwajibkan mengikuti segala program peningkatan diri seperti kelas-kelas agama, kursus, solat berjemaah dan sebagainya.

Akan tetapi, *maqasid* menerusi penyediaan Darul Kifayah tidak dapat dirasai mualaf kerana jumlah anak-anak mualaf di Darul Kifayah hanya seorang daripada 318 orang pelajar (2013). Selain itu, *maqasid* penjagaan agama, diri dan akal dapat dilihat apabila mualaf yang tinggal di Darul Hidayah diberikan tempat penginapan sementara dan kelas pengajian bagi menambah serta memantapkan ilmu agama.

Seterusnya, agihan secara tidak langsung MAIWP memperuntukan kewangan secara tahunan P kepada JAWI. Pihak JAWI merancang program-program dakwah dan kebajikan dengan mengadakan kelas-kelas agama, menyediakan sejumlah wang saguhati untuk mualaf yang baru memeluk Islam sebanyak RM 1,500 serta peruntukan untuk mereka yang menolong atau membawa asnaf tersebut ke JAWI dan sebagainya. Program peningkatan diri mualaf dan wang saguhati sebanyak RM50 juga diberikan kepada mualaf yang hadir kelas-kelas agama yang dijalankan.

Melalui aktiviti ini, *maqasid ta'lif qulub* dari sudut menambahkan keimanan dan meneguhkan keyakinan mualaf terhadap Islam telah diterapkan. Apabila mualaf menghadapi cabaran dan masalah di awal keislaman, mereka akan merasa lebih tenang menghadapinya berbekalkan ilmu dan ibadah dipelajari di kelas-kelas secara berkala ini. Ini sekaligus dapat menghalang gejala murtad di kalangan asnaf mualaf apabila dengan ilmu yang dipelajari sebagai benteng aqidah.

Bantuan kewangan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti PERKIM dan MACMA adalah peruntukan asnaf *fi sabilillah*. Menerusi peruntukan ini , NGO dapat melaksanakan usaha dakwah dengan lebih giat lagi serta *maqasid ta'lif qulub* dari sudut mengajak manusia kepada Islam dapat direalisasikan.

Menerusi bantuan tidak langsung ini tidak diketahui nilainya secara tepat, maka masyarakat menganggap memperuntukkan ini sedikit sahaja bantuan kepada mualaf setiap tahun. Hakikatnya, MAIWP telah memperuntukkan banyak bantuan dan keistimewaan untuk asnaf mualaf dari segenap aspek kehidupan.

Kesimpulan

Zakat untuk mualaf ini selain membantu ekonomi mereka, ia sebenarnya bermatlamat mencapai *ta'lif qulub*. Jika tercapainya *ta'lif qulub* ini, maka permasalahan mualaf terutamanya dapat menghindarkan mereka daripada murtad. Keimanan yang kuat dan mendalam terhadap Islam adalah benteng utama bagi menghalang gejala murtad berlaku dalam kalangan asnaf muallaf.

Apa yang telah dilaksanakan di Wilayah Persekutuan adalah ke arah pencapaian maqasid dalam agihan zakat kepada golongan muallaf. Sekiranya dihayati bentuk-bentuk agihan dan program yang dilaksanakan bertujuan pengukuhan keimanan golongan muallaf.

Bibliografi

- ‘Abd al-‘Aziz b ‘Abd al-Rahman al-Raudan. “Ta’lif al-Qulub fi al-Da‘wah Ila Allah Ta‘alaDawabituhu waAtharuhu”. Disertasi, Kulliyah al-Da‘wah wa al-I‘lam, Jami‘ah al-Imam Muhammad bin Sa‘ud al-Islamiyah Saudi, 1419H.
- ‘Ala’ al-Din Abi Bakar b Mas‘ud al-Kasani al-Hanafi.*Bada‘i al-Sana‘i fi Tartib al-Shara‘i*. ed. ke-2. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1986.
- ‘Ali Muhyi al-Din al-Qurahdaghi.*Buhuth fi Fiqh Qadaya al-Zakat al-Mu‘asirah*.ed. ke-2. Beirut: Dar al-Basha’ir al-Islamiyah, 2013.
- ‘Umar Sulaiman ‘Abdullah al-Ashqar. *Ta’lif al-Qulub ‘Ala al-Islam Bi Amwal al-Sadaqat*.ed. ke-1. Jordan: Dar al-Nafa‘is, 1996.
- Abi ‘Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi.*al-Jami‘ Li Ahkam al-Qur‘an*.ed. Muhammad Ibrahim al-Hifnawi dan Mahmud Hamid ‘Uthman. Kaherah: Dar al-Hadith, 2007.
- Abi al-Farj Jamal al-Jauzi.*Zad al-Masir fi ‘Ilm al-Tafsir*.ed. ke-1. Beirut: Dar Ibn Hazam, 2002.
- Abi al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qushairi al-Naisaburi. *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min al-Sunan bi Naql al-‘Adl ‘an al-‘Adlila Rasulillah SAW*.ed., Abu Qutaibah Nazr Muhammad al-Fariyabi, ed. ke-1. Riyad: Dar al-Tayyibah, 2006.
- Abi Ja’far Muhammad b Jarir al-Tabari.*Tafsir al-Tabari al-Musamma Jami‘ al-Bayan fi Ta‘wil al-Qur‘an*.ed. ke-3. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999.
- Abi Zakaria Muhyi al-Din b Sharaf al-Nawawi.*al-Majmu‘ Sharah al-Muhazzab Li al-Shirazi*.ed. Muhammad Najib al-Muti‘. ed. ke-2. Riyad: Dar ‘Alim al-Kutub, 2006.
- Ahmad al-Raisuni.*Muhadarat fi Maqasid al-Shari‘ah*. Kaherah: Dar al-Kalimah, 2012.
- al-Fairuzabadi al-Shirazi. *Qamus al-Muhit*.ed. Anas Muhammad al-Shami dan Zakaria Jabir Ahmad. Kaherah: Dar al-Hadith, 2008.
- Athir al-Din Muhammad b Yusuf b ‘Ali b Yusuf Ibn Hayyan al-Shahir b Abi Hayyan al-Andalusi al-Gharnati.*Tafsir al-Bahr al-Muhit*.ed. ‘Abd al-Razzaq.ed. ke-1. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, 2002., 3: 287.

- Ibn Qayyim al-Jauziyyah.*Zad al-Ma'ad fi Huda Khair al-'Ibad*.ed. ke-7. Beirut: Dar al-Risalah, 1405H.
- Ibrahim bin Musa al-Lakhmi al-Gharnati al-Maliki al-Shatibi. *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. ed. Ibrahim Ramadan dan 'Abdullah Warraz. ed. ke-7. Beirut: Dar al-Ma'rifah, 2010.
- Jamal al-Din Muhammad b Makram Ibn Manzur al-Afriqi al-Misri.*Lisan al-'Arab*.ed. ke-4. Beirut: Dar al-Sadr, 2005.
- Mansur b Yunus b Idris al-Bahuti.*Kashshaf al-Qina 'an Matan al-Iqna*'. ed. Muhammad Amin al-Dinnawi. Beirut: 'Alim al-Kutub, 1997.
- Muhammad b 'Ali al-Shaukani.*al-Mutadaffiq 'ala Hadaiq al-Azhar*.ed. Muhammad Ibrahim Zayid. ed. ke-1. t.tp: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1405H.
- Muhammad b Ibrahim b 'Abdullah al-Tuwaijiri.*Mausu'ah Fiqh al-Qulub fi Dau'l-Qur'an wa al-Sunnah*. ed. ke-3. Saudi: Dar Asda' al-Mujtama', 2012.
- Muhammad b Idris al-Shafi'i. *al-Umm*.ed. Rif'at Fauzi 'Abd al-Mutallib. Mansurah: Dar al-Wafa', 2001.
- Nur al-Din 'Ali b 'Abi Bakar b Sulaiman al-Haithami al-Misri.*Majma' al-Zawa'id wa Manba'al-Fawa'id*. ed. Muhammad 'Abd al-Qadir. ed. ke-1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 2001.
- Othman Sahalan dan Luqman Hj. Abdullah. "Pengurusan Zakat Asnaf Mualaf di Negeri Johor: Satu Sorotan,". Jurnal Fiqh, no. 11 (2014): 29-54.
- Perpustakaan Negara Malaysia.*Kamus Dewan*. ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Shams al-Din al-Sheikh Muhammad 'Irfah al-Dusuqi.*Hashiyah al-Dusuqi 'Ala al-Sharah al-Kabir*.t.tp.
- Shauqi Daif. *al-Mu'jam al-Wasit*. ed. ke-4. Mesir: Maktabah al-Shuruq al-Dauliyah, 2004.
- Wahbah al-Zuhaili (Dr.).*al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damshiq: Dar al-Fikr, 2010.
- Yusuf al-Qardawi, *Fiqh al-Zakat: Dirasah Muqaranah Li Ahkamihawa Falsafatiha fi Dhau'l-Qur'an wa as-Sunnah*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 2006.

Temubual:

Mohd Sahirman bin Ahmad. Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Dakwah Cawangan Saudara Baru. Dalam temubual dengan penulis, 29 Januari 2016.

Ahmad Talmizi bin Yahaya. Timbalan Pengurus, Bahagian Baitulmal MAIWP. Dalam temubual dengan penulis, 28 Ogos 2015.

Sutera Manis bt Zam Zam. Penolong Pegawai Penerangan, Bahagian Baitulmal MAIWP. Dalam temubual dengan penulis, 8 September 2015.

12

ANALISIS EMAS SEBAGAI PENANDA ARAS NISAB ZAKAT DI MALAYSIA

Azhan Rashid Senawi & Muhammad Pisol Mat Isa***

Abstrak

Kertas ini membentangkan isu-isu berbangkit berkenaan emas sebagai penanda aras nisab zakat dan kesannya terhadap masyarakat Islam di Malaysia. Secara umumnya, kewajipan membayar zakat diukur nisab yang dikeluarkan pihak berkuasa zakat setiap tahun. Umum mengetahui bahawa nisab zakat ini disandarkan kepada harga emas yang ditentukan permintaan dan penawaran harga di pasaran dunia. Isu turun naik nisab ini telah dibangkitkan para cendekiawan kontemporari. Mereka mendakwa nisab zakat ini mempunyai kecenderungan untuk mengeksploitasi golongan miskin sebagai si pembayar zakat. Jika ia benar, wujud percanggahan di dalam maqasid syariah iaitu peranan zakat seharusnya membantu golongan miskin. Secara teori, kajian ini mendapati penanda aras nisab zakat berasaskan emas berkecenderungan untuk melibatkan golongan miskin sebagai si pembayar zakat. Ia bermaksud, nisab zakat yang rendah mempunyai signifikan yang positif terhadap golongan miskin untuk menjadi si pembayar zakat. Oleh itu, satu

* Universiti Teknologi Petronas. Email: senawi.ar@gmail.com

** Universiti Teknologi Petronas. Email: mpisolmatisa@petronas.com.my

analisis diperlukan sebagai persediaan dan rujukan pihak berkuasa terutamanya institusi-institusi zakat untuk mengambil langkah yang proaktif dalam menangani isu ini sebagai satu awasan atas kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku yang kita terlepas pandang dan kurang mengambil perhatian.

Pengenalan

Zakat rukun ketiga dalam Islam wajib ditunaikan apabila seseorang mempunyai kekayaan yang mencapai dan melebihi nisab zakat ditetapkan pada tahun-tahun berkenaan (*hawl*). Tidak dapat dinafikan, antara maqasidnya ia dapat mengelakkan perasaan dendki di antara si kaya dan si miskin. Si kaya tidak akan mementingkan diri dan bersifat tamak dan si miskin pula tiada perasaan kebencian dan iri hati terhadap si kaya. Simboliknya, ia dapat merapatkan kedua-dua kelompok ini dalam suasana yang harmoni.

Dalam surah al Tawbah [9] ayat 103 bermaksud, “*Ambillah zakat dari harta mereka untuk membersihkan dan menyucikan mereka, Sesungguhnya doamu itu (menumbuhkan) ketenteraman jiwa bagi mereka. Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui*’.

Pada asasnya, zakat adalah satu bentuk pengagihan kekayaan kepada mereka yang memerlukan dan ia juga bertindak sebagai mekanisme meningkatkan taraf hidup golongan miskin. Ada sebahagian Ulama membenarkan golongan fakir miskin ini diberikan keutamaan terlebih dahulu berbanding asnaf-asnaf lain demi menjaga iman mereka terutama dalam aspek keperluan hidup seperti kelengkapan pakaian, makanan, tempat tinggal dan penjagaan kesihatan (Marhaini & Shamsiah, 2012)

Manakala dari sudut pandangan ahli ekonomi, zakat boleh menjadi sumber hasil yang penting negara terutama dalam merangsang permintaan keperluan asas, yang secara tidak langsung ia dapat

menggalakkan mobiliti barang dan perkhidmatan lain dalam pasaran (Marhaini & Shamsiah, 2012). Choudhury (1980) beranggapan peruntukan zakat adalah lebih cekap berbanding rangsangan fiskal lain kerana kesan langsungnya si penerima mampu mengaktifkan aktiviti ekonomi mikro persekitaran. Ia juga boleh memelihara kelestarian sumber dana awam terutama dalam kegawatan ekonomi (Faridi, 1980).

Atas faktor agama, pengagihan zakat secara langsung si penerima mampu memberi keseimbangan dalam sesebuah komuniti masyarakat (Faridi, 1980). Salah satu ciri yang memberikan jaminan ke arah pembangunan masyarakat adalah kadar tetap zakat itu sendiri iaitu 2.5%, dapat memperuntukkan dana dalam keadaan-keadaan tertentu contohnya dalam kegawatan ekonomi dan isu-isu luar jangka yang lain (Faridi, 1992; Sadeq, 2004). Choudhury (1980) dan Metwally (1997) berpendapat zakat mempunyai korelasi positif sektor perkhidmatan dan pengeluaran, oleh itu ia dapat menjana kuasa beli yang tinggi dan mampu memobilisasi guna tenaga kerja setempat.

Namun begitu, Kahf (1999), Mahmud & Haneef (2012) dan Sadeq (2004) berpendapat zakat tidak mampu memberikan impak ekonomi yang besar. Ia hanya melibatkan peratusan sumbangan yang rendah dalam pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK). Ia tidak mampu memacu pembangunan ekonomi Islam dan tidak dapat memenuhi keperluan asas asnaf (fakir dan miskin) dengan baik (Dabour, 2000).

Menurut Salih (1999), manfaat zakat hanya akan diterima bergantung kuantiti peruntukan dan kualiti pengagihan zakat. Ini memberikan justifikasi faktor ketidakcekapan institusi zakat dalam mengagihkan zakat terhadap kumpulan sasaran penerima (Chapra, 1992). Dari sudut pandang lain, faktor perkembangan ekonomi beberapa perkara perlu diambil kira dalam menilai semula item-item yang munasabah sebagai komponen ‘boleh zakat’ dan ia seharusnya

tidak terikat dengan senarai ‘hakiki’ seperti yang termaktub di dalam sesebuah hadis. (Marhaini, 2012).

Dalam situasi ini, Kahf (1989), Abu-Saud (1988) dan Iqbal (1995) mengajukan pandangan para ilmuwan Islam untuk menilai semula beberapa perkara yang mempunyai ruang lingkup yang samar-samar untuk diteliti kembali. Sebagai contoh, perincian terhadap asnaf zakat, nisab zakat dan kadar peratusannya yang boleh menjadi nilai tambah dalam meningkatkan kutipan zakat dan pengagihannya institusi yang dipertanggungjawabkan. Berdasarkan prinsip ilmu, kajian ini beranggapan sebarang keraguan yang muncul atas dasar pencerahan dari sudut ilmu pengetahuan dan selagi mana ia tidak bercanggah dengan prinsip al Quran dan sunnah ia diharuskan.

Dengan mengambil kaedah asas dalam fiqh mu’amalat iaitu, hukum asas dalam urusan mu’amalat adalah kembali merujuk tujuannya dan maslahat kebaikannya (yang boleh dicapai daripadanya). (Abd Rahman, 2008).

Begin juga dengan hadis Nabi Muhammad SAW iaitu “*Kalian lebih mengetahui urusan dunia kalian.*” (Muslim, t.t.)

Kewajaran yang telah Nabi tunjukkan dengan membebaskan urusan dunia si pemiliknya, terbatas ke atas perkara yang tidak memesongkan kepercayaan manusia daripada sang pencipta (Allah SWT). Rasionalnya, ada ruang lingkup yang bersifat fleksibel dalam memilih asas yang terbaik untuk disesuaikan dengan perubahan dunia semasa. Oleh itu, usaha-usaha baik dalam melanjutkan dan mengembangkan sumbangan ke arah meningkatkan pembangunan masyarakat amat diperlukan sebagai nilai tambah pihak-pihak yang berkenaan (Kahf, 1989; Mahmud & Haneef, 2012; Sadeq, 2004).


Kajian ini di struktur mengikut seksyen pertama pengenalan pokok kajian, kedua perbincangan berkenaan isu-isu nisab zakat di samping pandangan ulama-ulama silam dan kontemporari dalam hal berkaitan

nisab zakat ini dan ketiga, implikasi ke atas isu kajian dan diakhiri konklusi kajian.

Isu Nisab Zakat

Salah satu isu yang dibangkitkan Kahf (1999) ialah nisab zakat yang diikat dengan harga komoditi iaitu emas dan perak di pasaran dunia dan didapati secara relativnya ia cenderung untuk memberikan tindak balas kos sara hidup masyarakat. Situasi turun naik harga emas dan perak ini telah mengubah amaun nisab bagi tahun-tahun berkenaan. Bagi negara-negara yang menggunakan perak sebagai penentuan nisab kecenderungan terhadap status kewajipan membayar zakat melibatkan golongan miskin adalah tinggi kerana kejatuhan harga perak di pasaran dunia mutakhir ini. Ia berdasarkan statistik laporan London Bullion Market Association & Bureau of Labor Statistics (2016) (lihat rajah 1).

Rajah 1: Trend Harga Pasaran Perak Dunia (1970 – 2013)



Sumber: London Bullion Market Association & Bureau of Labor Statistics (2016)


Browne, Abbriano, & Lockwood (2015) beranggapan selagi mana sesuatu barang itu diklasifikasikan sebagai komoditi, tidak dapat tidak, ia akan mengalami situasi turun naik harga akibat daripada aktiviti permintaan dan penawaran dalam pasaran. Indikator ini memberikan justifikasi emas juga tidak terkecuali daripada menghadapi kesan yang sama sebagaimana perak. Ia dibuktikan pada rajah 2 di mana kesan daripada dagangan antarabangsa telah menjadikan harga emas terkini merudum jatuh. Akibatnya, ia akan memberikan implikasi negatif nisab zakat dan juga isi rumah yang dikategorikan sebagai miskin dalam sesebuah populasi masyarakat.

Pada asasnya, nisab merujuk perbezaan antara kaya dan miskin dalam aspek pegangan harta. Jika seseorang mempunyai harta yang lebih daripada jumlah nisab maka zakat diwajibkan ke atasnya (Mat Isa, 2013). Hikmahnya agar zakat hanya dikutip daripada orang kaya dan diagih kepada orang miskin (Al-Qardawi, 1988). Umum mengetahui penanda aras nisab zakat menggunakan emas atau perak. Namun, perak adalah lebih masyhur dan luas penggunaannya bersandarkan kepada hadis-hadis yang sahih.

Perbincangan mengenai sama ada emas ataupun perak sebagai sandaran nisab zakat yang lebih stabil nilainya telah banyak diperdebatkan para ulama terdahulu mahupun kontemporari. Namun, kajian ini hanya akan memfokuskan perbincangan terhadap emas yang dijadikan sebagai sandaran nisab zakat di Malaysia. Sebagai komoditi yang diperdagangkan di pasaran antarabangsa, situasi turun naik harga emas dan perak ini sememangnya tidak dapat dielakkan.

Rajah 2 jelas menunjukkan trend semasa harga emas dunia yang menurun akibat daripada permintaan dan penawaran yang tidak menentu. Hal ini telah dibuktikan dengan perbezaan yang ketara jumlah nisab semasa. Sebagai contoh rujukan, nisab pada tahun 2003 dicatat berjumlah RM3,000 tetapi ia telah berubah menjadi RM14,000 pada tahun 2013 (Mat Isa, 2013).

Rajah 2: Trend Harga Pasaran Emas Dunia (1970 – 2013)



Sumber: London Bullion Market Association (2015)

Jumlah peningkatan yang hampir 400% ini memberikan petanda emas sememangnya dipengaruhi faktor permintaan dan penawaran di pasaran dunia. Sebagai perbandingan, Mat Isa (2013) telah membuat perbandingan di antara item-item yang dikenakan zakat seperti zakat ternakan iaitu lembu atau kambing yang kadar peratusan perubahannya lebih kecil berbanding dengan harga emas meskipun wujud kenaikan harga pada keseluruhan item. Ini dibuktikan melalui ilustrasi jadual perbandingan harga item-item zakat bagi tahun 2003 dan 2013 di bawah:

Jadual 1: Kadar Nisab 2003 (Ringgit Malaysia)

Kambing	Lembu	Unta	Perak	Emas
400×40 = 16,000	$1,500 \times 30$ = 45,000	$5,000 \times 5$ = 25,000	3.0×595 = 1,785	35.3×85 = 3,000

Sumber: Mat Isa, (2013)

Jadual 2: Kadar Nisab 2013 (Ringgit Malaysia)

Kambing	Lembu	Unta	Perak	Emas
700×40 = 28,000	$2,600 \times 30$ = 78,000	$6,000 \times 5$ = 30,000	3.5×595 = 2,082.5	165×85 = 14,025
75%	44.4%	20%	16.6%	366.6%

Sumber: Mat Isa (2013)

Berdasarkan jadual 2 di atas, dalam jangka masa 10 tahun (2003 hingga 2013), harga perak dan ternakan kambing, lembu dan unta tiada perubahan yang ketara berbanding harga emas. Peratusan perubahan harga yang ditunjukkan adalah sekitar 20% hingga 45% sahaja, namun, emas telah mencecah hampir 400% dalam tempoh ini. Perubahan harga emas ini, secara tidak langsung akan memberikan impak nisab zakat dan dikhuatiri harganya menurun dengan kadar yang besar di pasaran. Jika ia berlaku, ia seakan memberikan justifikasi pandangan Kahf (1999) iaitu penurunan kadar nisab cenderung untuk mengeksplotasi golongan miskin dan tidak menunjukkan kayu ukur sebenar kos sara hidup mereka.

Ia disokong Mat Isa (2013) menyatakan nisab zakat tidak lagi mampu dijadikan ukuran ke atas tahapkekayaan seseorang, seandainya nisab itu jatuh dan cenderung untuk mengeksplotasi golongan miskin. Walaupun ada hadis yang meriwayatkan kewajipan zakat akan gugur jika ia kurang daripada 5 ekor unta, bagi gandum yang kurang daripada 5 awsuq, manakala bagi wang kurang 200 dirham (Majah, 1952).

Namun Abu-Saud (1988) tidak bersetuju dengan penanda aras ini kerana faktor zaman yang sudah berubah dan perubahan struktur ekonomi yang jauh berbeza. Sebagai contoh, ketika zaman Nabi SAW, lima awsuq adalah memadai untuk kehidupan satu keluarga tiga beranak bagi jangka masa setahun. Akan tetapi, ukuran lima awsuq ini bagi perbandingan petani di Malaysia pada masa kini adalah tidak wajar dan sama sekali tidak memenuhi keperluan asas mereka selama

setahun. Oleh itu, faktor perubahan zaman menjadikan ia sudah tidak praktikal untuk diguna pakai (Ini merujuk dirham iaitu perak) (Abu-Saud, 1988; Mahmud & Haneef, 2012). Abu-Saud (1988) menegaskan lagi bahawa pembayaran zakat perlu berdasarkan beberapa kriteria yang disenaraikan seperti berikut;

- a. Ia perlu mengambil kira perbelanjaan mandatori isi rumah (hawaij al asliyyah)
- b. Ia perlu mengambil kira faktor semasa seperti kadar inflasi dan faktor-faktor ekonomi lain, agar dapat dibuat pengecualian sebelum berzakat.

Melalui kriteria yang disenaraikan ini, beliau beranggapan ia mampu mengurangkan jurang perbezaan dan dapat mengenal pasti keupayaan seseorang untuk membayar zakat. Ada beberapa perbincangan berkenaan isu harga emas yang dikhawatir merudum jatuh seperti berlaku harga perak. Al Qaradhawi (1999) menyebut seandainya ia berlaku, ada kewajaran ia ditukar suatu item yang lebih stabil. Namun, pemilihan untuk menggunakan penanda aras nisab zakat seperti item pertanian tidak sesuai kerana ia bersifat barang keperluan harian. Beliau berpandangan kambing atau unta wajar dijadikan sandaran nisab zakat kerana keseimbangan harga item berkenaan di pasaran.

Al Sarakhsiy (1993) lebih awal memberikan justifikasi kewajaran isu ini. Beliau menganggarkan nilai seekor anak unta betina berumur setahun bernilai kira-kira 40 dirham seekor dan seekor kambing pula bernilai lima dirham. Maka, wajarlah ia dijadikan ukuran nisab zakat kerana lima ekor unta dan 40 ekor kambing bersamaan dengan 200 dirham. Namun begitu, Ibn Al Humam (t.t) dan Ibn Nujaim (t.t) tidak bersetuju atas anggaran yang dibuat, mereka mengatakan ukuran nilai sebenar seekor anak unta yang berumur 1 tahun adalah bersandar 2 ekor kambing iaitu 20 dirham dan untuk 40 ekor kambing, nilainya ialah 400 dirham.

Jelas, di sini perbincangan isu nisab ini pernah dibangkitkan para ulama silam, tetapi ia didapati banyak diperdebatkan daripada kalangan ulama bermazhab Hanafi. Namun begitu, ia mencukupi bagi memberikan signifikannya perbincangan ini. Dari sudut pandang kontemporari, isu ini dilanjutkan Mat Isa (2013), apabila membuat perbandingan nilai dengan menggunakan ukuran diyat pada zaman Nabi Muhammad SAW, Saidina Abu Bakar RA dan Saidina Umar al Khattab RA berdasarkan catatan hadis al Bayhaqi.

Jadual 3: Anggaran Harga Kadar Nisab Zaman Rasul dan Abu Bakar (Dirham)

Kambing	Lembu	Unta	Perak	Emas
10×40 = 400	20×30 = 600	40×5 = 200	0.33×595 = 200	2.35×85 = 200

Sumber: Mat Isa (2013)

Jadual 4: Anggaran Harga Kadar Nisab Zaman Saidina Umar al-Khattab (Dirham)

Kambing	Lembu	Unta	Perak	Emas
12×40 = 480	60×30 = 1,800	120×5 = 600	0.33×595 = 200	12×85 = 1,020
20%	200%	200%	0%	410%

Sumber: Mat Isa (2013)

Berdasarkan perbandingan jadual di atas, terdapat perbezaan harga di antara item-item zakat dan ini menunjukkan wujud perubahan harga pada zaman pemerintahan Umar al Khattab RA. Pada zaman ini, tiada ketetapan penyelarasan harga yang khusus, namun harga diyat telah dijadikan satu penyelarasan harga pada masa pemerintahan Umar al Khattab RA (Mat Isa, 2013).

Dalam hal ini, kajian mengenal pasti perubahan harga-harga ini mungkin telah dipengaruhi faktor-faktor seperti permintaan dan

penawaran di antara pembeli dan penjual, saiz barangannya, tempat perdagangan dan juga jenis barang.

Kajian mendapati kestabilan harga perak zaman itu telah dijadikan sebagai sandaran pertukaran nilai zaman itu. Ini berdasarkan catatan yang menunjukkan harga perak tidak mengalami sebarang perubahan iaitu pada kadar 0% berbanding dengan harga kambing, lembu, unta dan juga emas iaitu 20% bagi kambing, 200% bagi lembu dan unta, manakala 410% bagi emas. Maka, tidak peliklah mengapa perak dijadikan sebagai nisab zakat ketika itu, kerana ia medium yang stabil dan boleh dijadikan ukuran orang yang berharta sebagai golongan yang wajib mengeluarkan zakat dan golongan miskin menerima zakat.

Implikasi Isu

Rasional mengkaji isu ini disebabkan faktor perubahan masa boleh memberikan impak jumlah nisab dan secara tidak langsung melibatkan kenaikan kos sara hidup terutama mereka yang dikategorikan sebagai fakir dan miskin (Kahf, 1989). Oleh itu, isu ini perlu dikenetengahkan bagi menjelaskan perkara-perkara yang mungkin boleh mengganggu gugat kebijakan umat keseluruhannya.

Di Malaysia, mekanisme untuk mengenal pasti golongan miskin adalah melalui pendapatan garis kemiskinan (PGK) yang dipantau Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dari semasa ke semasa. Dari segi definisi, miskin mempunyai dua kategori, pertama dikenali sebagai kemiskinan mutlak dan kedua kemiskinan relatif (Jamil & Che Mat, 2014; Ragayah, 2010; Rasool, Harun, Salleh, & Idris, 2011) Kemiskinan mutlak ditakrifkan seseorang yang pendapatannya adalah bersamaan atau lebih rendah daripada pendapatan garis kemiskinan. Manakala, kemiskinan relatif ialah ukuran pendapatan sara hidup purata dalam sesebuah masyarakat pada tahun-tahun tersebut (Jamil & Che Mat, 2014; Ragayah, 2010).

Terdapat banyak perbincangan berkenaan kaedah dalam menilai pendapatan garis kemiskinan (PGK) di Malaysia. Namun, kajian ini hanya akan menganalisis data yang hakiki tanpa menumpukan pendekatan yang manakah lebih tepat atau tidak. Oleh itu, kajian ini hanya menganalisis secara umum data nisab zakat dan pendapatan garis kemiskinan (PGK) di Malaysia sebagai satu perbandingan kaitan isu yang dibangkitkan.

Di bawah adalah jadual-jadual yang menunjukkan data PGK di Malaysia tahun 2004 dan 2014, serta jadual nisab zakat tahun 2004 hingga 2014.

Jadual 5: Pendapatan Garis Kemiskinan Mengikut Negeri di Malaysia, 2004 dan 2014
Sumber: Unit Perancang Ekonomi (2014)

Negeri	2004 (RM)	2014 (RM)
	PGK Purata	PGK Purata
Sem. Malaysia	661	930
Sabah	888	1,170
Sarawak	765	990
Malaysia	691	950

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (2014)

Jadual 6: Nisab Zakat

Tahun	2004	2014
Nisab (RM)	3,700	12,223

Sumber: Pusat Pungutan Zakat (2014)

Secara umumnya, terdapat perbezaan yang besar antara kedua-dua data ini kerana kaedah pengiraan yang berbeza. Pada Jadual 5, data PGK diukur menggunakan kaedah purata pendapatan daripada kumpulan isi rumah yang dinilai berdasarkan taraf hidup penduduk negeri berkenaan (Jamil & Che Mat, 2014).

Manakala, Jadual 6 dinilai berdasarkan faktor permintaan dan penawaran ke atas emas di pasaran dunia. Oleh itu, kedua-dua ukuran ini berbeza dari segi penentuan tanda aras tersebut. Namun, kedua-duanya berpegang prinsip yang sama iaitu merujuk paras purata pendapatan kemiskinan iaitu PGK dan status individu yang mampu untuk membayar zakat bagi yang melepassi nisab zakat, manakala yang tidak melepasinya dianggap sebagai miskin secara umumnya.

Jadual 7: Perbandingan Data di antara Nisab Zakat dan PGK
Malaysia Tahun 2004 dan 2014

Tahun	Nisab (RM) Tahunan	PGK Malaysia (RM) Bulanan
2004	3,700	691
2014	12,223	950

Sebagai penjelasan, kajian ini memberi tumpuan data PGK Malaysia sahaja bagi memudahkan perbandingan antara kedua-dua data. Hal ini kerana PGK Malaysia menunjukkan purata garis kemiskinan keseluruhan penduduk Malaysia tahun berkenaan.

Jadual 7 membuat perbandingan data bagi tahun 2004 dan 2014 PGK Malaysia bulanan dengan nisab zakat secara tahunan. PGK bagi tahun 2004 dan 2014 ialah RM691 dan RM950 sebulan masing-masing; yang bermaksud individu yang berpendapatan di bawah paras ini atau sama diisyiharkan sebagai miskin. Begitu juga dengan nisab zakat tahun 2004 dan 2014, orang-orang yang memperoleh pendapatan di bawah RM3,700 dan RM12,223 setahun adalah dikategorikan sebagai orang tidak layak membayar zakat, dengan lain perkataan, mereka adalah miskin.

Secara umum, perbandingan ini seolah-olah tidak mempunyai sebarang korelasi antara satu sama lain. Kenyataan Sadeq (2004), Kahf (1999) dan Mat Isa (2013) mendakwa perubahan amaun nisab berkebarangkalian boleh mengeksplotasi golongan miskin seperti

tidak berasas. Merujuk kepada jadual 7, nisab zakat dan PGK Malaysia tahun 2004, ialah RM3,700 dan RM691 masing-masing. Begitu juga, tahun 2014, nisab adalah lebih besar daripada PGK Malaysia iaitu lebih daripada sepuluh kali ganda, RM12,223 dan RM950 masing-masing. Kesimpulan mudahnya ialah tiada sebarang korelasi yang signifikan di antara nisab zakat dan status kemiskinan dalam perkara ini.

Namun begitu, perlu diperhatikan ukuran nisab zakat dinilai secara tahunan, manakala PGK adalah secara bulanan. Jadi, perbezaan dari sudut mode pengiraan harus disesuaikan. Oleh itu, PGK harus ditukar kepada mode tahunan, dan korelasi yang didakwa sebelum ini dapat dijelaskan. Sebagai contoh, pada tahun 2004, PGK ialah RM691. Jika ia didarabkan dengan 12 bulan, ia akan menghasilkan RM8,292 dan kita akan dapat melihat PGK lebih besar berbanding jumlah nisab pada tahun berkenaan iaitu RM3,700. Manakala, pada tahun 2014, PGK akan menjadi RM11,400. Di sini, didapati hujah yang dibawa Sadeq (2004), Kahf (1999) dan Mat Isa (2013) ada munasabahnya apabila situasi nisab yang rendah adalah signifikan pengeksploitasi terhadap golongan miskin. Walaupun PGK tidak ditentukan secara tahunan, tetapi ia mencukupi untuk membuktikan jumlah nisab pernah dinilai di bawah purata pendapatan golongan miskin seperti mana yang berlaku pada tahun 2004 iaitu nisab zakat yang berjumlah sebanyak RM3,700 jauh lebih rendah berbanding nilai PGK yang berjumlah RM8,292 jika dinilai secara tahunan.

Jadual 8 di bawah memberikan gambaran yang jelas mengenai situasi ini.

Jadual 8: Perbandingan di antara PGK dan Nisab Zakat Secara Tahunan


Tahun	Nisab Zakat	PGK (Tahunan)
2004	RM3,700	RM8,292
2014	RM12,223	RM11,400

Daripada jadual di atas, ia menunjukkan golongan miskin mempunyai lebihan kira-kira RM4,592 pada tahun 2004, namun pada tahun 2014, ia dicatat rendah berbanding nisab zakat tahunan. Fakta ini menggambarkan pada tahun 2004 golongan miskin telah diklasifikasikan sebagai golongan yang layak untuk membayar zakat, walaupun mereka dikategorikan sebagai golongan miskin.

Manakala, pada tahun 2014, jumlah nisab zakat RM12,223, mereka dikelompokkan di dalam senarai asnaf yang layak menerima zakat. Daripada perbandingan ini, ia memberi petunjuk dakwaan yang dibuat Kahf (1999), Mat Isa (2013) dan Sadeq (2004) mempunyai asas pada ketika nisab zakat yang rendah kecenderungan untuk golongan miskin dieksloitasi adalah tinggi seperti yang telah ditunjukkan pada data tahun 2004.

Sebagai hujah tambahan, rajah 3 di bawah menunjukkan graf ramalan harga emas daripada tahun 2017 hingga tahun 2025. Harga emas yang dijangkakan World Bank (2016) akan menyusut daripada

Rajah 3: Ramalan Harga Pasaran Emas Dunia (2017 – 2025)



Sumber: World Bank (2016)

USD1,132 se-auns kepada USD1,000 se-auns. Ia adalah tindak balas daripada permintaan dan penawaran industri yang tidak kukuh yang dijangkakan pihak World Bank.

Manakala, jadual 8 memberikan perincian dalam bentuk angka harga emas dari tahun 2017 sehingga 2025 dan andaian harga emas dalam Ringgit Malaysia serta jumlah nisab zakat bagi tahun-tahun yang berkenaan. Harga emas yang diramalkan dalam bentuk Ringgit Malaysia menggunakan andaian kadar tukaran Ringgit Malaysia adalah tetap berbanding Dolar Amerika iaitu RM4.00. Ini dilakukan bagi memudahkan pengiraan harga emas yang dijangkakan dalam Ringgit Malaysia dan pengiraan jumlah nisab zakat pada tahun-tahun berkenaan

Jadual 9: Catatan Ramalan Harga Emas dan Nisab Zakat*

Tahun	Harga Emas (USD/oz)	Harga Emas (USD/Gm)	Harga Emas (RM/gm)*	Nisab* (RM)
2017	1,132	39.93	159.72	13,576
2018	1,115	39.33	157.32	13,372
2019	1,098	38.73	154.92	13,168
2020	1,081	38.13	152.52	12,965
2021	1,064	37.53	150.12	12,761
2022	1,048	36.96	147.86	12,569
2023	1,032	36.40	145.61	12,377
2024	1,016	35.83	143.35	12,185
2025	1,000	35.27	141.09	11,993

1 auns = 28.3495 gram

*Harga emas dan nisab zakat ditentukan berdasarkan andaian nilai Ringgit Malaysia berkadaran tetap RM4.00/USD1

Jadual di atas, wujud korelasi di antara harga emas dengan nisab iaitu ia bersifat positif harga emas rendah, nisab juga menjadi rendah. Namun, andaian harga emas dan nisab zakat ini akan berubah sekiranya Ringgit Malaysia mengukuh berbanding Dolar Amerika. Jika ini

berlaku, harga emas akan menjadi jauh lebih rendah, begitu juga dengan jumlah nisab zakat yang juga akan mengalami penyusutan yang lebih besar berbanding nisab yang terdahulu.

Secara mudahnya, boleh dihipotesiskan jika Ringgit Malaysia semakin mengukuh, harga emas akan jatuh dan nisab zakat juga akan berkurang. Manakala, jika Ringgit Malaysia lemah, harga emas akan naik dan nisab zakat akan bertambah.

Menurut laman sesawang Trading Economics (2016), yang membuat ramalan berdasarkan tindak-tanduk trend pasaran yang lalu dan menggunakan kaedah pengumpulan data-data lampau yang banyak, pada tahun 2020 diramalkan Ringgit Malaysia akan mengukuh berbanding Dolar Amerika iaitu RM2.31 bagi satu Dolar Amerika. Walaupun ia bukanlah satu kepastian, tetapi turun naik Ringgit Malaysia mempunyai kesan tidak langsung kepada nisab zakat pada sesuatu tahun. Sebagai satu ilustrasi, seandainya kita mengambil nilai kadar tukaran pada tahun 2020 seperti yang diandaikan iaitu RM2.31/ USD, maka kita akan mendapati harga emas se-gram dianggarkan berjumlah RM88 dan jumlah nisab zakat pada tahun berkenaan akan menjadi sekitar RM7,487 sahaja. Dengan andaian kos hidup semakin meningkat dan negara akan menuju status negara maju, maka dakwaan cendekiawan kontemporari berhubung kecenderungan harga emas untuk mengeksplorasi golongan miskin sememangnya mempunyai asas.

Konklusi

Firman Allah SWT dalam surah al Tawbah [9] ayat 60 bermaksud:

‘Sesungguhnya zakat itu untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (mualaf), untuk (memerdekakan) hamba sahaya, untuk (membebaskan) orang yang berhutang, untuk jalan Allah, dan untuk orang dalam perjalanan, sebagai kewajipan daripada Allah. Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana’.

Dalam perbincangan ini ia memberikan justifikasi jumlah nisab zakat yang rendah seperti pada tahun 2004, berkecenderungan untuk membabitkan golongan miskin sebagai antara kelompok pembayar zakat, walaupun hakikatnya mereka adalah antara golongan yang dikategorikan sebagai kalangan awal untuk menerima zakat. Oleh itu, kajian ini beranggapan dakwaan terhadap nisab zakat berkecenderungan untuk mengeksplorasi golongan miskin sememangnya mempunyai asas.

Tambahan, kaedah yang tepat dalam pengiraan PGK juga boleh menjadi faktor terhadap isu yang dikenalpasti ini. Ini bermakna dengan kaedah yang lebih menyeluruh boleh menyebabkan purata PGK meningkat daripada apa yang didapati dalam data. Sebagai contoh, gaji minimum yang dicadangkan sekitar RM900 hingga RM1,200 boleh menyumbang peningkatan purata PGK di Malaysia (Ling, Yusof, Hasnaa, Mahmood, & Soon, 2014). Jika ia diluluskan kabinet, maka implikasi terhadap golongan miskin ini perlu diambil kira dalam menilai semula penanda aras nisab zakat yang sesuai seperti pernah dicadangkan Al-Qardawi (1988).

Oleh itu, ruang penyelidikan masih terbuka dalam isu ini dengan menganalisis secara empirikal sama ada benar golongan miskin akan dieksplorasi jika nisab zakat jatuh dan juga kesan harga emas atau perak terhadap pungutan zakat. Jika wujud indikasi yang menunjukkan bahawa ada hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah -pemboleh ubah ini, maka ia boleh dijadikan satu sumbangan dan nilai tambah yang bermakna kepada institusi zakat khasnya dalam meneliti isu yang dibangkitkan ini.

Rujukan

- Abd Rahman, Z. (2008). Wang, Anda dan Islam. True Wealth Sdn Bhd.
Abu-Saud, M. (1988). Contemporary Zakat. Zakat and Research Foundation.
Al Qaradhawi, Y. (1999). Fiqh al Zakah 1. Beirut: Dar Al Taqwa.

- Al Sarakhsiy, M. B. A. (1993). Al Mabsut. Beirut: Dar Al Ma'rifah.
- Al-Qardawi, Y. (1988). Fiqh al-zakat. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Browne, R., Abbriano, S., & Lockwood, R. (2015). Gold & Silver Marketwatch. Chapra, M. (1992). Islam and the Economic Challenge. Retrieved from http://ierc.sbu.ac.ir/File/Article/Islam and the Economic Challenge_93526.pdf
- Choudhury, M. (1980). The role of Az-Zakah in resource allocation. Some Aspects of the Economics of Zakah
- Dabour, N. (2000). Eradication of Poverty in the Least Developed and Low-Income OIC Member Countries. *Journal of Economic Cooperation*, 1(21), 57–96. Retrieved from <http://www.sesrtcic.org/files/article/180.pdf>
- Faridi, F. (1980). Zakat and Fiscal Policy. *Studies in Islamic Economics*.
- Faridi, F. (1992). Capital Formation, Economic Growth and Public Budgeting In An Islamic Framework. *Financing Economic Development*
- Ibn Al Humam, K. M. B. A. W. (n.d.). Fathu Al Qadir. Beirut: Dar Al Fikr.
- Ibn Nujaim, Z. B. I. (n.d.). Al Bahru Al Raiq. Beirut: Dar Al Kitab Al Islamiy.
- Iqbal, M. (1995). Causes of Fiscal Problems in Muslim Countries and Some Suggestions for Reform. In *Finance Research Letters* nancing Development (pp. 128–129).
- Jamil, N., & Che Mat, S. H. (2014). Realiti Kemiskinan: Satu Kajian Teoritikal. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(1), 167–177.
- Kahf, M. (1989). Zakat: Unresolved Issues in the Contemporary Fiqh. *Journal of Islamic Economics*, 2(1), 1–22.
- Kahf, M. (1999). The Performance of the Institution of Zakah in Theory and Practice. In International Conference on Islamic Economics towards the 21st Century (pp. 1–14).
- Ling, T. P., Yusof, M. F., Hasnaa, N., Mahmood, N., & Soon, T. H. (2014). The Implementation of Minimum Wages in Malaysia. *Sains Humanika*, 2, 43–46.
- London Bullion Market Association. (2015). Gold Price Forecast. London.
- London Bullion Market Association, & Bureau of Labor Statistics. (2016). Historical Silver Prices - 100 Year Chart. Macrotrends. Retrieved January 13, 2016, from <http://www.macrotrends.net/1470/historical-silver-prices-100-year-chart>

- Mahmud, M., & Haneef, S. (2012). Debatable Issues in Fiqh Al-Zakat: A Jurisprudential Appraisal. *Jurnal Fiqh*.
- Majah, I. (1952). *Sunan Ibn Majah*. Darul Kutub Al Ilmiyyah, Beirut.
- Marhaini, W. (2012). Zakat Investment In Malaysia: A Study of Contemporary Policy and Practice In Relation to Shariah.
- Marhaini, W., & Shamsiah, M. (2012). Classical Jurists ' View on the Allocation of Zakat : Is Zakat Investment Allowed ?, 12(2), 195–203. doi:10.5829/idosi.mejsr.2012.12.2.1683
- Mat Isa, M. P. (2013). The Implementation of Gold and Silver as the Value of Nisab for Zakat Calculation: A Comparative Study between the Present Practices and those during the Period of Prophet Muhammad Pbuuh. In *Kepentingan Dirham Perak dalam Zakat* (pp. 1–7).
- Metwally, M. M. (1997). Economic consequences of applying Islamic principles in Muslim societies. *International Journal of Social Economics*, 24(7/8/9), 941–957. doi:10.1108/03068299710178955
- Mohamed Saladin Abdul Rasool, Mohd Fauzi Mohd Harun, Ariffin Mohd Salleh. (2011). Poverty Measurement in Malaysia : A Survey of the Literature. *Akademika*, 81(1), 73–81.
- Muslim. (n.d.). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Al Ihya' Al Turath.
- (2014). *Nisab Tahunan*. Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Retrieved from <http://www.zakat.com.my/arkib-nisab-tahunan>
- Quran, A. (2015). *At Tawbah*. In *Al Quran Al Karim* (7th ed.). Karya Bestari Sdn Bhd.
- Ragayah, H. M. Z. (2010). Understanding the Formulation of the Revised Poverty Line in Malaysia. *Akademika*, 70, 21–39.
- Sadeq, A. A.-H. (2004). A Survey of The Instituttes of Zakah: Issues, Theories and Adminstration.
- Salih, S. (1999). The challenges of poverty alleviation in IDB member countries. *Occasional Paper*.
- Trading Economics. (2016). *Malaysian Dollar- Forecast 2016-2020*. Trading economics. Retrieved May 23, 2016, from <http://www.tradingeconomics.com/malaysia/currency/forecast>
- Unit Perancang Ekonomi. (2014). *Perangkaan Pendapatan dan Kemiskinan Isi Rumah*.
- World Bank. (2016). *World Bank Commodities Price Forecast*. Retrieved from <http://go.worldbank.org/4ROCCIEQ50>

13

PERAKAUNAN ZAKAT KORPORAT DI MALAYSIA: DULU, KINI DAN MASA DEPAN

Zahri Hamat & Mohd Shukri Hanapi***

Abstrak

Perakaunan zakat korporat yang diamalkan di Malaysia tidak *rigid* disebabkan perakaunan zakat korporat yang dibentuk berdasarkan ijтиhad. Persoalannya, berlakukah pembaharuan dalam kaedah perakaunan zakat korporat di Malaysia? Berdasarkan analisis kandungan terhadap data primer dan sekunder, dapatkan kajian mempamerkan perakaunan zakat korporat di Malaysia telah mengalami pembaharuan. Pada awalnya zakat diwajibkan terhadap modal dan keuntungan kemudian terhadap aset semasa dan kini terhadap modal kerja terselaras. Sesuai dengan perkembangan bentuk perniagaan yang semakin kompleks dan keperluan semasa maka cendekiawan zakat di Malaysia berpendapat zakat korporat boleh dikenakan ke atas

* Zahri Hamat ialah Pensyarah Kanan di Bahagian Perancangan Pengurusan Pembangunan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan (PPSK), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang. Emel; zahri@usm.my

** Mohd Shukri Hanapi ialah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang. Emel; hshukri@usm.my atau hshukeri@yahoo.com

keuntungan sebagai satu kaedah alternatif. Perakaunan zakat korporat berasaskan pendapatan antara fokus utama kertas ini.

Kata kunci: Zakat korporat, modal, aset semasa, modal kerja, keuntungan

Pendahuluan

Al-Quran dan al-Hadis menyebut dalam bentuk umum tentang zakat korporat.¹ Al-Hadis misalnya menyebut sekadar barang perniagaan untuk perakaunan zakat korporat. Dengan itu, beberapa pembaharuan dalam perakaunan zakat korporat telah berlaku. Kesannya zakat bukan sahaja dikenakan ke atas barang perniagaan. Di dalam *Kitab al-Amwal*, Abu Ubayd melaporkan daripada Maimun b. Mahran seperti berikut:

“Apabila sudah tiba waktu kamu mengeluarkan zakat, kiralah berapa jumlah wang tunai yang ada pada mu, kira berapa nilai barang perniagaan yang kamu miliki, kemudian dinilai keseluruhan barang tersebut dengan nilai wang tunai, dan kiralah hutang yang dapat dijelaskan (yang diberi persetujuan untuk dibayar), dan tolaklah hutang yang perlu dijelaskan, kemudian keluarkanlah zakat bakinya” (Abu ‘Ubayd, 1991: 362).

Dapatlah dirumuskan zakat korporat dikenakan ke atas modal kerja. Ia meliputi wang tunai, nilai barang perniagaan, jumlah hutang sebenar yang pasti dapat dipungut ditolak dengan jumlah hutang. Zakat dikenakan ke atas baki pada kadar 2.5 peratus. Kaedah modal kerja ini disokong beberapa tabi’in lain antaranya Hasan al-Basri dan Ibrahim al-Nakha’i (Yusuf al-Qaradawi, 1999). Pembaharuan dalam

1 Dalam artikel ini perkataan korporat dengan perniagaan digunakan secara tukarganti menurut kesesuaian sesuatu ayat. Hal ini kerana dalam tulisan-tulisan lepas perakaunan zakat korporat ini biasanya dibahaskan di bawah tajuk perakaunan zakat perniagaan.

perakaunan zakat ini bukanlah sesuatu yang baru. Paling terserlah semasa pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin (Zahri Hamat, 2011). Perubahan tersebut dibahagikan tiga kategori. Pertama, hukum zakat terhadap kuda telah dikaji semula walaupun semasa Rasulullah SAW kuda tidak diwajibkan zakat. Kedua, asas harta wajib zakat telah diperluaskan misalnya, hasil keluaran laut dan pertanian seperti kacang, kapas dan buah zaitun diwajibkan zakat. Ketiga, perubahan kadar zakat turut dibuat apabila zakat madu dikenakan pada kadar 5 - 10 peratus tertakluk kepada guna tenaga yang digunakan.

Persoalannya, zakat tetap dikenakan ke atas sesuatu syarikat selagi modal kerja adalah positif walaupun operasi syarikat mengalami kerugian. Sebaliknya syarikat akan dikecualikan zakat selagi modal kerja adalah negatif walaupun operasi syarikat memperoleh keuntungan lumayan. Ini berlaku disebabkan kaedah perakaunan zakat korporat tidak menggunakan angka daripada penyata pendapatan, sebaliknya menggunakan angka daripada kunci kira-kira.

Dengan menggunakan analisis kandungan ke atas data primer dan data sekunder, maka perbincangan kertas ini dibahagikan tiga bahagian. Pertama menerangkan perakaunan zakat korporat yang sedang diamalkan di Malaysia. Kedua menjelaskan kaitan antara zakat dan belanja yang dibenarkan di bawah seksyen 44 (11A), Akta Cukai Pendapatan 1967. Ketiga mengharmonikan kaedah perakaunan zakat korporat dan cukai dengan mengambil kira peruntukan seksyen 44 (11A), Akta Cukai Pendapatan 1967.

Perakaunan Zakat Korporat

Perakaunan zakat harta bermaksud proses menentukan harta yang diwajibkan zakat, menentukan kadar zakatnya, membuat taksiran zakat yang perlu dibayar dan seterusnya menyediakan laporan. Korporat pula merujuk syarikat-syarikat dan firma-firma besar seperti Tenaga Nasional

Berhad (TNB) dan CIMB Bank Berhad. Dengan itu, perakaunan zakat korporat adalah proses menentukan aset korporat yang diwajibkan zakat, menentukan kadar zakatnya dan kemudian membuat taksiran zakat yang wajib dibayar oleh pemiliknya.

Di Malaysia, amalan perakaunan zakat korporat adalah beragam. Suatu ketika dulu, paling tidak terdapat tiga kaedah. Pertama, zakat korporat dikenakan terhadap aset semasa.² Kaedah perakaunan ini diamalkan di negeri Perak, Kedah dan Kelantan. Kedua, zakat korporat dikenakan terhadap aset semasa dicampurkan dengan keuntungan daripada pelaburan. Kaedah ini diamalkan Baitulmal Perlis dan Lembaga Tabung Haji (LTH). Ketiga, zakat dikenakan terhadap keuntungan perniagaan dicampurkan dengan modal kerja.³ Kaedah ini diamalkan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

Hal ini turut berlaku dalam bidang perbankan. Bank Utama Berhad contohnya, mencadangkan tiga kaedah (Zahri Hamat, 2014). Pertama, berasaskan modal kerja. Kedua, berasaskan keuntungan. Ketiga, berasaskan modal berkembang. Ketiga-tiga kaedah ini boleh digunakan mengikut kesesuaian sesuatu perniagaan.⁴

-
- 2 Aset semasa ialah wang tunai atau aset lain yang mudah ditukarkan kepada wang tunai, yang boleh dijual atau digunakan dalam pembuatan barang pada tempoh yang terpanjang antara satu tahun perakaunan atau satu kitaran kendalian. Contohnya pelaburan sementara, akaun belum terima, inventori dan belanja bayar dahulu. Bagi maksud perakaunan zakat, nilai barang perniagaan dikira berasaskan harga pasaran. Zakat dikenakan pada kadar 2.5 peratus sekiranya mencukupi nisab.
 - 3 Modal kerja ialah aset semasa ditolak liabiliti semasa. Liabiliti semasa ialah tanggungan yang perlu dijelaskan dalam tempoh terpanjang antara satu tempoh perakaunan atau satu kitaran kendalian. Zakat perniagaan akan dikenakan terhadap jumlah tersebut pada kadar 2.5peratus sekira mencukupi nisab.
 - 4 Ketiga-tiga kaedah tersebut adalah seperti berikut:
 - i. Kaedah Pertama (berasaskan Lembaran Imbangan)
(Aset semasa bersih - Liabiliti semasa yang dibenarkan + Pelaburan jangka pendek) x peratus milikan saham Muslim x 2.5peratus (Kadar Zakat)
 - ii. Kaedah Kedua (berasaskan Penyata Untung dan Rugi)
Keuntungan selepas cukai x Peratus milikan saham Muslim x 2.5peratus (Kadar Zakat)

Kini perakaunan zakat korporat di Malaysia sudah seragam. Ini berlaku antara lain cadangan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).⁵ Untuk itu, pada tahun 2001, pihak JAKIM telah menerbitkan sebuah buku berjudul *Panduan Zakat di Malaysia*. Pada tahun 2008, buku tersebut telah diterbit semula Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan judul *Manual Pengurusan Pengiraan Zakat*.⁶ Dalam buku tersebut telah dicadangkan dua kaedah perakaunan zakat korporat.⁷ Pertama, kaedah modal berkembang. Kedua, kaedah modal kerja. Namun kaedah tersebut memerlukan pelarasan bagi item-item tertentu. Dengan kata lain, kaedah pertama ialah kaedah modal berkembang terselaras, manakala kaedah kedua ialah kaedah modal kerja terselaras (Zahri Hamat, 2014). Kedua-dua kaedah tersebut menggunakan angka daripada kunci kira-kira (*balance sheet*) sesuatu perniagaan.

Kaedah modal berkembang mengambil kira ekuiti pemilik entiti perniagaan tersebut, sumber-sumber pembiayaan kewangan dan dibuat pelarasan sama ada dicampur atau sebaliknya. Dengan kata lain, kaedah modal berkembang ialah modal dicampur dengan keuntungan. Kaedah modal berkembang dapat dirumuskan seperti berikut:

$$\text{Ekuiti Pemilik} + \text{Liabiliti Jangka Panjang} - \text{Aset Tetap} - \text{Aset Bukan Semasa} +/\!-\! \text{Pelarasan} = \text{Harta Perniagaan Yang Tertakluk Kepada Pengiraan Zakat.}$$

iii. Kaedah Ketiga (berasaskan Lembaran Imbangan)
(Dana pemegang saham - Aset tetap + keuntungan selepas cukai x peratus milikan saham Muslim x 2.5peratus (Kadar Zakat)

- 5 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Perdana Menteri berperanan sebagai agensi pusat dalam perancangan pengurusan Hal Ehwal Islam dan pembangunan ummah.
- 6 Penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) bertujuan untuk memastikan bahawa pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negara lebih tersusun, sistematis dan berkesan.
- 7 Bagi maksud pelarasan bilangan hari antara tahun Mesihi dan tahun Hijriah, Accounting and Auditing Organization For Islamic Financial Institutions (AAOIFI) mencadangkan zakat korporat dikenakan pada 2.5775% sekiranya penyata kewangan tahunan disediakan berasaskan tahun Mesihi.

Kaedah modal kerja pula mengambil kira kedudukan harta semasa perniagaan ditolak dengan tanggungan semasa perniagaan dan dibuat pelarasan. Pelarasan ini dibuat sama ada dengan mencampurkan item-item yang telah dikenalpasti perlu ditambah atau membuat tolakan. Kaedah modal kerja dapat dirumuskan seperti berikut:

$$\text{Aset Semasa} - \text{Liabiliti Semasa} +/\!-\! \text{Pelarasan} = \text{Harta Perniagaan Yang Tertakluk Kepada Pengiraan Zakat.}$$

Perbezaan kaedah ini hanyalah dari segi pendekatan sahaja kerana kedua-duanya berasaskan persamaan perakaunan, iaitu:

$$\begin{aligned} &\text{Ekuti Pemilik} + \text{Liabiliti Jangka Panjang} - \text{Aset Tetap} - \text{Aset Bukan Semasa} \\ &= \text{Aset Semasa} - \text{Liabiliti Semasa.} \end{aligned}$$

Pelarasan dibuat perlu dibuat kerana tiga sebab. Pertama, semasa mengambil kira harta semasa, item-item bukan milik sempurna dan tidak produktif perlu ditolak daripada aset semasa.⁸ Kedua, semasa mengambil kira harta semasa juga semua sumbangan, derma dan sedekah yang dibuat oleh entiti perniagaan tersebut pada akhir haul (suku tahun terakhir) perlu kebajikan masih dikenakan zakat dan perlu dicampur kepada aset semasa, kecuali kalau sumbernya adalah dari tabung kebajikan. Ketiga, semasa mengambil kira tanggungan semasa, item-item tertentu tidak dibenarkan tolak daripada tanggungan semasa.⁹

-
- 8 Pelarasan tersebut adalah meliputi pertama, barang-barang tidak wajib zakat hendaklah dikeluarkan seperti barang-barang dan hasil yang haram umpama riba, judi dan arak; kedua, bukan milik sempurna seperti bayaran deposit air, deposit telefon, elektrik dan lain-lain yang seumpamanya; ketiga, penghutang kewangan, yakni wang yang dipinjamkan; keempat, tiada item yang dikenakan zakat dua kali seperti dividen yang sudah dibayar zakat oleh syarikat yang dilaburkan; kelima, aset semasa mestilah yang produktif, hutang lapuk, stok lopus, penurunan nilai yang ketara dan kekal hendaklah ditolak; dan keenam, tabung-tabung yang bersifat kebajikan. Bagaimanapun, tabung kebajikan yang bersifat pusingan seperti pinjaman Qardhul Hassan, amaan yang dikecualikan zakat adalah nilai pokok yang dimanfaatkan. Tetapi tabung kebajikan yang bersifat hangus melalui pemberian derma, khairat maka hanya nilai baki tabung yang dikecualikan.
- 9 Item-item tersebut meliputi pertama, pinjaman yang bukan berbentuk operasi perniagaan yakni, ‘financial loans’ dan pengkelasan semula pinjaman berjangka; kedua, dividen yang dicadangkan (dividend payable); ketiga, overdraf; dan keempat, pajakan kewangan/modal (financial/capital lease).

Bagi item-item liabiliti semasa yang boleh ditolak adalah yang bersifat operasi sahaja termasuk pembiutang perdagangan (*trade creditors*), belanja-belanja operasi seperti gaji, elektrik, telefon, dan cukai. Zakat korporat dikenakan ke atas baki yang dikenali sebagai modal kerja bersih pada kadar 2.5 peratus.

Di Malaysia bagaimanapun hanya kaedah modal kerja terselaras sahaja yang digunakan. Kaedah modal berkembang terselaras tidak dipakai langsung. Kaedah ini sebenarnya adalah pendapat dalam kalangan fuqaha' Hanbali. Kaedah modal berkembang ini diamalkan di negara Saudi Arabia. Di negara Arab Saudi, taksiran zakat dibuat berdasarkan penyata kewangan yang disahkan akauntan bertauliah. Sekiranya penyata kewangan tidak dapat disahkan, maka anggaran zakat akan dibuat (Zahri Hamat, 2014).¹⁰

Zakat dan Percukaian Korporat

Mengikut Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967, bayaran zakat boleh dibahagikan kepada tiga bentuk (Zahri Hamat, 2015). Pertama, bayaran zakat perniagaan yang dibenarkan bagi Syarikat Luar Pesisir Labuan (LOFSA). Bayaran zakat yang dibenarkan sebagai rebat cukai seperti diperuntukkan di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan (LOBATA) 1990. Kedua, bayaran zakat perniagaan syarikat yang dibenarkan sebagai potongan belanja dibenarkan di bawah seksyen 44 (11A), ACP 1967 yang berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2005. Ketiga, bayaran zakat perniagaan sama ada unit amanah ataupun koperasi dibenarkan sebagai potongan dibenarkan di bawah Seksyen 44(11A), ACP 1967 yang berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2007.

¹⁰ Anggaran dibuat berdasarkan modal asal dicampurkan dengan anggaran keuntungan. Sekiranya perniagaan tidak aktif, maka keuntungan dianggarkan pada kadar 15 peratus daripada modal asal. Sebaliknya, jika perniagaan beroperasi secara aktif, keuntungan dianggarkan pada kadar 15 peratus daripada perolehan setelah ditolak 30 peratus daripada keuntungan tersebut sebagai belanja.

Ketiga-tiga bentuk potongan zakat perniagaan ini boleh dibahagikan kepada dua kategori. Pertama, bayaran zakat bagi Syarikat Luar Pesisir Labuan (LOFSA) adalah dibenarkan sebagai rebat cukai. Kedua, bayaran zakat perniagaan syarikat, unit amanah dan koperasi sebagai belanja yang dibenarkan sebelum taksiran cukai korporat.

Belanja yang dibenarkan ini diperuntukan di bawah Seksyen 44(11A), ACP1967 ini tertakluk kepada tiga syarat. Pertama, bayaran zakat perniagaan itu mesti dibuat dalam tahun taksiran yang berkaitan. Kedua, amaun zakat perniagaan yang dibayar hendaklah tidak melebihi 2.5 peratus daripada pendapatan agregat syarikat. Ketiga, bayaran zakat hendaklah dibuat atas nama syarikat dan dibayar kepada badan berkuasa agama yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, atau orang perseorangan yang diberi kuasa oleh badan agama tersebut.

Jadual 10: Pengiraan Cukai Pendapatan Bagi Tahun Taksiran 2008

Keterangan	Contoh 1	Contoh 2
Pendapatan Agregat ¹¹	RM40,000	RM40,000
Tolak : Zakat Korporat (terhad 40,000 @ 2.5%)	1,000	1,500
Pendapatan Bercukai	39,000	39,000
Jumlah Cukai Korporat (39,000 @ 28%)	10,920	10,920
Jumlah Cukai Kena Dibayar	RM10,920	RM10,920

Dalam Jadual 10, contoh 1 mempamerkan bayaran zakat sebanyak RM1,000 dibenarkan sebagai potongan perbelanjaan sebelum daripada pendapatan bercukai. Walau bagaimanapun, amaun potongan yang dibenarkan tertakluk kepada had maksimum 2.5 peratus daripada pendapat agregat. Justeru, apabila bayaran zakat dibuat sebanyak

11 Pendapatan agregat ialah jumlah besar pendapatan perniagaan daripada semua punca termasuk pendapatan perniagaan, sewa, dividen dan lain-lain. Dengan kata lain, potongan zakat korporat yang dibenarkan dikira berdasarkan penyata pendapatan, sedangkan taksiran zakat perniagaan dibuat berdasarkan kunci kira-kira.

RM1,500 seperti contoh 2, maka potongan yang diberikan adalah dihadkan kepada RM1,000 sahaja.

Oleh kerana perkiraan potongan zakat korporat yang dibenarkan dibuat berdasarkan penyata pendapatan, maka dua kemungkinan boleh berlaku. Pertama, mungkin jumlah zakat perniagaan sesebuah syarikat itu berjumlah berjuta-juta tetapi jumlah potongan itu tetap dihadkan sebanyak 2.5 peratus daripada pendapatan agregat. Kedua, jika pendapatan agregat berjuta-juta tetapi zakat yang dibayar kurang 2.5 peratus daripada pendapatan agregat, maka manfaat potongan yang diberikan tidak dapat dimaksimumkan. Hal ini terjadi kerana kaedah perakaunan zakat korporat tidak menggunakan angka daripada penyata pendapatan, tetapi sebaliknya menggunakan angka daripada kunci kira-kira.¹²

Persoalannya, bolehkah kaedah perakaunan zakat korporat dan *fiqh* yang sedang diamalkan di Malaysia boleh diharmonikan? Hal ini kerana kaedah modal kerja telah diterima diamalkan di Malaysia, namun pembaharuan terhadap kaedah perakaunan zakat korporat atau perniagaan boleh dilakukan kerana kaedah modal kerja dibentuk bukan berdasarkan nas yang *qat'i* (Zahri Hamat, 2014).

Harmonisasi Perakaunan Zakat Korporat dan Cukai

Antara pembaharuan yang boleh dilaksanakan dengan meneroka pelbagai kaedah perakaunan zakat korporat yang baru termasuklah kaedah perakaunan zakat korporat berdasarkan keuntungan. Apatah

12 Namun begitu ada pihak yang berhujah, pada kebiasaannya jika pendapatan agregat tinggi, maka amaun zakat juga akan tinggi. Ini kerana pendapatan agregat itu biasa melambangkan operasi sesebuah syarikat. Jika operasi syarikat itu besar, maka aset semasa dan liabiliti semasanya juga tinggi. Ini bermakna zakat yang perlu dibayar adalah tinggi. Andaian ini tidaklah semestinya selalu berlaku begitu. Ia boleh berlaku sebaliknya, iaitu syarikat mengalami kerugian tetapi mempunyai aset semasa bersih yang tinggi dan zakat dikenakan ke atas syarikat berkenaan.

lagi ia sudah diamalkan Baitul Mal Aceh Darussalam, Indonesia (Zahri Hamat, 2015). Persoalannya, apakah pendapat kalangan cendekiawan zakat di Malaysia terhadap kaedah perakaunan zakat korporat berdasarkan keuntungan?

Bagi menjawab persoalan tersebut, cendekiawan zakat di Malaysia dipilih melalui persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Mereka dibahagikan tiga kumpulan. Pertama, kumpulan fuqaha¹³; kedua, kumpulan ahli ekonomi¹⁴; dan ketiga, kumpulan pengamal zakat¹⁵. Setiap kumpulan diwakili empat orang cendekiawan zakat. Bilangan semua cendekiawan zakat yang terlibat seramai 12 orang.

Dapatan pertama mempamerkan 10 responden (83.3%) berpendapat pembaharuan zakat boleh dilakukan melalui ijтиhad. Menurut seorang ahli ekonomi hal ini kerana yang *qat'i* adalah kefarduan zakat, manakala kaedah perakaunan zakatnya adalah *ijtihadi*. Seorang ahli ekonomi lagi berpendapat, pembaharuan itu boleh dilakukan melalui sama ada kaedah *qiyyas*, *masalah mursalah* dan lain-lain kaedah *fiqhiyah*.

Dua rumusan dapat dibuat daripada dapatan tersebut. Pertama, perakaunan zakat korporat adalah perkara yang berkaitan dengan ijтиhad. Kedua, pembaharuan terhadap kaedah perakaunan zakat korporat boleh dibuat berdasarkan kaedah *qiyyas*.

Dapatan kedua mempamerkan 7 responden (58.3%) berpendapat kaedah modal kerja terselaras bukanlah kaedah yang paling tepat dengan kehendak Syarak. Mereka turut berpendapat kaedah perakaunan

13 Mereka terdiri daripada Pengarah Akademi Islam (ketika itu), Universiti Malaya, Ketua Jabatan Syariah (ketika itu), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, dan dua orang Mufti.

14 Mereka terdiri daripada seorang profesor ekonomi, seorang profesor percuakan, dan dua orang yang mempunyai kepakaran dalam bidang kewangan Islam khususnya zakat.

15 Mereka terdiri daripada dua orang pengurus zakat, dan dua orang ahli akademik yang terlibat secara langsung dengan perakaunan zakat di Malaysia.

zakat korporat adalah tidak *rigid* dan bukanlah sesuatu yang *qat'i*. Pembaharuan tersebut boleh dibuat berdasarkan perubahan '*illah*'. Malah majoriti responden (8 responden) berpendapat '*illah* kefarduan zakat boleh berubah. Dengan kata lain, cendekiawan zakat di Malaysia perlu meneroka '*illah* kefarduan zakat korporat.

Begini juga dua rumusan dapat dibuat daripada dapatan kedua ini. Pertama, oleh kerana bukan *qat'i*, maka pembaharuan boleh dibuat berasaskan perubahan '*illah*. Kedua, cendekiawan di Malaysia perlu meneroka '*illah* baru terhadap kefarduan perakaunan zakat korporat. Dengan itu, pendapat cendekiawan diteroka, apakah kaedah untuk mendapatkan pendapatan boleh dijadikan '*illah* bagi aplikasi *qiyyas* untuk kaedah perakaunan zakat korporat di Malaysia? Aplikasi *qiyyas* di sini ialah *qiyyas* antara kaedah mendapatkan pendapatan daripada pertanian dengan kaedah mendapatkan pendapatan daripada perniagaan.

Kedua-dua kaedah mendapatkan pendapatan tersebut melibatkan faktor-faktor pengeluaran. Faktor-faktor pengeluaran itu boleh dibahagikan kepada dua kategori. Pertama faktor yang tetap. Kedua faktor berubah. Kedua-dua jenis usaha ini mempunyai ciri-ciri yang sama bagi mendapatkan pendapatan. Justeru, *qiyyas* digunakan untuk menentukan perakaunan zakat. Kaedah untuk mendapatkan pendapatan digunakan sebagai '*illah*.

Dapatan mempamerkan 7 responden (58.3 peratus) bersetuju, 2 responden (16.7 peratus) tidak setuju, 2 responden (16.7 peratus) tidak pasti dan seorang responden (8.3 peratus) tidak tahu tentang kaedah untuk mendapatkan pendapatan digunakan sebagai '*illah*. Responden yang bersetuju ialah 3 orang fuqaha', 2 orang ahli ekonomi dan 2 orang pengamal zakat. Sebaliknya, seorang ahli ekonomi dan seorang pengamal zakat tidak bersetuju. Sementara itu, seorang fuqaha' dan seorang ahli ekonomi adalah tidak pasti. Seorang pengamal zakat sahaja yang memberi jawapan tidak tahu.

Dapatkan ini mempamerkan *qiyyas zakat korporat* kepada zakat pertanian mendapat jawapan yang pelbagai daripada responden. Ada responden bersetuju dan ada responden berpendapat sebaliknya. Namun begitu, majoriti responden (58.3 peratus) berpendapat zakat korporat boleh diqiyaskan kepada zakat pertanian. Menurut mereka, hal ini disebabkan kepentingan sesuatu sektor ekonomi banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor semasa. Antara lain faktor-faktor semasa tersebut ialah perubahan kepentingan dalam sektor-sektor ekonomi.¹⁶

Di Malaysia pula, sektor ekonomi boleh dibahagikan lima kategori. Pertama, sektor perkilangan; kedua, sektor pertanian, penternakan, perhutanan dan perikanan; ketiga, sektor perlombongan; keempat, sektor pembinaan; dan kelima, perkhidmatan. Sektor-sektor ini mempunyai ciri-ciri khusus. Semua sektor kecuali sektor perkidmatan mungkin sesuai diqiyaskan kepada zakat pertanian.

Bagi responden yang tidak bersetuju dengan zakat pertanian pula berhujah aset tetap syarikat korporat berlainan dengan aset tanah. Seorang ahli ekonomi berhujah seperti berikut:

“Andaian saudara ialah zakat perniagaan dikenakan terhadap keuntungan perniagaan. Saya berpendapat zakat perniagaan tidak boleh dikenakan terhadap keuntungan perniagaan, sebaliknya dikenakan terhadap baki modal kerja sebagai sumber dan puncakekayaan. Aset tetap dan susut nilai tidak relevan dalam zakat. Tanah dizakatkan sebagai sumber dan puncakekayaan yang berasingan daripada perniagaan”

16 Pembahagian sektor-sektor ekonomi dalam Islam bukanlah suatu perkara baru. Di samping sektor perdagangan (Surah al-Nisa' 4:29), antara sektor yang disebut dalam al-Qur'an adalah sektor pekerjaan (Surah al-Mulk 67: 15), pertanian (Surah Qaf 50: 7), ternakan (Surah al-Nahl 16: 66), perindustrian seperti alatan peperangan (Surah al-Anbiya' 8: 60), tekstil (Surah al-A'raf 7: 26; Surah al-Nahl 16: 92), kaca (Surah al-Naml 27: 44) dan keluli (Surah al-Kahfi 18: 96), pembinaan seperti bangunan (Surah Saba' 34: 13) dan perkapalan (Surah Hud 11: 37).

Selain itu, seorang lagi ahli ekonomi turut tidak bersetuju dengan zakat korporat hanya dikenakan terhadap keuntungan sahaja. Beliau memberi komen seperti berikut:

“Tidak bersetuju taksiran zakat korporat berasaskan keuntungan semata-mata, bahkan ia perlu ditaksirkan bersama modalnya. Ini merupakan suatu yang mendapat kata sepakat mazhab empat dan lain-lain ulama’ silam dan semasa, kecuali setengah pakar ekonomi dan kewangan yang mana pada pandangan mereka taksiran zakat korporat sama dengan taksiran cukai korporat (dibayar terhadap keuntungan sahaja).”

Hal ini disebabkan zakat korporat wajib dikeluarkan walaupun operasi perniagaan mengalami kerugian. Seorang pengamal zakat menyebut seperti berikut:

“Zakat mesti dikeluarkan walaupun perniagaan tidak memperoleh keuntungan. Hal ini disebabkan zakat dikeluarkan berasaskan aset semasa. Sekiranya aset semasa positif maka zakat perlu ditunaikan.”

Dapatkan ini bolehlah dirumuskan majoriti responden bersetuju zakat korporat boleh diqiyaskan kepada zakat pertanian. Kaedah untuk mendapatkan pendapatan telah digunakan sebagai ‘illah. Oleh yang demikian, zakat akan dikenakan terhadap pendapatan daripada operasi perniagaan. Keputusan yang dikeluarkan di simposium zakat yang diadakan di Kaherah pada 25 Oktober 1988 turut menyokong pandangan ini. Antara yang boleh diqiyaskan kepada zakat pertanian adalah pendapatan daripada perkilangan. Bangunan kilang boleh diqiyaskan kepada tanah pertanian disebabkan kedua-dua merupakan harta tetap yang sentiasa mendatangkan keuntungan sekiranya diurus dengan baik. Justeru, zakat yang diwajibkan terhadap pendapatan pada kadar 5 peratus. Sebelum itu, pada 3 April 1984, di persidangan zakat yang diadakan di Kuwait telah diputuskan isu yang hampir sama.

Rumusan

Berdasarkan analisis di atas, rumusannya cendekiawan zakat di Malaysia berpendapat pembaharuan terhadap kaedah perakaunan zakat korporat boleh dilakukan. Hal ini disebabkan kaedah modal kerja terselaras itu sendiri dibentuk bukan berdasarkan nas yang *qat'i*. Dengan itu, kaedah perakaunan zakat korporat berasaskan pendapatan boleh diamalkan sebagai satu kaedah alternatif bagi memaksimum manfaat menurut seksyen 44(1), ACP 1967. Apatah lagi untuk membuat pindaan ke atas peruntukan seksyen 44(1) tersebut adalah sesuatu tindakan yang tidak mudah. Kaedah berasaskan pendapatan itu sebenarnya bukanlah sesuatu yang asing. Kaedah perakaunan zakat korporat berasaskan pendapatan ini sebenarnya telahpun diamalkan Baitul Mal Aceh Darussalam. Qanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Nomor 7 Tahun 2004 Tentang Pengelolaan Zakat, Bab IX - Kadar, Nisab dan Haul, Fasal 29 menyebut seperti berikut:

“harta perdagangan, perusahaan dan perindustrian yang keuntungan telah mencapai nisab senilai 94 gram emas setahun wajib dikeluarkan zakatnya sebesar 2.5% pertahun.”

Bibliografi

- Abu Ubayd al-Qasim b. Salam, 1991. Terj. Noor Mohammad Ghiffari, *Kitab al-Amwal*, Islamabad: Pakistan Hijra Council.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2001. *Panduan Zakat di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), 2008. *Manual Pengurusan Pengiraan Zakat*, Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.
- Yusuf al-Qaradawi, 1999. *Fiqh az-Zakat: A Comparative Study*, Terj. Monzer Kahf, London: Dar Al Taqwa Ltd.
- Zahri Hamat, 2011. Perubahan Dalam Perakaunan Zakat di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*. Vol. 5, No. 11, hal. 19 - 34.

Zahri Hamat, 2014. *Perakaunan zakat Perniagaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zahri Hamat, 2015. Harmonization of Business Zakat and Taxation in Malaysia, kertas dibentangkan di **5th International Conference on Management (ICoM 2015)**, anjuran bersama Faculty of Economics and Social Sciences, Szent István University dengan Częstochowa University of Technology, Slovak University of Agriculture and Mendel University bertempat di Gödöllő, Hungary, **18 - 19 Jun 2015**.

14

MIKRO KREDIT DARIPADA DANA ZAKAT: SATU SOROTAN

*Nurul Ilyana Muhd Adnan**

Abstrak

Kertas kerja ini membuat sorotan tentang pemberian modal kerja untuk perniagaan melalui mikro kredit daripada dana zakat. Sorotan ini dibuat berdasarkan tulisan-tulisan mahupun karya-karya terdahulu. Berdasarkan analisis kandungan, dapatan terhadap tulisan-tulisan dahulu mempamerkan bahawa telah ada pemberian modal kerja dalam bentuk mikro kredit yang dibiayai daripada dana zakat di institusi zakat di beberapa negara Islam. Pemberian modal kerja yang paling terkehadapan adalah Baitulmal Aceh Darussalam, Indonesia. Hal ini memberi implikasi bahawa pemberian modal kerja melalui mikro kredit berpotensi untuk dilaksanakan di negara-negara Islam, khusus institusi-institusi zakat di Malaysia.

Kata kunci: Isu semasa agihan zakat

* Pensyarah (Ph.D), Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
E-mel: ilyana_adnan@ukm.edu.my

Pendahuluan

Pengagihan zakat telah dinyatakan secara jelas Allah SWT dalam surah al-Taubah [9] ayat 60¹. , zakat harus diaghikan kepada lapan golongan. Dalam al-Sunnah Rasulullah SAW. tiada keterangan yang menunjukkan bahawa zakat harus dibahagikan secara sama rata atau tidak antara lapan golongan asnaf yang berhak. Bahkan Baginda SAW sendiri membahagikan zakat mengikut keperluan mereka sesuai dengan dana yang ada. Hal ini kerana tujuan utama zakat adalah untuk mengurangkan kemiskinan (Yusuf Qaradawi, 2002).

Di Malaysia, institusi-institusi zakat dan Baitulmal bertanggungjawab mengumpul dan mengagihkan zakat menggunakan pelbagai kaedah dan pendekatan. Tujuannya zakat dapat disalurkan secara berterusan kepada golongan asnaf (Rosbi Ab. Rahman, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, 2008). Untuk mempastikan keberterusan dalam pengagihan, maka dana zakat sepatutnya diaghikan kepada golongan asnaf secara tidak langsung (Rusjdi Ali Muhammad, 2003). Antara kaedah merealisasikannya melalui agihan dalam bentuk produktif seperti penyediaan modal perniagaan daripada dana zakat melalui mikro kredit. Penerima zakat dalam jangka masa tertentu, mampu berubah status daripada penerima zakat kepada pembayar zakat. Untuk maksud itu, bahagian ini meneroka tiga aspek, pertama tentang mikro kredit. kedua, tentang pengagihan zakat produktif melalui mikro kredit. Ketiga tentang *Maqasid Syariah* dan hubungannya dengan pengagihan zakat produktif melalui mikro kredit.

1 “Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil Yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf Yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba Yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang Yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) Dalam perjalanan. (Ketetapan hukum Yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana” (Surah Al-Taubah : 60).

Perbincangan kertas ini tertumpu agihan zakat, agihan zakat dalam bentuk mikro kredit di Baitulmal Aceh dan potensi pengagihan zakat melalui mikro kredit di institusi-institusi zakat di Malaysia.

Dana Zakat dan Agihan Melalui Mikro Kredit

Pembiayaan mikro daripada dana zakat tergolong dalam masalah ijtihadi. Ianya berkait rapat dengan perubahan sosial. Perkara ini berkait rapat dengan *urf* dan kemaslahahan masyarakat pada masa dan tempat tertentu. Oleh itu, *maslahah ammah* (kepentingan umum) adalah berbeza mengikut perbezaan masyarakat. Ini sesuai dengan sifat universal Syariat Islam itu sendiri. Asas yang diguna pakai para Ulama dalam menentukan mekanisme ini ialah *Maqasid Syariah*. Oleh kerana pembiayaan mikro melalui dana zakat ini memberi kebaikan kepada masyarakat setempat, maka ia boleh dilaksanakan. Tambahan pula, tiada nas yang melarangnya.

Pengagihan zakat melalui pembiayaan mikro tidak bertentangan dengan konsep *maslahah ammah* yang ingin dicapai. Zakat yang diberikan melalui pembiayaan mikro kepada satu *mustahiq* zakat dalam jumlah tertentu adalah untuk memberikan peluang bagi *mustahiq* berusaha secara lebih maksimum dengan adanya modal yang mencukupi. Hal ini adalah untuk membebaskan dirinya dari kemiskinan dan pada akhirnya diharapkan *mustahiq* zakat melalui usaha mikro akan menjadi *muzakki* zakat dikemudian hari. Hal ini pula tidak akan merosak *maslahah* individu dari *mustahiq* zakat lainnya. Ini kerana modal pembiayaan mikro yang telah diberikan tersebut akan dikembalikan semula *mustahiq* kepada institusi zakat untuk disalurkan kembali kepada *mustahiq* zakat lainnya.

Melalui pembiayaan mikro ini, umat Islam tidak akan terjebak dengan urusniaga riba dan akhirnya objektif zakat iaitu membasmi kemiskinan akan tercapai. Ini selari dengan asas *Maqasid Syariah* iaitu

menarik kebaikan dan menolak kerosakan. Maksud dari syariah seperti menjaga agama, jiwa dan kemuliaan tercapai dengan baik. Hal ini lebih bermanfaat berbanding mengagihkan zakat dalam bentuk kepenggunaan kepada *mustahiq* zakat yang mengakibatkan wujudnya kebergantungan mereka pada pengagihan zakat berikutnya, sehingga *mustahiq* zakat tidak akan pernah keluar dari jurang kemiskinan.

Mikro Kredit daripada Dana Zakat di Baitulmal Aceh

Perkara ini bukanlah perkara baru bagi Baitulmal Aceh. Usaha ke arah memperkasakan dana zakat dalam bentuk produktif dinyatakan di dalam Qanun Aceh No. 10/2007. Qanun Aceh No. 10/2007, fasal 29 menyatakan, penerima zakat dalam bentuk produktif mesti memenuhi tiga syarat. Pertama, sudah mempunyai suatu jenis usaha produktif yang layak. Kedua, bersedia menerima petugas pendamping yang berfungsi sebagai pembimbing. Ketiga, bersedia menyampaikan laporan usaha secara berkala setiap enam bulan.

Pembiayaan melalui modal kerja ini bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi hidup keluarga dan mendidik supaya rajin bekerja serta tidak mengharap bantuan daripada orang lain. Setiap pembiayaan yang diberikan mesti dibayar secara ansuran mengikut sektor masing-masing. Sektor perdagangan perlu membuat ansuran bulanan, manakala sektor pertanian dan penternakan pula perlu membuat ansuran mengikut kesesuaian penerimaan hasil untuk sektor-sektor tersebut. Ansuran yang diterima itu akan digunakan untuk mikro kredit seterusnya penerima zakat yang baru.

Bagi memastikan penerima zakat berjaya dalam usaha masing-masing dan seterusnya mampu berubah menjadi pembayar zakat, Baitulmal Aceh menetapkan beberapa kriteria. Antara kriterianya

pertama, memiliki iman dan taqwa. Kedua, jujur dan amanah. Ketiga, daripada keluarga yang kurang mampu iaitu pendapatan lebih kecil daripada keperluan hidup harian. Pendapatan di bawah Rp.1,000,000 dengan mempunyai tanggungan minimum seramai 2 orang. Rumah yang didiami tidak kekal dan tidak layak diduduki. Keempat, memiliki tapak perniagaan yang tetap dengan barang perniagaan yang jumlahnya sedikit. Kelima, tidak bekerja sebagai pegawai kerajaan atau pegawai syarikat milik kerajaan maupun pegawai swasta. Namun semua data yang diberikan penerima dan kelulusan untuk mikro kredit ini akan disahkan dan ditentukan Timbalan Unit Pengelolaan Zakat Produktif di lapangan.

Mikro kredit yang dilaksanakan di Baitulmal Aceh melibat tiga sektor iaitu sektor perdagangan, sektor penternakan dan sektor pertanian.² Mikro kredit untuk sektor perdagangan menggunakan *al-qard al-hasan* iaitu pemberian pinjaman tanpa dikenakan apa-apa bayaran tambahan. Namun mereka boleh dikenakan bayaran perkhidmatan. Bayaran itu mestilah kos sebenar untuk menyediakan perkhidmatan tersebut (Abdul Rahim Abdul Rahman, 2007). Ansuran bulanan mestilah dibuat sesuai dengan jumlah pembiayaan yang diterima untuk tempoh selama setahun. Setakat ini, mereka yang terlibat di sektor perdagangan mampu membuat bayaran balik pada tahap 79% daripada amaun modal kerja yang diambil. Ini suatu kejayaan yang membanggakan kerana bank konvensional yang diuruskan secara profesional dan sudah lama terlibat dengan program ini hanya mampu memungut bayaran balik pada tahap 60% daripada amaun yang diambil.

2 Untuk keterangan lanjut tentang zakat produktif khususnya untuk pembiayaan mikro di Baitulmal Aceh, sila lihat Pengelolaan Zakat Produktif Pada Badan Baitulmal Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, susunan Tim UPZP bagi tempoh September 2006 - Oktober 2007.

Mikro kredit untuk sektor penternakan pula menggunakan aqad *mudarabah* iaitu satu bentuk kerjasama antara dua pihak di mana pemilik modal (*shahibul amal*) menyediakan sejumlah modal kepada pengusaha (*mudarib*). Perkongsian keuntungan antara mereka dibahagikan mengikut nisbah yang dipersetujui pihak-pihak yang terlibat (Abdul Rahim Abdul Rahman, 2007).

Modal kerja disediakan dalam bentuk haiwan ternakan. Ia melibatkan ternakan lembu dan kambing. Bagi ternakan lembu (penggemukan lembu) perkongsian keuntungan diperoleh apabila lembu tersebut dijual. Keuntungan dibahagikan mengikut aqad *mudarabah* antara Baitulmal Aceh dengan peternak dengan nisbah 50 : 50. Perternak mendapat bahagian 50% dari keuntungan bersih, manakala Baitulmal Aceh memperoleh 50% dari keuntungan bersih bersama dengan modal yang dikeluarkan untuk pembelian ternakan berkenaan. Semasa pemeliharaan ternakan tersebut, Baitulmal Aceh akan memantau perkembangan ternakan tersebut dari segi pengubatan dan pencegahan penyakit oleh pegawai haiwan.

Mikro kredit untuk sektor pertanian diberikan kepada para petani di daerah-daerah miskin yang terpilih. Pembiayaan di sektor pertanian juga menggunakan *al-qard al-hasan*. Para peserta di sektor pertanian diagihkan zakat dalam bentuk sara hidup semasa menunggu hasil tanaman mereka dituai. Apabila hasil tanaman telah dituai, misalnya 40 untuk tanaman bayam atau 90 hari untuk tanaman kacang, maka ansuran modal kerja yang diambil perlulah dibayar sepenuhnya. Bagi mereka yang tidak mampu membayar sepenuhnya, maka ansuran dibuat bersesuaian dengan kemampuan masing-masing. Dengan mikro kredit ini, petani telah dapat memperluas kawasan pertanian mereka sehingga pendapatan dan taraf hidup mereka menjadi lebih baik daripada sebelumnya.

Potensi Pelaksanaan Mikro Kredit daripada Dana Zakat di Institusi-Institusi Zakat di Malaysia

Institusi-institusi zakat di Malaysia mampu menjadi wasilah untuk meningkatkan taraf hidup asnaf. Ini terbukti dengan adanya program-program pembasmian kemiskinan anjuran institusi zakat. Setiap asnaf mempunyai keperluan dan kriteria masing-masing. Ini sekaligus menentukan corak dan kadar pembahagian yang layak bagi mereka. Pembahagian zakat bagi tujuan perniagaan tidak boleh dengan sewenang-wenangnya diberikan kepada mana-mana asnaf tanpa mengambil kira kelayakan mereka.

Secara umumnya mikro kredit daripada zakat mempunyai potensi yang besar untuk dilaksanakan di institusi-institusi zakat di Malaysia. Ini kerana kutipan zakat di setiap negeri meningkat setiap tahun (Laporan Zakat, 2006). Tambahan pula, kaedah ini tidak melanggar hukum syarak kerana kaedah ini merupakan perkara ijtihadi. Menurut Mahmood Zuhdi (2013), Malaysia mempunyai potensi yang besar untuk melaksanakan program agihan dana zakat dalam bentuk mikro kredit. Namun menurut beliau, institusi-institusi zakat perlu bersiap-sedia dengan halangan dan risiko yang bakal dihadapi. Halangan dan risiko yang dimaksudkan pertama, gangguan fatwa. Kedua, kepakaran dan kejujuran pihak penerima. Ketiga, efisensi institusi-institusi zakat. Oleh sebab itu, menurutnya, pihak institusi zakat perlu bersedia terlebih dahulu terhadap kemungkinan berlakunya perkara di atas. Ini bagi memastikan *blue print* yang dirangka tidak menghadapi masalah. Beliau menegaskan:

“Pihak berwajib harus bersiap-sedia dengan risiko yang akan dihadapi. Walaupun potensinya ada, tetapi risikonya besar. Oleh itu mereka perlu ada kemahiran dan kepakaran serta mekanisme yang betul agar kaedah agihan ini dapat dilaksanakan dengan baik.”

Terdapat beberapa cadangan pelaksanaan pembiayaan mikro kredit yang boleh dilaksanakan institusi-institusi zakat di Malaysia. Antaranya pertama, pemberian zakat dalam bentuk modal ataupun keperluan perniagaan. Perniagaan yang biasa mendapat pembiayaan melibatkan industri makanan, jahitan dan ternakan. Kedua, institusi-institusi zakat dengan kerjasama pihak atau badan-badan lain menubuhkan satu pusat pengeluaran berasaskan kontrak di mana hasil akan dijamin dari segi pemasarannya. Para asnaf yang terpilih akan mengusahakan ladang tersebut secara berkelompok dan sebahagian daripada hasil pendapatan mereka akan digunakan untuk membayar kembali modal awal projek sebagaimana yang dipersetujui dalam perjanjian.

Ketiga, institusi-institusi zakat tanpa kerjasama pihak luar menyediakan keperluan perniagaan berskala besar dan memilih asnaf yang layak untuk mengusahakannya. Para asnaf terpilih yang benar-benar berkelayakan sahaja akan mengendalikannya. Mereka dikehendaki membuat pembayaran balik ke atas modal awal penyediaan keperluan perniagaan tersebut. Sekiranya gagal, mereka akan disingkirkan daripada program dan kemudahan perniagaan akan ditarik balik.

Pihak institusi-institusi zakat boleh menjadikan Baitulmal Aceh sebagai model untuk melaksanakan kaedah agihan mikro kredit ini. Mereka boleh menyediakan mikro kredit pertama, dalam bentuk *al-qard al-hasan* iaitu pemberian pinjaman tanpa dikenakan apa-apa bayaran tambahan untuk sektor perdagangan. Namun mereka boleh dikenakan bayaran perkhidmatan. Bayaran itu mestilah kos sebenar untuk menyediakan perkhidmatan tersebut (Abdul Rahim Abdul Rahman, 2007).

Kedua, mikro kredit untuk sektor penternakan pula menggunakan *aqad mudarabah* iaitu satu bentuk kerjasama antara dua pihak di mana pemilik modal (*shahibul amal*) menyediakan sejumlah modal kepada pengusaha (*mudarib*). Perkongsian keuntungan antara mereka

dibahagikan mengikut nisbah yang dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat (Abdul Rahim Abdul Rahman, 2007). Ketiga, pembiayaan di sektor pertanian juga menggunakan *al-qard al-hasan*. Para peserta di sektor pertanian diagihkan zakat dalam bentuk sara hidup semasa menunggu hasil tanaman mereka dituai. Apabila hasil tanaman telah dituai, misalnya 40 untuk tanaman bayam atau 90 hari untuk tanaman kacang, maka ansuran modal kerja yang diambil perlulah dibayar sepenuhnya. Bagi mereka yang tidak mampu membayar sepenuhnya, maka ansuran dibuat bersesuaian dengan kemampuan masing-masing. Dengan mikro kredit ini, petani telah dapat memperluas kawasan pertanian mereka sehingga pendapatan dan taraf hidup mereka menjadi lebih baik daripada sebelumnya.

Kesimpulan

Agihan zakat melalui mikro kredit merupakan salah satu mekanisme pelaburan secara langsung berkaitan dengan golongan fakir dan miskin. Amalan seperti ini tergolong dalam kelompok muamalah yang hukumnya tidak ditunjukkan secara eksplisit oleh nas bahkan diserahkan sepenuhnya kepada ijтиhad para Ulama untuk memenuhi keperluan dan hajat hidup manusia sepanjang zaman, tempat, situasi dan kondisi masyarakat demi untuk mewujudkan kemaslahahan penerima zakat khasnya masyarakat fakir miskin khususnya peniaga-peniaga kecil.

Pengagihan zakat dalam bentuk modal kerja melalui kredit mikro memang sangat berpotensi. Pertama, dari segi melaburkan harta zakat itu supaya tidak tertimbun. Kedua, potensi untuk asnaf fakir miskin sendiri supaya mereka dapat mengembangkan yang diberikan kepada mereka dalam bentuk modal. Ketiga, boleh menarik umat Islam supaya lebih aktif dalam bidang ekonomi. Di samping itu, institusi-institusi zakat di Malaysia boleh menjadikan Baitulmal Aceh sebagai model

untuk mengaplikasi pemberian modal kerja dalam bentuk mikro kredit yang dibiayai daripada dana zakat. Apatah lagi program ini amat berjaya di Aceh.

Bibliografi

- Abdul Aziz Muhammad (1993). *Zakat and Rural Development in Malaysia* (Tesis Ijazah Doktor Falsafah). Universiti Malaya.
- Abdul Rahim Abdul Rahman (2007). Islamic Microfinance: A Missing Component in Islamic Banking. *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies*, 1 - 2, 38 - 53.
- Abu Ubayd al-Qasim Salam (2007). *Kitab al-Amwal*, Misr: Dar al-Huda al-Nabawi lil-Nashr wa-al-Tawzī'.
- Ahmad Hidayat Buang (1999). Kutipan dan Agihan Zakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Bagi Tempoh 1985-1995 : Satu pemerhatian. *Jurnal Syariah*. APIUM. Jil. 7, Bil 1 Januari 1999.
- Al-Ghazali (2000). *Al-Mustasfa fi Ilm Usul*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Nawawi, Muhyi al-Din abu Zakariya Yahya b. Sharf (1996). *Al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab lil Shirazi*. Kaherah. Al- Matba'ah al- Muniriyah.
- Al-Sayuti, Jalaluddin Abdul Rahman b. Abu Bakar (1998). *Kitab Asybah wan Nadhair fi Qawa'id wa Furu' Fiqh al-Shafi'i*. Dar al- kutub al -Ilmiyyah. Beirut. Lubnan.
- Al-Shatibi, Abi Ishak (2005). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*. Dar al- kutub al -Ilmiyyah. Beirut. Lubnan.
- Armiadi Musa Basyah (2009). *Pentadbiran Zakat di Baitulmal Aceh: Kajian Terhadap Agihan Zakat Bagi Permodalan Masyarakat Miskin*. Tesis Ph.D, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ibn Qayyim al-Jauzi (1975). *'Ilam al Muwaqqi 'in 'an Rabba al- 'Alamin*. Dar al-Jail. Beirut. Lubnan.
- Muhammad Abdul Mannan (1986). *Islamic Economics: Theory and practice*. Cambridge : The Islamic Academy.
- Mujaini Tarimin (2005). *Golongan Penerima Zakat: Agihan Dana Zakat Secara lebih Berkesan*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara.

- Prof. Madya Mohamad Kamil Ab. Majid (2009). *Zakat Untuk Graduan Menganggur Mulakan Perniagaan*. MindaMuslim.com.
- Raziah Md. Tahir. (2010). Mekanisme Operasi Pembinaaan Mikro Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) : Satu Analisis Daripada Perspektif Islam. Tesis PHD. Universiti Sains Malaysia.(tidak diterbitkan)
- Rosbi Abd.Rahman, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid (2008). *Perlaksanaan Bantuan Modal Zakat: Analisis Perbandingan*. Seminar Kebangsaan Ekonomi Malayssia.
- Rusjdi Ali Muhammad, (2003), *Revitalisasi Syariat Islam di Aceh: Problem, Solusi dan Implementasi*. Banda Aceh: IAIN Ar-Raniry.
- Temubual dengan dengan Prof. Datuk Dr. Mahmood Zuhdi Abd. Majid pada 23 Ogos 2013.
- Tim Unit Pengelolaan Zakat Produktif (UPZP) (2007). *Pengelolaan Zakat Produktif Pada Baitulmal Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam*. Banda Aceh: Unit Pengelolaan Zakat Produktif.
- Yusuf al-Qaradawi (1992). *Fatwa antara ketelitian dan kecerobohan* (Ahmad Nuryadi Asmawi, Trans.). Batu Caves: Thinker's Library Sdn.Bhd.
- Yusuf al-Qaradawi (2002). *Fiqh al-Zakat*. Beirut. Muassasah al-Risalah.
- Zahri Hamat (2010). Kelestarian Pengagihan Dana Zakat Di Baitulmal Aceh dalam kertas kerja di *International Seminar Economic Regional Development, Law and Governance in Malaysia and Indonesia*. AnjuranUniversiti Utara Malaysia dan Universiti Islam Riau, Pekan Baru,

15

ANALISIS SKIM AGIHAN ZAKAT KEPADA MUALAF BERASASKAN MAQASID SYARI'AH DI MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN¹

Azman Ab Rahman & Norlina Ismail***

Abstrak

Zakat merupakan ibadat wajib dalam Islam. Zakat diagihkan kepada lapan golongan asnaf yang telah ditentukan Allah SWT dan mualaf merupakan salah satu daripada golongan yang telah ditetapkan sebagai penerima zakat dalam Islam. Pengagihan zakat perlu memenuhi maqasid syari'ah bagi memastikan agihan zakat yang diberikan menepati pensyariatan dan hikmah menunaikan zakat. Setiap skim yang disediakan perlu dinilai sama ada melengkapi keperluan asnaf berasaskan maqasid syari'ah, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kertas kerja ini memfokuskan skim bantuan zakat

-
- 1 Kertas kerja ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan yang telah diluluskan dan dibiayai oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di bawah Geran Kompetitif USIM, kod penyelidikan: PPP/UTG-0213/FSU/30/13013. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Universiti Sains Islam Malaysia yang telah membayai penyelidikan ini dan sentiasa memberikan sokongan dan galakan dalam usaha menyempurnakan penyelidikan ini.
 - * Pensyarah kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. Email: azman@usim.edu.my
 - ** Pelajar Sarjana, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.. Email: linaismail29@gmail.com

yang disediakan kepada asnaf mualaf di Negeri Sembilan. Kertas kerja ini juga menilai dan menganalisis skim agihan zakat kepada mualaf yang disediakan bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Hasil kajian mendapati secara umumnya skim-skim yang disediakan kepada mualaf keseluruhannya melengkapi setiap aspek maqasid syari'ah. Namun, semakan semula perlu dilakukan bagi memastikan skim-skim tersebut mengikut keutamaan asnaf berasaskan maqasid syari'ah, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kajian lanjutan boleh dijalankan bagi menilai setiap skim yang disediakan kepada 8 golongan asnaf dari semasa ke semasa agar selari dengan konsep maqasid syari'ah yang diutamakan dalam Islam.

Kata kunci: Mualaf, Skim Agihan Zakat, Maqasid Syari'ah

Pendahuluan

Zakat adalah salah satu rukun Islam yang berperanan penting dalam kehidupan umat Islam. Zakat sebagai medium penyucian harta dan pendapatan yang diperoleh melalui pebagai sumber serta perkongsian kekayaan bagi mengukuhkan ekonomi umat Islam.

Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah [9] ayat 60 bermaksud:

'Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana'

Tafsiran ayat menunjukkan terdapat lapan golongan asnaf berhak menerima zakat. Zakat disyariatkan khusus asnaf fakir, miskin, amil, mualaf, *al-riqab*, *al-gharimin*, fisabilillah dan ibnu sabil.

Sistem agihan zakat di Malaysia, pendekatan maqasid syari'ah dalam setiap skim dan bentuk bantuan yang disediakan setiap negeri selari dengan konsep maqasid syari'ah.

Konsep Maqasid Syari'ah

Para pengkaji ilmu *maqasid* zaman *muta'akhiran* seperti Ahmad al-Raisuni (1995) cuba mendefinisikan *Maqasid al-Syari'ah* sebagai “Matlamat yang ditentukan oleh Syariat untuk direalisasikan bagi faedah dan kepentingan manusia”. Takrifan ini juga didefinisikan Ibn 'Ashur (1998), 'Allal al-Fasi (1993) dan Muhammad bin Sa'ad al-Yubi (1998).

Kebanyakan pengkaji ilmu *maqasid al-syari'ah* menyimpulkan para ulama *mutaqaddimin* tidak menyatakan secara jelas definisi *maqasid al-syari'ah*. Takrifan yang dikemukakan hanya memfokuskan dari sudut hasil atau matlamatnya sahaja seperti takrifan yang dinyatakan al-Ghazali (1993) Al-Amidi (1998) dan al-Shatibi (1997).

Matlamat utama syariat Islam untuk menghasilkan kebaikan kepada manusia dan menolak keburukan daripada mereka. Para fuqaha mentafsirkan kebaikan (*Maslalah*) dan keburukan (*Mafsadah*) merangkumi aspek dunia ni dan ukhrawi (Al-Shatibi, 1997). Al-Shatibi menjadikan syarat memahami *maqasid al-syari'ah* sebagai syarat utama dalam proses berijtihad dan berpandangan seperti kebanyakan para fuqaha *mutakhir* seperti Najmu al-Din al-Tufi, Ibn Taimiyah dan Ibn al-Qayyim dengan menyatakan hukum boleh dikaitkan dengan '*illat ahkam*.

Ta'lil al-ahkam adalah teori *maqasid al-syari'ah* yang terbina berdasarkan prinsip penentuan '*illat* hukum. Ia bermaksud hukum hakam Allah SWT diasaskan berdasarkan kemaslahatan manusia sama ada di dunia dan akhirat, maka setiap hukum boleh dikaitkan dengan '*illat* tertentu. '*Illah* secara mudahnya boleh ditakrifkan sebagai sebab dan tujuan sesuatu hukum diwartakan.

Elemen *ta'lil al-ahkam* sangat penting kerana ia melibatkan proses pembinaan hukum Islam khususnya melibatkan metode-metode seperti *maslahah mursalah*, *istihsan*, *'urf* dan *sadd al-dhara'i*. Secara umumnya kepentingan *ta'lil al-ahkam* merupakan asas utama dalam memahami ilmu *maqasid al-syari'ah* bersandarkan kaedah yang tepat dan ia merupakan salah satu rukun *qiyyas* paling utama yang menghubungkan di antara *asal* dan *furu'*. Peranan *ta'lil al-ahkam* juga dianggap sebagai pelengkap kepada kewujudan *'illah* iaitu jelas dan konsisten. Malahan dijadikan sandaran utama dalam beramal dengan *maslahah mursalah*, *istihsan*, dan *sadd al-dhara'i*.

Al-Shatibi (1997) berpendapat dalam memahami *maqasid syari'ah*, penelitian terhadap perintah dan larangan (*'illat al-'amr wa al-nahi*) harus dilakukan berdasarkan syarat *'illat* yang diberikan syarak secara jelas dalam *nas* agar tujuan syari' terhadap perintah dan larangan dapat dicapai. Akan tetapi jika *'illat* hukum tidak diketahui dengan jelas maka sikap *tawaqquf* harus dilakukan. Sikap *tawaqquf* ini dilakukan dengan dua cara; pertama tidak boleh melakukan perluasan skop terhadap ketetapan *nas* tanpa diketahui *'illahnya* kerana ianya sama seperti menetapkan hukum tanpa dalil. Kedua, boleh memperluaskan skop terhadap ketetapan *nas* apabila diketahui *'illat* dan tujuan hukum.

Maqasid syari'ah melihat kepada perubahan nilai semasa, setempat, *'urf* dan *maslahah*. Ini bertepatan dengan kaedah fiqh “*Tidak diingkari perubahan hukum implikasi perubahan zaman dan tempat*”. Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1977) menegaskan penelitian terhadap *maqasid syari'ah* semasa dan setempat sangat mustahak dan perlu seiring dalam proses pengeluaran ijтиhad semasa kerana kejahilan memahaminya akan memberi impak negatif terhadap syariat Islam.

Imam Al-Shatibi (1997) menyatakan bahawa tahap kepentingan manusia berbeza berdasarkan keperluan diri, sosioekonomi, latar belakang pendidikan dan sebagainya. Syariat Islam bersifat dinamis dan fleksibel menyusun objektif syariah selari dengan keperluan dan

kepentingan manusia sejagat. Berdasarkan kepada perspektif syarak, ‘*Maslahah*’ tahap kepentingan yang perlu dijaga dikategorikan tiga bahagian iaitu *al-daruriyyat*, *al-hajiyat* dan *al-tahsiniyyat* (Al-Shatibi, 1997), sepertimana yang disepakati ulama’ seperti Imam al-Haramayn, al-Ghazali, al‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam, al-Qarafi, Ibn Taymiyyah dan Ibn Qayyim.

Al-Daruriyyat: keperluan sesuatu *maslahah* yang diperlukan dan dihajati sehingga ke tahap *darurah* iaitu satu keadaan yang sangat memerlukan dan mendesak sehingga berada dalam keadaan yang merbahaya dan mengancam nyawa seseorang apabila luputnya keperluan tersebut. *Daruriyyat* terdiri perkara-perkara utama dalam agama digelar *al-daruriyyat al-khamsah* iaitu memelihara agama (*ad-Din*), jiwa (*al-Nafs*), akal (*al-'Aql*), keturunan (*al-Nasl*) dan harta (*al-Mal*). (Izz al-Din ‘Abd Aziz Ibn ‘Abd al-Salam, t.t)

Al-Hajiyat: sesuatu objektif atau tujuan yang diperlukan untuk mencapai kelapangan dalam kehidupan, sekali gus menghilangkan kesempitan yang pada kebiasaannya membawa kesusahan. Apabila *maqsad* itu tidak diambil perhatian maka banyak kesukaran akan dihadapi. Walaupun begitu, ia tidaklah sampai peringkat *darurat* atau menghancurkan sistem kehidupan manusia secara keseluruhan. (Al-Shatibi, 1997)

Al-Tahsiniyyat: perbuatan melakukan sesuatu amalan atau adat yang baik dan terpuji serta menjauhi perkara-perkara yang dianggap tidak baik oleh akal yang sempurna. (Al-Shatibi, 1997). Al-Ghazali berpendapat kepentingan *tahsiniyyat* ialah membantu dan menampung dalam usaha mencapai keperluan biasadan kepentingan asas, ia bersifat pelengkap kepada pencapaian *hajiyat* dan *daruriyyat*. (Al-Ghazali, 1993)

Berdasarkan paparan konsep serta kategori *maqasid al-syariahdi* atas, difahami terdapat metode serta kaedah hukum Islam dalam

menyelesaikan pelbagai isu yang timbul. Perlunya memahami serta mempraktikkan konsep *maqasid al-syari'ah* dalam pendefinisan semula konsep, teori, hukum dan kaedah berteraskan tuntutan Islam serta penyesuaian hukum berdasarkan nilai-nilai semasa dan setempat agar sesuatu hukum lebih dinamis dan fleksibel.

Skim Zakat Asnaf Mualaf di Negeri Sembilan

Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) menyediakan pelbagai bentuk skim bantuan zakat mengikut keperluan asnaf mualaf di Negeri Sembilan. Terdapat 11 skim bantuan asnaf mualaf seperti berikut:

Rajah 1: Skim Bantuan Zakat Asnaf Mualaf di Negeri Sembilan



Sumber: Laman Sesawang Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

Berdasarkan rajah 1 di atas, dirumuskan kebanyakannya skim bantuan yang disediakan Baitulmal, MAINS bersifat menyeluruh yang mengutamakan keperluan semasa asnaf. Skim bantuan mengambil kira aspek kebajikan serta pengukuhan rohani dan sosial asnaf seperti saguhati kemasukan Islam, kursus mualaf dan bantuan kebajikan mualaf. Selain itu, keperluan lain diutamakan melalui penyediaan skim bantuan zakat yang berbentuk bantuan membaiki rumah, bantuan sewa rumah, bantuan modal dan perniagaan serta bantuan perkahwinan bagi golongan mualaf yang beru memeluk Islam. Di samping itu, bantuan berkhatan, bantuan ramadhan, bantuan dermasiswa bagi mualaf, bantuan untuk Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan Mualaf (NGO) dan bantuan dana bagi pembangunan Kompleks As-Sa'adah.

Setiap skim mempunyai objektif seperti saguhati kemasukan Islam, kursus mualaf, bantuan kebajikan mualaf dan bantuan berkhatan disediakan untuk membantu memenuhi keperluan asnaf mualaf pada peringkat awal pemelukkan agama Islam. Selain itu, skim bantuan membaiki rumah dan bantuan sewa rumah bagi membantu asnaf mualaf yang tidak berkemampuan membayar sewa rumah bulanan serta membantu membaiki kediaman rumah.

Bantuan lain untuk asnaf mualaf adalah bantuan modal dan peralatan perniagaan. Bantuan ini membolehkan mualaf berdikari memperoleh pendapatan yang berterusan. Skim bantuan perkahwinan mualaf pula bagi mengurangkan kos perkahwinan. Bantuan Ramadhan asnaf mualaf untuk mereka jalani ibadat puasa dan persediaan sambutan Aidilfitri.

Skim bantuan dermasiswa mualaf membantu meringankan kos perbelanjaan persekolahan atau pendidikan. Ini membantu secara tidak langsung ibu, bapa atau penjaga untuk menyediakan keperluan pengajian anak-anak ke peringkat yang lebih tinggi. Bantuan berbentuk dana kewangan disalurkan untuk agensi kebajikan dan institusi pendidikan (Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan Mualaf) dan bantuan pembangunan Kompleks As-Sa'adah.


Penyelidik mendapat terdapat beberapa ruang penambahbaikan dari sudut skim bantuan zakat untuk asnaf mualaf.

Skim Agihan Zakat Mualaf Berasaskan Maqasid Syari'ah

Skim bantuan zakat asnaf mualaf dianalisis berdasarkan lima prinsip asas dalam maqasid al-syari'ah. Prinsip-prinsip tersebut memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Analisis ini untuk mengenal pasti setiap skim bantuan zakat yang disediakan selari dengan aspek maqasid al-syari'ah.


Model agihan zakat berdasarkan maqasid al-syari'ah diringkaskan seperti dalam Rajah 4 di bawah:

Rajah 3: Model Maqasid al-Syari'ah dalam Islam



Rajah 3 di atas, pengukuran berdasarkan maqasid al-syariah menilai sesuatu perkara seperti skim bantuan zakat dinilai berdasarkan lima prinsip. Rajah 4, analisis yang dijalankan, penyelidik mendapat 11 jenis skim bantuan yang disediakan tersebut menepati setiap maslahah mengikut keutamaan untuk menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Rajah 4: Model Agihan Zakat Berdasarkan Maqasid al-Syari'ah



Hasil analisis pembahagian skim mengikut maqasid syari'ah, penyelidik meletakkan skim bantuan saguhati kemasukan Islam, bantuan berkhatan dan bantuan Ramadhan di bawah maslahah memelihara agama seseorang mualaf. Skim yang disediakan perlu melihat kepada kesan jangka masa panjang seseorang individu. Sebagai contoh, ketiga-tiga skim yang disediakan ini dilihat dapat membantu menguatkan kepercayaan dan keyakinan seseorang individu mualaf terhadap agama Islam.

Di samping itu, bantuan kebaikan mualaf terletak dalam aspek memelihara nyawa seseorang mualaf. Kebajikan merupakan suatu istilah yang subjektif untuk difahami. Ianya boleh ditafsirkan sebagai memelihara kebaikan nyawa seseorang, memelihara kebaikan dari aspek musibah dan kecelakaan, kebaikan dari sudut kesihatan dan sebagainya. Justeru penyelidik mendapati ianya bertepatan dengan aspek menjaga nyawa seseorang termasuklah asnaf mualaf.

Aspek bantuan pendidikan untuk mualaf, penyelidik mengklasifikasikan setiap aspek yang berkaitan dengan bantuan pendidikan sebagai menjaga akal seseorang individu. Ianya termasuklah bantuan yang diberikan kepada institusi dan organisasi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam hal ehwal berkaitan dengan pendidikan kepada mualaf. Contohnya, kursus yang disediakan kepada mualaf, bantuan dana kepada Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan

Mualaf (NGO) dan Kompleks As-Sa'adah merupakan salah satu daripada indikator pengantara bagi pemantapan akidah dan pengetahuan tentang agama Islam terhadap seseorang mualaf.

Bagi tujuan memelihara keturunan, penyelidik mendapati skim bantuan perkahwinan mualaf sesuai diletakkan di bawah tujuan memelihara keturunan seseorang. Perkahwinan merupakan sunnah yang digalakkan bagi mereka yang berkemampuan zahir dan batin. Melalui perkahwinan juga dapat melahirkan keturunan yang berterusan sekaligus dapat mengelakkan seseorang daripada melakukan sesuatu perkara yang dilarang agama. Bantuan dana untuk tujuan perkahwinan membantu seseorang mualaf mendirikan rumah tangga dan meneruskan kehidupan serba baru setelah bergelar seorang muslim.

Bantuan berbentuk modal perniagaan, bantuan membaiki dan sewa rumah serta bantuan dermasiswa mualaf bersesuaian memelihara harta berdasarkan maqasid syari'ah. setiap skim. Pendekatan maqasid syariah skim bantuan zakat berfungsi sebagai pengukur keperluan asnaf mualaf..

Kesimpulan

Rumusannya prinsip dalam maqasid syariah memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta merupakan elemen-elemen yang perlu dipenuhi setiap individu. Dalam konteks sistem agihan zakat maqasid syariah memainkan peranan yang penting dalam mengukur keberkesanan sesuatu bantuan yang disalurkan. Pendekatan ini perlu bagi meningkatkan kepercayaan dan pendirian asnaf terhadap agama Islam khususnya asnaf mualaf di Negeri Sembilan.

Bibliografi

- al-Quran.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (1993). *Al-Mustasfa Min 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Raysuni, Ahmad. (1995). *Nazriyyah al-Maqasid 'Inda al-Shatibi*. Riyadh: Dar al-'Alamiyyah li al-Kitab al-Islamīyy.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa Ibn Muhammad al-lakhmi. (1997). *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Azman, Ab Rahman. Mohammad, Alias, Syed Mohd Najib, Syed Omar. (2012). *Zakat Institution in Malaysia: Problems and Issues*. GJAT. Vol 2 (1), hlm 35-41.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. (2010). “*Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia*”. Jurnal Pengurusan JAWHAR. Vol.4. No.1 (2010). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah dan Muhammad Muhyu al-Din 'Abd 'Aziz (ed). (1977). *I'lām al-Muwaqqi'iñ 'An Rabb al-'Ālamīn*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah, Abdullah Ibn Ahmad Ibn Muhammad al-Maqdisiyy. (1992). *al-Mughniyy 'ala mukhtasar al-Kharqiyah*. Sunt. 'Abd al-Salam Muhammad 'Ali Shahin. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Ibn Rusyd, Muhammad Ibn Ahmad Al-Qurtubiyy. (1996). *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*. j.2, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Mohammad al-Tahir al-Misawi. (1998). *Ibn 'Asyur wa Kitabuhu Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*, Kuala Lumpur: Dar al-Basyair li al-Intaj al-Ilmi.
- Mujaini Tarimin. (2006). *Golongan Penerima Zakat : Agihan Dana Secara Lebih Berkesan*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.
- Skim Pelaksanaan Agihan Dana Zakat Mengikut Asnaf di Negeri Sembilan. <http://www.mains.gov.my/skim-agihan-zakat>. Diakses pada: 28 Ogos 2015.
- Uwais, Abd al-Halim. (2004). *Mausu'ah al-Fiqh al-Islamīyy al-Mu'asir*. c.1. Mansurah: Dar al-Wafa.

- Wahid, Hairunnizam Ahmad, Sanep Abdul Kader, Radiah. (2009). *Pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia : mengapa masyarakat Islam tidak berpuas hati ?* Jurnal Syariah. Vol 17 (1), hlm 89-112.
- Yusuf al-Qaradawi. (1993). *Madkhal li Dirasat al-Syariah al-Islamiyyah*. Beirut : Muassasah al-Risalah.

16

PENSYARATAN HAD KIFAYAH IBU BAPA ATAU PENJAGA TERHADAP PELAJAR DI BAWAH ASNAF FAKIR MISKIN: SATU PENILAIAN

Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin,
Mahadi Mohammad** & Daud Ismail****

Abstrak

Artikel ini membincangkan tentang syarat yang diletakkan sebahagian golongan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sebagai salah satu asnaf fakir miskin. Mereka meletakkan syarat ibu bapa atau penjaga terhadap pelajar tersebut tidak boleh melebihi had kifayah yang telah ditetapkan. Hal ini menjadi satu kekeliruan kerana pelajar IPT merupakan golongan yang baligh dan dipertanggung jawabkan sepenuhnya ke atas mereka tanpa melibatkan ibu bapa atau penjaga lagi. Timbul persoalan, apakah rasional penetapan syarat tersebut terhadap golongan pelajar IPT ini?. Apakah asnaf yang paling sesuai

* Pensyarah (Ph.D), Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampung Gong Badak, Kuala Terengganu. Emel: wanfirdaus@unisza.edu.my

** Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampung Gong Badak, Kuala Terengganu.

*** Pensyarah (Ph.D), Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampung Gong Badak, Kuala Terengganu.

bagi pelajar untuk menerima agihan ini? Artikel ini mempunyai dua tujuan; pertama, meneliti syarat kelayakan menerima zakat kepada pelajar IPT di bawah asnaf fakir dan miskin oleh institusi-institusi zakat di Malaysia. Kedua, menganalisis pandangan-pandangan ulama Islam tentang isu ini. Artikel ini menggunakan kajian perpustakaan. Data-data dikumpulkan berbentuk dokumen dan temubual. Data-data ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Dapatkan kajian, pelajar lebih sesuai diletakkan dibawah asnaf fakir miskin tanpa mengaitkan kewangan yang dimiliki daripada sumber penjaga.

Kata kunci: Had Kifayah, Fakir Miskin, Asnaf, Pelajar IPT

Pengenalan

Zakat merupakan salah satu kewajipan yang diperintahkan Allah ke atas umat Islam. Zakat yang dikutip dibahagikan lapan asnaf iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, *riqab, gharimin, fi sabillah* dan *ibn sabil*. Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah [9] ayat 60 bermaksud,

'Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (mualaf), untuk memerdekaan hamba sahaya, untuk membebaskan orang yang berhutang, untuk yang berada di jalan Allah dan untuk orang yang sedang di dalam perjalanan sebagai kewajiban dari Allah. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana'

Walaupun dalam surah dan ayat itu menjelaskan lapan golongan asnaf layak menerima zakat, namun para sarjana Islam berpendapat zakat boleh diagihkan kepada golongan-golongan lain yang mempunyai persamaan salah satu daripada asnaf tersebut.

Hal ini dikenali sebagai perluasan definisi untuk setiap asnaf tersebut. Antara golongan yang turut menerima zakat dengan perluasan definisi ini adalah golongan pelajar. Menurut Azman Ab Rahman dan Siti Martiah Anwar (2014:24), pengagihan zakat terhadap golongan

pelajar adalah bertepatan dengan kehendak syarak yang menyeru umat Islam agar gigih menuntut ilmu.

Definisi Pelajar dan Kedudukannya dalam Institusi Zakat

Pelajar merupakan salah satu golongan yang berhak menerima zakat. Ini kerana keperluan menuntut ilmu adalah sangat penting untuk membangunkan masyarakat. Menurut Kamus Dewan (2007) pelajar didefinisikan sebagai orang yang belajar seperti murid sekolah, penuntut di maktab, orang yang mengaji atau menyelidiki ilmu dan sebagainya. Menurut Zainal Abidin (1995) pelajar didefinisikan sebagai penuntut, murid, orang yang sedang mengaji, orang yang menyelidiki ilmu, mahasiswa, anak murid, kadet dan anak sekolah. Manakala Teuku Iskandar, (1970) mendefinisikan pelajar sebagai segala sesuatu yang belajar.

Institusi zakat di Malaysia membahagikan zakat untuk pendidikan pelajar kepada beberapa kategori iaitu pelajar sekolah rendah, sekolah menengah serta pelajar institut pengajian tinggi dari dalam dan luar negara. Sebahagian institusi zakat mengkategorikan bantuan untuk pelajar sekolah rendah dan menengah di bawah asnaf fakir miskin yang melayakkan pelajar yang tidak berkemampuan untuk mendapat bantuan zakat.

Bantuan lebih menjurus kepada keperluan asas sebagai pelajar. Antara institusi zakat di Malaysia yang memperuntukkan wang zakat untuk golongan ini di bawah asnaf fakir miskin adalah Perlis, Terengganu, Selangor, Kelantan dan Kedah (MAIPs, 2013; MAIDAM, 2007; MAIK, 2013). Selain itu, Terengganu juga menyediakan skim bantuan pondok dan madrasah untuk pelajar Terengganu yang berada dalam atau luar negeri di peringkat rendah dan menengah yang juga tergolong dalam asnaf fakir miskin (MAIDAM, 2007). Manakala Negeri

Sembilan mengambil langkah yang berbeza dengan mengkategorikan bantuan persekolahan rendah dan menengah di bawah asnaf *riqab* selain bantuan asas untuk pelajar yang turut diletakkan di bawah asnaf fakir miskin.

Berbeza pula halnya dalam kategori pelajar institut pengajian tinggi (IPT). Institusi zakat Perak membahagikan agihan zakat dua bahagian. Pertama, bantuan am untuk persediaan IPT di bawah asnaf fakir miskin dan kedua, bantuan dermasiswa diletakkan di bawah asnaf *fi sabilillah* untuk pelajar institusi tinggi dalam dan luar Negara (MAIAMP, t.th.). Bagi Selangor, Institusi zakat Selangor meletakkan pelajar IPT secara sekaligus dalam asnaf *fi sabilillah* (e-zakat Selangor, 2013). Manakala Kedah dan Johor meletakkan pelajar peringkat IPT dalam dan luar negara hanya dalam satu asnaf iaitu asnaf *fi sabilillah* (Zakat Kedah, 2013 & Yahya Ahmad, 2013).

Menurut Johari Ismail (2013), Terengganu pula meletakkan pelajar IPT di bawah asnaf fakir miskin. Manakala mereka yang keluarganya berpendapatan melebihi had kifayah dipertimbangkan untuk memperoleh pinjaman asnaf *fi sabilillah* kelolaan Yayasan Terengganu. Persoalannya, kenakah terdapat golongan pelajar IPT diletakkan di bawah asnaf fakir dan miskin dengan melihat pendapatan keluarga iaitu ibu bapa atau penjaganya? Mengapakah had kifayah mereka tidak dinilai berdasarkan individu itu sendiri?

Definisi Asnaf Fakir Miskin Menurut Ulama

Secara umumnya, pendapat keempat-empat mazhab iaitu Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali menyatakan fakir miskin adalah golongan yang hidup dalam serba kekurangan. Namun terdapat perbezaan pendapat mengenai definisi yang terperinci terhadap fakir dengan miskin. Menurut mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali, golongan fakir adalah lebih buruk keadaannya daripada golongan miskin. Manakala

menurut mazhab Hanafi mendefinisikan sebaliknya (Al-Qaradawi, 2011:369).

Menurut al-Ramli (t.th.:151) di kalangan ulama mazhab Syafi'i, fakir adalah orang yang pendapatannya hanya boleh menampung separuh daripada had kifayahnya manakala miskin adalah orang yang pendapatannya boleh menampung lebih dari separuh had kifayahnya. Pendapat ini tidak dipersetujui ulama Islam yang lain. Abu Yusuf misalnya menjelaskan fakir dan miskin daripada golongan yang sama (al-Qurtubi, 2008:410).

Bagi institusi-institusi zakat di Malaysia pula, kesemuanya mengambil pendapat mazhab Syafi'i iaitu fakir dan miskin adalah golongan yang hidup dalam serba kekurangan dan golongan fakir adalah lebih buruk keadaannya daripada golongan miskin. Hampir kesemua institusi zakat juga mengambil pendekatan al-Ramli dalam membezakan golongan fakir dengan miskin melalui had kifayah. Namun, nilai had kifayah adalah berbeza antara negeri-negeri di Malaysia bergantung kepada taraf hidup masyarakat di tempat masing-masing. Penetapan nilai had kifayah ini diletakkan di bawah tanggungjawab Majlis Agama Islam Negeri (JAWHAR, 2007:26).

Dapat disimpulkan bahawa definisi fakir miskin yang digunakan kesemua institusi zakat Malaysia berkesinambungan daripada pendapat ulama-ulama. Definisi yang dipraktikkan institusi-institusi zakat ini tidak jauh bezanya antara satu sama lain.

Analisis Pengkategorian Pelajar dalam Asnaf Fakir Miskin Berdasarkan *Maqasid Syariah*

Maqasid syariah ialah matlamat-matlamat syariah di dalam kesemua atau kebanyakan hukum-hukumnya ('Abd al-Karim Zaidan, 1999). Dengan kata lain, *maqasid syariah* ialah objektif syarak atau tujuan

syariat. Terdapat lima asas tujuan syariah berhubung dengan manusia. Iaitu memelihara agama (*ad-din*), nyawa (*an-nafs*), akal (*al-'aql*), keturunan (*an-nasl*) dan harta (*al-mal*).

Menurut al-Ghazali (2000), setiap perkara yang bertujuan memelihara asas yang lima ini adalah *maslahah* (kebaikan) dan setiap perkara yang meninggalkan asas-asas ini adalah *mafsadah* (kerosakan). Adalah jelas bahawa kedatangan Islam adalah untuk menjaga kebaikan dan menolak kerrosakan demi membina umat yang membangun.

Al-dharuriyyah (kepentingan), *al-hajiyah* (keperluan) dan *al-tahsiniyyah* (kehendak) merupakan tiga peringkat kemaslahatan yang ingin dicapai syariah (al-Syatibi, 2005). Kemaslahatan yang bersifat *al-dharuriyyah* mestilah didahulukan. Pencapaian maslahah yang bersifat *al-tahsiniyyah* hanya boleh dilakukan apabila keperluan *al dharuriyyah* dan *al-hajiyah* telah dipenuhi.

Berdasarkan *Maqasid syariah*, golongan pelajar di pelbagai peringkat pengajian sememangnya berhak memperoleh zakat agar mereka dapat meneruskan perjuangan menuntut ilmu dengan bantuan harta zakat. Golongan ini memainkan peranan yang penting dalam membangunkan masyarakat. Seandainya golongan ini tidak dibantu, dibimbangi akan merencatkan perkembangan ilmu lalu membawa kepada kebinasaan akibat kejahilan.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, definisi yang digunakanai institusi- institusi zakat di Malaysia terhadap asnaf fakir miskin, *fi sabillah* dan *ibn sabil* adalah sama. Hanya asnaf *riqab* yang memperlihatkan perbezaan iaitu sebahagian institusi zakat memperluaskan takrifnya manakala sebahagian yang lain tidak.

Ringkasnya, institusi-institusi zakat mengambil pendekatan yang fleksibel dalam mengkategorikan golongan pelajar dan tidak terikat dalam asnaf khas. Ini adalah disebabkan oleh pendefinisian yang

luas terhadap asnaf-asnaf ini yang membolehkan golongan pelajar dikategorikan sama ada di bawah asnaf fakir miskin, *riqab, fi sabillah* atau *ibn sabil* sesuai dengan keadaan semasa pelajar dan selagi ia bertepatan dengan konsep *maqasid syariah* iaitu memelihara kebaikan. Pengkategorian tersebut dibuat semestinya mengikut keperluan serta kondisi bagi setiap negeri masing-masing yang mungkin mempunyai fokus yang berbeza untuk menjaga kebijakan rakyatnya.

Namun, isu yang boleh dibincangkan dalam institusi zakat negeri ialah kesinambungan pemilihan pandangan mazhab berdasarkan realiti masa kini. Bagi mengharmonikan pandangan mazhab yang berbeza dalam pengklasifikasian pelajar di bawah asnaf zakat, perlu dilihat *maqasid* dan aspek kebersamaan “*qawasim musytarak*” antara mazhab-mazhab tersebut. Menurut al-Syatibi (2005), secara umumnya *maqasid* pembahagian zakat kepada asnaf ialah berdasarkan hajat dan keperluan, samada keperluan asnaf atau keperluan ummah kepada asnaf.

Ulama Islam melihat pelajar sebagai satu aspek pembangunan modal insan yang memanfaatkan umah. Islam amat mementingkan pendidikan umat dan menitik beratkan kemajuan dalam bidang akademik (al-Tunisi, 1984).

Ini berdasarkan surah al-Zumar [39] ayat 9 bermaksud,

‘Katakanlah lagi (kepadanya): “Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?” Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.’

Mengikut pandangan mazhab Syafie, pelajar digolongkan dalam asnaf fakir miskin. Mereka melihat kepada ‘*uruf*’(kebiasaan) dan realiti masyarakat di mana pelajar pada umumnya menghabiskan masa mereka untuk menuntut ilmu sehingga terhalang mereka daripada bekerja mencari nafkah.

Oleh itu, sifat fakir miskin “*al-faqr wa al-maskanah*” dilihat pada diri pelajar itu sendiri, tanpa dikaitkan dengan ibu bapa dan penjaga. Perkara ini dengan jelas disebut para al-Syafi’iyah dalam kitab-kitab mereka. Al-Jardani (1988) dalam kitab Fath al-‘Allam mengatakan ibu bapa tidak wajib memberi nafkah anak yang sedang menuntut ilmu dan harus diberikan zakat kepada anak mereka. Ini menunjukkan zakat diperdepankan berbanding pemberian nafkah daripada seorang bapa kepada anak mereka.

Ini menunjukkan ciri-ciri pelajar yang berhak menerima zakat diteliti melalui ‘uruf dan realiti masyarakat setempat. Namun, pendapatan dan status kewangan ibu bapa penjaga tidak diambil kira. Menurut al-Dumyati (1997), perkara ini bersandarkan kaedah dalam al-Syafi’iyah setiap orang yang telah sempurna syarat taklif mempunyai tanggungan kewangan secara individu dan terasing (*dhimmah maliyah mustaqillah*). Sebagai contohnya dalam isu zakat fitrah, al-Syafi’iyah mengatakan bahawa setiap orang yang waras dan baligh perlu mengeluarkan zakat fitrah ke atas dirinya. Jika dia masih ditanggung ibu bapanya, maka penjaganya perlu menyerahkan wang kepadanya agar dia membayar zakat fitrah dirinya atau diwakilkan penjaganya untuk membayar zakat fitrah dirinya.

Ringkasnya, al-Syafi’iyah juga memandang kepentingan yang disumbang pelajar dengan tidak meletakkan syarat latar belakang kewangan penjaga bagi mengagih zakat kepada pelajar. Cukup sekadar melihat kepada sifat “*maskanah*” pada individu pelajar. Lebih daripada itu, mengklasifikasian pelajar di bawah asnaf fakir miskin, memberi isyarat keutamaan agihan kepada pelajar kerana termasuk dalam dua asnaf utama yang didahulukan dalam agihan zakat. Disamping itu, kedudukan mereka di bawah asnaf fakir miskin menunjukkan bahawa mereka mempunyai hak yang terjamin dalam agihan zakat berdasarkan syarat “*tamlid*” pemilikan yang difahami daripada “*laam*” pada perkataan ‘*fuqara*’ dalam surah al-Taubah ayat 60.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian ini, pengkaji berpendapat pelajar sememangnya lebih sesuai diletakkan dibawah asnaf fakir miskin. Namun begitu, mereka tidak seharusnya dikaitkan kewangan yang dimiliki mereka berdasarkan sumber pendapatan penjaga. Ini bermakna setiap pelajar berhak menerima zakat dengan melihat kepada sifat “*maskanah*” yang terdapat pada gelaran pelajar itu sendiri tanpa mengira latar belakang keluarga. Pengkategorian pelajar di bawah asnaf fakir miskin juga lebih menjamin hak mereka sebagai penuntut ilmu dan meringankan bebanan dalam menampung kos perbelanjaan sepanjang menuntut ilmu.

Bagi memelihara hak pelajar dalam skop yang lebih besar penyeragaman kategori pelajar di peringkat pusat mestilah dilaksanakan. Penyeragaman ini lebih memberikan manfaat kepada pelajar di seluruh Malaysia dan juga kepada institusi-institusi zakat di Malaysia. Pelajar di seluruh Malaysia akan dapat merasai kelebihan yang sama dalam mendapatkan bantuan zakat. Perkara ini juga dapat melahirkan sistem pengurusan zakat yang lebih tersusun sekaligus dapat meningkatkan kepercayaan rakyat kepada institusi zakat.

Turut dicadangkan menukuhkan suatu organisasi khas yang berautoriti dalam mengkaji dan menyelaraskan pendefinisian asnaf dan pengkategorian golongan-golongan yang berada di bawah asnaf yang lapan termasuklah pelajar. Majlis Agama Islam Negeri yang bertanggungjawab dalam pengurusan zakat harus bekerjasama dengan organisasi khas ini bagi memastikan perlaksanaan penyeragaman berjalan dengan lancar. Tanpa kerjasama daripada pihak yang berkenaan, segala perancangan yang dilakukan adalah mustahil untuk direalisasikan.

Rujukan

- Al-Quran al-Karim.
- Kamus Dewan, Edisi Keempat (2007). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Karim Zaidan (1999). *Al-Wajiz fi Usul Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Jardani, Muhammad Abdullah (1988). *Fathul 'Allam*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Juwaini Imam al-Haramain (2007). *Nihayah al-Matlab*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Kasani (1974). *Badai' al-Sanai' fi Tartib al-Syarai'*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Arabi.
- Al-Dumyati, Abu Bakar Usman (1997). 'Ianah al-Tolibin 'Ala Hal Alfaz Fathul Mu'in'. Kaherah: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ghazali (2000). *Al-Mustasfa fi Ilm Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah
- Al-Qaradhawi, Yusuf (2011). *Fiqh al-Zakat*. Beirut: Muassasah al-Risalah al-Nasyirun.
- Al-Qurtubi (2008). *Tafsir al-Qurtubi*. Trj. Kuala Lumpur: Pustaka Azzam
- Al-Ramle (t.t.). *Nihayatul Muhtaj*. Kaherah: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Shatibi, Abi Ishak (2005). *Al-Muafaqat fi Usul al-Syariah*. Beirut, Lubnan: Dar al-kutub al Ilmiyyah.
- Al-Tunisi, Muhammad al-Tahir (1984). *Al-Tahrir waal-Tanwir*. Tunis: Al-Dar al-Tunisiah.
- Al-Zuhaili, Wahbah (2011). *Fiqih al-Islami Wa Adillatuhu*. Trj. DarulFikr. Jld 3.
- Hasan Bahrom, Abd Halim Mohd Noor, Rawi Nordin (2011). *Fiqh Zakat Malaysia*, Kuala Lumpur: IKaZ UITM.
- Ibn 'Abidin. (t.t.). *Rad al-Mukhtar*. Maktabah Mustafa al- Baabi al- Halabi. Kaherah.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) (2007). *Manual Pengurusan Agihan Zakat*. Kuala Lumpur: JAWHAR.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perak (MAIAMP), Zakat Agihan dan Asnaf.

- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Garis Panduan Agihan Zakat. 2013.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM), Skim Agihan Bantuan Zakat. 2007.
- Muhammad Rashid Ridha (1999). *Tafsir Al-Manar*. Kaherah: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- <http://www.muip.gov.my/v3/index.php/jenis-bantuan/pendidikan>, 10 November 2013.
- <http://www.maidam.gov.my/zakat/index.php/agihan-zakat>, 10 November 2013.
- http://www.maik.my/public_new/index.php?option=com_content&view=article&id=297&Itemid=119, 10 November 2013.
- <http://www.e-zakat.com.my/jenis-bantuan-pendidikan/>, 10 November 2013.
- <http://www.zakatkedah.com/index.php/agihan-zakat/skim-bantuan>, 10 November 2013.
- <http://www.zakat.sabah.gov.my/agihan/skim-bantuan.html>, 10 November 2013.
- <http://maiwp.gov.my/i/index.php/perkhidmatan-kami/agihan-zakat>, 10 November 2013.
- http://www.maij.gov.my/?page_id=405 10 November 2013.
- <http://www.tabung-baitulmal-sarawak.org.my/agih.html>, 10 November 2013.
- <http://www.maim.gov.my/www/v1/services.php?ref=services2&nav=services&id=bm>, 10 November 2013.
- <http://maip.perlis.gov.my/index.php/component/content/article/2-uncategorised/22-asnaf>, 10 November 2013.
- <http://www.zakatpenang.com/index.php/info-asnaf/jenis-asnaf>, 10 November 2013/
- Draf jawapan temubual oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Sembilan. Bahan tidak diterbitkan.
- Temubual bersama En Johari Ismail, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM), 24 September 2013. 10.30 pagi. Pejabat pegawai agihan zakat MAIDAM.
- Temubual bersama Nik Mohamed Noor Nik Ishak, Pegawai Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), 8 September 2013, 10.30 pagi. Bilik mesyuarat.
- Temubual bersama Yahya Ahmad, Timbalan Mufti Johor. 27 September 2013. 10 pagi. Bilik mesyuarat.

17

PERANAN USAHAWAN SOSIAL BERJAYA DALAM MENINGKATKAN DANA ZAKAT DI MALAYSIA: KESAN PEMBANGUNAN EKONOMI UMMAH

Mohd Adib Abd Muin & Shuhairimi Abdullah***

Abstrak

Zakat menjadi salah satu wasilah utama dalam proses pengagihan semula kekayaan antara orang kaya dengan orang miskin yang diimplementasikan dalam ekonomi Islam. Kertas kerja ini membincangkan peranan usahawan sosial berjaya dalam meningkatkan dana zakat di Malaysia. Objektif kajian ini menghuraikan peranan-peranan utama yang dimainkan usahawan sosial berjaya dalam meningkatkan dana zakat dan seterusnya membangunkan ekonomi ummah. Kaedah penyelidikan yang digunakan berdasarkan kajian perpustakaan dan analisis kandungan kajian-kajian lepas berdasarkan

* Calon Ph.D Keusahawanan sosial di UniMAP dan Pensyarah di Pusat Pengajian Perniagaan Islam, UUM. Emel: mohdadib@uum.edu.my, senatoradib@gmail.com

** Shuhairimi Abdullah (PhD), merupakan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar di Pusat Pengajian Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan dan juga Pensyarah kanan di UniMAP. Emel: shuhairimi@unimap.edu.my

sumber wahyu al-Qur'an dan as-Sunnah. Kajian mendapati terdapat banyak peranan yang dilaksanakan usahawan sosial dalam meningkatkan dana zakat dan memberikan kesan yang positif pembangunan ekonomi ummah.

Kata kunci: Peranan, Usahawan Sosial Berjaya, Zakat, Ekonomi Ummah

Zakat adalah salah satu sistem kehartaan dan ekonomi umat Islam yang berperanan membangunkan kehidupan manusia. Istilah zakat telah disebut sebanyak 58 kali di dalam Al-Quran. 32 kali disebut secara bersendirian dan 26 kali disebut secara beriringan dengan kewajipan sembahyang. Perintah yang disebut secara beriringan ini menjadi bukti bahawa Islam mementingkan pembangunan yang seimbang di dunia dan akhirat ('Atiyatullah, 1970).

Zakat juga salah satu rukun Islam yang bersifat memberi perhatian pembangunan sosio-ekonomi. Perbincangan mengenai zakat dalam konteks ibadah tidak boleh secara terpisah dengan aspek sosio-ekonomi kerana peranan utama zakat adalah membantu golongan yang kurang berkemampuan berdasarkan konsep maslahah (al Qardhawi, 1973; Nabih Amin, 1966).

Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah [9] ayat 71 bermaksud,

'Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi sesetengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebajikan dan melarang daripada berbuat kejahanatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah SWT dan Rasulnya. Mereka itu akan diberi rahmat Allah SWT Sesungguhnya Allah SWT Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana'.


Di Malaysia, Institusi yang bertanggungjawab dalam mengumpul dan mengagihkan dana zakat adalah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Setiap MAIN mempunyai kuasa masing-masing dalam

mengurus dan mentadbir urusan zakat. Hal ini menjadikan amalan pengurusan zakat di Malaysia adalah berbeza di antara setiap negeri. Walaupun wujud perbezaan dari sudut pengurusan kutipan dan agihan namun tujuan yang ingin dicapai adalah sama untuk memastikan tahap pengurusan zakat mencapai matlamat sebagaimana yang ditetapkan dalam Islam.

Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kertas kerja ini berdasarkan kajian meta-analisis, kajian perpustakaan dan analisis kandungan kajian-kajian lepas (Muhammad Syukri Salleh, 2011). Kerangka maqasid shariah juga dihuraikan agar hubungkait peranan usahawan sosial berjaya yang membayar zakat ini mencapai objektif dan matlamat syariat Islam.

Kaedah Penyelidikan

Rajah 3: Fasa Kaedah Penyelidikan



Agihan Zakat Melalui Usahawan Sosial Berjaya

Usahawan sosial berjaya yang telah sempurna dan memenuhi segala syarat-syarat wajib zakat tetapi tidak menunaikannya maka mereka ini diancam Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam surah al Taubah [9] ayat 34-35 bermaksud,

'Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah SWT, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya, (iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dari mereka dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): "Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab daripada) apa yang kamu simpan itu.'

Kepentingan zakat sebagai satu instrumen kewangan dan ekonomi berpontensi merapatkan jurang antara orang kaya dan orang miskin. Selain itu, pelaksanaan zakat ini dapat menjamin keadilan, keseimbangan dan kestabilan sosial ekonomi masyarakat. Secara tidak langsung ia dapat menghindari berlakunya permusuhan sesama manusia. Prinsip umum agihan zakat firman Allah SWT dalam surah Al-Taubah [9] ayat 60 bermaksud, (Al-Jazairi, 2007):

'Sesungguhnya zakat itu hanya untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dipujuk hati mereka, untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan diri, orang-orang yang sedang dalam perjalanan (terputus sumber kewangan) sebagai ketetapan yang diwajibkan Allah dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana'

Menurut al-Zuhayli (2002), ahli fuqaha bersetuju dan sepakat pelaksanaan zakat suatu tanggungjawab dan amanah yang wajib dilaksanakan atas mereka yang memenuhi syarat-syaratnya. FirmanNya dalam surah al-Baqarah [2] ayat 267 bermaksud,

'Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamujadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali

akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji.’

Menurut Zulkifli al-Bakri (2011), fungsi zakat mengawasi pendapatan seseorang supaya tidak melanggar batas keadilan di kalangan mereka. Syeikh Muhammad bin Ibrahim al-Syeikh berkata: “*Di sini perkara yang amat penting yang sah untuk dibelanjakan padanya dari zakat, iaitu persediaan kekuatan harta untuk dakwah kepada Allah s.w.t dan juga untuk menghilangkan syubhah daripada agama dan ini merupakan sebesar-besarnya jihad pada jalan Allah*”. Zakat adalah fardhu dalam rukun Islam. Menurut pendapat Ibn al-Sobagh (t.t): “*Sesiapa yang mengingkari akan kefardhuan zakat adalah kafir*”. Di zaman sahabat Saidina Abu Bakar as-Siddiq RA, sesiapa yang tidak mengeluarkan zakat akan diperangi (Syed Ahmad Semait, 2006).

Hadis riwayat al-Bukhari:

‘Demi Allah! Aku akan memerangi siapa yang yang membezakan antara solat dan zakat kerana itu adalah hak harta. Demi Allah! jika mereka menahanku dari seekor anak kambing yang pernah mereka tunaikannya kepada Rasulullah s.a.w, nescaya aku akan memerangi mereka lantaran enggan memberikannya kepadaku.’

Konsep zakat satu proses penting dalam menyucikan jiwa dan harta manusia daripada sifat-sifat *mazmumah* dan mendekatkan diri kepada sifat-sifat *mahmudah*.

Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah [9] ayat 103 bermaksud, ‘*Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.*’

Zakat dalam Keusahawanan Sosial Islam

Keusahawanan sosial Islam merupakan aktiviti yang bermatlamatkan visi dan misi sosial. Sumber rujukan utama konsep keusahawanan sosial Islam adalah merujuk kepada al-Qur'an dan al-Hadis (Suhaimi Mhd Sarif *et. al.*, 2013; Mohd Adib *et. al.*, 2015). Keusahawanan sosial Islam menitikberatkan setiap perkara yang dilaksanakan dalam memenuhi matlamat dan objektif sosial selari dengan tuntutan syarak. Keperluan keusahawan sosial Islam tidak terhad untuk di dunia sahaja malahan juga di akhirat bagi mendapatkan keredhaan dan keberkatan Allah SWT (Suhaimi Mhd Sarif *et. al.*, 2013; Mohd Adib *et. al.*, 2015).

Keusahawanan sosial Islam bermatlamatkan *al-Maqasid al-Syariah* (objektif syariat Islam) iaitu aktiviti keusahawanan sosial yang seiring dengan tuntutan Islam dengan mengambil kira aspek agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. (Yazilmiwati Yaacob & Ilhaamie, 2012; Mohd Adib *et. al.*, 2014). Islam menganjurkan kepada golongan usahawan agar menjaga batas-batas dalam aktiviti keusahawanan seiring dengan matlamat asal dalam kehidupan yang mana merujuk kepada ciri-ciri usahawan yang ada pada diri Rasulullah SAW iaitu sentiasa memastikan aktiviti keusahawanan sosial selari dengan kehendak syariah dan mengelakkan dari segala unsur *munkar* (Mohd Adib *et. al.* 2015).

Dalil al-Qur'an berkaitan dengan keusahawanan sosial Islam, firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah [2] ayat 261 bermaksud,

'Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya.'

Menurut Tafsiran Ibnu Kathir (1301-1373) perumpamaan yang diberikan Allah SWT mengenai lipat ganda pahala bagi orang

yang menafkahkan harta kekayaannya di jalan Allah SWT dengan tujuan mencari keredhaan Allah SWT. Kebaikan itu dilipatgandakan bermula dari sepuluh sampai tujuh ratus kali lipatan. Sa'id bin Jubair mengatakan: “*Iaitu dalam rangka mentaati Allah SWT*” Sedangkan Mak-hul mengatakan: “*Yang dimaksudkan adalah menginsfakkan harta untuk jihad, berupa tali kuda, persiapan persenjataan, dan yang lainnya.*”

Imam Ahmad juga meriwayatkan daripada Abu Hurairah RA, ia menceritakan bahawa Rasulullah SAW hadis riwayat Muslim bersabda,

'Setiap amal perbuatan anak Adam akan dilipatgandakan, satu kebaikan dilipatgandakan sepuluh sampai tujuh ratus kali lipat atau bahkan lebih, sesuai kehendak Allah. Allah berfirman: 'Kecuali puasa, kerana ia untuk-Ku dan Aku akan memberikan pahala atasnya. Ia meninggalkan makanan dan minuman kerana-Ku.' Dan orang yang berpuasa mempunyai dua kebahagiaan, kebahagiaan ketika berbuka dan kebahagiaan ketika bertemu dengan Rabbnya. Dan bau mulut orang yang berpuasa lebih wangi di sisi Allah daripada bau minyak kasturi. Puasa itu perisai, puasa itu perisai'.

Dalil-dalil al-Qur'an berkaitan dengan keusahawanan sosial Islam antaranya;

Surah al-Imran [3] ayat 104

'Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya'.

Surah al-Qasas [28] ayat 23-24

Dan ketika dia sampai di telaga air negeri Madyan, ia dapati di situ sekumpulan orang-orang lelaki sedang memberi minum (binatang ternak masing-masing), dan ia juga dapati di sebelah mereka dua perempuan

yang sedang menahan kambing-kambingnya. dia bertanya: “Apa hal kamu berdua?” Mereka menjawab: “Kami tidak memberi minum (kambing-kambing kami) sehingga pengembala-pengembala itu membawa balik binatang ternak masing-masing; dan bapa kami seorang yang terlalu tua umurnya. Maka Musa pun memberi minum kepada binatang-binatang ternak mereka, kemudian ia pergi ke tempat teduh lalu berdoa dengan berkata: “Wahai Tuhanaku, sesungguhnya aku sangat berhajat kepada sebarang rezeki pemberian yang Engkau berikan”

Mereka berkata: “wahai Zulkarnain, sesungguhnya kaum Yakjuj dan Makjuj sentiasa melakukan kerosakan di bumi; oleh itu, setujukah kiranya kami menentukan sejumlah bayaran kepadamu (dari hasil pendapatan kami) dengan syarat engkau membina sebuah tembok di antara kami dengan mereka?” Dia menjawab: “(kekuasaan dan kekayaan) yang Tuhanaku jadikan daku menguasainya, lebih baik (dari bayaran kamu); oleh itu bantulah daku dengan tenaga (kamu beramai-ramai) aku akan bina antara kamu dengan mereka sebuah tembok penutup yang kukuh. Bawalah kepadaku ketul-ketul besi”; sehingga apabila ia terkumpul separas tingginya menutup lapangan antara dua gunung itu, dia pun perintahkan mereka membakarnya dengan berkata: “Tiuplah dengan alat-alat kamu” sehingga apabila ia menjadikannya merah menyala seperti api, berkatalah dia: “Bawalah tembaga cair supaya aku tuangkan atasnya”. Maka mereka tidak dapat memanjat tembok itu, dan mereka juga tidak dapat menebuknya. (Setelah itu) berkatalah Zulkarnain: “Ini ialah suatu rahmat dari Tuhanaku; dalam pada itu, apabila sampai janji Tuhanaku, Dia akan menjadikan tembok itu hancur lebur, dan adalah janji Tuhanaku itu benar

Surah al-Kahfi [18] ayat 94-98

‘Dan orang-orang yang tidak memberi sedikit pertolongan (kepada orang yang berhak mendapatnya).’

(Surah Al-Maa’uun [107] ayat 7)

Rasulullah SAW juga telah menunjukkan kaedah proaktif dalam bentuk keusahawanan juga boleh membantu seseorang untuk

meningkatkan tahap ekonomi melalui sebuah hadith riwayat seperti berikut:

Anas bin Malik RA meriwayatkan sebuah kisah tentang pendekatan proaktif yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dalam usaha mengubah hidup seorang pemuda Ansar yang miskin. Pernah seorang pemuda Ansar datang kepada Rasulullah SAW dan meminta makanan namun baginda tidak terus memberi makanan namun baginda bertanya apakah harta yang dimiliki oleh pemuda itu yang masih ada dan boleh dijual. Pemuda itu menjawab dia memiliki pakaian yang kasar dan bekas yang digunakan untuk minum air. Pemuda itu balik ke rumah mengambil barang-barang yang dinyatakannya lalu diserahkan kepada Rasulullah SAW. Baginda kemudiannya menawarkan kepada para sahabat yang ada sesiapa yang berminat untuk membeli. Seorang sahabat telah sudi membeli dengan harga 2 dirham. Duit tersebut diserahkan kepada pemuda tersebut, baginda memberinya 1 dirham untuk tujuan membeli makanan dan 1 dirham untuk membeli kapak. Rasulullah SAW berpesan: “Beli makanan satu dirham dan segera kembali (ke rumahmu) dan berikannya kepada isterimu. Dan gunakan satu dirham lagi untuk membeli kapak, dan bawakannya ke mari.” Tidak berapa lama, orang Ansar itu kembali bertemu nabi bersama sebilah kapak. Kemudian Baginda SAW segera memasang kayu pada kapak itu (sebagai hulu) lantas menyatakan: “Ambil kapak ini, dan pergilah kamu mencari kayu, kemudian kamu jual kayu itu dan kamu datanglah lagi (menemuiku) selepas lima belas hari.” Selepas lima belas hari pemuda Ansar itu datang semula kepada Nabi Muhammad SAW dengan membawa bersamanya 10 dirham hasil jualan kayunya. Wang tersebut telah digunakan untuk membeli pakaian dan sebahagiannya untuk membeli makanan keluarganya. Selepas itu baginda SAW bersabda: “Cara begini adalah lebih utama bagi kamu daripada meminta-minta, sebab meminta-minta itu akan meninggalkan tanda di muka kamu di akhirat nanti.

(Hadith Hasan riwayat Abu Daud, al-Nasa'i, dan al-Tirmidzi).

Kisah di atas menunjukkan bahawa usaha mengubah taraf hidup fakir dan miskin yang masih mampu bekerja adalah dengan

usaha mereka sendiri. Peluang pekerjaan dan sokongan moral dan kewangan amat penting disalurkan kepada golongan tersebut. Menjadi tanggungjawab pemerintah untuk memastikan golongan fakir dan miskin mendapat pembelaan melalui hak-hak mereka daripada agihan zakat (Mahyuddin 2012).

Pelaksanaan aktiviti keusahawanan sosial Islam ini adalah sama dengan prinsip dan falsafah keusahawanan Islam yang mana segala perkara yang dilaksanakan tidak terlibat dengan elemen-elemen yang diharamkan antaranya:

- 1) Tidak terlibat dengan unsur riba, ketidakyakinan (*gharar*), dan perjudian (*maisir*).
- 2) Tidak terlibat dengan aktiviti kecurian.
- 3) Tidak terlibat dengan aktiviti monopoli dan esklusif.
- 4) Tidak terlibat dengan sumber-sumber haram seperti percampuran produk dengan najis, anjing, dan babi.
- 5) Tidak mencampur adukkan sumber yang halal dan haram.

Keusahawanan sosial Islam ini telah menjadi salah satu aktiviti yang menyumbang kepada pengukuhan ekonomi dan sosial masyarakat kerana tujuan aktiviti keusahawanan ini dilakukan adalah adalah seperti berikut (Mohd Adib et. al, 2014):

- 1) Mengatasi masalah riba yang berleluasa dengan mewujudkan aktiviti keusahawanan sosial Islam.
- 2) Membasmi masalah ekonomi dan sosial melalui penglibatan usahawan sosial berjaya secara lansung.
- 3) Meningkatkan nilai kemasyarakatan dalam kehidupan.
- 4) Mengatasi masalah-masalah sosial masyarakat terutamanya golongan belia remaja.
- 5) Meningkatkan hubungan sillaturahim antara usahawan sosial berjaya dengan masyarakat.

Peranan Utama Usahawan Sosial Berjaya

Secara umumnya terdapat banyak peranan yang boleh dilakukan oleh golongan usahawan sosial berjaya antaranya adalah seperti berikut:

- 1) Menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan yang memerlukan.
- 2) Memberikan latihan kepakaran dan professional kepada golongan yang memerlukan agar mereka dapat meneruskan kehidupan mendatang yang semakin mencabar.
- 3) Memberikan bantuan kewangan seperti memberikan biasiswa untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.
- 4) Mengambil pekerja golongan orang kurang upaya (OKU) untuk membuka peluang kepada mereka menonjolkan bakat.
- 5) Membantu golongan ibu tunggal dan anak-anak yatim piatu dalam meneruskan kehidupan.
- 6) Memberi peluang dan latihan kepada golongan belia terutamanya belia yang sering melakukan perkara yang tidak berfaedah seperti merempit, penagih dadah, geng air ketum dan sebagainya agar mereka boleh mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah.
- 7) Mewujudkan satu pusat komuniti yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat dalam meningkatkan ekonomi dan sosial.
- 8) Menyediakan kemudahan fasiliti yang boleh meningkatkan kemahiran dan bakat golongan-golongan susah untuk mereka dapat nilai tambah untuk meneruskan kehidupan melalui bantuan professional yang diberikan oleh usahawan sosial berjaya.

Zakat Pemangkin Ekonomi Ummah

Melalui peranan usahawan sosial berjaya dalam meningkatkan dana zakat di Malaysia, pembangunan ekonomi ummah akan terus meningkat secara positif kerana hasil agihan dan pengurusan zakat diuruskan dengan baik. Hikmah disebalik kewajipan yang dilakukan oleh usahawan sosial berjaya ini adalah antara lain menjadikan setiap

individu usahawan sosial berjaya untuk terus berkerja dan berusaha ke arah kebaikan; menjadikan diri usahawan itu rajin dan sentiasa memastikan kewajipan zakat diutamakan; berusaha meningkatkan zakat harta seperti zakat perniagaan, zakat KWSP, zakat pelaburan,zakat emas, zakat pertanian, zakat ternakan, zakat simpanan dan zakat pendapatan.

Zakat juga boleh menjadi pemangkin pembangunan ekonomi ummah kerana ia terlebih dahulu berjaya mencetuskan pembangunan ekonomi dalam diri individu usahawan sosial berjaya sehingga mencetuskan semangat berzakat dalam diri masyarakat. antara lain untuk meningkatkan ekonomi ummah dengan bermula dari individu, kemudian membentuk pembangunan ekonomi keluarga dan seterusnya terbangunnya ekonomi masyarakat. Semua ini boleh dilaksanakan jika semangat ibadah untuk laksanakan zakat benar-benar dihayati serta diresapi dalam diri setiap individu Muslim. Sesungguhnya zakat dapat membangunkan kekuatan ekonomi ummah dengan melaksanakan beberapa rangsangan seperti berikut:

- 1) Memberikan kempen secara besar-besaran kepada setiap usahawan terutamanya usahawan sosial berjaya.
- 2) Memberikan maklumat tentang fakir dan miskin yang benar-benar memerlukan bantuan dana zakat untuk keluar dari kelompok kemiskinan dan meminta-minta.
- 3) Memberikan suntikan modal dan kepakaran kepada golongan asnaf agar mereka dapat meneruskan kehidupan dengan lebih baik dan dapat mengeluarkan zakat pada masa akan datang.
- 4) Memberikan kursus khas tentang peri pentingnya pelaksanaan ibadah zakat.

Sesungguhnya ibadah zakat bukan sekadar kewajipan, bukan juga sekadar salah satu tuntutan rukun Islam. Akan tetapi ibadah zakat dapat menjana pembangunan ekonomi ummah bermula dari individu, keluarga, masyarakat dan Negara (Ghazali Ibrahim, 2011).

Kesimpulan

Peranan usahawan sosial berjaya dalam meningkatkan dana zakat perlu ditingkatkan agar kemaslahatan ummah dapat terjaga. Selari objektif syariat zakat membangunkan nilai hidup pemberi dan penerima. Zakat tidak dijadikan institusi seolah-olah “badan kebaikan” dalam Islam sedangkan matlamat zakat itu lebih luas.

Bibliografi

- Ahmad ‘Atiyatullah, (1970). *Al-Qamus al-Islami*, Mesir, al-Nahdah, Vol. III.
- Ahmad Ibn Hanbal, (t.t.). *al Musnad*, Beirut: Dar al Fikr.
- Al-‘Ayni, (1972). ‘*Umdah al-Qari’ Sharh Sahih al-Bukhari*, Mesir, Mustafa al-Halabi, Vol.VII.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail,(1986). *Shahih al-Bukhari*, Beirut: Dar Ibn Kathir
- Al Jazairi, Syaikh Abu Bakar Jabir (2007). *Tafsir Al Quran Al Aisar*, Jil.3.
- Al-Qardhawi , Yusuf (1987). *Fiqh al Zakat*. Beirut: Muassasah al Risalah.
- Al-Tirmizi: Muhammad bin ‘Isa (t.t.). *Sunan al-Tirmizi Tahqiq*: Ahmad Muhammad Syakir dan lain-lain, Beirut; Dar al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Nasa’i, Ahmad bin Syu‘aib (1994). *Sunan al-Nasai bi Syarh al-Sayuti wa Hasyiah al-Sindi*, Tahqiq: Abu Ghuddah, Halab: Maktabah al-Makbu‘at al-Islamiyyah.
- Ahmad Shahir Makhtar, Adibah Abdul Wahab (2010). *Pengurusan Zakat di Negeri Selangor: Isu dan Cabaran*. Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta dalam Islam. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghazali Ibrahim. (2011). *Hebatnya zakat: Memberi Tanpa di Minta*. Selangor: Inteam Publishing Sdn Bhd.
- Hairunnizam, Sanep Ahmad dan Radiah Abdul Kader (2009). “Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati?” *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil 1 (2009) 89-112.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2003). *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mahyuddin Abu Bakar (2012). *Hubungan antara agihan zakat dan kualiti hidup asnaf/fakir dan miskin*. Tesis PhD, Universiti Utara Malaysia, 2012.
- Mohd Adib Abd Muin, Shuhairimi Abdullah, Azizan Bahari (2015) Keusahawanan sosial Islam: Konsep dan amalan. *Prosiding Seminar Penyelidikan Kebangsaan 2015*, UPSI. pp. 285-296.
- Mohd Adib Abd Muin, Azizi Abu Bakar, Shuhairimi Abdullah. (2014). Model usahawan berjaya dalam amalan nilai-nilai murni keusahawanan sosial Islam. *Journal of Human Development and Communication*. Vol. 3, (10), pp. 129-141.
- Mohamad Zaki Razaly, Mohd Zainodin Mustaffa, Munirah Zakaria, Mahasin Saja, Siti Aishah Sokhibul Fadil (2014). *Isu dan Cabaran Zakat Perniagaan: Kajian di Negeri Johor*. Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF2014). Malaysia: Kuala Lumpur.
- Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho, Ali al-Syarbaji, (2005). *Kitab Fiqh Mazhab Syafie*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Muhammad Syukri Salleh. (2011). “Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam Untuk Penyelidikan Berkaitan Islam” (*Islamic Research Methodology for Islamic-Related Researches*), Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nik Mustapha Nik Hassan (2001). “Semangat Pengagihan Zakat ke Arah Pembangunan Ekonomi”. dalam Nik Mustapha Nik Hassan (Penyt). *Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Qaradawi, Yusuf al- (2000). *Fiqh al-Zakah*. Vol II, English translation by Monzer Kahf, Jeddah: Scientific Publishing Centre, King Abdul Aziz University.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid dan Adnan Mohamad (2006). “Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia”. *International Journal of Management Studies*. 13 (2), 175-196.
- Syukri Salleh (2006). “Lokalisasi Pengagihan Zakat: Satu Cadangan Teoritis”, dalam Hailani dan Abdul Ghafar (Penyt). *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian & Perundangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

18

KEBERHUTANGAN DALAM KALANGAN ISI RUMAH MUSLIM DAN PERANAN INSTITUSI ZAKAT DI MALAYSIA¹

Nor Aini Ali, Suhaili Sarif** & Nor 'Azzah Kamri****

Abstrak

Keberhutangan dalam kalangan isi rumah terutama Muslim merupakan masalah yang agak serius sejak akhir-akhir ini. Bilangan penghutang yang bankrap meningkat dari tahun ke tahun. Tambah membimbangkan apabila golongan muda menyumbang angka yang agak tinggi dalam kes kebankrapan tersebut. Artikel ini bertujuan menganalisis masalah keberhutangan dalam kalangan isi rumah Muslim dan apakah peranan institusi zakat di Malaysia dalam membantu golongan berhutang atau *al-gharimin* ini. Data

¹ Pihak penyelidik mengucapkan terima kasih kepada Equitable Society Research Cluster (ESRC), Universiti Malaya kerana membiayai projek ini di bawah geran penyelidikan RP015C-13SBS.

* Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, aini@um.edu.my.

** Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, suhaili@um.edu.my.

*** Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, azzah@um.edu.my.

kajian diperolehi menggunakan kaedah soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti berhutang dalam kalangan Muslim tidak dapat dielakkan. Sebahagian besar responden berhutang bagi memenuhi keperluan asas (*dharuriyyat*) seperti berhutang untuk membeli kereta pertama dan rumah/hartanah pertama. Namun begitu, terdapat juga responden yang berhutang bagi memenuhi perkara mewah (*tahsiniyyat*) seperti percutian dan untuk meraikan majlis keraian seperti rumah terbuka, hari kelahiran dan ulang tahun. Dalam hal ini, peranan institusi zakat dalam mengagihkan zakat kepada asnaf *al-gharimin* adalah sangat signifikan terutama bagi menyelesaikan hutang peminjam yang melibatkan keperluan *dharuriyyat*. Justeru, pemilihan asnaf *al-gharimin* yang betul-betul layak perlu diambilkira agar zakat yang diagihkan bermanfaat kepada mereka.

Kata kunci: Hutang, pinjaman, zakat, *al-gharimin*

Pendahuluan

Keberhutangan merupakan satu masalah yang agak serius yang dihadapi isi rumah Muslim di Malaysia masa kini. Berdasarkan Laporan Bank Negara, masyarakat Malaysia berhutang sekitar RM940.4 bilion iaitu 87.9 peratus dari Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2014 dan meningkat kepada 89.1 peratus pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, 56.2 peratus merupakan pinjaman pembelian rumah dan harta tanah untuk kediaman dan bukan kediaman manakala 15.5 peratus bagi pembelian kenderaan dan selebihnya adalah kad kredit, pembiayaan peribadi, sekuriti dan lain-lain (Bank Negara Malaysia, 2015).

Antara faktor yang mempengaruhi peningkatan hutang isi rumah adalah kerana peningkatan harga harta tanah kediaman (Abu Hassan Shahari Md. Nor et al., 2016). Aktiviti berhutang ini tidak dapat lagi dielakkan memandangkan keperluan manusia amat sukar dipenuhi tanpa terlibat dalam aktiviti peminjaman. Masalah keberhutangan ini

akan menjadi lebih serius jika penghutang tidak dapat menguruskan hutang dengan bijak yang akhirnya boleh menyebabkan kebankrapan. Seseorang boleh diisyiharkan muflis apabila jumlah hutang tidak berbayar sebanyak RM30,000 (Akta Kebankrapan 1967).² Berdasarkan laporan Jabatan Insolvensi Malaysia, sebanyak 18,457 kes kebankrapan direkodkan bagi tahun 2014 dan 2015. Hutang pinjaman peribadi dan sewa beli kenderaan mencatatkan kes paling tinggi terutama dalam kalangan generasi muda di Malaysia (Jabatan Insolvensi Malaysia, 2016). Justeru, penulisan artikel ini adalah bertujuan untuk menganalisis masalah keberhutangan dalam kalangan isi rumah dan melihat apakah peranan institusi zakat di Malaysia dalam membantu golongan *al-gharimin* ini.

Hutang dari Perspektif Islam

Istilah hutang atau pinjaman sering digunakan untuk merujuk perkara yang sama. Ianya bermaksud pinjaman untuk penggunaan yang melibatkan pemindahan hak milik secara sementara objek pinjaman dari pemberi pinjam (pemutang) kepada peminjam (penghutang). Menurut rujukan klasikal ianya mempunyai sedikit perbezaan di mana pinjaman (*'ariyah*) merujuk kepada pinjaman objek yang serupa (*mithliy*) di mana objek yang dipinjam tidak susut. Hanya manfaat objek tersebut yang digunakan oleh peminjam. Sebagai contoh meminjam kereta atau motosikal.

Dalam kes hutang (*qard*), objek tersebut perlulah dari kategori yang boleh dinilaikan (*qimiy*) kerana objek tersebut yang akan digunakan dan mungkin susut secara fizikal. Pinjaman yang melibatkan wang adalah di

2 Kebankrapan adalah satu proses di mana seorang penghutang itu diisyiharkan sebagai bankrap lanjutan daripada suatu Perintah Penghukuman yang dibuat di Mahkamah Tinggi terhadap penghutang tersebut atas kegagalan atau ketidakupayaan untuk membayar hutang sekurang-kurangnya RM30,000.00. Lihat Seksyen 3(3), Akta Kebankrapan 1967.

bawah kes ini. Meskipun begitu majoriti Ulama fiqh bersetuju bahawa hutang (*qard*) boleh meliputi semua jenis objek dan tidak terbatas kepada objek *qimiy* sahaja. Ini merujuk kepada hadis riwayat Muslim:

Daripada Abi Rafi': 'Sesungguhnya Rasulullah SAW telah berhutang seekor unta muda daripada seorang lelaki, selepas itu Baginda menerima seekor unta sedekah (zakat). Lantas meminta Abu Rāfi' membayar semula seekor unta muda kepada lelaki tadi tetapi Abu Rāfi' kembali sambil berkata: Aku tidak jumpa dan yang ada hanya unta raba 'ie. Baginda bersabda: Berikanlah unta kepadanya. Manusia terbaik adalah manusia terbaik dalam membayar hutang.'

Hadis tersebut menunjukkan unta jenis *bikr* (unta betina muda) dari kategori *qimiy* boleh dipinjamkan. Dalam hal ini, lafaz *istaslafa* yang membawa maksud ‘meminjam’ dijadikan sebagai hujah pengharusan meminjam haiwan tersebut (al-Sayuti, 2007).

Secara mudahnya, konsep hutang ini merujuk kepada aktiviti peminjaman yang meliputi segala jenis objek yang boleh dipinjamkan. Aktiviti pinjaman menurut fiqh dikategorikan sebagai aktiviti *tabarru'* atau kebajikan. Oleh yang demikian, tidak ada sebarang tambahan dibenarkan. Sebarang tambahan yang ditetapkan dalam sebarang aktiviti pinjaman merupakan riba. Aktiviti pinjaman selaku aktiviti muamalah tertakluk kepada hukum-hukum yang telah ditetapkan bagi mendasari aktiviti tersebut.

Keharusan ini adalah sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah [2] ayat 28 bermaksud,

'Wahai orang-orang yang beriman! Apabila dalam kalangan kamu berhutang secara tangguh, maka tulislah'.

Dalam hadis pula menjelaskan tentang kelebihan memberikan hutang kepada golongan yang memerlukan di samping Allah SWT akan menggandakan ganjaran bagi sesiapa yang memberikan hutang sebagaimana sabda Rasulullah SAW hadis riwayat Ibnu Majah:

Diceritakan Khālid bin Yazīd bin Abī Mālik, daripada ayahnya, daripada Anas bin Mālik, berkata: Pada malam Isrā', aku melihat di pintu syurga ada tercatat bahawa sedekah ganjarannya adalah 10 kali ganda, manakala hutang pula ganjarannya adalah 18 kali ganda. Aku bertanya: Wahai Jibrīl! Kenapa hutang lebih baik daripada sedekah? Jibrīl menjawab: Sebab orang yang meminta sedekah, mereka masih lagi memiliki sesuatu, sedangkan orang yang berhutang akan hanya berhutang kerana perlu.

Ia juga berdasarkan riwayat Ibn 'Abbas:

Daripada Ibn 'Abbas berkata: "Aku bersaksi bahawa sesungguhnya hutang diharuskan mengikut tempoh yang telah ditetapkan, sesungguhnya Allah SWT menghalalkannya dan mengizinkannya", seterusnya Ibn 'Abbas membaca ayat al-Quran: "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila dalam kalangan kamu berhutang secara tangguh, maka tulislah". (Ibn Kathir, 2009)

Walaupun secara keseluruhan ayat ini membincangkan tentang pengharusan hutang secara tangguh, secara tidak langsung membuktikan bahawa hutang diharuskan dalam Islam. Ayat al-Quran dan hadis tersebut menunjukkan dalil keharusan hutang.

Pengagihan Zakat Kepada Golongan Berhutang (*Al-Gharimin*)

Golongan berhutang atau *al-gharimin* merupakan salah satu asnaf yang layak menerima zakat. Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Tawbah [9] ayat 60 bermaksud,

"Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dipujuk hatinya, untuk (memerdekaan budak), orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana."

Gharimun adalah kata jamak dari *gharim* iaitu orang yang mempunyai hutang. Mereka yang memiliki hutang sama ada hutang itu untuk diri sendiri atau tujuan lain dengan syarat hutang tersebut digunakan untuk perkara yang baik-baik sahaja. Namun, sekiranya hutang tersebut digunakan untuk kepentingan dirinya sendiri, maka dia dianggap sebagai fakir dan dia tidak berhak untuk mendapatkan sebahagian zakat daripada peruntukan *gharim*. Menurut pendapat Yusuf al-Qaradawi (1977), hutang yang diterima adalah hutang untuk membeli keperluan isi rumah, perbelanjaan perubatan, perkahwinan ataupun perbelanjaan penggunaan dengan syarat seperti berikut:

1. Benar-benar memerlukan bantuan tersebut untuk melangsakan hutangnya dan tidak mempunyai sumber lain untuk berbuat demikian.
2. Tujuan hutangnya adalah untuk perkara yang baik dan diharuskan oleh syarak.
3. Hutang tersebut hendaklah telah sampai tempoh matang yang perlu dibayar dengan kadar segara.
4. Orang yang berhutang tersebut ialah orang Islam.

Bagi pendapat mazhab Hanafi, seorang yang berhutang ialah orang yang benar-benar memiliki hutang dan tidak memiliki apa-apa selain daripada hutang tersebut. Manakala, mazhab Maliki pula berpendapat orang yang berhutang ialah orang yang dikelilingi hutang sehingga dia tidak mampu untuk melangsakan hutang tersebut. Hutang itu hendaklah tidak digunakan untuk perkara-perkara maksiat (Muhammad Sulayman al-Ashqar et al., 2004).

Selain itu, dia tidak berniat untuk mendapat zakat dengan cara berhutang. Contohnya, orang kaya yang berbelanja secara boros lalu dia berhutang dengan niat untuk mendapatkan bahagian zakat. Orang seperti ini tidak sepatutnya menerima bahagian zakat kerana mempunyai niat yang tidak baik. Berbeza dengan orang fakir yang berhutang demi memenuhi keperluan asasnya dan bukan berhutang semata-mata untuk memperoleh bahagian zakat.

Menurut Imam Malik, Syafi'i dan Ahmad, orang yang berhutang terbahagi kepada dua golongan iaitu: (al-Qaradawi, 1977)

1. Orang yang berhutang untuk kemaslahatan dirinya sendiri seperti nafkah, membeli pakaian, melaksanakan perkahwinan, mengubati orang sakit, mendirikan rumah, membeli perabot rumah tangga, mengahwinkan anak atau menggantikan barang orang lain yang dirosakkan kerana kesalahan atau lupa.
2. Orang yang berhutang untuk kemaslahatan masyarakat seperti mendamaikan dua pihak yang bersengketa.

Takrif *al-Gharimin* menurut Praktis Institusi Zakat

Institusi zakat di Malaysia memberikan pentakrifan tersendiri berkaitan *al-gharimin*. *Al-Gharimin* merupakan golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2016).

Manakala dalam Seksyen 47, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 menyatakan:

"Mengikut ulama' Mazhab Syafi'i dan Hanbali ialah orang yang berhutang sama ada hutang untuk dirinya sendiri atau hutang untuk orang lain dan sama ada hutang ini bertujuan untuk melakukan sesuatu kebaikan (taat kepada Allah). Syarat-syarat terhadap gharimin yang perlu mendapat bantuan adalah seperti berikut:

1. *Pemohon tidak mempunyai harta atau sumber kewangan yang melebihi keperluan asasnya.*
2. *Pinjaman yang dibuat di dalam perkara-perkara yang halal dan harus.*
3. *Wujud keperluan menyelesaikan hutang dengan segera.*
4. *Wujudnya kemudharatan terhadap diri dan keluarga jika hutang tidak dibayar.*

5. *Gharimin yang berhutang untuk menyelesaikan permasalahan asasi seperti kesihatan, pelajaran di peringkat rendah dan menengah, makanan, tempat perlindungan sementara dan segala hutang untuk meninggikan martabat agama dibantu terus dari peruntukan asnaf gharimin tanpa melihat kepada jumlah yang ditanggung.*
6. *Gharimin yang berhutang untuk menyelesaikan permasalahan selain dari syarat yang disebutkan di atas dibantu dari peruntukan asnaf gharimin secara Qardhul Hasan dan wajib menjalani tempoh pemulihan.”*

Praktis di negeri Selangor di atas lebih terperinci dalam konteks pengagihan zakat kepada *al-gharimin* dengan mengenakan syarat tertentu kepada hutang tersebut. Hal ini memperlihatkan bukan semua orang berhutang layak menerima agihan zakat di bawah asnaf *al-gharimin*, tetapi sebaliknya mereka yang benar-benar dibelenggu hutang untuk keperluan asasi dan terdesak sahaja layak menerima zakat. Malah pengagihannya juga tidak semestinya dalam bentuk pemberian secara terus, tetapi boleh dalam bentuk pinjaman tanpa riba. Selain itu, proses pemulihan daripada hutang juga diambil kira. Ini mengelakkan sebarang penyalahgunaan pengagihan hutang oleh penerima yang mungkin sengaja mengambil kesempatan tanpa keperluan yang mendesak.

Analisis Keberhutangan dalam Kalangan Istri Rumah Muslim

Data berkaitan hutang isi rumah Muslim di Malaysia diperolehi melalui maklumbalas soal selidik daripada 522 orang Muslim di sekitar Lembah Klang. Tempoh pengedaran soal selidik dilakukan selama tiga bulan bermula bulan Julai hingga September 2015. Teknik persampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan kerana hanya responden Muslim yang mempunyai hutang sahaja dipilih sebagai sampel kajian (Chua Yan Piaw, 2006).

Profil Responden

Jadual 1: Profil Responden

Profil	Bilangan (Peratus)
Jantina	
Lelaki	200 (38.3)
Perempuan	322 (61.7)
Umur	
Bawah 25	30 (5.7)
25-30	190 (36.4)
31-35	90 (17.2)
36-40	65 (12.5)
41-45	58 (11.1)
46-50	32 (6.1)
51-55	41 (7.9)
56-60	10 (1.9)
61 dan ke atas	6 (1.1)
Status Perkahwinan	
Bujang	143 (27.4)
Berkahwin	365 (69.9)
Janda/ Duda	14 (2.7)
Tahap Pendidikan Tertinggi	
Menengah	65 (12.5)
Peringkat Sijil	65 (12.5)
Peringkat Diploma	123 (23.6)
Ijazah Sarjana Muda	211 (40.4)
Sarjana	51 (9.8)
PhD	5 (1.0)
Bilangan Tanggungan	
Tiada tanggungan	204 (39.1)
1-2 orang	144 (27.6)
3-4 orang	116 (22.2)
5-6 orang	48 (9.2)
7 dan ke atas	9 (1.7)

Berdasarkan Jadual 1, sebilangan besar responden adalah perempuan (61.7 peratus), berumur antara 25 hingga 35 tahun (53.6 peratus), bujang (69.9 peratus) dan memperolehi pendidikan sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda (51.2 peratus).

Pengurusan Hutang³

Jenis Hutang

Jadual 2 menunjukkan jenis hutang yang dimiliki oleh responden. Sebilangan besar responden mempunyai pinjaman kereta (75.9 peratus), diikuti pinjaman rumah (51.7 peratus) dan pinjaman peribadi (45.6 peratus). Selain itu, terdapat juga responden yang membuat pinjaman pendidikan, kad kredit, Amanah Saham Bumipetera, hartanah, perniagaan dan lain-lain pinjaman seperti insurans dan pelaburan. Dalam konteks bilangan jenis pinjaman yang dimiliki oleh responden, sebahagian besar responden lelaki dan perempuan mempunyai dua jenis pinjaman. Walaupun begitu, responden lelaki lebih cenderung mempunyai empat hingga enam jenis pinjaman berbanding perempuan (lihat Jadual 3). Ini mungkin berlaku selaras dengan tanggungjawab lelaki sebagai ketua keluarga.

Jadual 2: Jenis Hutang

Jenis Hutang	Bilangan (Peratus)
Pinjaman kereta	396 (75.9)
Pinjaman perumahan	270 (51.7)
Pinjaman peribadi	238 (45.6)
Pinjaman pendidikan	165 (31.6)
Kad kredit	101 (19.3)
Amanah Saham Bumiputera	47 (9.0)
Pinjaman hartanah	25 (4.8)
Pinjaman perniagaan	19 (3.6)
Lain-lain	13 (2.5)

³ Hutang dalam artikel ini lebih merujuk kepada pinjaman kewangan responden daripada institusi kewangan berkaitan.

Jadual 3: Jadual Silang Bilangan Pinjaman dan Jantina

Bilangan Pinjaman	Jantina		Bilangan (Peratus)
	Lelaki	Perempuan	
Satu jenis pinjaman	35 (6.7)	80 (15.3)	115 (22.0)
Dua jenis pinjaman	61 (11.7)	111 (21.3)	172 (33.0)
Tiga jenis pinjaman	55 (10.5)	87 (16.7)	142 (27.2)
Empat jenis pinjaman	34 (6.5)	31 (5.9)	65 (12.5)
Lima jenis pinjaman	11 (2.1)	13 (2.5)	24 (4.6)
Enam jenis pinjaman	4 (0.8)	0 (0.0)	4 (0.8)
Jumlah	200 (38.3)	322 (61.7)	522 (100.0)

Tujuan Berhutang

Terdapat pelbagai alasan yang diberikan oleh seseorang individu apabila membuat pinjaman. Dalam konteks ini, ulama telah membahagikan barang atau perkhidmatan untuk penggunaan manusia kepada tiga kumpulan mengikut keutamaan iaitu *dharuriyat* (keperluan asas), *hajiyat* (kehendak), dan *tahsiniyyat* (mewah). Berdasarkan Jadual 3, sebahagian besar responden berhutang bagi memenuhi keperluan *dharuriyyat* seperti berhutang untuk membeli kereta pertama dan rumah/hartanah pertama. Namun begitu, terdapat juga responden yang berhutang bagi memenuhi perkara *tahsiniyyat* (mewah) seperti percutian dan untuk meraikan majlis keraian seperti rumah terbuka, hari kelahiran dan ulang tahun.

Jadual 4: Tujuan Berhutang

Tujuan Berhutang	Bilangan
Untuk memiliki kereta pertama	366
Untuk membeli rumah/ hartanah pertama	284
Untuk membantu ahli keluarga	145
Untuk membayai pengajian	142
Untuk membantu pasangan	96

Tujuan Berhutang	Bilangan
Untuk tujuan pelaburan	94
Untuk membayar kad kredit	84
Untuk memiliki motosikal pertama	82
Untuk keperluan asas	72
Untuk memiliki kereta yang lain	66
Untuk membeli rumah yang lain	65
Untuk menyelesaikan hutang yang lain	51
Untuk tujuan kesihatan	49
Untuk mengendalikan perniagaan	31
Untuk membayar majlis perkahwinan	26
Untuk memiliki motosikal yang lain	22
Untuk membayar percutian	16
Untuk membantu rakan	10
Untuk meraikan majlis keraian	10
Untuk melaksanakan ibadah haji/ umrah	10
Untuk gaya hidup mewah	3
Untuk pengajian anak	2
Untuk membeli emas	1

Jika dilihat kepada tujuan berhutang di atas, memang terdapat perbezaan kepentingan bagi setiap satunya. Hal ini boleh disesuaikan dengan kontinum keutamaan sebagaimana yang dinyatakan oleh ulama. Kajian cuba mengagihkan tujuan tersebut mengikut kesesuaian kontinum. Walau bagaimanapun, kajian yang lebih mendalam perlu dijalankan sekiranya ingin mendapatkan pengagihan keutamaan yang tepat kerana keperluan mendesak seseorang berbeza antara satu sama lain. Sebagai contoh, membantu ahli keluarga mungkin bukan keperluan *dharuriyyat* bagi sesetengah orang tetapi keutamaan tersebut menjadi lebih tinggi sekiranya bantuan tersebut melibatkan keselamatan atau nyawa.

Jumlah Hutang

Jadual 5 menunjukkan bahagian ansuran pinjaman bulanan yang dilakukan oleh peminjam daripada pendapatan bulanan mereka.

Sebilangan besar responden (62.3 peratus) memperuntukkan antara 10 peratus hingga 40 peratus daripada pendapatan bulanan mereka untuk membayar hutang. Majoriti responden dalam kategori ini tidak pernah menyertai mana-mana kursus berkaitan kewangan (lihat Jadual 6). Terdapat juga sebilangan kecil responden yang membayar hutang lebih daripada 60 peratus daripada pendapatan bulanan mereka. Ini menunjukkan tahap pendapatan Muslim yang berhutang kebanyakannya di bawah pendapatan median isi rumah Malaysia iaitu RM4,585. Golongan yang berpendapatan median ini termasuk dalam julat pendapatan kategori M40. Dalam pembentangan Bajet 2016, kategori M40⁴ diperkenalkan dan diberi penekanan oleh kerajaan dari sudut pelepasan cukai (Kementerian Kewangan Malaysia, 2016). Ini bagi memastikan golongan ini mampu memiliki sumber kewangan yang kukuh bagi meningkatkan kuasa beli dan simpanan untuk persaraan. Walaupun begitu, hal ini tidak akan berlaku jika pendapatan yang diperolehi diperuntukkan untuk membayar hutang. Situasi yang lebih berbahaya berlaku apabila komposisi hutang yang melebihi 60 peratus daripada jumlah pendapatan seseorang yang dikategorikan sebagai hutang tidak sihat. Ini selari dengan garis panduan bagi memohon pinjaman kerajaan seperti perumahan dan kereta, di mana disyaratkan seseorang yang layak memohon pinjaman tersebut adalah kakitangan kerajaan yang mempunyai komitmen hutang melalui potongan gaji tidak melebihi 60 peratus (Kementerian Kewangan Malaysia, 2011). Berdasarkan jadual 5, sebanyak 4.8 peratus responden mempunyai hutang melebihi 60 peratus. Di samping itu, seramai 14 orang yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 mempunyai hutang melebihi 60 peratus iaitu jumlah hutangnya sekitar RM600 hingga RM1,800 sebulan.

4 Golongan M40 ialah mereka yang berpendapatan antara RM3,860 hingga RM8,320.

Jadual 5: Jadual Silang Ansuran Pinjaman Bulanan dan Pendapatan Bulanan

Ansuran Pinjaman Bulanan	Pendapatan Bulanan				>RM4,999 RM4,000 - RM3,999	Bil (Peratus)
	<RM1,000	RM1,000 - RM1,999	RM2,000 - RM2,999	RM3,000 - RM3,999		
<10%	11 (2.1)	26 (5.0)	13 (2.5)	8 (1.5)	7 (1.3)	1 (0.2) 66 (12.6)
10% - 20%	9 (1.7)	31 (5.9)	42 (8.0)	18 (3.4)	17 (3.3)	11 (2.1) 128 (24.5)
21% - 30%	2 (0.4)	16 (3.1)	35 (6.7)	13 (2.5)	17 (3.3)	16 (3.1) 99 (19)
31% - 40%	3 (0.6)	12 (2.3)	28 (5.4)	17 (3.3)	23 (4.4)	15 (2.9) 98 (18.8)
41% - 50%	3 (0.6)	8 (1.5)	9 (1.7)	13 (2.5)	12 (2.3)	14 (2.7) 59 (11.3)
51% - 60%	0 (0.0)	6 (1.1)	14 (2.7)	15 (2.9)	8 (1.5)	4 (0.8) 47 (9.0)
61% - 70%	1 (0.2)	2 (0.4)	2 (0.4)	2 (0.4)	2 (0.4)	2 (0.4) 11 (2.1)
71% - 80%	0 (0.0)	2 (0.4)	4 (0.8)	3 (0.6)	0 (0.0)	1 (0.2) 10 (1.9)
81% - 90%	0 (0.0)	2 (0.4)	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0) 2 (0.4)
91% - 99%	0 (0.0)	0 (0.0)	1 (0.2)	0 (0.0)	1 (0.2)	0 (0.0) 2 (0.4)
Jumlah	29 (5.6)	105 (20.1)	148 (28.4)	89 (17)	87 (16.7)	64 (12.3) 522 (100)

Jadual 6: Jadual Silang Ansuran Pinjaman Bulanan dan Penyertaan Kursus Kewangan

Ansuran Pinjaman Bulanan	Penyertaan Kursus Kewangan		Bilangan (Peratus)
	Ya	Tidak	
Kurang 10% daripada pendapatan bulanan	20 (3.8)	46 (8.8)	66 (12.6)
10% - 20% daripada pendapatan bulanan	48 (9.2)	80 (15.3)	128 (24.5)
21% - 30% daripada pendapatan bulanan	42 (8.0)	57 (10.9)	99 (19.0)
31% - 40% daripada pendapatan bulanan	43 (8.2)	55 (10.5)	98 (18.8)
41% - 50% daripada pendapatan bulanan	33 (6.3)	26 (5.0)	59 (11.3)
51% - 60% daripada pendapatan bulanan	24 (4.6)	23 (4.4)	47 (9.0)
61% - 70% daripada pendapatan bulanan	2 (0.4)	9 (1.7)	11 (2.1)
71% - 80% daripada pendapatan bulanan	2 (0.4)	8 (1.5)	10 (1.9)
81% - 90% daripada pendapatan bulanan	2 (0.4)	0 (0.0)	2 (0.4)
91% - 99% daripada pendapatan bulanan	1 (0.2)	1 (0.2)	2 (0.4)
Jumlah	217 (41.6)	305 (58.4)	522 (100.0)

Komitmen terhadap Pembayaran Balik Hutang

Komitmen terhadap pembayaran balik pinjaman adalah penting. Dalam Islam, membayar hutang tepat pada masanya adalah wajib. Hal ini begitu serius sehingga Allah SWT mengancam orang mati yang tidak membayar hutang, rohnya akan tergantung sehingga hutang tersebut diselesaikan. Secara tidak langsung ia menghalangnya daripada memasuki syurga. Kenyataan ini bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW riwayat Ibn Majah:

Daripada Abū Hurayrah berkata, Rasulullah SAW bersabda: “Roh orang mukmin akan tergantung sehingga hutang dilunaskan.”

Berpandukan hadis ini, al-Saati menjelaskan bahawa roh orang mukmin akan tergantung daripada memasuki syurga sehingga hutang dilunaskan (al-Saati, t.t.). Dalam hal ini, responden telah ditanya mengenai komitmen mereka dalam melunaskan hutang.

Jadual 7 menunjukkan ketepatan responden dalam pembayaran balik pinjaman. Sebahagian besar responden (64.4 peratus) membayar balik pinjaman pada masa yang telah ditetapkan, manakala 32.6 peratus responden kadang kala berhadapan dengan masalah dalam melunaskan hutang mereka. Terdapat juga sebahagian kecil responden yang tidak pernah membayar balik pinjaman tepat pada masanya. Perbuatan menangguhkan atau gagal membayar balik pinjaman mempunyai implikasi tertentu kerana pembayaran yang lewat atau tertangguh akan dikenakan denda atau kadar bunga. Perkara ini merugikan kerana peminjam perlu membayar lebih banyak daripada jumlah yang telah dipinjam (Azrina Sobian & Siti Fatimah Abdul Rahman, 2010). Implikasi yang lebih besar akan berlaku apabila seseorang itu boleh diisyiharkan muflis apabila jumlah hutang tidak berbayar melebihi RM30,000.

Jadual 7: Ketepatan Pembayaran Balik Pinjaman

Ketepatan Pembayaran Balik Pinjaman	Bilangan (Peratus)
Ya, sentiasa tepat pada masanya	336 (64.4)
Ya, tetapi kadang kala tidak tepat masa	170 (32.6)
Tidak pernah tepat masa	16 (3.1)

Apakah faktor yang menyebabkan responden gagal membayar balik hutang? Jadual 8 menunjukkan sebab-sebabnya. Faktor utama responden gagal membayar hutang adalah kerana kos sara hidup yang tinggi, diikuti oleh komitmen kewangan yang tidak dijangka dan tidak cukup wang untuk membayar hutang. Di samping itu, perancangan kewangan yang lemah juga merupakan antara faktor kegagalan pembayaran balik pinjaman. Ini sedikit sebanyak dilihat terkait dengan dapatan dalam Jadual 6 terdahulu di mana didapati sebilangan besar responden (58.4 peratus) tidak pernah menghadiri mana-mana kursus kewangan yang melatih para peserta kursus merancang kewangan mereka.

Jadual 8: Faktor Kegagalan Pembayaran Hutang

Faktor Kegagalan Pembayaran Hutang	Bilangan
Kos sara hidup yang tinggi	240
Komitmen kewangan yang tidak dijangka	199
Tidak cukup wang untuk membayar hutang	114
Perancangan kewangan yang lemah	109
Terlalu banyak perbelanjaan/ terlebih belanja	89
Kehilangan pekerjaan	84
Lupa tarikh akhir pembayaran hutang	61
Menyelesaikan hutang lain yang lebih tinggi bayarannya	47
Saya menghabiskan semua pendapatan saya untuk bulan tersebut	22
Kegagalan/ kemerosotan dalam perniagaan	19
Tidak dapat mengawal penggunaan kad kredit	17
Perbelanjaan perubatan yang tinggi	15
Gagal dalam pelaburan	14
Kematian dan/ kehilangan pencari nafkah	13
Bantu kawan yang datang meminta pertolongan	1
Gaji lambat masuk	1
Masih dalam pengajian	1

Peranan Institusi Zakat Membantu Asnaf *Al-Gharimin*

Jadual 9 menunjukkan agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin* untuk tempoh lima tahun (2010-2014) oleh institusi zakat di Malaysia. Pecahan agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin* oleh institusi zakat di Malaysia adalah antara 0.003 hingga 13.15 peratus daripada jumlah keseluruhan agihan zakat. Majoriti agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin* adalah kurang daripada 10 peratus. Lembaga Zakat Selangor mencatat agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin* yang paling tinggi iaitu sekitar RM 29.1 juta hingga RM 58.3 juta setahun (Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, 2016).

Selain itu, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) juga telah mengagihkan zakat sebanyak lebih daripada RM 4.9 juta pada tahun 2014 yang memberi manfaat kepada 1,990 orang asnaf *al-gharimin* (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2014). Dengan data dan maklumat tersebut membuktikan institusi zakat telah memainkan peranannya dalam mengagihkan zakat kepada asnaf *al-gharimin*.

Walaupun begitu, dengan masalah keberhutangan yang agak serius dalam kalangan Muslim sekarang, wajarlah institusi zakat memberi penekanan yang lebih dalam aspek ini bagi meringankan kesusahan Muslim yang dibebani kos sara hidup yang tinggi sehingga tidak mampu membayar hutang. Apatah lagi, jika seseorang itu telah diisyiharkan muflis. Status muflis adalah lebih kritikal berbanding dengan golongan berhutang yang belum diisyiharkan muflis (Raziah Md Tahir & Syarifah Md Yusof, 2014).

Berdasarkan dapatan kajian ini, masalah keberhutangan dilihat merupakan masalah yang kompleks. Ia melibatkan pelbagai faktor meliputi masalah individu, gaya perbelanjaan, tekanan pihak lain dan sebagainya. Masalah yang kompleks memerlukan penyelesaian yang lebih menyeluruh. Berikut adalah beberapa aspek yang harus diberi perhatian oleh institusi zakat, berdasarkan penelitian dan dapatan kajian ini.

1. Membuat pengelasan terhadap keperluan berhutang. Ini berkait rapat dengan keutamaan dari sudut keperluan manusia (*dharuriyyat, hajiyat, tafsiniyyat*). Penelitian lanjut perlu dilakukan terhadap apakah jenis hutang yang layak untuk mendapat bantuan zakat. Ramai yang berhutang dengan alasan yang kurang meyakinkan seperti melakukan umrah. Ini menunjukkan kejahilan dalam mengurus kewangan menjadi punca keberhutangan.

2. Berkolaborasi dengan badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak-pihak berpakaian seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dalam memberi pendidikan kewangan dan kaedah menguruskan hutang secara bijak. Pendidikan kewangan ini akan membantu golongan berhutang untuk menguruskan hutang mereka dengan kesedaran dan kefahaman yang betul.
3. Memperkasa bantuan bukan secara terus (*indirect*) seperti kaunseling. Bantuan sebegini membolehkan pihak institusi zakat lebih memahami situasi dan keperluan sebenar golongan yang berhutang. Ia sekaligus dapat mengelak bantuan zakat diberikan kepada mereka yang kurang tepat.
4. Mengambilkira penyebab utama kepada belenggu hutang. Misalnya, dalam kes membantu ahli keluarga yang merupakan antara faktor tertinggi keberhutangan. Kes sebegini harus dilihat dengan teliti kerana seolah-olah wujudnya pihak ketiga yang memerlukan bantuan. Kesukaran yang dialami oleh pihak ketiga ini sebenarnya yang menyebabkan pihak lain terpaksa berhutang. Dalam hal ini, si penghutang perlu diberikan penyelesaian segera mengikut agihan *asnaf al-gharimin*, manakala pihak ketiga turut perlu dibantu agar tidak lagi menyusahkan pihak lain. Sekiranya pihak ketiga ini diabaikan, maka masalah yang sama pasti akan terus berulang.
5. Mewujudkan mekanisme perantara (*intermediate*) dalam menyelesaikan belenggu hutang seperti pinjaman dalam bentuk *qard al-hasan*. Sebagai contoh dalam kes hutang/pinjaman pendidikan, institusi zakat perlu memainkan peranan menyelesaikan masalah ini. Memandangkan mereka yang terlibat dalam hutang ini merupakan golongan muda dan berpotensi besar, maka mereka harus dibantu menyelesaikan masalah terbelenggu hutang pendidikan ini. Institusi zakat boleh memberikan “pinjaman sementara” untuk menyelesaikan hutang tertunggak dengan institusi pinjaman pendidikan seperti PTPTN, ataupun memberikan insentif

pendahuluan pembayaran dengan syarat mereka konsisten dalam membayar hutang mereka. Dalam masa yang sama, mereka turut perlu diberikan kesedaran tentang keperluan pembayaran semula “pinjaman sementara” yang berbentuk tanpa faedah ini.

Kesimpulan

Keberhutangan kalangan isi rumah terutama Muslim masalah yang serius akhir-akhir ini. Walaupun aktiviti berhutang kalangan Muslim tidak dapat dielakkan, tetapi ia perlu dikawal. Seseorang yang ingin membuat pinjaman perlu mengambilkira tujuan berhutang sama ada untuk memenuhi keperluan asas (*dharuriyyat*), keperluan biasa (*hajiyat*) atau keperluan mewah (*tahsinyyat*). Dalam hal ini, peranan institusi zakat dalam mengagihkan zakat asnaf *al-gharimin* sangat signifikan terutama bagi menyelesaikan hutang peminjam yang melibatkan keperluan asas (*dharuriyyat*) seperti rumah, kenderaan, perubatan dan pendidikan.

Rujukan

- Abu Hassan Shahari Md Nor, Tamat Sarmidi & Jasni Abu Suffyan Omar, “Faktor-faktor Peningkatan Beban Hutang Isi Rumah” dalam *Hutang Isi Rumah Malaysia; Cabaran dan Penyelesaian*, ed. Nor Hartini Saari & Mohamad Azhar Hashim (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2016)
- Akta Kebankrapan 1967.
- Azrina Sobian & Siti Fatimah Abdul Rahman, *Pinjaman Peribadi, Hasil Kajian Terhadap Masyarakat Malaysia* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2010).
- Bank Negara Malaysia, *Financial Stability and Payment Systems Report 2013*.
- Bank Negara Malaysia, *Financial Stability and Payment Systems Report 2014*.
- Bank Negara Malaysia, “Menguruskan Hutang Anda,” http://www.bankinginfo.com.my/_system/media/downloadables/mengurus_hutang_anda.pdf, tarikh akses 1 Mei 2016.

- Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan (Buku 1) – Kaedah Penyelidikan* (Malaysia: Mc Graw Hill, 2006).
- Al-Dārimī, *Sunan al-Dārimī* (Riyāḍ: Dār al-Mughnī li Nashr wa al-Tawzī’, 1420H).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.
- Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur’ān al-‘Azīm*, j. 1. (Riyāḍ: Dār Tayyibah, 2009).
- Ibn Mājah, Abī `Abd Allah Muḥammad bin Yazīd al-Qazwainī, “*Sunan Ibnu Mājah*” ed. Muḥammad Fuād bin Bāqī (Beirut: Dār Ihyā’ Turath ‘Arabī).
- Ibn Mājah, *Ṣaḥīḥ Ibnu Mājah*, j. 2 (Riyāḍ: Maktabah al-Ma’ārif li Nasy wa Tawzī’, 1997).
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (2016), “Statistik Agihan Zakat Mengikut Negeri,” http://intranet.jawhar.gov.my/spmj/public/zkt_agihan_stat.php, tarikh akses 1 Mei 2016.
- Kementerian Kewangan Malaysia, Bajet 2016, <http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/ucapan/ub16.pdf>
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, “Laporan Ringkas Aktiviti-aktiviti Agihan Zakat oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Tahun 2014,” tarikh akses 1 Mei 2016.
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (2016), <http://www.maiwp.gov.my/i/index.php/perkhidmatan-kami/takrif-asnaf>, tarikh akses 16 Mei 2016.
- Al-Nawawi, Maḥyuddin, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Imām Maḥyuddin al-Nawawi*, j. 11 (Beirut: Dār Ma’rifah, 2005).
- Kementerian Kewangan Malaysia, Pekelingling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2011.
- Al-Qaradawi, Yusuf, *Al-‘Ibadat fi al-Islam*, Jilid 5 (Beirut: Muassah al-Risalah, 1977). Muhammad Sulayman al-Ashqar et al., *Abhath Fiqhīyyah fī Qadaya al-Zakat al-Mu‘asirat* (Jordan: Dar al-Nafa’is, 2004).
- Raziah Md Tahir & Syarifah Md Yusof, “Status Individu Muflis dalam Asnaf Al-Gharimin,” *International Journal of Business and Technopreneurship*, 4 (3) (2014): 477-494.
- Al-Sā‘ātī, Ahmad ‘Abd al-Rahmān al-Bannā, *Bulugh al-Amānī min Asrār al-Fath al-Rabbānī* (Jordan: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, t.t.)
- Al-Sayuti, Abd al-Rahmān bin Kamāl Abī Bakr bin Muhammād Sābiq al-Dīn Khan al-Khuḍīrī, *Syarah Sunan Ibnu Mājah* (Amman: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, 2007).

19

INSTITUSI PUNGUTAN ZAKAT (IPZ): MENILAI OBJEKTIF INSTITUSI

*Muhsin Nor Paizin**

Abstrak

Salah satu strategi Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk meningkatkan kutipan zakat menubuhkan sebuah Institusi Pengutan Zakat (IPZ). Sekiranya perbandingan antara negeri dibuat, Wilayah Persekutuan merupakan perintis pelaksanaanya bermula pada tahun 1991. Konsep ini kemudiannya menjadi contoh beberapa negeri seperti Selangor, Pahang, Melaka dan Negeri Sembilan. Tertubuhnya IPZ masing-masing, memberi impak positif ke atas pencapaian kutipan zakat. Secara umumnya, IPZ ditubuhkan untuk mencapai 3 objektif utama iaitu; i) Menjadi agensi pengutip zakat bagi pihak MAIN; ii) Menyampaikan dakwah berzakat kepada masyarakat; dan iii) Memastikan masyarakat muslim yang layak berzakat menunaikan zakat mereka. Makalah ini merupakan sebuah penilaian terhadap objektif-objektif sedia ada di sesetengah IPZ, beserta cadangan ringkas yang boleh dipertimbangkan IPZ itu sendiri. Diharap tulisan

* Eksekutif Penyelidikan Kanan, Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP). Beliau juga adalah Calon Ijazah Sarjana di Jabatan Syariah dan Pengurusan. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. emel; muhsin.paizin@zakat.com.my

ini menjadi titik tolak penambahbaikan berterusan supaya IPZ terus maju demi kebaikan ummah Islam di Malaysia.

Kata kunci: Pungutan zakat, objektif, isu semasa

Pentadbiran Zakat di Malaysia

Berpandukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia, hal berkaitan agama Islam termasuk zakat adalah tertakluk dibawah bidangkuasa negeri-negeri iaitu diletakkan di bawah Perlembagaan Persekutuan: Jadual Kesembilan, Senarai 2: Senarai Negeri. Manakala Sultan atau raja bagi sesebuah negeri merupakan ketua agama Islam dengan hal berkaitan pentadbiran dijalankan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Yang Dipertuan Agong pula menjadi ketua agama bagi negeri yang tidak mempunyai Raja atau Sultan iaitu negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan. Kesemua negeri mempunyai MAIN serta corak pentadbirannya yang hampir serupa namun terpisah.

Dalam konteks pentadbiran zakat, ianya juga dikendalikan secara berbeza-beza tertakluk kepada ketentuan masing-masing. Setiap negeri bebas membentuk struktur pentadbiran hal ehwal Islam mengikut kesesuaian setempat. Akhirnya ia memperlihatkan perbezaan corak dan bentuk pentadbiran yang berasingan dan tersendiri. Ini adalah suatu perkara yang penting untuk difahami oleh semua pihak oleh kerana ianya memberi kesan secara langsung mahupun tidak langsung kepada sistem pentadbiran zakat di Malaysia.

Sesetengah MAIN telah menjalankan beberapa perubahan dalam corak pentadbiran zakat. Antara yang utama adalah dasar penswastaan dan pengkorporatan sebahagian atau keseluruhan sistem pentadbiran zakat-nya. Ianya bermula pada tahun 1991 apabila Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menubuhkan sebuah Institusi Pungutan Zakat (IPZ) yang dipertanggungjawabkan untuk mengutip zakat bagi pihak MAIWP. Keputusan dasar ini dilihat amat berjaya apabila IPZ

tersebut telah mencapai peningkatan kutipan zakat saban tahun. Konsep ini kemudiannya mula diikuti oleh MAIN lain sepetimana di Selangor, Melaka, Pahang dan Negeri Sembilan. Namun perlu kita sedari, sesetengah MAIN, atas pertimbangan masing-masing, masih kekal mentadbir zakat secara langsung tanpa menujuhan apa-apa institusi zakat lain.

Secara umumnya, penulis telah membahagikan struktur pentadbiran zakat di Malaysia berdasarkan perubahan yang berlaku kepada empat jenis:

1. Pentadbiran zakat secara langsung oleh pihak MAIN. contohnya di Perlis, Kelantan, Terengganu, Johor dan Perak.
2. Pentadbiran dwi-sistem iaitu urusan kutipan dibawah anak syarikat (IPZ) manakala urusan agihan kekal dibawah MAIN seperti di Wilayah Persekutuan, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang.
3. Pentadbiran zakat secara tidak langsung dengan mempertanggungjawabkan badan lain bagi pihak MAIN dalam urusan kutipan serta agihan zakat sepetimana di Selangor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.
4. Pentadbiran secara jabatan dimana ianya terpisah dari MAIN namun tetap diketuai oleh sultan, contohnya di Kedah.

Berdasarkan penjelasan diatas nyatakan corak pentadbiran zakat di Malaysia merupakan sebuah sistem yang sangat unik dan seharusnya difahami terlebih dahulu oleh semua pihak, kerana ianya secara langsung memberi kesan terhadap pencapaian serta penetapan objektif institusi itu sendiri.

Pentadbiran Dwi Sistem

Kertas ini berhasrat mengetengahkan perkara berkaitan objektif dan misi IPZ itu sendiri dengan disertakan beberapa ulasan dan pandangan berkaitannya. Berpandukan sedikit penjelasan latar belakang

pentadbiran zakat seperti mana dinyatakan diatas, kertas ini akan memfokuskan perbincangan kepada negeri-negeri dibawah sistem pentadbiran dwi-sistem sahaja. Dengan hanya Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan dan Melaka sebagai rujukan. Makalah ini merasakan percambahan fikiran dapat dijana sekiranya pemerhatian dibuat keatas objektif-objektif yang telah digariskan oleh IPZ dan melihat sejauh mana penetapan tersebut diterjemahkan kepada pelaksanaan sebenar.

Objektif Organisasi

Umumnya, objektif organisasi adalah sesuatu matlamat yang bertujuan untuk dicapai oleh sesebuah organisasi. Objektif organisasi adalah aspek yang paling penting dalam proses penetapan dasar. Adalah mustahil untuk sesebuah organisasi secara tiba-tibanya ditubuhkan dan terus mula beroperasi tanpa terlebih dahulu disediakan landasan-landasan yang kukuh. Objektif organisasi akan memainkan peranan besar dalam membangunkan dasar organisasi dan menentukan peruntukan sumber-sumber yang ada.

Menurut Tahir Sufi (n.d.), objektif sesebuah organisasi sangat berkait rapat dengan tujuan organisasi itu sendiri, dimana keperluan untuk menjelaskan sesuatu objektif adalah untuk menyediakan rangka kerja serta proses pembikinan strategi. Daripada penetapan objektif, iaanya akan dijadikan teknik pengurusan yang membolehkan pengurus untuk menilai proses kemajuan (*progress*) dengan membandingkan dengan matlamat (*goals*). Manakala menurut James Ryan (n.d.), teknik pengurusan ini memberi kelebihan untuk mengangkat prinsip akauntabiliti terhadap kakitangan dibawahnya.

Justeru objektif menjadi asas utama kepada halatuju serta perjalanan organisasi. Selaras dengan faktor objektif itu sendiri diwujudkan ialah untuk menjadi sebuah misi serta halatuju yang ingin dicapai. Namun, bagi mengelakkan sesebuah kenyataan objektif hanya sekadar omongan kosong, objektif-objektif yang digariskan hendaklah juga menepati

tujuan organisasi itu ditubuhkan dengan turut mengambilkira faktor-faktor perubahan dari keperluan semasa ke semasa.

Objektif Institusi Pungutan Zakat (IPZ)

Umum mengetahui bahawa IPZ ditubuhkan untuk mencapai tiga objektif utama iaitu i) Menjadi agensi pengutip zakat bagi pihak MAIN; ii) Menyampaikan dakwah berzakat kepada masyarakat; dan iii) Memastikan masyarakat muslim yang layak berzakat menunaikan zakat mereka¹. Objektif-objektif ini sudah tentunya dalam usaha memenuhi hasrat untuk memastikan umat Islam dapat melunaskan tanggungjawab berzakat mereka dan kemudian, wang-wang zakat yang dikutip dapat diserahkan kepada pihak MAIN untuk diagihkan kepada lebih ramai asnaf.

Perkara ini bertepatan dengan saranan strategi yang perlu dilakukan IPZ oleh pengkaji terdahulu antaranya meningkatkan kesedaran masyarakat untuk membayar zakat (Mohd Noor et al. 2004), dan ada juga mencadangkan meningkatkan kutipan zakat melalui zakat pendapatan dan skim potongan gaji kakitangan (Wahid et al. 2007). Kedua-dua cadangan ini bertujuan meningkatkan kesedaran untuk membayar zakat yang akhirnya akan meningkatkan jumlah kutipan zakat. Peningkatan jumlah pungutan ini akan meningkatkan lagi jumlah pengagihan zakat kepada asnaf. Jika jumlah kutipan meningkat, amanah zakat yang diagihkan kepada fakir miskin juga akan meningkat dan ini akhirnya akan memberikan kesan positif kepada asnaf zakat dari sudut ekonomi (Hairunnizam et al. 2012). Hal ini bermakna segala aktiviti dan pengoperasian IPZ seharusnya berteraskan objektif umum dimasa yang sama menjadi sebuah sistem yang boleh memajukan ekonomi umat Islam.

1 Ketiga-tiga objektif ini merupakan kesimpulan awal penulis dengan merujuk kepada beberapa kertas pembentangan oleh Hj. Mohamed Dahan Abdul Latiff, Pengurus Besar PPZ-MAIWP tahun 1991 - 2003.

Terjemahan Objektif Kepada Pelaksanaan

Beberapa buah negeri dipilih sebagai rujukan iaitu Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan dan Melaka

Wilayah Persekutuan

Kegiatan pungutan zakat di Wilayah Persekutuan diuruskan oleh Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dimana telah menggariskan objektif-objektifnya iaitu untuk i) Meningkatkan Pungutan Zakat; ii) Memudahkan Pembayaran Zakat; iii) Mendidik Masyarakat Islam Tentang Tanggungjawab Berzakat; iv) Memperkenalkan Sistem Pungutan Zakat Berkomputer; dan v) Memperkenalkan Cara Korporat Dalam Pengurusan Memungut Zakat². Pada masa yang sama, PPZ-MAIWP juga menetapkan sasaran peningkatan kutipan dan bilangan pembayar setiap tahun. Untuk menilai sejauh mana pelaksanaan objektif-objektif PPZ-MAIWP, kita boleh melihat kepada data-data yang tersedia beserta maklumat-maklumat yang diketahui secara umum.

Jadual 1: Statistik Ringkas Kutipan Zakat Harta oleh PPZ-MAIWP

Tahun	Kutipan Zakat (RM)	Bil. Pembayar (Orang)
1991	13.2 juta	14,200
1992	19.9 juta	24,288
...
2013	484.6 juta	138,852
2014	532.9 juta	153,382

Sumber: Laporan Tahunan Zakat PPZ-MAIWP³

2 Lihat Laporan Tahunan Zakat PPZ-MAIWP 2013.

3 Laporan Tahunan Zakat PPZ-MAIWP merupakan satu-satunya buku laporan yang memuatkan statistik kutipan zakat dan agihan zakat seluruh negeri di Malaysia. Justeru kebanyakan data-data yang terdapat dalam kertas ini berpandukan kepada buku laporan tersebut.

Berpandukan jadual di atas, jelas dilihat berlakunya peningkatan kutipan zakat. Sekiranya perbandingan dibuat, peningkatan kutipan zakat mencecah pertumbuhan 3,900% dari tahun pertama sehingga tahun 2014 ianya beroperasi. Begitu juga berlaku kepada jumlah bilangan pembayar yang meningkat dari tahun ke tahun sehingga mencecah 150 ribu orang pada tahun 2014. Hal ini dibantu kerana usaha berterusan mereka dalam mendakwah masyarakat Islam terutamanya di Wilayah Persekutuan. Dengan merujuk kepada penulisan lepas, sekurang-kurangnya terdapat 5 kegiatan utama dakwah yang dilakukan iaitu kempen melalui media masa, taklimat zakat dan pembukaan kaunter cawangan, penerbitan buku zakat, kepelbagaiannya saluran bayaran dan peningkatan saluran media baru (Muhsin, 2014).

Manakala dari sudut memudahkan pembayaran zakat dan aplikasi teknologi terkini dalam aktiviti kutipan, PPZ dilihat telah menyediakan pelbagai saluran pembayaran yang ada sesetengah daripadanya lebih digemari dan yang lain. Ia dapat dibuktikan melalui data di bawah:

Jadual 2: Statistik Ringkas Kutipan Zakat Melalui Saluran Bayaran di PPZ-MAIWP

Saluran Bayaran	2014 (RM)	2013 (RM)	2012 (RM)
Potong Gaji	312,828,297	270,411,540	223,448,641
Kaunter Zakat / Majlis	183,699,949	185,921,408	157,550,015
Kirim POS	2,682,081	4,149,075	3,199,217
Pelbagai Ejen	24,975,932	17,972,983	14,108,516
Elektronik / Media Baru:	8,494,585	5,873,546	4,056,882
Tidak dituntut (Akaun khas)	230,256	245,707	319,133
Jumlah Kutipan	532,915,062	484,574,259	402,682,404

Sumber: Laporan Tahunan Zakat PPZ-MAIWP

Daripada penerangan diatas, tidak keterlaluan sekiranya disimpulkan bahawa PPZ-MAIWP telah bergerak untuk mencapai peningkatan kutipan zakat dengan menerapkan kaedah lebih mesra

pelanggan dengan mewujudkan lebih banyak kemudahan untuk keselesaan pembayarnya, pada masa yang sama melakukan kempen-kempen dakwah zakat kepada masyarakat. Merujuk kepada data-data diatas, PPZ-MAIWP dilihat bergerak selari dengan objektif yang telah digariskan.

Negeri Sembilan

Tugas mengutip zakat di Negeri Sembilan dikelolakan oleh Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS), sebuah institusi korporat yang ditubuhkan untuk mengutip zakat bagi pihak Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Telah ditubuhkan pada tahun 1998 dengan berobjektifkan untuk i) Meningkatkan kutipan zakat sebanyak 10% setiap tahun; ii) Meningkatkan bilangan pembayar sebanyak 6% setiap tahun; iii) Memberi perkhidmatan yang cekap dan mesra; dan iv) Meningkatkan Kemahiran Sumber Manusia⁴

Objektif-objektif yang digariskan oleh PZNS dilihat sangat spesifik khususnya dalam pencapaian yang diharapkan dari sudut peningkatan kutipan dan bilangan pembayar setiap tahun. Bagi melihat pencapaian PZNS sehingga kini, kertas berhasrat merujuk kepada data-data kutipan yang tersedia seperti dibawah:

Jadual 3: Statistik Ringkas Kutipan Zakat Harta oleh PZNS⁵

Tahun	Kutipan Zakat (RM)	Bil. Pembayar (Orang)
1998	7.4 juta	-
1999	8.7 juta	-
...
2013	74.7 juta	42,616
2014	84.0 juta	47,506

Sumber: Laporan Tahunan Zakat PPZ-MAIWP

4 Lihat <http://www.zakatns.com.my/ver4/info-pzns/objektif>

5 Rujuk Laporan Tahunan Zakat PPZ-MAIWP edisi tahun 1999 hingga 2014.

Merujuk Jadual 3, pencapaian kutipan zakat di Negeri Sembilan mencatatkan pertumbuhan 1000% jika dibandingkan tahun pertama dengan tahun 2014. Manakala pertumbuhan tahunan adalah sekitar 10% - 20% setiap tahun. Begitu juga peningkatan berlaku kepada bilangan pembayar sekiranya melihat kepada data penuh dalam Laporan Tahunan Zakat PPZ-MAIWP⁶. Dari sudut memberikan perkhidmatan yang cekap kepada pembayar, PZNS telah menyediakan saluran kaedah pembayaran seperti kaunter, kiriman pos, potongan gaji, kaunter bank, kaunter bergerak, internet banking, sms, amil masjid dan mesin kiosk⁷. Usaha untuk mencapai objektif ditambah dengan strategi-strategi dakwah lain sebagai contoh *Operasi Rakan Niaga*, taklimat dan pameran zakat, khutbah dan kuliah zakat dan lain-lain⁸.

Melihat kepada pencapaian dan usaha yang telah dibuat, di sini dapat dirumuskan PZNS turut bergerak selari dengan objektif yang telah dinyatakan sebelum ini.

Melaka

Tugas mengutip zakat di Melaka diuruskan oleh Pusat Zakat Melaka yang ditubuhkan pada tahun 1996. Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah mengamanahkan Pusat Zakat Melaka (PZM) untuk menjalankan pengurusan zakat secara profesional bagi memungut dan mengagihkan zakat secara efektif dan bersistematik serta berkesan sesuai dengan objektif untuk menjadikan zakat sebagai satu pemangkin perekonomian dunia Islam di Negeri Melaka. Melihat dengan lebih dekat lagi, objektif-objektif PZM ialah i) Mendorong dan menggalakkan kewajipan berzakat; ii) Melahirkan masyarakat yang prihatin; iii) Menyediakan kemudahan dan keselesaan pembayar zakat; iv) Menguruskan kutipan

⁶ Ibid, namun data bilangan pembayar PZNS hanya tersedia bermula tahun 2005.

⁷ Lihat <http://www.zakatns.com.my/ver4/info-zakat/kaedah-pembayaran>

⁸ Ibid

zakat selaras dengan sasaran yang ditetapkan; v) Mengadakan promosi zakat dan kempen kesedaran berzakat dalam menyebarkan info zakat; dan vi) Melahirkan keyakinan masyarakat terhadap Pusat Zakat Melaka (PZM)⁹.

Berdasarkan objektif-objektif yang dinyatakan diatas, dilihat ianya tidak ditegaskan secara spesifik tentang peningkatan angka kutipan mahupun bilangan pembayar, malah PZM lebih menitikberatkan soal penggalakan dan penyediaan perkhidmatan yang baik kepada masyarakat muslim di Melaka. Ternyata ianya diterjemahkan kepada pelbagai aktiviti operasi yang dijalankan oleh PZM dalam pelbagai bentuk seperti program majlis pembayaran zakat, kepelbagaian kemudahan bayaran, dan perkongsian maklumat di media massa¹⁰. Natijahnya, ia memberikan peningkatan hasil kutipan sebanyak 620% jika membandingkan tahun 2014 dengan tahun 1999, seperti tertera dalam jadual di bawah:

Jadual 4: Statistik Ringkas Kutipan Zakat Harta oleh PZM¹¹

Tahun	Kutipan Zakat (RM)	Bil. Pembayar (Orang)
1999	7.6 juta	-
2000	8.4 juta	-
...
2013	49.7 juta	32,019
2014	54.7 juta	34,914

Sumber: Laporan Tahunan Zakat PPZ-MAIWP

9 Lihat http://www.izakat.com/index.php?option=com_content&view=article&id=30&Itemid=19&lang=bn

10 Ibid

11 Data PZM hanya tersedia bermula tahun 1999, manakala data bilangan pembayar hanya berjaya didapati bermula tahun 2005. Rujuk Laporan Tahunan Zakat PPZ-MAIWP edisi 1999 hingga 2014.

Berdasarkan penerangan rigkas ini, ternyata PZM telah berjaya meningkatkan perihal tuntutan berzakat kepada masyarakat pada masa yang sama telah menyediakan pelbagai kemudahan selari dengan objektif yang dinyatakan.

Cadangan

Umumnya, mana-mana organisasi memerlukan objektif-objektif yang jelas dan padat, ia kerana ianya akan menjadi asas utama kepada halatuju serta perjalanan organisasi tersebut. Selaras dengan tujuan objektif itu sendiri diwujudkan, ialah untuk dijadikan sebagai misi serta halatuju yang ingin dicapai. Pada masa yang sama objektif-objektif yang digariskan hendaklah juga menepati tujuan organisasi itu sendiri ditubuhkan dengan turut mengambil kira faktor-faktor perubahan dan keperluan semasa. Hal ini untuk mengelakkan berlakunya penetapan kepada sebuah kenyataan yang tiada erti yang akhirnya tidak menjadi rujukan dalam proses membuat keputusan oleh pihak pengurusan.

Jadual 5: Objektif-Objektif PPZ, PZNS dan PZM

OBJEKTIF/ MISI IPZ		
PPZ-MAIWP	PZNS-MAINS	PZM-MAIM
i. Meningkatkan Pungutan Zakat;	i. Meningkatkan kutipan zakat sebanyak 10% setiap tahun	i. Mendorong dan menggalakkan kewajipan berzakat
ii. Memudahkan Pembayaran Zakat	ii. Meningkatkan bilangan pembayar sebanyak 6% setiap tahun	ii. Melahirkan masyarakat yang prihatin
iii. Mendidik Masyarakat Islam Tentang Tanggungjawab Berzakat	iii. Memberi perkhidmatan yang cekap dan mesra	iii. Menyediakan kemudahan dan keselesaan pembayar zakat
iv. Memperkenalkan Sistem Pungutan Zakat Berkomputer	iv. Meningkatkan Kemahiran Sumber Manusia	iv. Menguruskan kutipan zakat selaras dengan sasaran yang ditetapkan

v. Memperkenalkan Cara Korporat Dalam Pengurusan Memungut Zakat		v. Mengadakan promosi zakat dan kempen kesedaran berzakat dalam menyebarkan info zakat
		vi. Melahirkan keyakinan masyarakat terhadap Pusat Zakat Melaka (PZM)

Berpandukan Jadual 5 diatas, dilihat setiap IPZ menggariskan objektif dan misi organisasi mirip dengan yang lain. Sekiranya melihat kepada pencapaian yang dibincangkan serba sedikit sebelum ini, kebanyakan daripadanya tercapai dimana ianya boleh dibuktikan dengan pencapaian jumlah kutipan zakat serta usaha-usaha dakwah yang telah dilakukan. Lantas, segala usaha yang dijalankan oleh IPZ seharusnya diiktiraf dan dipuji seterusnya disokong dengan harapan kemajuan akan terus diraih dimasa akan datang. Namun, untuk sesebuah institusi tersebut kekal relevan dan bertambah baik dari masa ke masa, penulis merasakan ada beberapa sudut yang boleh diperbaiki dalam penetapan objektif-objektif di IPZ:

i. Fokus IPZ Seharusnya Terhadap Orang Kaya

Seperti sedia maklum, tujuan penubuhan IPZ adalah untuk menjalankan tanggungjawab mengutip zakat bagi pihak MAIN, proses pengutipan ini semahunnya perlu menepati aturan syarak yang telah ditetapkan keatas umat Islam. Salah satu penetapan syarak yang utama dalam zakat adalah ianya diwajibkan kepada orang kaya yang mempunyai harta melebihi nisab¹². Justeru fokus operasi pungutan zakat kepada masyarakat seharusnya ditekankan kepada orang yang berada berbanding golongan lain. Ini kelihatan berbeza dengan konsep dakwah sedia ada, dimana IPZ dilihat berdakwah kepada pelbagai golongan

12 Hadis riwayat Abu Said al-Khudri RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Tidak ada kewajipan zakat pada kurma yang kurang dari lima wasaq. Tidak ada kewajipan zakat pada perak yang kurang dari lima uqiyah. Dan, tidak ada kewajipan zakat pada unta yang kurang dari lima ekor.” (HR Bukhari, Muslim dan lain-lain)

tanpa kurangnya pemisahan antara orang kaya dan orang bukan kaya¹³. Penulis mencadangkan agar objektif tumpuan dakwah IPZ akan lebih menjurus kepada golongan yang mampu membayar zakat. Sudah semestinya usaha dakwah kepada khayalak umum satu usaha yang mulia, namun usaha ini seharusnya berpada-pada dan fokus utama IPZ itu sendiri adalah memastikan golongan yang seharusnya membayar zakat, menunaikan tuntutan berzakat.

ii. Menyedari Wujud Had Pencapaian Kutipan Zakat

Zakat adalah sebuah pembersihan harta kekayaan dan ianya hanya dikutip dari golongan berharta dan berpendapatan tinggi yang melebihi had nisab. Hal ini bermakna pemisahan telah berlaku antara golongan pembayar zakat dan bukan pembayar serta tetapan minima harta yang perlu dimiliki untuk diwajibkankan untuk dizakatkan. Kebiasaannya jumlah golongan kaya dalam sesebuah kawasan adalah sedikit berbanding yang bukan kaya, maka sudah tentunya bilangan pembayar zakat juga adalah sedikit memberi makna bahawa ada had maksima jumlah amaan zakat yang boleh dikutip.

Tambahan pula situasi di negara Malaysia yang menetapkan urusan agama Islam adalah tertakluk dibawah kuasa negeri yang memberi kesan had kuasa tidak diluar sempadan kepada mana-mana institusi zakat sekalipun. Penulis merasakan hasrat ingin mencapai angka kutipan zakat kesatu tahap yang melampau¹⁴ adalah tidak relevan dengan situasi semasa sungguhpun wang tersebut akan dimanfaatkan golongan asnaf kemudian hari. Target peningkatan kutipan setiap tahun juga dilihat tidak seharusnya menjadi ukuran utama oleh

-
- 13 Hal ini boleh didapati dengan melihat kempen turun padang yang dijalankan oleh IPZ dikawasan-kawasan umum. Sebagai contoh berita ‘PPZ-MAIWP Terbit Komik Geng Amil’ (<http://www.zakat.com.my/berita-acara/9-berita-semasa/268-ppz-maiwp-terbit-komik-geng-amil>)
- 14 Berita Arkib (15/11/2014) : PPZ-MAIWP Sasar Kutipan Zakat Sejumlah RM1 Billion Bagi Tahun 2020 (<http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/newsindex.php?id=1085473>)

kerana wujud berlakunya had kutipan serta faktor luaran ekonomi dan lain-lain lagi. Justeru penulis mencadangkan agar IPZ sentiasa berobjektifkan untuk lebih memastikan setiap orang Islam yang wajib mengeluarkan zakat menunaikan tanggungjawab mereka, dimana objektif ini tidak mewajibkan sesiapa sahaja menunaikan zakat. Cara ini boleh dibuat dengan penapisan khusus antara golongan yang wajib dengan golongan yang tidak wajib. Hal ini juga untuk mengelakkan berlakunya penindasan atau lebihan ambilan harta daripada pembayar, ia juga bertepatan dengan saranan Rasulullah SAW terhadap amil-amil dizamannya¹⁵.

iii. Menitikberatkan Soal Ketelusan Dan Akauntabiliti

Maklumat kewangan dan maklumat bukan kewangan adalah penting untuk didedahkan di dalam pelaporan prestasi institusi zakat antaranya maklumat korporat, penyata kewangan, analisis prestasi kewangan dan nisbah prestasi kewangan. Menurut Noor Fadzilah Shafie et. al (2014), penekanan seharusnya diberikan kepada maklumat sijil dan laporan

15 Diriwayatkan dari Muslim bin Tsafinah dia berkata: “Ibnu Alqamah menugaskan bapaku untuk mengutip zakat bagi pihak kaumnya.” Muslim berkata: “Lalu ayahku mengutusku kepada sebuah kaum agar aku mengambil zakat mereka. Kemudian aku keluar hingga menemui seorang yang telah tua bernama Sa’r. Aku katakan: ‘Ayahku mengutusku kepadamu agar kamu menunaikan zakat kambingmu’ (orang tua itu) berkata: ‘Wahai anak saudaraku! Kambing seperti apa yang akan kalian ambil?’ Aku berkata: ‘Biarkan aku memilih, sampai aku mengukur susu kambingmu.’ Dia berkata: ‘Wahai anak saudaraku, aku akan memberitahu mu bahawa ketika aku berada di sebuah bukit bersama kambing-kambingku pada masa Nabi SAW, tiba-tiba datang kepadaku dua orang lelaki yang menunggang unta dan berkata: ‘Kami adalah utusan Nabi SAW yang datang kepadamu agar kamu menunaikan zakat kambingmu,’ aku berkata: ‘Apa yang wajib aku keluarkan darinya?’ (Keduanya) berkata: ‘Seekor kambing.’ Lalu aku pergi menuju seekor kambing, yang aku melihatnya telah mengandung dan gemuk, lalu aku mengeluarkannya kepada mereka. Keduanya berkata: ‘Ini adalah kambing yang sedang hamil, padahal Rasulullah SAW melarang kami untuk mengambil kambing yang hamil.’ (Orang tua itu) berkata: ‘Lalu aku menuju mu’tath (kambing betina yang berumur enam bulan hingga satu tahun) dan bawa kepada mereka, dia berkata: ‘Mu’tath adalah kambing yang belum melahirkan anak padahal sudah sampai masanya untuk melahirkan anak.’ Lalu aku mengeluarkannya kepada mereka, dan keduanya berkata: ‘Berikan kepada kami,’ maka aku memberikannya kepada mereka hingga keduanya menaikkannya ke atas unta mereka lalu keduanya pergi.”” (HR Nasa’i)

ketua audit Negara, penyata pendapatan dan perbelanjaan, maklumat prestasi perkhidmatan dan maklumat perancangan. Menurutnya lagi pembayar dan pentadbir zakat mementingkan maklumat ini diuar-uarkan dan mudah diakses oleh orang ramai. Akan tetapi IPZ ditubuhkan sebagai anak syarikat MAIN, oleh itu mungkin dilihat tanggungjawab pelaporan kewangan mungkin hanya kepada pihak MAIN sahaja. Namun mentaliti ini seharunya ditolak, lebih-lebih lagi institusi zakat berhadapan dengan risiko ketidakpercayaan masyarakat ditambah pula isu-isu kecil yang turut menghangatkan keadaan. Penulis mencadangkan agar IPZ menjadikan perihal ketelusan serta akauntabiliti sebagai salah satu objektif utama dalam pengoperasian zakat.

Kesimpulan

Dalam usaha memartabatkan pentadbiran institusi zakat, perlu difikirkan kembali bagaimanakah cara memperkasa dan membangunkan proses sedia ada. Dalam masa yang sama, boleh juga difikirkan bagaimana memantapkan lagi mekanisme pengurusannya. Dalam makalah ini, penulis telah mengetengahkan beberapa institusi IPZ yang dipilih dan serba sedikit membuat penilaian sejauh mana pencapaian yang telah digarap dibandingkan dengan objektif sedia ada yang telah digariskan. Ternyata kebanyakan daripadanya berjaya dicapai. Namun beberapa perkara perlu difikirkan khasnya dari sudut objektif IPZ agar lebih bertepatan dengan tujuan penubuhan IPZ itu sendiri. Proses pemerksaan perlulah berterusan bagi memastikan keindahan Islam itu dapat diserlahkan dalam aspek pengurusan. Yang dinyatakan dalam penulisan ini hanyalah sebahagian kecil cadangan penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan dan diperhalusi.

Rujukan

- Al-Bukhari Muhammed Ibn Ismaiel, Muhammad Muhsin Khan. “The Translation of the Meanings of Sahih Al-Bukhari”. 1997. Riyadh: Darussalam.
- Abul Hussain Muslim bin al-Hajjaj, Nasiruddin al-khattab, Huda Khattab & Abu Khaliyl. “English Translation of Sahih Muslim”. 2007. Riyadh: Darussalam.
- Abu Abdur Rahman Ahmad Shu'aib bin Ali An-Nasa'i, Abu Tahir Zubair Ali Zai, Nasiruddin al-Khattab, Huda Khattab & Abu Khaliyl. “English Translation of Sunan An-Nasa'i”. 2007. Riyadh: Darussalam.
- Ryan, James. “Manage By Objective Is The Cornerstone Of Managers Today”. Diakses 8 Jun 2015. https://www.academia.edu/1354427/Manage_By_Objective_Is_The_Cornerstone_Of_Managers_Today.
- Shafie, Noor Fadzilah, Ruhanita Maelah, and Norida Basnan. “Keperluan Pemegang Kepentingan Institusi Zakat Terhadap Item Maklumat Pelaporan Prestasi.” PROSIDING PERKEM-9 (2014): 543-50. Accessed June 8, 2015. http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkem2014/PERKEM_2014_4A3.pdf.
- Sufi Tahir. “Organizational Purpose and Business Objectives”. Diakses 8 Jun 2015. https://www.academia.edu/10044271/Organizational_Purpose_and_business_objectives.
- Mohamed Dahan Abdul Latiff. “Asas Pengurusan Dan Pembangunan Zakat.” Pembentangan, Bengkel Pembangunan Zakat Sempalan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri 1421H/2000, Ogos 26, 2000.
- Mohamed Dahan Abdul Latiff. “Pengalaman Pengelolaan Zakat di Malaysia.” Pembentangan, Seminar Zakat dan Wakaf Nasional Indonesia Pengelolaan Zakat dan Wakaf : Perbandingan di Beberapa Negara, Jakarta, Disember 7, 2000.
- Mohamed Dahan Abdul Latiff. “Manajemen Dan Pengelolaan Zakat Di Malaysia.” Pembentangan, Muzakarah Dan Sosialisasi Undang-Undang Zakat oleh Badan Amil Zakat (BAZ), Aula Bank Nagari, BPD Sumber, Ogos 22, 2002.

Mohamed Dahan Abdul Latiff. "Pengurusan Zakat Di Malaysia." Pembentangan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Januari 23 - 24, 2003.

Muhsin Nor Paizin. "Perlaksanaan Zakat Di Wilayah Persekutuan: Satu Pemerhatian Terhadap Operasi Kutipan Dan Agihan Zakat". Jurnal Hadhari 6 (2) (2014): 97-111.

Wahid Hairunnizam, Sanep Ahmad & Radiah A.K. "Melokalisasikan Urus Tadbir Pengagihan Zakat: Peranan Institusi Masjid Di Malaysia." Asian Journal of Accounting and Governance 3 (2012): 71-83. Diakses 8 Jun 2015. http://www.ukm.my/hairun/kertas_kerja/AJAG-7.pdf.

Wahid Hairunnizam, Sanep Ahmad & Mohd Nor, M.A. "Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Di Malaysia." Jurnal Islamiyyat 29: (2007): 53-70. Diakses 8 Jun 2015. ejournals.ukm.my/islamiyyat/article/download/.../1511

Mohd Noor, M.A., Wahid Hairunnizam & Md Nor, N.G. "Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Di Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia." Jurnal Islamiyyat 26-2 (2004): 59-68. Diakses 8 Jun 2015. http://www.ukm.edu.my/penerbit/jurnal_pdf/jis26-04.pdf

Laporan

Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2014. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2014

Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2013. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2013

Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2012. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2012

Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2011. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2011

Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2010. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2010

Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2009. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2009

Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2008. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2008

Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2007. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2007

Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2006. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2006

Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2005. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2005

Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2004. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2004

Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2003. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2003

Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2002. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2002

Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2001. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2001

Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2000. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2000

Laporan Zakat PPZ-MAIWP 1999. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 1999

Laman Web

<http://www.zakatns.com.my/> (Diakses 8 Jun 2015)

<http://www.izakat.com/> (Diakses 8 Jun 2015)

<http://www.zakat.com.my/> (Diakses 8 Jun 2015)

<http://www.bernama.com/> (Diakses 8 Jun 2015)

20

PEMBANGUNAN INSTITUSI ZAKAT DI MALAYSIA

*Mohd Rais Alias**

Abstrak

Zakat adalah salah satu tiang agama dalam Islam. Ia bukan berupa satu bentuk keabdi tetapi kedudukannya adalah yang kedua selepas ibadah solat. Zakat atau sedekah ditakrifkan sebagai bahagian tertentu dalam harta kekayaan seseorang individu Islam yang diperuntukkan untuk orang-orang miskin. Istilah itu digunakan dari perkataan asal Bahasa Arab yang bererti “untuk menambah”, “untuk mensuci” dan “untuk merestui”. Dalam zakat menimbulkan rasa tanggungjawab golongan kaya atas hasil pemberian Allah kepadanya. Zakat bukan sahaja membersih kekayaan atau harta si pemberi malah mendidik sikap suka memberi dan peka terhadap orang yang kurang bernasib baik. Firman Allah SWT yang bermaksud: “Dan dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat. Dan apa-apa yang kamu usahakan akan kebaikan bagi dirimu, tentu kamu akan mendapat pahalanya pada sisi Allah. Sesungguhnya Allah Maha Melihat apa-apa yang kamu kerjakan” Surah Al-Baqarah [2] ayat 110. Zakat nilainya lebih dari

* Ketua Pegawai Esekutif, Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP). Emel: rais@zakat.com.my

ibadah peribadi malah ia adalah satu institusi sosial yang memainkan peranan sebagai tunggak menjaga urusan sosio-ekonomi umat Islam. Ia berfungsi sebagai satu alat mengurangkan kemiskinan di kalangan ummah.

Kata kunci: Pembangunan, institusi zakat, korporat, moden

Pendahuluan

Kefarduan zakat bermula tahun dua hijrah. Institusi zakat sebagai tempat mengumpul dan mengagih. Wujudnya institusi ini dapat mengawal selia terhadap golongan yang kaya dan miskin berada dalam masyarakat. Ini akan menjadi titik mula atau katalis dalam hubungan ukhwah di kalangan umat Islam. Dari semasa ke semasa kita telah diperingatkan bahawa Islam adalah satu cara hidup yang paling sempurna bagi memberi panduan dalam soal hubungan sesama manusia juga hubungan dengan Allah. Peranan institusi zakat boleh memastikan penyusunan kembali dari semasa ke semasa cara agihankekayaan negara. Secara tidak langsung ia dapat menyingkirkan gejala perpecahan berpunca perbedaan kelas dari ketidak adilan sosial. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).” Surah Az-Zariyat [51] ayat 19

Zakat juga membawa kesucian harta dan diri sebagaimana maksud firman Allah :

“Ambilah zakat dari sebahagian dari harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan mereka.” Surah At-Taubah [9] ayat 103

Sesungguhnya zakat merupakan satu cara hidup integral Islam yang perlu dan tidak dapat dipisahkan. Menerusi institusi zakat banyak membantu mengatasi masalah yang dihadapi orang-orang Islam yang memerlukan. Penubuhan institusi zakat untuk memungut dan

mengagihkan zakat adalah satu prinsip dalam pentadbiran zakat. Institusi zakat berfungsi apabila diletakkan di bawah satu pelan yang tersusun. Pegawai zakat seharusnya mempunyai ilmu yang luas mengenai zakat, undang-undang dan sosio ekonomi masyarakat sekeliling. Di bawah butiran (i) Jadual Kedua Perlembagaan Malaysia; zakat diletakkan di bawah kuasa Kerajaan Negeri, maka Kerajaan Negeri memberi kuasa kepada Majlis Agama Islam Negeri untuk mentadbir semua perkara berkenaan agama di negeri masing-masing termasuklah perkara berhubung dengan pungutan zakat dan agihan zakat

Model Pentadbiran Baitulmal: Zaman Kegemilangan Islam

Baitulmal sebuah institusi yang memungut pelbagai jenis harta seperti zakat, kharaij, ushur, jizyah, harta wakaf dan luqatah. Dalam konteks masakini, Baitulmal sebenarnya adalah Perbendaharaan Negeri. Pada zaman Khalifah Umar Al-Khatab, di Madinah terbentuk institusi Baitulmal untuk masyarakat Islam. Cawangan-cawangan Baitulmal dibuka di daerah-daerah sementara pegawai-pegawai perbendaharaan bertindak di bawah kawalan badan pusat.

Diperingkat pusat ia diketuai oleh Hazim manakala di peringkat daerah oleh Amin Bayt Al-Mal. Kedua-dua nya diberi kuasa untuk mentadbir harta Baitulmal oleh Khalifah. Terdapat 3 jenis Baitulmal iaitu Baitulmal Am, Baitulmal Muslim dan Baitulmal Khas. Operasi Baitulmal Am dan Baitulmal Muslim hampir sama bentuknya. Bezanya hanya dari sudut punca perolehannya manakala Baitulmal Khas memberi lebih penekanan kepada kebijakan Khalifah. Aset atau harta yang termasuk dalam kelompok Baitulmal Am, di antaranya adalah harta Ghanimah, Fay'i, Kharaj, Jizyah, Ushur (dagangan), al-Ma'adin dan Rikaz (harta karun). Aset yang diperolehi dari sadaqah, khairat, minhah, hibah orang-orang Islam samada dari luar dan dari dalam

termasuk di bawah aset Baitulmal Am. Aset yang dikira haram seperti cukai minuman keras, haiwan-haiwan yang dilarang (haram), bunga (interest) atau yang seumpamanya termasuk dalam kumpulan ini.

Oleh kerana punca aset yang diperolehi itu berbentuk umum yang termasuk aset orang Islam dan bukan Islam, maka orang-orang Islam, juga bukan Islam, berhak menikmati faedah (*benefit*) dari Baitulmal Am ini. Telah tercatat dalam sejarah bahawa Khalifah Umar Al-Khatib telah mengarahkan supaya seorang tua Yahudi diberikan bantuan daripada Baitulmal Am. Berdasarkan prinsip yang sama, Kerajaan boleh menggunakan sebahagian aset tersebut untuk melindungi orang-orang bukan Islam yang patuh kepada kuasa orang Islam. Penggunaan aset Baitulmal Am diberi keutamaan dalam hal-hal ketenteraman awam dan keselamatan.

Sementara itu, punca pendapatan Baitulmal Muslim, sebahagian besarnya datang dari aset wakaf manakala yang lebihnya datang dari aset milik anak-anak yatim, nazar, kaffarah, wasiat (will) dan sadaqah (charity). Aset zakat pada dasarnya boleh diletakkan di bawah Baitulmal Muslim, tetapi dalam bentuk lain terutamanya untuk tujuan kebajikan orang-orang Islam dan penggunaannya seharusnya mengikut apa yang ditentukan dalam Quran. Mengikut sejarah, dalam era Khulafa Al-Rasyidin konsep Baitulmal Khas tidak begitu ketara. Namun pada zaman Umayyah ia wujud pada lahirnya, tetapi tidak begitu ketara kerana ia hanya ada dalam bentuk satu Jabatan Khas sehingga era Abassiyah dan empayar Islam di Sepanyol. Ide (idea) asas dalam pembentukan institusi ini bertujuan memberikan elaun sara hidup, tempat tinggal serta keperluan-keperluan lain yang sesuai untuk Khulafa. Mengikut amalan sekarang, kebanyakan Baitulmal yang terdapat di Negara-negara Islam termasuk Malaysia adalah dalam bentuk Baitulmal Muslim. Dengan kata lain, fungsi dan peranannya adalah terhad. Dengan itu pembentukannya adalah secara berasingan daripada Perbendaharaan Negara.

Zakat Era Rasulullah dan Para Sahabat

Menurut S.M. Hasanuz Zaman, perintah melaksanakan zakat telah dikuatkuasakan oleh Rasulullah SAW dengan menghantar sahabat-sahabatnya sebagai pemungut zakat. Mereka diberi tanggungjawab mengutip zakat daripada setiap keluarga Islam dan mereka juga dihantar ke Wilayah-Wialyah lain di bawah empayar Islam juga ke suku-suku kaum yang tinggal bertaburan di Semenanjung Arab. Rasulullah SAW kuat memberi penekanan kepada pegawai-pegawai yang jujur, ikhlas dan yang boleh dipercayai.

Setiap orang pegawai dibekalkan dengan Kitab Al-Sadaqah yang mengandungi garis panduan mengenai zakat, kaedah bagi menentukan aliran zakat dari yang kaya kepada yang miskin. Rasulullah juga mengutus surat kepada setiap suku kaum yang dibawa pemungut-pemungut zakatnya . Surat itu mengandungi penjelasan mengenai tanggung-jawab menuaikan zakat serta kadar bayaran yang dikenakan.

Dalam era para Sahabat Rasulullah, tidak terdapat perubahan yang ketara dalam kaedah pungutan zakat dan peraturannya. Satu-satunya perubahan yang dikesan adalah dalam bentuk punca zakat yang dibayar dan asnaf-asnaf yang dikenakan zakat keatas mereka. Perubahan yang ketara, walau bagaimanapun, telah diperkenalkan dalam era Khalifah Uthman. Salah satu daripada perubahan yang dibawa adalah zakat dipotong dari pendapatan penceن. Tindakan ini diambil dalam usaha bagi meningkatkan hasil pendapatan zakat supaya agihan kepada penerimanya lebih memuaskan.

Secara ringkas, proses pungutan zakat pada zaman Rasulullah dan para Sahabat, Baginda lebih menekankan kepada pungutan zakat melalui amil secara individu. Mereka dilantik untuk membolehkan orang Islam membayar Zakat kepada mereka oleh kerana tidak ada pilihan lain untuk membayar zakat sehingga era Khalifah Uthman yang kemudian memperkenalkan cara bayaran zakat melalui penceن

pendapatan. Justeru jika diperhatikan cara pungutan dan agihan zakat masakini amat jauh berbeda dengan cara lama dan lebih mudah untuk umat Islam membayar zakatnya dengan lebih cepat, tepat dan senang.

Sejarah Pungutan Zakat di Malaysia


Sejarah pungutan zakat di Malaysia bermula dari era sebelum zaman penjajahan. Dari segi sejarah, Kelantan adalah negeri yang pertama di Malaysia yang menggubal undang-undang berkenaan Zakat dan Fitrah melalui, “Notis Zakat Kelantan” (Kelantan Zakat Notice) di sekitar tahun 1907.

Pungutan zakat pada masa itu belum ditadbirkan sepenuhnya, di mana pada masa itu zakat hanya dibayar kepada ustaz atau guru-guru agama (yang bertindak sebagai amil) yang kemudian mengagihkannya kepada asnaf yang layak. Ini menunjukkan bahawa mereka yang membayar zakat pada masa itu percaya kepada ustaz dan guru-guru agama sebagai amil mereka. Sifat-sifat peribadi ustaz dan guru-guru agama menjadi asas mengapa mereka yang membayar zakat mempunyai kepercayaan penuh kepada ustaz dan guru-guru yang memberi pengertian bahawa mereka berpuas hati dengan tugas yang dilakukan oleh Ustaz dan guru-guru agama sebagai amil.

Semasa penjajahan, pengurusan zakat terletak di bawah Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu. Di setiap kampong pungutan zakat dilakukan oleh Imam di kampong itu yang menyerahkan zakat yang dipungut kepada kerajaan yang menjadi punca kewangan untuk tujuan pentadbiran Islam. Pembayaran zakat melalui imam masjid melambangkan kepercayaan mereka kepada sifat peribadi imam itu yang mampu menguruskan dengan baiknya urusan zakat itu. Pada masa itu, urusan pentadbiran zakat terletak di bawah setiap negeri iaitu di bawah ketua agama negeri masing-masing.

Bermula dari saat Malaysia mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos, 1957 hingga awal 90-an, berlaku banyak perubahan dalam struktur pentadbiran di pejabat-pejabat zakat di Malaysia. Struktur berikut memaparkan susunan masakini di tiga belas buah negeri termasuk di Wilayah-wilayah Persekutuan di Malaysia.

Rajah 1: Pentadbiran Zakat di Malaysia



Walau bagaimanapun perangkaan bagi tempoh sebelum tahun 1990-an, menunjukkan bahawa pungutan zakat tidak menggambarkan potensi sebenar oleh sebab-sebab berikut:

- Penekanan yang dibuat hanya kepada zakat fitrah dan padi sahaja.
- Perhatian tidak diberikan kepada zakat harta dan perniagaan.
- Agihan zakat diberikan terus kepada asnaf secara individu.
- Orang ramai tidak diberi maklumat sepenuhnya.
- Pengambilan kakitangan tidak dapat dilakukan.
- Tiada pengkhususan tugas untuk pegawai-pegawai zakat.

Perangkaan berikut menerangkan selanjutnya jumlah zakat yang dipungut di Malaysia bagi tempoh 1985 hingga 1990. (Sila rujuk Lampiran A).

Pemodenan Institusi Zakat di Malaysia (1991 Hingga Kini)

Dalam konteks Malaysia, Islam telah diiktiraf sebagai agama yang diamalkan di negara ini. Seperti yang tercatat dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu Perkara 3(i), jelas dinyatakan bahawa Islam adalah merupakan agama bagi Persekutuan; akan tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan harmoni di mana-mana tempat dalam Persekutuan. Sealiran dengan perkara ini, butiran 1 Senarai II (Senarai Negeri) Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan adalah diperuntukkan, di antara lain-lain, bahawa kuasa bagi menggubal undang-undang Islam termasuk Zakat dan Baitulmal atau hasil pendapatan Islam yang serupa adalah terletak di bawah bidangkuasa tiap-tiap Negeri.

Sultan sebagai Ketua bagi Negeri boleh, mengikut budibicaranya, melantik pegawai-pegawai agama Negeri dan menentukan halatuju hal ehwal agama di negeri yang berkenaan. Dengan itu Sultan memegang peranan penting dalam soal fatwa atau keputusan mengenai agama dan undang-undang Islam. Beliau memikul tanggungjawab bagi menentukan bahawa undang-undang Islam dilaksana dan diamalkan oleh orang Islam di Negeri itu. Sehubungan ini bidangkuasa Negeri mengenai undang-undang Islam adalah bagi mewujudkan Enakman Syariah dan menentukan pelaksanaan secara berkesan, enakman itu juga bagi mewujudkan satu institusi yang berkesan untuk mengawalselia undang-undang Syariah tersebut.

Penglibatan Sultan dalam soal mengawalselia undang-undang Islam di Malaysia adalah berupa satu bidangkuasa perlembagaan yang jelas. Perlembagaan adalah merupakan undang-undang asas Negara, tetapi Perlembagaan itu sendiri tidak menyekat bidangkuasa tiap-tiap Negeri untuk mengawalselia secara kreatif hal ehwal agama di Negeri berkenaan. Dengan itu pihak Negeri mempunyai kuasa menggubal undang-undang bagi menentukan supaya hukum-hakam Islam di Negeri itu berjalan dengan sempurna termasuklah peraturan mengenai zakat

dan mengekalkan hak untuk mempastikan penyeliaan urusan zakat berjalan dengan licin di Negeri itu.

Dengan tujuan bagi melaksanakan urusan zakat berjalan dengan baik, penglibatan pihak Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri adalah mustahak dan dengan itu terletaklah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri untuk mewujudkan satu sistem zakat yang baik serta melantik pegawai-pegawai zakat untuk menguruskannya. Pada masa-masa yang lepas zakat telah dilaksanakan secara tradisional di mana pentadbiran banyak bergantung kepada undang-undang mengikut Quran dan Hadis dengan cara menggunakan pakai undang-undang asas dan prinsip zakat yang dibentuk oleh fuqaha, terutamanya mengikut Mazhab As-Shafie.


Pungutan zakat dan agihan tabung-tabung zakat pada asasnya terletak di bawah Baitulmal. Pada masa itu zakat dimaksudkan untuk memenuhi kehendak agama sahaja dan tiada banyak sangat dikaitkan dengan tanggungjawab sosial. Tanggungjawab konvensional institusi zakat adalah bagi menentukan bayaran zakat dipungut dan diagihkan mengikut asnaf yang dibolehkan oleh peraturan untuk menerimanya. Oleh sebab itulah, maka zakat ini dibataskan skopnya dan tabung zakat tidak boleh digunakan untuk tujuan-tujuan lain. Perkembangan baik yang berlaku ialah `pemahaman tentang skop zakat ini telah bertambah baik maka dengan itu berbagai dayausaha bagi meluaskan lagi peranan institusi zakat muncul menjadi agenda baru bagi banyak Kerajaan Negeri.

Pada awal tahun 1990an penubuhan Pusat-pusat zakat sebagai badan-badan yang tersusun bercorak profesional dianggap sebagai satu lagi daya usaha bagi menentukan bahawa pengurusan zakat berfungsi dengan baik. Kerajaan Malaysia percaya bahawa pengurusan zakat sebagai sebuah institusi sosial secara lansung bergantung kepada pengurusan dan dasarnya, kredebiliti dan akauntabiliti dalam membentuk sebuah institusi zakat yang komprehensif dan disegani.

Rasionalnya usaha yang dijalankan ini adalah untuk memberi kuasa kepada institusi zakat dan bagi menentukan bahawa aturan dan peraturan zakat ditadbir secara berkesan. Penubuhan Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur (PPZ – MAIWP) pada tahun 1991 adalah realisasi idea ini. Ia diikuti pula dengan penubuhan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang dalam bulan Jun 1994, Pusat Zakat Selangor dalam tahun 1995, Pusat Zakat Negeri Sembilan dalam bulan September 1998, Pusat Zakat Pahang dan Melaka, kedua-duanya dalam tahun 1996. Sementara itu Pusat Zakat Sabah dan Tabung Baitulmal Sarawak masing-masing ditubuhkan dalam tahun 2007 dan 1998.

Bagi negeri-negeri lain, pengurusan zakat dikawal oleh satu Jabatan Zakat atau Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri yang terletak di bawah pengawasan Sultan secara langsung. Di bawah berbagai enakmen berhubung dengan aturan dan peraturan zakat, kuasa mengeluarkan fatwa diberi kepada Sultan, Mufti dan Pegawai-pegawai Agama. Dengan itu setiap negeri mempunyai peraturan zakat dan cara perlaksanaan yang berbeza. Bagi (negeri) Kuala Lumpur iaitu ibu Negara Malaysia, pengurusan zakat terletak di bawah satu institusi yang dikenali sebagai Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP). Ia adalah merupakan anak syarikat dengan sahamnya 100% dimiliki Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang bertanggungjawab kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengurus Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. PPZ-MAIWP beroperasi di ketiga-tiga kawasan yang diisyiharkan sebagai Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Pembahagian zakat atau program pembahagian zakat kepada kelapan-lapan asnaf sebagai penerima yang layak menerima zakat adalah terletak di bawah Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Rajah 2: Pentadbiran Zakat di Wilayah–Wilayah Persekutuan



PPZ – MAIWP dengan visinya; “Untuk menjadi organisasi zakat yang unggul di kalangan Negara-negara Islam di dunia dan sebagai pemain utama dalam mengimbangi sosio-ekonomi; masyarakat Islam dengan visinya “Untuk memupuk kesedaran di kalangan setiap orang Islam yang layak membayar zakat”, telah ditubuhkan pada 17 November, 1985 dan memulakan operasi secara rasmi pada 27 Disember, 1990.

Objektif pembentukan PPZ – MAIWP adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan pungutan zakat;
2. Menambah bilangan pembayar zakat;
3. Memberi maklumat mengenai tanggungjawab membayar zakat;
4. Memperkenalkan sistem bayaran zakat secara berkomputer;
5. Mewujudkan pengurusan secara korporat dalam hal ehwal pungutan zakat dengan cogankata, “PPZ – MAIWP memudahkan anda melaksanakan tanggungjawab anda untuk membayar zakat”.

Konsep pengkorpratan institusi zakat adalah didasarkan kepada ciri-ciri berikut:

1. Pungutan dan agihan zakat melalui pendekatan secara korporat;
2. Mengadakan kaunter-kaunter pungutan zakat;
3. Penggunaan sistem ICT;
4. Mengurangkan birokrasi bagi menyegerakan penyampaian;
5. Menentukan kebijakan kakitangan;

Struktur pentadbiran PPZ-MAIWP mengandungi: Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Tatatertib dan Keselamatan, Jawatankuasa Percetakan dan Pengeluaran, Jawatankuasa Kajian dan Pembangunan Korporat, Jawatankuasa Kawalan Kualiti, Jawatankuasa Pemberian Tender, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Jawatankuasa mengenai Prosidur Pengauditan Dalam dan Jawatankuasa Teknikal Syariat. Sebagai tambahan, struktur organasasi diperkasakan lagi melalui Ketua Pegawai Eksekutif dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif yang dibantu oleh empat bahagian terdiri dari Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Kewangan, Bahagian Operasi dan Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif.

Perkembangan institusi zakat di Malaysia kini adalah memuaskan terutama dari segi pungutan zakat. Jumlah zakat yang dipungut di Malaysia telah bertambah dengan pesat sekali. Jumlah yang dikutip telah bertambah setiap tahun. Bagi keseluruhan tahun 2015, jumlah zakat yang dipungut mencecah angka RM 2.3 billion berbanding RM 1.6 billion dalam tahun 2011 (sila rujuk Lampiran B).

Pertambahan yang menggalakkan ini boleh dikaitkan dengan berbagai faktor iaitu kerana cara bayarannya mudah, pengurusan zakat yang lebih efisyen, teknik pungutan dan agihan yang professional; kewujudan lebih banyak kaunter pungutan menggunakan sistem ICT, mengurangkan birokrasi untuk menyegerakan penyampaian, memupuk kebijakan kakitangan dan mengadakan peluang untuk pengambilan kakitangan profesional.

Teras kepada sistem baru ini adalah prosidur pungutan yang dibentuk sesuai dengan sistem komputer. Ini melibatkan penilaian zakat, sistem koding, sistem maklumat data pungutan, sistem bayaran, sistem semak dan nilai, sistem pemasaran dan laporan. PPZ-MAIWP menjadi suar atau mercutanda kepada organisasi-organisasi pungutan zakat di Malaysia oleh kerana ia adalah merupakan organisasi pertama yang menggunakan teknologi komputer bermula dari semenjak 25 tahun yang lalu. Kecekapan dan keberkesanannya telah membawa pertambahan yang ketara dalam pungutan zakat dari setahun ke setahun dan corak pemasarannya yang agresif berjaya memupuk kesedaran di kalangan orang-orang Islam untuk melaksanakan tanggungjawab mereka bagi menunaikan bayaran zakat. Pada masa yang sama Baitulmal Wilayah Persekutuan turut melaksanakan berbagai program yang tertumpu masyarakat bandar.

Faktor-Faktor Kejayaan PPZ-MAIWP

Dalam aktiviti pengurusan dan pungutan zakat, PPZ-MAIWP telah melalui berbagai proses kemajuan dan pembangunan. Sejarah kejayaannya dalam meningkatkan jumlah zakat yang dipungutnya adalah gambaran yang menunjukkan pencapaian dan kebolehannya. Faktor-faktor yang menyumbang ke arah kejayaan ini adalah:

Ciri – Ciri Organisasi

1. Pengkorporatan

Semenjak mula penubuhan PPZ-MAIWP awal tahun 1991 pengurusan zakat secara korporat seperti profesional di kalangan kakitangan banyak menyumbang kemajuan dan pembangunan organisasi ini.

2. Konsep Amil

Konsep amil korporat yang menjalankan tugas secara agresif, professional dan berpasukan telah memberi maklumbalas positif di kalangan pembayar zakat. Ini berbeza dengan cara konvensional amil hanya menjalankan tugas di Masjid.

3. Sistem Komputer

Penggunaan komputer dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan PPZ-MAIWP seperti pungutan data, bayaran zakat di kaunter, aktiviti-aktiviti melapor serta menyampaikan maklumat di kalangan kakitangan menambahkan lagi kecekapan, keberkesanan dan penambahbaikan PPZ-MAIWP dalam merancang dan membentuk berbagai operasi dan pengawasannya.

4. Penubuhan Pusat-Pusat Perkhidmatan

Penubuhan puat-pusat perkhidmatan yang selesa telah membantu dalam meningkatkan kehadiran pembayar-pembayar. Tambahan lagi dengan adanya kakitangan yang menampakkan imej sebagai rakan pengguna serta imej korporat yang sentiasa membantu pembayar zakat, telah menaikkan keterampilan pusat itu.

5. Pusat Panggilan (Call Center)

Bertujuan untuk memberi dan menyampaikan maklumat mengenai hal ehwal zakat, PPZ telah menukuhan Pusat Panggilan untuk menjawab apa-apa pertanyaan mengenai hal ehwal zakat. Ini membolehkan mana-mana pertanyaan orang-orang Islam dijawab semada dalam bentuk pengiraan serta pemberian maklumat mengenai zakat dan penunaian zakat.

Budaya Kerja

1. Perkhidmatan Berorientasikan Pelanggan

Mempertahankan mutu perkhidmatan berorientasikan pelanggan yang baik dan cemerlang, adalah satu akuanji yang dibuat oleh

PPZ-MAIWP kepada pelanggan-pelanggannya. Rangkap kata “Pelanggan Sentiasa Betul”, “Pelanggan diutamakan”, dan “Pelanggan orang No. 1” adalah menjadi budaya kerja harian yang diamalkan oleh semua kakitangan. Justeru, ini memuaskan hati pelanggan.

2. Profesionalisma

Kakitangan PPZ-MAIWP digalakkan mengamal budaya profesionalisma dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Ini amat mustahak oleh kerana PPZ-MAIWP adalah sebuah organasasi yang memberikan perkhidmatan kepada orang ramai.

3. Pengurusan dan Latihan

Dalam usahanya secara berterusan untuk memberi mutu perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan-pelanggannya, PPZ-MAIWP secara sistemetic mengatur dan merancang latihan-latihan kepada kaki-tangannya. Latihan dan sesi bengkel ini, samada yang dilakukan oleh jurulatih-jurulatih dalaman atau pakar-pakar, memberi tumpuan kepada aspek pembangunan kakitangan dalam bidang pengurusan, operasi dan pentadbiran. Ini juga merupakan satu aspek yang perlu dipenuhi berdasarkan kehendak MS ISO 9001 : 2008.

4. Kerja Berpasukan

Aspek kerja berpasukan di kalangan kakitangan PPZ-MAIWP dikenalpasti sebagai salah satu faktor kejayaan yang penting kepada PPZ-MAIWP. Dengan itu sesi-sesi perbincangan dan dialog yang berterusan diadakan bagi mewujudkan satu platform yang secukupnya untuk kakitangan mengemukakan pandangan dan persepsi mereka mengenai perkara-perkara yang berkait dengan bidang kerja supaya keputusan yang terbaik dapat dicapai akhirnya.

5. Kerja sebagai Ibadah

Dari semasa ke semasa kakitangan diingatkan bahawa pekerjaan yang mereka lakukan adalah merupakan ibadah. Dengan itu mereka

perlu menganut sikap yang positif terhadap pekerjaan mereka secara Islam dan berusaha menjadi seorang pekerja Islam yang baik pada setiap masa.

6. Insentif Kepada Kakitangan

Menyedari betapa mustahaknya kakitangan yang ada sekarang kepada organisasi, PPZ-MAIWP menawarkan berbagai-bagai insentif dan manfaat kepada kakitangannya. Usaha ini telah menghasilkan satu pasukan tenaga kerja yang produktif dan kreatif di samping mengatasi masalah penghijrahan kakitangan ke syarikat-syarikat lain.

7. Pekerja Aset Organisasi

PPZ-MAIWP juga sedar bahawa kakitangan adalah menjadi aset kepada organisasi. Setiap kakitangan telah mengorbankan banyak masa, fikiran dan tenaga untuk mencapai kejayaan PPZ-MAIWP. Justeru amat sesuai bagi PPZ-MAIWP untuk memainkan pula peranannya dan dengan itu melihat akan keperluan kakitangan supaya kedua-dua pihak dalam suasana menang sama menang (win-win situation)

Ekonomi

1. Pendapatan Kasar Perkapita Negara (GDP)

- a. Salah satu faktor yang membawa pertambahan dalam bayaran zakat adalah bertambahnya peratusan pendapatan kasar Perkapita Negara (GDP) setiap tahun.

2. Kestabilan Politik

- a. Satu lagi faktor penyumbang adalah kesetabilan Politik Malaysia. Rakyat Malaysia kebanyakannya adalah mereka yang cintakan kedamaian serta hidup dalam suasana yang aman dan harmoni. Ini telah diperolehi semenjak Negara mencapai

Kemerdekaan dalam tahun 1957, meskipun rakyatnya terdiri dari berbagai bangsa seperti Melayu, Cina, India, Kadazan dan Iban. Kesetabilan ini tentulah menjadi satu aset yang sungguh bernilai kepada PPZ-MAIWP dalam menjalankan aktiviti-aktivitinya.

Sosial dan Kebudayaan

Lahirnya Golongan Melayu Peringkat Pertengahan; Semenjak Rancangan Ekonomi Baru (NEP) diperkenalkan oleh Kerajaan, dari tahun 1970 hingga 1990, perpuluhan-puluhan orang Melayu telah mendapat faedah hasil dari kemakmuran ekonomi. Rancangan Ekonomi Baru (NEP) telah dimatlamatkan supaya “bumiputra” akan memperolehi 30% daripada kekayaan Negara sebagai satu pra-syarat untuk membolehkannya bersaing dengan bangsa-bangsa lain di Malaysia. Hasilnya dalam tahun 90an, maka muncullah satu generasi baru orang-orang Melayu kelas pertengahan dan mereka ini memegang posisi yang penting dalam sektor kerajaan dan swasta. Terdapat juga berpuluhan-puluhan orang Melayu yang menjadi profesional yang berjaya dalam berbagai bidang kerja.

Faktor Undang-Undang

Potongan (Rebat); Satu kemudahan eksklusif yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia adalah potongan (rebate) atau pengecualian atas bayaran cukai individu daripada bayaran zakat. Akta 1967, 6A (3) daripada Akta Cukai Pendapatan menyatakan bahawa seseorang individu yang telah membayar zakat melalui Majlis Agama Islam Negeri akan diberi potongan atas bayaran cukainya dengan syarat ditunjukkan resit bayaran zakat itu. Justeru, kemudahan ini telah membantu mengurangkan beban kepada pembayar zakat.

Aktiviti Pemasaran PPZ

Pemasaran Secara Langsung

Sebagai wakil yang bertanggung jawab bagi mempromosi zakat kepada masyarakat Islam dalam tempoh 25 tahun ia beroperasi di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Pulau Labuan, PPZ-MAIWP telah mengamalkan dua kaedah strategi pemasarannya iaitu pemasaran secara langsung dan secara tidak langsung. Kedua-dua kaedah ini jelas sekali berkesan dan telah banyak meningkatkan jumlah kutipan dan bilangan pembayar zakat tahun demi tahun. Di antara aktiviti pemasaran secara langsung yang digunakan adalah:

1. Ceramah dan Taklimat Zakat

Sebaran maklumat mengenai zakat diteruskan sepanjang tahun melalui ceramah / taklimat. Kaedah ini terbukti amat penting terutamanya kerana ia sampai kepada orang-ramai, samada di Pejabat atau Masjid di seluruh Negara.

2. Khidmat Mengenai Anggaran dan Penilaian Zakat Individu dan Syarikat

Semenjak penubuhannya, PPZ-MAIWP telah memperkenalkan berbagai jenis perkhidmatan dengan tujuan untuk menggalakkan orang ramai tampil untuk bertanya tentang perkara-perkara berkaitan zakat. PPZ-MAIWP juga mengalu-alukan daya usaha oleh orang ramai untuk menganjurkan sesi-sesi perundingan misalnya seperti perkara menyentuh anggaran dan penilaian terutama bagi mereka yang berdepan dengan masalah untuk pergi ke kaunter-kaunter perkhidmatan PPZ-MAIWP.

3. Operasi Zakat dan Kempen Zakat

Dua kaedah pemasaran zakat digunakan bagi menentukan orang ramai sedar tentang aktiviti-aktiviti PPZ-MAIWP. Kedua-dua kaedah itu adalah OPERASI ZAKAT dan KEMPEN ZAKAT.

Melalui kedua-dua kaedah ini, pegawai-pegawai zakat akan bergerak sebagai satu pasukan dan menempatkan diri mereka di tempat-tempat yang strategik seperti di lobi-lobi banguna komersial dan pejabat-pejabat kerajaan, kawasan-kawasan perumahan dan premis-premis perniagaan untuk menyebarkan risalah dan borang-borang zakat kepada orang ramai.

4. Operasi di Masjid

Satu kaedah yang dijalankan secara bergilir yang dikenali sebagai “OPERASI DI MASJID” adalah satu pendekatan yang dijalankan khas semasa program yang berjalan seperti pamiran, perundingan dan tazkirah yang disusuli dengan ceramah pada hari Jumaat. Ini memberi peluang kepada jemaah yang hadir bagi mendapat maklumat dan cara-cara pembayaran zakat.

5. Langkah Susulan

Satu lagi strategi yang dilaksanakan oleh PPZ-MAIWP adalah mengadakan langkah susulan kepada syarikat-syarikat dan individu-individu yang gagal membayar zakat mereka. Langkah susulan ini akan membantu PPZ-MAIWP mengenalpasti sebab mengapa mereka gagal membayar bayaran zakat mereka dan dengan cara ini membolehkan PPZ-MAIWP membentuk strategi bagi mengatasi faktor tersebut. Ini juga akan membantu PPZ-MAIWP bagi mempastikan bahawa matlamat pungutan zakat boleh dicapai dalam tahun itu.

6. Ringkasan Laporan Zakat

Bagi menemui terma yang digariskan dalam Piagam Pelanggan, pada tiap-tiap tahun PPZ-MAIWP menerbit dan menyampaikan satu laporan kepada semua pembayar berkenaan dengan kedudukan pungutan zakat dan pembayar zakat. Laporan itu juga mengandungi maklumat berkenaan dengan agihan zakat melalui program, projek dan skim yang dilaksanakan oleh Baitulmal Wilayah Persekutuan sepanjang tahun.

7. Sistem Peringatan

Satu kaedah yang digunakan bagi mengingatkan pembayar zakat tentang tanggungjawab mereka untuk membayar zakat adalah dengan menggunakan sistem peringatan. Zakat adalah satu tanggungjawab yang berlaku hanya sekali setahun ditambah lagi dengan beban tugas yang perlu dipikul maka ini memerlukan satu sistem untuk mengingati umat Islam menunaikan tanggungjawab mereka.

8. Kad-Kad Ucapan

Satu lagi pendekatan pemasaran secara langsung yang digunakan PPZ-MAIWP adalah melalui Pengiriman Kad-Kad Raya dan kalender kepada pembayar-pembayar zakat. Melalui amalan ini, setiap pelanggan akan berasa bangga dan dengan itu PPZ-MAIWP akan sentiasa dalam ingatan mereka.

9. Perunding Individu dan Kumpulan

Satu kaedah lagi yang digunakan PPZ-MAIWP bagi menyebarkan ilmu mengenai zakat adalah melalui cara perundingan. Cara-cara perundingan dilakukan untuk individu juga untuk kumpulan. Cara ini boleh membantu menghurai dan menerangkan secara lebih jelas tentang urusan zakat melalui kaedah pemasaran secara langsung.

10. Pungutan Zakat Berkumpulan

Pungutan zakat berkumpulan adalah satu kaedah di mana PPZ-MAIWP akan membuka kaunter-kaunternya melalui jemputan daripada prjabat-pejabat Kerajaan atau swasta. Usaha ini dibuat dengan tujuan untuk membantu mereka yang tidak dapat pergi ke kaunter-kaunter perkhidmatan PPZ-MAIWP disebabkan masa dan tugas mereka.

11. Kempen Potongan Gaji

Bagi membantu meringankan beban pembayaran zakat di kalangan orang ramai, PPZ-MAIWP telah memperkenalkan skim potongan

gaji semenjak tahun 1991. Skim ini boleh dilihat sebagai satu usaha PPZ-MAIWP bagi membantu meringankan beban pembayar zakat supaya dapat mengimbangkan kemampuan kewangan pembayar zakat berkenaan.

12. Temujanji

Sepanjang tahun, layanan diberikan kepada orang perseorangan dan kumpulan yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai amalan zakat.

Pemasaran Secara Tidak Langsung

Meskipun keberkesanan dakwah melalui pemasaran secara langsung telahpun terbukti, namun PPZ-MAIWP juga menggunakan kaedah-kaedah secara tidak langsung kepada orang-orang Islam sebagai sebahagian daripada tanggungjawabnya kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

1. Televisyen (TV)

Kemunculan kakitangan PPZ-MAIWP di kaca TV Kerajaan dan Swasta dari semasa ke semasa adalah cara yang terbaik untuk mendampingi bakal pembayar zakat di setiap pelusuk Negara. Cara ini bukan sahaja membawa kebaikan kepada PPZ-MAIWP malah ia juga membantu institusi-institusi zakat di seluruh negara dalam usaha dakwah dan dengan itu mereka secara tidak langsung menjadi penerima zakat yang dipungut dari masyarakat Islam yang lain di Malaysia.

2. Radio

Samalah juga, kemunculan sekali-sekala di-stesyen-stesyen radio kerajaan dan swasta kakitangan PPZ-MAIWP juga membantu dalam usaha dakwah. Pendedahan melalui dua media ini; TV dan Radio amat berkesan dalam mewujudkan imej yang baik. Ia menjadi peringatan yang berterusan kepada masyarakat bahawa PPZ-MAIWP sentiasa di sisi mereka untuk berkhidmat kepada mereka.

3. Ceramah

Peluang yang diberikan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang membenarkan PPZ-MAIWP untuk memaklum dan mendidik masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan PPZ-MAIWP Labuan, adalah pendekatan bukan secara lansung yang digunakan oleh PPZ-MAIWP. Peluang untuk memberi ceramah semasa solat Jumaat pada bulan Ramadan dan Disember digunakan sepenuhnya oleh PPZ-MAIWP untuk menyampaikan maklumat mengenai zakat.

4. Taklimat

Sebagai perbandingan, taklimat diberikan kepada kumpulan sasar yang lebih kecil manakala ceramah ditujukan kepada kumpulan yang lebih ramai. Taklimat memberi peluang kepada kakitangan PPZ-MAIWP untuk memberi fokus khusus bagi menerang dan menjawab semua pertanyaan dengan jelas. Cara ini biasanya dibuat khusus bagi kumpulan-kumpulan yang kecil dalam sesebuah syarikat, persatuan, NGO dan kumpulan-kumpulan lain yang memerlukan kaedah ini.

5. Taksiran dan Pungutan Secara Kumpulan

Satu lagi kaedah pemasaran secara tidak langsung adalah melalui cara menyusun pungutan berkumpulan. Aktiviti ini, dibuat sekali-sekala dan kadang-kadang dibuat secara tetap bergantung kepada masa dan tempat yang sesuai dengan wargakota Kuala Lumpur yang sentiasa sibuk. Cara ini diatur bagi membantu mereka yang tiada masa untuk datang ke Pejabat PPZ-MAIWP, dan berpuashati dengan cara itu oleh kerana masalah meletak kereta. Masalah ini boleh diatasi dengan menghubungi kakitangan PPZ-MAIWP untuk datang ke tempat kerja mereka untuk membuka kaunter-kaunter bayaran tanpa kena meninggalkan pejabat mereka untuk menyempurnakan kewajipan mereka untuk membayar zakat.

6. Sebaran Risalah dan Poster

Menyedari bahawa usaha untuk melahirkan kesedaran untuk membayar zakat di kalangan masyarakat Islam bukanlah satu perkara yang mudah, PPZ-MAIWP juga mengamalkan cara bersama-sama menyebarkan bahan cetak seperti risalah (pamphlet). Cara ini jelas menunjukkan bertambahnya lagi kebaikan di mana pembayar atau bakal pembayar zakat akan menerima bahan cetak itu dalam peti surat mereka tanpa payah ke pejabat PPZ-MAIWP. Jika mereka berminat membuat bayaran maka hanya perlu mengirim kembali borang bersama-sama dengan cek, wang pos atau bank draf menggunakan sampul dialamatkan kepada PPZ-MAIWP yang telah disediakan.

7. Pameran

Bagi menentukan supaya usaha-usaha dakwah berkembang, promosi melalui pengujudan gerai-gerai semasa pamiran juga dilakukan oleh PPZ-MAIWP. Program-program yang diadakan seperti sambutan semasa Konvokesyen, minggu-minggu khas, Hari-hari Terbuka Kementerian dan Hari-hari Sambutan Islam seperti Maulidur Rasul dan lain-lain merupakan tempat perhimpunan ramai yang baik sekali.

8. Seminar Zakat

Seminar-seminar zakat mengenai berbagai isu seperti zakat perniagaan, zakat untuk syarikat-syarikat kerjasama dan siapa pula pembayar-pembayar zakat itu, seminar-seminar ini diadakan dari masa ke semasa bagi memenuhi keperluan-keperluan yang berbeda umpamanya pengurusan kewangan, pengurusan tenaga manusia dan ahli-ahli perniagaan bagi melahirkan kesedaran tentang tanggungjawab terhadap zakat.

9. Hari Penyampaian Maklumat

Usaha untuk mempromosi dan menyebarkan produk-produk zakat kepada orang ramai biasanya dilakukan bersama dengan

Kementerian-kementerian juga badan-badan kerajaan dan swasta. Aktiviti-aktiviti diadakan serentak dengan Hari Terbuka Kementerian, Pesta Konvokesyen, Hari Pelancaran Expo dan lain-lain.

Saluran-Saluran Bayaran Zakat

Sebelum penubuhan PPZ-MAIWP dalam tahun 1991, cara untuk membayar zakat adalah terhad. Bayaran boleh dibuat hanya di kaunter-kaunter zakat tertentu yang menyebabkan rumit untuk membayar zakat. PPZ-MAIWP telah berjaya memperkenalkan berbagai saluran bayaran yang memberi kemudahan kepada bakal-bakal pembayar zakat.

Jelaslah bahawa pengwujudan berbagai saloran untuk pembayar ditambah pula dengan kemudahan-kemudahan pemasaran yang strategik, menambahkan lagi jumlah kutipan dan bayaran. Pemasaran yang strategik dilaksanakan secara berperingkat disusuli dengan penilaian semula atas kesesuaianya mustahak dilakukan sebelum saloran-saloran baru dikenalpasti. Yang demikian adalah menjadi harapan PPZ-MAIWP untuk terus-menerus memperkenal dan memasarkan saluran-saluran baru untuk pembayar-pembayar zakat dengan harapan agar pematuhan dalam menuai tanggungjawab membayar zakat menjadi lebih selesa.

Pendekatan dan perubahan secara menyeluruh dalam rekabentuk organiasasi dan budaya kerja, pertumbuhan ekonomi, keadaan sosial dan budaya yang sesuai, faktor undang-undang, strategi pemasaran yang berjaya dan kewujudan berbagai saluran bayaran zakat telah menghasilkan perubahan-perubahan yang positif dan telah membawa kejayaan dalam meningkatkan jumlah pungutan zakat di Wilayah Persekutuan terutamanya melalui PPZ-MAIWP sebagai organisasi yang bertanggungjawab dalam pemungutan zakat bagi pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Rumusan

Tanpa ragu zakat merupakan satu tiang penting dalam Islam. Ia menguji waraknya seseorang Islam dalam memenuhi suruhan Allah SWT. Sesungguhnya institusi-institusi zakat, sekiranya diurus dengan baik (sejajar dengan kehendak-kehendak Islam) serta dilengkapi peralatan teknologi moden mampu memberi impak besar dalam pengurusan sosio ekonomi umat Islam.

Paling penting institusi zakat memerlukan perubahan-perubahan dalam meningkatkan paradigma merangkumi jenis-jenis zakat seperti zakat pendapatan, zakat saham, zakat perniagaan dan lain-lain harta.. Pungutan zakat juga memerlukan cara dan teknologi baru contohnya dengan menggunakan wahana (medium) baru dan infrastruktur ICT moden, penggunaan rangkaian internet dan pendekatan secara korporat di samping tenaga profesional dalam mentadbir institusi zakat.

Rujukan

- H. Saifullah SA, *Peraturan Perundangan Zakat Di Malaysia*
Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kadir. *Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia : Mengapa Masyarakat Islam tidak Berpuashati*
- Abdul Manir Yaacob, *Kearah Penubuhan Baitulmal Kebangsaan di Malaysia : Isu-isu Berkaitan Perundangan*
- SM Hasanuz Zamin. (1991). *Fungsi Ekonomi Sesebuah Negara Islam: Pengalaman Awal*
- SM Hasanuz Zaman (1991). *Economic Function of an Islamic State: The Early Experience.*
- Ahmad Shahir Mokhtar (2007). *Paradigma Pengurusan Instituti Zakat: Pengalaman Lembaga Zakat Selangor (MAIS)*
- Syawal Kassim. *Pentadbiran Zakat Sebagai Sebuah Institusi Sosial: Dari Perspektif Malaysia*

Syawal Kassim. *Governing Zakat as a Sosial Institution: The Malaysian Perspective*

Laporan Tahunan (2011) PPZ–MAIWP: Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Perlembagaan Kerajaan Persekutuan Malaysia. Nasional Press, Kuala Lumpur.

Mohamed Suffian. (1978). *Perlembagaan Malaysia, Perkembangan Dalam Tempoh 1957- 1977*: Unipress: Kuala Lumpur.

Yusof Ali. *Al-Quran dan Terjemahannya*

Lampiran A: Jumlah Pungutan Zakat Harta dan Fitrah
BAGI TEMPOH 1985 - 1990

BIL	NEGERI	TAHUN				
		1985 (RM)	1986 (RM)	1987 (RM)	1988 (RM)	1989 (RM)
1.	Wilayah Persekutuan	1,879,724	2,298,224	2,910,760	4,173,680	5,334,304
2.	Selangor	733,063	1,137,850	1,335,789	2,228,849	2,438,000
3.	Johor	980,792	1,442,756	1,689,265	2,058,358	2,611,387
4.	Pahang	184,274	426,580	580,855	906,868	721,857
5.	Kedah	1,361,541	1,474,537	1,496,964	1,696,757	2,020,476
6.	Terengganu	592,649	824,981	841,725	1,123,537	1,507,396
7.	Kelantan	935,597	553,417	939,002	862,793	711,114
8.	Perak	690,028	1,201,814	1,681,145	2,272,792	3,523,862
9.	Pulau Pinang	187,648	317,600	389,353	494,962	749,837
10.	Negeri Sembilan	321,597	599,369	652,264	747,739	1,178,375
11.	Perlis	812,043	1,044,820	874,752	1,036,047	876,225
12.	Melaka	170,833	335,989	259,171	559,565	600,257
	JUMLAH:	8,849,789	11,657,937	13,651,945	18,161,947	22,273,090
						28,129,790

Lampiran B: Jumlah Pungutan Zakat Harta Dan Fitrah BAGI TEMPOH 2011 - 2015

Negeri	2015			2014			2013			2012			2011		
	RM	%	RM	%	RM	%	RM								
Selangor	627,220,773	26.9	582,120,552	25.4	517,305,275	23.1	451,325,027	23.5	394,103,904	24.0					
W. Persekutuan	565,830,672	24.2	540,795,062	23.6	492,402,029	22.0	410,411,327	21.3	348,882,925	21.2					
Johor	239,454,953	10.3	211,218,871	9.2	199,328,056	8.9	171,939,397	8.9	137,496,741	8.4					
Pahang	118,082,517	5.1	109,325,106	5.8	115,826,642	5.2	102,875,834	5.4	88,592,218	5.4					
Kedah	134,556,613	5.8	128,939,859	6.6	108,197,891	4.8	106,471,950	5.5	106,084,292	6.5					
Terengganu	128,639,148	5.5	120,120,120	5.2	120,881,661	5.4	107,080,441	5.6	88,274,932	5.4					
Kelantan	-	0.0	133,321,295	6.8	134,150,726	6.0	113,163,004	5.9	94,083,475	5.7					
Perak	132,584,966	5.7	114,588,532	5.0	109,825,143	4.9	99,577,582	5.2	86,113,585	5.2					
P. Pinang	98,883,208	4.2	87,935,987	3.8	84,981,280	3.8	76,501,447	4.0	62,281,170	3.8					
N. Sembilan	94,420,490	4.0	88,200,428	3.8	74,763,585	3.3	65,352,483	3.4	57,917,702	3.5					
Sarawak	68,573,996	2.9	67,319,511	2.9	69,462,067	3.1	46,342,106	2.4	44,126,087	2.7					
Perlis	-	0.0	-	0.0	113,681,495	5.1	78,912,426	4.1	61,367,147	3.7					
Melaka	65,967,051	2.8	58,280,964	2.5	53,106,623	2.4	43,980,976	2.3	37,930,757	2.3					
Sabah	61,795,695	2.6	52,829,145	2.3	49,211,488	2.2	48,929,401	2.5	33,891,152	2.2					

Menelusuri ISU-ISU KONTEMPORARI ZAKAT



PUSAT PUNGUTAN ZAKAT
Wisma PPZ, 68-1-6,
Dataran Shamelin, Jalan 4/91,
Taman Shamelin Perkasa,
56100 Kuala Lumpur
www.zakat.com.my

ISBN 978-967-14685-0-0

9 789671 468500